



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,  
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

**SOALAN BERTULIS DAN  
JAWAPAN**

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KETIGA BELAS**

| <b>Kandungan</b>   | <b>Muka Surat</b> |
|--|-------------------|
| Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman)                     | 3 - 26            |
| Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) | 26 - 42           |
| Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tee Yee Cheu)                                | 42 - 72           |
| Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Auterapady)                   | 73 - 76           |
| Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)                               | 76 - 101          |
| Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Abd Hamid)          | 101 - 119         |
| Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)  | 119 - 136         |
| Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)                                       | 136 - 151         |
| Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa)              | 151 - 169         |
| Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)           | 169 - 185         |
| Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)                               | 185 - 197         |

**SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN BERTULIS DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI**

**I. Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Tong Sampah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP):
  - (a). Sila senaraikan lokasi tapak tong sampah milik MPSP di seluruh Parlimen Kepala Batas. Pecahkan mengikut DUN dan jumlah tong.
  - (b). Adakah pihak MPSP sentiasa memantau tapak tersebut sama ada sentiasa bersih?
  - (c). Apakah perlu diletakkan tong yang lebih besar di sesetengah kawasan bagi menampung sampah yang banyak?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. (a) Jumlah tapak lokasi tong sampah milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di seluruh Parlimen Kepala Batas ialah sebanyak 60 tapak iaitu 38 di DUN Penaga, 7 di DUN Bertam dan 15 di DUN Pinang Tunggal. Penyediaan tong sampah di keseluruhan tapak lokasi ialah sebanyak 133 buah iaitu 68 di DUN Penaga, 15 di DUN Bertam dan 50 di DUN Pinang Tunggal.

Senarai tapak lokasi tong sampah dan jumlah tong sampah yang disediakan oleh MPSP di Parlimen Kepala Batas mengikut kawasan DUN adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Pihak MPSP sentiasa memantau keadaan persekitaran tapak lokasi tong sampah dengan menempatkan seorang penyelia kebersihan di setiap kawasan operasi MPSP. Selain itu, pihak MPSP juga melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan persekitaran tapak lokasi tong sampah dalam keadaan yang bersih melalui perkara-perkara berikut:
  - (i) Kutipan dari tapak lokasi tong sampah dilakukan pada setiap hari.
  - (ii) Promosi kesedaran kebersihan dikalangan orang awam juga dilakukan agar mereka lebih berhemah ketika membuang sampah di tong sampah komunal ditepi jalan.
  - (iii) Projek pengindahan di tapak lokasi tong sampah juga dilaksanakan secara berkala bagi mewujudkan persekitaran tapak tong sampah yang bersih, dan
  - (iv) Membudayakan amalan menjaga kebersihan dikalangan orang awam supaya menjadi amalan hidup harian mereka.
- (c) Memandangkan pihak Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bermula 1 Jun 2016 sebagai salah satu inisiatif untuk mengurangkan sampah, maka pihak MPSP merasakan tidak perlu untuk menyediakan tong sampah yang lebih besar dimana-mana kawasan.

**RUJ. LAMPIRAN A BHSNO NO. 1.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Naiktaraf Perparitan di Jalan Perak Permatang Bertam:
  - (a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang menaiktaraf parit berkenaan bermula Pekan Kepala Batas ke Pajak Song setelah satu lawatan pada tahun 2013?
  - (b) Berapakah kos yang diperlukan dan nyatakan dari manakah sumber?
  - (c) Mengapakah perlu mengambil masa yang lama? Nyatakan sebab secara terperinci.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. (a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menaiktaraf parit di Jalan Perak Permatang Bertam kerana kapasiti parit sedia ada masih mencukupi. Untuk itu, perkara (b) dan (c) adalah tidak berbangkit.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Pembaikan Rumah (Zakat Pulau Pinang):
- (a) Sila senaraikan jumlah penerima pembaikan rumah di dalam DUN Bertam bermula tahun 2013 lengkap dengan nama, alamat dan kos.
  - (b) Apakah syarat kelayakan yang perlu bagi setiap permohonan?
  - (c) Nyatakan peratusan permohonan dan rumah yang telah siap dibaiki.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. (a) Terdapat seramai 24 penerima bantuan zakat pembaikan rumah di kawasan DUN Bertam bermula tahun 2013 hingga 2017. Senarai nama, alamat dan kos penerima bantuan ini adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Syarat kelayakan permohonan bantuan zakat pembaikan rumah adalah seperti berikut :-
- (i) Memenuhi syarat-syarat umum bantuan zakat;
  - (ii) Pemohon / ketua keluarga mestilah pemastautin dan menetap sekurang-kurangnya 5 tahun di Negeri Pulau Pinang. Bagi kes-kes yang kurang dari 5 tahun, syarat-syarat berikut mestilah dipatuhi :-
    - (a) Ibu / bapa pemohon berasal dari Pulau Pinang.
    - (b) Pemohon lahir di Pulau Pinang.
    - (c) Rumah yang diduduki pemohon mestilah hak milik sendiri
  - (iii) Pemohon tidak memiliki rumah lain;
  - (iv) Pendapatan seisi keluarga tidak melebihi RM1,200.00 sebulan;
  - (v) Pemohon mestilah tinggal di atas tanah sendiri atau mendapat kebenaran bertulis (surat sumpah) daripada pemilik atau pemilik-pemilik tanah berkenaan yang diperakui oleh pesuruh jaya sumpah;
  - (vi) Sekiranya tanah dimiliki secara berkongsi ramai, pemohon mestilah mendapatkan persetujuan bersumpah kesemua pemilik tersebut;
  - (vii) Sekiranya pemilik tanah tidak dapat dikenal pasti, pemohon mestilah mendapat sokongan daripada pihak kariah;
  - (viii) Rumah yang hendak dibaiki mestilah dimiliki pemohon dan merupakan tempat pemohon tinggal dan bukannya disewakan;
  - (ix) Permohonan mestilah dikemukakan bersama-sama dengan bukti pemilikan tanah seperti hak milik tanah dan sebagainya.
  - (x) Bagi kes rumah terbengkalai :-
    - (a) Sekiranya rumah tersebut dibina oleh pemaju perumahan, permohonan tidak dapat dipertimbangkan.
    - (b) Pembinaan rumah di luar kemampuan serta melebihi keperluan tidak akan dipertimbangkan
    - (c) Bagi kes rumah pangsa, tanggungjawab pembaikan akan menjadi tanggungjawab pemaju.
  - (xi) Had umur 35 tahun dan ke atas kecuali OKU atau berpenyakit kritikal;
  - (xii) Mempunyai tanggungan sekurang-kurangnya 3 orang ( 4 orang isi rumah);
  - (xiii) Pemohon yang mempunyai kenderaan yang selesa atau masih membayar ansuran kenderaan melebihi RM250 sebulan tidak layak dipertimbangkan bantuan ini;

- (xiv) Pemohon yang mampu melanggan astro dengan pakej yang mahal / mempunyai alat penghawa dingin tidak layak dipertimbangkan;
  - (xv) Zakat Pulau Pinang berhak menolak permohonan daripada pemohon yang mempunyai imej negatif di kalangan jiran-jiran dan penduduk setempat.; dan
  - (xvi) Zakat Pulau Pinang berhak menolak permohonan pemohon yang telah memiliki rumah yang lain.
- (c) Bagi tahun 2013 – 2017, Zakat Pulau Pinang telah menerima 51 permohonan bantuan zakat pembaikan rumah dari kawasan DUN Bertam. Dari jumlah tersebut, 24 buah rumah ( 47% ) telah siap, 11 buah rumah ( 22% ) sedang dalam proses pembaikan dan 16 permohonan ( 31% ) ditolak.

**RUJ. LAMPIRAN A BHS AO NO. 3.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Pembangunan Institusi Huffaz:
- (a) Berapakah jumlah Sekolah Tahfiz di Negeri Pulau Pinang? Senaraikan Nama dan jumlah pelajar mengikut daerah.
  - (b) Apakah akan ada penambahan Sekolah Tahfiz? Jika ada nyatakan tempat dan kos?
  - (c) Berapakah peruntukan yang disalurkan kepada Sekolah Tahfiz berkenaan sejak 2013? Pecahkan antara peruntukan Negeri dan Persekutuan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. (a) Terdapat 59 buah sekolah agama tahfiz di Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, 44 buah telah didaftarkan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), manakala 15 buah lagi masih belum berdaftar. Senarai sekolah agama tahfiz adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Buat masa ini, Maahad Tahfiz dimiliki oleh pihak persendirian dan pertubuhan. Kerajaan Negeri, khususnya Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) melalui Kolej Islam Antarabangsa (KITAB) menawarkan Pengajian Diploma Tahfiz. Selaras dengan matlamat "Sebuah Keluarga Seorang Tahfiz," Kerajaan Negeri mengalu-alukan penubuhan Maahad Tahfiz yang mengikut garis panduan yang ditetapkan pihak berkuasa negeri.
- (c) Peruntukan kepada sekolah agama tahfiz tidak disalurkan secara tetap bagi semua sekolah. Peruntukan disalurkan berdasarkan kepada permohonan dan keperluan sekolah yang berkenaan. Jumlah peruntukan dari tahun 2013 hingga 2017 yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah seperti jadual berikut:-

| BIL           | TAHUN | JUMLAH BANTUAN KERAJAAN NEGERI (RM) | JUMLAH BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM) |
|---------------|-------|-------------------------------------|--|
| 1             | 2013  | 352,500                             | -  |
| 2             | 2014  | 425,500                             | -  |
| 3             | 2015  | 409,600                             | -  |
| 4             | 2016  | 432,975                             | -  |
| 5             | 2017  | 461,675                             | 1,273,340                                |
| <b>JUMLAH</b> |       | <b>2,082,250</b>                    | <b>1,273,340</b>                         |

**RUJ. LAMPIRAN A BHS AO NO. 4.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Bantuan Peralatan Nelayan:
- (a) Adakah Kerajaan Negeri ada menyalurkan bantuan peralatan untuk nelayan di DUN Bertam? Jika ada senaraikan jenis peralatan dan kos.
  - (b) Apakah semua nelayan yang berdaftar mendapat pukat percuma? Jika ada senaraikan nama dan tarikh penyerahan.
  - (c) Adakah masih ada yang tercicir? Jika ada, apakah sebabnya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. (a) Setakat ini, Kerajaan Negeri hanya menyalurkan bantuan peralatan kepada nelayan pesisir pantai. Semakan mendapati, tiada jeti nelayan pesisir pantai di DUN Bertam. Pada masa ini, Kerajaan Negeri memberikan bantuan peralatan kepada jeti-jeti nelayan pesisir pantai di Daerah Seberang Perai Utara yang merujuk kepada Pangkalan Kuala Muda, Pangkalan Penaga, Pangkalan Bakau Tua, Pangkalan Sungai Tembus, Pangkalan Teluk Air Tawar, Pangkalan Bagan Ayam, Pangkalan Bagan Dalam, Pangkalan Bagan Jermal dan Pangkalan Hujung Batu. Jenis peralatan yang diberikan dan kos terlibat adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Nelayan pesisir pantai yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri layak mendapat bantuan peralatan percuma. Senarai nama nelayan tersebut di **Lampiran A**. Majlis penyerahan peralatan ini telah diadakan pada 1 Julai 2016
- (c) Tidak dinafikan terdapat nelayan yang tercicir dalam bantuan pukat tersebut. Masalah ini terjadi kerana nelayan-nelayan berkenaan tidak mengembalikan borang bancian nelayan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Koperasi Perdasama.

**RUJ. LAMPIRAN A BHSNO NO. 5.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Penguatkuasaan Larangan Merokok :
- (a) Nyatakan kawasan manakah yang digazet sebagai kawasan larangan merokok? Senaraikan mengikut pecahan DUN.
  - (b) Apakah ada kempen yang meluas tentang bahayanya merokok? Senaraikan nama kempen beserta tarikh dan tempat.
  - (c) Apakah jenis hukuman yang dikenakan kepada rakyat yang melanggar larangan tersebut? Sila senarai jumlah hukuman.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. (a) Secara amnya terdapat dua (2) peraturan dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 (Pindaan 2017) yang menyatakan tentang kawasan larangan merokok iaitu Peraturan 11(1) dan Peraturan 22.

Peraturan 11(1), PPKHT 2004 (Pindaan 2017) menyenaraikan kawasan-kawasan umum yang dilarang merokok seperti berikut:-

- (i) Pusat hiburan atau teater kecuali pub, disko, kelab malam atau kasino;
- (ii) Hospital atau klinik;
- (iii) Lif atau tandas awam;
- (iv) Tempat makan atau kedai berhawa dingin;
- (v) Kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam;
- (vi) Lapangan Terbang;
- (vii) Premis kerajaan;

- (viii) Aktiviti perhimpunan di dalam suatu bangunan dan bukan bangunan kediaman atau persendirian atau mana-mana tempat awam;
- (ix) Institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;
- (x) Kawasan taman asuhan kanak-kanak;
- (xi) Bas sekolah;
- (xii) Mana-mana tingkat yang mempunyai kaunter perkhidmatan di dalam bangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (xiii) Kompleks membeli-belah;
- (xiv) Stesen minyak;
- (xv) Stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium;
- (xvi) Kawasan bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan;
- (xvii) Perpustakaan;
- (xviii) Kafe internet;
- (xix) Tempat latihan khidmat Negara;
- (xx) Tempat kerja berhawa dingin dengan sistem hawa dingin berpusat;
- (xxi) Bangunan atau tempat permainan kanak-kanak atau taman, termasuk lingkungan tiga (3) meter daripada sempadan tempat itu, di kawasan rehat dan rawat;
- (xxii) Taman awam kecuali tempat meletak kereta; dan
- (xxiii) Taman Negara: menara cerapan, tapak perkhemahan, titian kanopi dan lima meter laluan keluar dan masuk titian kanopi.

Manakala Peraturan 22, PPKHT 2004 (Pindaan 2017), menyatakan bahawa Menteri Kesihatan boleh melarang merokok dalam sesuatu bangunan, premis atau tempat. Sehubungan itu, terdapat tujuh (7) kawasan yang telah diwartakan di negeri Pulau Pinang di bawah Peraturan 22, PPKHT 2004 (Pindaan 2017) mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti berikut:-

- (i) Georgetown World Heritage Site : DUN PADANG KOTA, DUN PENGKALAN KOTA & DUN KOMTAR;
  - (ii) Taman Botani : DUN KEBUN BUNGA;
  - (iii) Taman Belia Perbandaran : DUN KEBUN BUNGA ;
  - (iv) Empangan Teluk Bahang : DUN TELOK BAHANG;
  - (v) Empangan Air Itam : DUN AIR ITAM;
  - (vi) Taman Bandar Ampang Jajar : DUN PERMATANG PASIR; dan
  - (vii) Empangan Mengkuang : DUN BERAPIT
- (b) Kempen-kempen tentang bahaya rokok yang telah dijalankan di Negeri Pulau Pinang dari Januari hingga September 2017 adalah seperti berikut:-
- (i) Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2017 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 13 Mei 2017 di Design Village Outlet Mall, Bandar Cassia Pulau Pinang;
  - (ii) Pameran Rokok pada 30 September 2017 di Stadium Olahraga Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dan pada 1hb Oktober 2017 di Dataran Astaka Stesen Atas Bukit Bendera, Pulau Pinang;

- (iii) Program “I Want Sihat” bersama Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) pada 13 Mei 2017 di Pasar Awam Balik Pulau;
  - (iv) Program Tak Nak Merokok/Nafas Baru Bulan Ramadhan pada 6 Mei 2017 di Klinik Kesihatan Seberang Jaya;
  - (v) Pameran “Quit Smoking” dan Klinik Berhenti Merokok pada 19 Ogos 2017 di SMK Bandar Baru Perda, 7 Oktober 2017 di SMK Tun Hussein Onn dan 11 Oktober 2017 di UiTM Permatang Pauh; dan
  - (vi) Pelancaran Program “I’m Free” peringkat kebangsaan (mempromosi Generasi Bebas Asap Rokok) pada 6 Oktober 2017 di Sekolah Kebangsaan Sungai Pinang, Balik Pulau.
- (c) Jenis hukuman bagi kesalahan merokok di kawasan-kawasan larangan merokok adalah:-
- (i) Kompaun dengan separuh daripada nilai denda yang ditawarkan iaitu RM5000. Namun, penasihat undang-undang Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan tawaran kompaun bagi semua negeri adalah RM250.00; dan
  - (ii) Denda jika sabit kesalahan adalah tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Sebanyak 1,297 kompaun dengan nilai denda berjumlah RM184,680.00 dan sebanyak 161 kes mahkamah dengan nilai denda berjumlah RM68,460.00 telah direkodkan di Negeri Pulau Pinang dari Januari hingga September 2017 bagi pelbagai kesalahan melibatkan PPKHT 2004 (Pindaan 2017). Perincian adalah seperti di **Lampiran A**.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BHSOA NO. 6.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Kilang-kilang Haram :
- (a) Adakah pihak MPSP mengenalpasti kilang haram yang wujud di Parlimen Kepala Batas? Jika ada, senaraikan mengikut DUN.
  - (b) Apakah tindakan yang dikenakan kepada kilang yang didapati beroperasi secara haram?
  - (c) Berapakah kilang yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 di Pulau Pinang? Senaraikan nama mengikut DUN.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. (a) Jumlah keseluruhan kilang haram yang dikenal pasti di Parlimen Kepala Batas adalah sebanyak 64 buah iaitu dua (2) buah di DUN Penaga, tiga (3) buah di DUN Bertam dan 59 buah kilang haram di DUN Pinang Tunggal. Senarai terperinci adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Tindakan yang boleh diambil ke atas kilang yang didapati beroperasi secara haram adalah seperti berikut :-
- (i) Mengeluarkan Tawaran Mengkompaun Kesalahan Kerana Menjalankan Aktiviti Perniagaan Tanpa Lesen dari Pihak Berkuasa Tempatan.
  - (ii) Mengeluarkan Notis Mengkehendaki Aktiviti Perniagaan Dihentikan Kerana Menjalankan Aktiviti Perniagaan Tanpa Lesen dari MPSP.
  - (iii) Dikenakan tindakan mahkamah jika tidak menjelaskan tawaran kompaun kesalahan dan gagal mematuhi kehendak notis.
  - (iv) Mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran sekiranya kilang tersebut dibina tanpa kelulusan.
- (c) Sehingga 9 Oktober 2017, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah merekodkan sebanyak 90 premis yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di negeri Pulau Pinang. Sebanyak 36 premis telah dikompaun, 48 premis telah diberikan notis arahan dan 6 premis telah dikenakan tindakan mahkamah.



Statistik kilang-kilang yang dikompaun, diberi notis arahan dan didakwa ke mahkamah mengikut daerah bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

| DAERAH                 | BILANGAN PREMIS |              |                   |
|------------------------|-----------------|--------------|-------------------|
|                        | DIKOMPAUN       | NOTIS ARAHAN | TINDAKAN MAHKAMAH |
| Seberang Perai Selatan | 2               | 3            | 0                 |
| Seberang Perai Tengah  | 4               | 17           | 1                 |
| Seberang Perai Utara   | 12              | 15           | 1                 |
| Barat Daya             | 16              | 13           | 4                 |
| Timur Laut             | 2               | 0            | 0                 |
| <b>JUMLAH</b>          | <b>36</b>       | <b>48</b>    | <b>6</b>          |

Mengikut Seksyen 50 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, berkaitan perahsiaan, nama syarikat yang melanggar peraturan tidak boleh diumumkan kepada orang ramai.

**RUJ. LAMPIRAN A BHSNO NO. 7.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Gelanggang Futsal Belia :

- (a) Sila senaraikan jumlah gelanggang futsal di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut DUN.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan bagi pembinaan gelanggang tersebut. Sila pecahkan peruntukan persekutuan dan negeri?
- (c) Jika ada yang ingin memohon, bagaimanakah prosedur dan cara permohonan boleh dibuat?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. (a) Jumlah gelanggang futsal di Pulau Pinang adalah sebanyak 26. Perincian mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM 1.5 juta setahun bagi projek pembinaan Gelanggang Futsal di semua daerah di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri tidak menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan khusus untuk pembinaan gelanggang futsal. Pecahan peruntukan persekutuan dan negeri adalah seperti di **Lampiran A**.
- (c) ADUN / Ahli Parlimen atau Pegawai Penyelaras KADUN boleh mencadangkan permohonan pembinaan gelanggang futsal di kawasan DUN masing-masing setelah mengenal pasti lokasi yang bersesuaian. Permohonan tersebut perlu dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk tindakan semakan dan penyelarasan dan seterusnya Pejabat Daerah dan Tanah akan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk kelulusan. Projek akan dilaksanakan setelah mendapat surat kelulusan dan waran peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

**RUJ. LAMPIRAN A BHSNO NO. 8.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Perkhidmatan Veterinar :

- (a) Sila nyatakan bilangan doktor veterinar yang bertauliah di sektor awam dan swasta mengikut daerah.
- (b) Adakah bilangan doktor tersebut mencukupi untuk menangani penyakit berjangkit seperti anjing gila?
- (c) Berapakah jumlah kes anjing gila yang dilaporkan dan apakah dapat diatasi? Senaraikan mengikut daerah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. (a) Secara keseluruhannya, terdapat 34 orang doktor bertauliah di dalam Perkhidmatan Veterinar iaitu 6 orang di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dimana 5 orang ditempatkan di Seberang Perai dan seorang di bahagian Pulau. Terdapat seramai 28 orang doktor veterinar bertauliah di sektor swasta.
- (b) Sememangnya 34 orang doktor veterinar adalah bilangan yang rendah dan tidak mencukupi untuk menangani wabak penyakit sekiranya berlaku serentak di seluruh Negeri Pulau Pinang. Di samping kerja-kerja klinikal sedia ada, doktor veterinar ini juga menjalankan kerja-kerja teknikal dalam 33 disiplin utama termasuk khidmat nasihat pengembangan veterinar, komunikasi awam, perundingan penyakit, daya jejak pelesenan, pemvaksinan, kebenaran import eksport, persijilan, pemeriksaan makanan haiwan, pemeriksaan biologik, pemeriksaan premis, audit persijilan, surveilan, pemeriksaan daging, kuarantin penyakit, pampasan, perubatan dan lain-lain.
- (c) Tiada kes anjing gila dilaporkan pada tahun 2016 dan 2017 di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sebanyak empat (4) kes anjing gila dilaporkan pada tahun 2015. Pecahan kes mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Daerah               | Bilangan Kes |
|----------------------|--------------|
| Seberang Perai Utara | 2            |
| Barat Daya           | 2            |
| <b>Jumlah</b>        | <b>4</b>     |

Kes anjing gila yang berlaku pada tahun 2015 telah dapat diatasi dengan cemerlang mengikut perancangan strategik dan prosedur kawalan dan pencegahan penyakit *Rabies* oleh semua agensi yang terlibat.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Pendaftaran Pernikahan :
- (a) Berapakah kes permohonan perkahwinan bawah umur sejak 2013-2017? Sila senaraikan mengikut daerah.
- (b) Berapakah pendaftaran pernikahan di luar negara? Pecahkan mengikut daerah.
- (c) Senaraikan jumlah pendaftaran pernikahan dengan warga luar negara mengikut daerah. Apakah prosedur yang perlu diikuti dan berapa tempoh masa kelulusan bagi setiap permohonan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. (a) Berdasarkan statistik daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), sebanyak 85 kes permohonan perkahwinan bawah umur iaitu 18 tahun ke bawah telah direkodkan sejak tahun 2013 hingga 2017. Pecahan kes mengikut daerah adalah seperti berikut :

| DAERAH        | TAHUN     |           |           |           |                                       |
|---------------|-----------|-----------|-----------|-----------|---------------------------------------|
|               | 2013      | 2014      | 2015      | 2016      | 2017<br>(sehingga 19 Oktober<br>2017) |
| Timur Laut    | 4         | 2         | 1         | 6         | 2                                     |
| Barat Daya    | 12        | 3         | 1         | 6         | 1                                     |
| SPT           | 4         | 5         | 3         | 8         | 6                                     |
| SPU           | 1         | 3         | 5         | 4         | 3                                     |
| SPS           | 2         | 0         | 0         | 1         | 2                                     |
| <b>JUMLAH</b> | <b>23</b> | <b>13</b> | <b>10</b> | <b>25</b> | <b>14</b>                             |

- (b) Statistik perangkaan daripada JHEAIPP menunjukkan terdapat seramai 641 pendaftaran perkahwinan di luar negara telah direkodkan bagi tempoh 2014 hingga Oktober 2017. Pecahan pendaftaran perkahwinan di luar negara mengikut daerah adalah seperti berikut:

| ERAH               | TAHUN      |            |            |                                    |
|--------------------|------------|------------|------------|------------------------------------|
|                    | 2014       | 2015       | 2016       | 2017<br>(sehingga 13 Oktober 2017) |
| Timur Laut         | 84         | 79         | 42         | 19                                 |
| Barat Daya         | 37         | 65         | 36         | 19                                 |
| SPU (Kepala Batas) | 10         | 12         | 8          | 3                                  |
| SPU (Butterworth)  | 16         | 12         | 15         | 5                                  |
| SPT                | 40         | 46         | 30         | 11                                 |
| SPS                | 21         | 16         | 9          | 6                                  |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>208</b> | <b>230</b> | <b>140</b> | <b>63</b>                          |

- (c) Terdapat sebanyak 195 pendaftaran pernikahan dengan warga luar negara telah direkodkan oleh JHEAIPP bagi tahun 2014 hingga 2017. Walau bagaimanapun, JHEAIPP tidak dapat mengeluarkan data perkahwinan dengan warga luar negara mengikut daerah. Perincian adalah seperti berikut :

| NEGARA/TAHUN             | 2014      | 2015      | 2016      | 2017      |
|--------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| <b>Brunei Darussalam</b> | -         | -         | 3         | 1         |
| <b>Indonesia</b>         | 15        | 32        | 17        | <b>25</b> |
| <b>India</b>             | 5         | 3         | -         | 4         |
| <b>Ireland</b>           | -         | -         | -         | 1         |
| <b>Filipina</b>          | -         | -         | -         | 1         |
| <b>Singapura</b>         | -         | -         | -         | 1         |
| <b>Thailand</b>          | 36        | 28        | 12        | 7         |
| <b>Australia</b>         | -         | -         | 1         | -         |
| <b>United Kingdom</b>    | -         | -         | 1         | -         |
| <b>Yemen</b>             | -         | -         | 1         | -         |
| <b>Sudan</b>             | -         | 1         | -         | -         |
| <b>JUMLAH</b>            | <b>56</b> | <b>64</b> | <b>35</b> | <b>40</b> |

Prosedur yang perlu diikuti bagi perkahwinan dengan warga luar negara dan tempoh masa kelulusan adalah seperti berikut:

**(A) Prosedur Permohonan Berkahwin Warganegara dengan Warga Luar Negara di Pulau Pinang**

- (i) Pemohon Warganegara hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan sekiranya lengkap, kebenaran kahwin akan diberikan dalam tempoh 7 hari bekerja. Sah laku kebenaran kahwin tersebut adalah 90 hari dari tarikh ia dikeluarkan.

- (ii) Pemohon Bukan Warganegara dikategorikan kepada dua iaitu:-
  - (a) Pemohon tersebut berada di Pulau Pinang dengan memegang sebarang Pas Imigresen, dibenarkan berkahwin tertakluk kepada sokongan kedutaan negara mereka di Malaysia dan Wisma Putra. Manakala pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) tidak dibenarkan berkahwin sama sekali.
  - (b) Pemohon tersebut berada di negara mereka dan memohon untuk berkahwin di Malaysia tertakluk kepada sokongan pihak berkuasa negara tersebut serta disahkan oleh kedutaan negara mereka di Malaysia dan Wisma Putra.

**(B) Prosedur Permohonan Berkahwin Warganegara dengan Warga Luar Negara di Luar Negara**

- (i) Pemohon Warganegara hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan sekiranya lengkap, kebenaran kahwin akan diberikan dalam tempoh 7 hari bekerja. Sah laku kebenaran kahwin tersebut adalah 90 hari dari tarikh ia dikeluarkan.
- (ii) Kebenaran kahwin tersebut akan diserahkan kepada Pasangan Pemohon (Warga Luar Negara) dan proses akad nikah akan dilangsungkan, tertakluk kepada peraturan negara tersebut.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Rumah Warga Emas:
- (a) Berapakah jumlah rumah warga emas yang terdapat di Negeri Pulau Pinang? Pecahkan nama, alamat dan bilangan penghuni mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN).
  - (b) Apakah semua rumah warga emas tersebut mendapat pembiayaan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri? Jika ya, nyatakan jumlah peruntukan.
  - (c) Apakah ada perancangan untuk menambah rumah warga emas?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. (a) Pada masa ini, jumlah keseluruhan pusat jagaan warga tua di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 61 buah. Setakat ini, jumlah keseluruhan warga tua yang tinggal di pusat jagaan adalah seramai 1,799 orang. Namun, masih terdapat beberapa pengusaha pusat jagaan tidak berdaftar yang enggan memberikan maklumat jumlah penghuni kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Senarai Pusat Jagaan Warga Emas mengikut kategori nama, alamat, daftar atau tidak berdaftar, milik NGO atau swasta, kapasiti dan pecahan KADUN adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Terdapat lima (5) buah pusat jagaan warga emas yang pernah menerima pembiayaan secara *one-off* daripada Kerajaan Persekutuan dan empat (4) buah pusat jagaan warga emas yang pernah menerima pembiayaan secara *one-off* Kerajaan Negeri. Perincian jumlah pembiayaan adalah seperti berikut:

**KERAJAAN PERSEKUTUAN**

| BIL | NAMA RUMAH WARGA EMAS/PUSAT JAGAAN | JUMLAH PEMBIAYAAN (RM) |
|-----|------------------------------------|------------------------|
| 1.  | Rumah Orang Tua Uzur Pulau Pinang  | 200,000.00             |
| 2.  | Pusat Penjagaan Orang Tua Xin Fu   | 49,000.00              |

| BIL                                  | NAMA RUMAH WARGA EMAS/PUSAT JAGAAN                    | JUMLAH PEMBIAYAAN (RM) |
|--------------------------------------|---|------------------------|
| 3.                                   | The Penang Buddhist Association Senior Citizen's Home | 43,800.00              |
| 4.                                   | Rumah Orang Tua Jubli Perak                           | 46,700.00              |
| 5.                                   | Pusat Aktiviti Warga Emas Barat Daya                  | 5,000.00               |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN PEMBIAYAAN</b> |   | <b>344,500.00</b>      |

#### KERAJAAN NEGERI

| BIL                                  | NAMA RUMAH WARGA EMAS/PUSAT JAGAAN                    | JUMLAH PEMBIAYAAN (RM) |
|--------------------------------------|---|------------------------|
| 1.                                   | Rumah Orang Tua Jubli Perak                           | 521,000.00             |
| 2.                                   | The Penang Home For The Infirm and Aged               | 440,000.00             |
| 3.                                   | Little Sisters of the Poor                            | 72,000.00              |
| 4.                                   | The Penang Buddhist Association Senior Citizen's Home | 1,000.00               |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN PEMBIAYAAN</b> |   | <b>1,034,000.00</b>    |

- (c) Setakat ini, Kerajaan Negeri melalui JKM tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menambah rumah warga emas di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan dalam proses membina dan menyiapkan Kompleks Penyayang Sinar Kasih di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan dan dijangka akan siap pada bulan Februari 2019 yang dapat menampung 200 orang warga emas.

#### RUJ. LAMPIRAN A BHSNO NO. 11.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Gerai Milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP):
- Berapakah jumlah gerai yang dibawah seliaan Milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)? Senarai nama dan tempat mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN).
  - Adakah semua gerai tersebut disewa sepenuhnya? Senaraikan jumlah yang sudah disewa dan belum disewa.
  - Berapakah kos sewaan yang dikenakan kepada penyewa? Senaraikan secara terperinci..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. (a) Jumlah keseluruhan gerai di bawah seliaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah sebanyak 1,473 unit iaitu 582 unit di Seberang Perai Utara (SPU), 783 unit di Seberang Perai Tengah (SPT) dan 108 unit di Seberang Perai Selatan (SPS). Senarai gerai mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Jumlah keseluruhan gerai yang disewakan ialah sebanyak 1,414 unit. Senarai gerai yang telah disewakan dan belum disewakan ialah seperti di **Lampiran A**.
- (c) Purata kos sewaan bagi setiap unit gerai adalah di antara RM300 hingga RM240 sebulan tertakluk kepada beberapa kriteria. Perincian kos sewaan yang dikenakan ke atas penyewa adalah seperti di **Lampiran A**.

#### RUJ. LAMPIRAN A BHSNO NO. 12.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Perumahan di Pulau Pinang:

- (a) Berapakah projek perumahan yang dibangunkan di Pulau Pinang? Sila pecahkan mengikut projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.
- (b) Nyatakan jumlah pemohon sejak 2013 hingga 31 Oktober 2017. Senaraikan nama mengikut DUN.
- (c) Berapakah permohonan yang gagal daripada penduduk DUN Bertam? Nyatakan sebab ditolak.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. (a) Sebanyak **104** projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (OC)/Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) melibatkan penyediaan sebanyak **24,227** Rumah Mampu Milik (RMM) A dan B dari tahun 2008 hingga 2017. Selain itu, terdapat **39** projek sedang dibina pada masa ini yang mana bakal menyediakan sejumlah **17,686** unit RMM A, B dan C. Pada masa ini juga, Kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju swasta (berdasarkan Kebenaran Merancang) sedang membuat perancangan untuk melaksanakan sebanyak **35** projek lagi yang bakal menyediakan sejumlah **32,248** unit RMM A, B dan C kepada rakyat Pulau Pinang. Bilangan projek dan unit RMM yang telah, sedang dan akan dibina mengikut daerah adalah seperti di jadual berikut:-

| Bil. | Daerah                 | Projek Siap |               | Sedang Dibina |               | Perancangan |               |
|------|------------------------|-------------|---------------|---------------|---------------|-------------|---------------|
|      |                        | Projek      | Unit          | Projek        | Unit          | Projek      | Unit          |
| 1.   | Timur Laut             | 28          | 10,595        | 12            | 8,685         | 11          | 8,142         |
| 2.   | Barat Daya             | 17          | 4,623         | 12            | 5,373         | 7           | 3,314         |
| 3.   | Seberang Perai Utara   | 20          | 4,162         | 4             | 1,679         | 3           | 3,095         |
| 4.   | Seberang Perai Tengah  | 24          | 3,515         | 4             | 557           | 11          | 5,396         |
| 5.   | Seberang Perai Selatan | 15          | 1,332         | 7             | 1,392         | 3           | 12,301        |
|      | <b>JUMLAH</b>          | <b>104</b>  | <b>24,227</b> | <b>39</b>     | <b>17,686</b> | <b>35</b>   | <b>32,248</b> |

- (b) Sebanyak **50,612** permohonan unit RMM diterima bagi tempoh 2013 hingga September 2017. Permohonan paling tinggi direkodkan daripada tiga KADUN iaitu Bayan Lepas iaitu seramai 3,504 pemohon (6.92%), Paya Terubong 3,046 pemohon (6.02%) dan Air Itam 2,286 pemohon (4.52%). Senarai jumlah permohonan mengikut KADUN untuk tempoh 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (c) Kerajaan Negeri pada masa ini tidak merekodkan jumlah pemohon RMM yang gagal. Berdasarkan prosedur standard, hanya borang permohonan yang mematuhi syarat kelayakan dan menyertakan dokumen sokongan yang lengkap akan dikunci masuk ke dalam Sistem Maklumat Perumahan. Permohonan ini seterusnya akan dikategorikan sebagai 'Senarai Menunggu' sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC). Borang-borang permohonan yang tidak lengkap pula akan segera dikembalikan kepada pemohon untuk dibuat pembetulan. Selain itu, petugas-petugas yang berkhidmat di kaunter Bahagian Perumahan juga sentiasa bersedia untuk membantu pemohon sekiranya memerlukan nasihat berkaitan kaedah mengisi borang permohonan, penjelasan mengenai had dan kelayakan pemohon untuk sesuatu jenis RMM atau pun status dan lokasi projek-projek RMM yang sedang dan akan dilaksanakan.

Semakan status permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui laman sesawang [erumah.penang.gov.my](http://erumah.penang.gov.my).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Hari Sukan Negara:

- (a) Apakah Kerajaan Negeri juga mengadakan program dan aktiviti sempena Hari Sukan Negara? Senaraikan nama program beserta tarikh dan tempat sejak diperkenalkan.
- (b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri yang dibelanjakan? Senaraikan mengikut tahun
- (c) Adakah Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan khas? Sila nyatakan jumlah dan pecahan program.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. (a) Hari Sukan Negara merupakan sebuah agenda nasional yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2015. Hari Sukan Negara adalah bertujuan untuk merealisasikan hasrat dan inspirasi Kementerian Belia dan Sukan bagi menggalak dan menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai rakyat yang sentiasa bersukan sehingga ia menjadi satu amalan dalam budaya hidup seharian. Atas usaha itu, YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan hari Sabtu pertama pada bulan Oktober setiap tahun sebagai Hari Sukan Negara.

Kerajaan Negeri tidak melaksanakan sebarang program khusus pada tarikh tersebut untuk memberi laluan serta kerjasama kepada pelaksanaan program kesukanan yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, di peringkat negeri Pulau Pinang, penerapan terhadap budaya bersukan di kalangan masyarakat beserta pelaksanaan program aktif dan sihat dilaksanakan sepanjang tahun bermula dari tahun 2008 sehingga kini dimana pelbagai program kesukanan telah dianjurkan untuk penyertaan komuniti Pulau Pinang. Sepanjang tahun 2017 sahaja, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang telah menyelaras 35 program sukan komuniti seperti di **Lampiran A**.

- (b) Kerajaan Negeri tidak membelanjakan sebarang peruntukan bersempena dengan Hari Sukan Negara memandangkan program yang dilaksanakan adalah di bawah tanggungan agensi Persekutuan iaitu Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.
- (c) Tiada sebarang peruntukan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk penganjuran Hari Sukan Negara sejak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2015 hingga sekarang.

**RUJ. LAMPIRAN A BHSNO NO. 14.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Kakitangan MPSP:

- (a) Nyatakan jumlah pekerja kontrak MPSP. Pecahkan mengikut jabatan dan bahagian.
- (b) Adakah pekerja kontrak akan diberi kelayakan perjawatan tetap setelah satu-satu tempoh berkhidmat? Jika ada apakah kelayakan yang diperlukan?
- (c) Berapa ramaikah pekerja kontrak yang tidak disambung perkhidmatan sejak 2013? Nyatakan sebab-sebab perkara ini boleh berlaku.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. (a) Jumlah keseluruhan pekerja kontrak di 18 jabatan MPSP adalah seramai 2684 orang. Senarai pecahan pekerja kontrak mengikut jabatan dan bahagian adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Pekerja kontrak di MPSP akan ditawarkan perjawatan tetap mengikut keperluan semasa. Antara perkara yang akan diambil kira adalah seperti berikut:-
- (i) pekerja kontrak mempunyai kelayakan seperti yang tertakluk dalam skim perkhidmatan jawatan berkenaan.

- (ii) sekiranya terdapat kekosongan bagi jawatan tetap.
  - (iii) jawatan tetap berkenaan hendaklah sama dengan jawatan yang disandang oleh pegawai kontrak tersebut.
  - (iv) telah berkhidmat tidak kurang dari dua (2) tahun.
  - (v) markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% dan ke atas.
  - (vi) diperaku oleh ketua jabatan.
  - (vii) prestasi kedatangan kerja yang memuaskan.
- (c) Jumlah pekerja kontrak yang tidak disambungkan perkhidmatan kontrak sejak tahun 2013 adalah seramai 228 orang. Antara sebab pekerja kontrak tidak disambungkan kontraknya adalah kerana prestasi tidak memuaskan seperti tidak hadir bekerja tanpa alasan yang munasabah dan kelewatan untuk hadir bekerja melebihi 12 kali.

**RUJ. LAMPIRAN A BHSO NO. 15.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Taman Permainan Kanak-kanak :
- (a) Adakah MPSP menerima permohonan pembaikan Taman Permainan Kanak-kanak di Taman Haji Abdullah Fahim Fasa 1?
  - (b) Jika ada, apakah telah diperbaiki atau dinaiktaraf? Nyatakan kos penyelenggaraan dan kerja pembaikan.
  - (c) Adakah MPSP sentiasa memantau atau setiap pembaikan dan naiktaraf memerlukan permohonan daripada penduduk setempat?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. (a) Berdasarkan semakan yang dibuat sehingga September 2017, tiada sebarang permohonan pembaikan yang diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi Taman Permainan Kanak-Kanak di Taman Haji Abdullah Fahim Fasa 1.
- (b) Hasil daripada pemantauan dan siasatan yang dilakukan dari semasa ke semasa, pihak MPSP telah menjalankan kerja-kerja pembaikan termasuk menggantikan peralatan yang rosak. Kerja-kerja pembaikan telah selesai dilaksanakan pada bulan Julai 2017. Jumlah keseluruhan kos penyelenggaraan terlibat adalah sebanyak RM9,155.60. Perincian kos penyelenggaraan adalah seperti berikut:
- (i) Mengecat keseluruhan alat mainan (*integrated set*) – RM940.0
  - (ii) Menukar-ganti 1 unit *double slide* – RM1,786.00
  - (iii) Menukar-ganti 3 unit *safety panel railing type* – RM1,917.60
  - (iv) Menukar-ganti 4 unit *square deck MS plate* – RM4,512.00
- (c) Pegawai-pegawai MPSP sentiasa menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa. Kerja-kerja pembaikan dilaksanakan berdasarkan aduan kerosakan yang diterima serta hasil pemantauan jika terdapat sebarang kerosakkan akan ditambahbaik. Pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan naiktaraf ini tertakluk kepada peruntukan semasa MPSP serta berdasarkan keperluan dan kesesuaian.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. *Bumping Road* :
- (a) Apakah JKR ada menerima permohonan Bumping di Simpang Tiga, Kampung 40, Taman Kuala Bekah?
  - (b) Jika ada, bilakah akan dilaksanakan memandangkan kekerapan berlakunya kemalangan jalan raya?
  - (c) Berapakah kos yang diperlukan dan berapakah tempoh masa untuk menyiapkan kerja-kerja naiktaraf jalan berkenaan?



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. (a) Sehingga kini pihak JKR tidak pernah menerima permohonan untuk pembinaan bonggol (*bump*) di Simpang Tiga, Kampung 40, Taman Kuala Bekah.
- (b) Siasatan dan penelitian tapak yang dijalankan pihak JKR mendapati bahawa simpang tersebut tidak mempunyai jumlah trafik yang mendesak untuk menyokong keperluan pembinaan bonggol. Ini kerana simpang tiga tersebut berada di penghujung jalan dan bukan merupakan jalan utama. Selain itu, had laju 70km/j di kawasan tersebut juga tidak sesuai untuk pembinaan bonggol.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Hotspot Penang Free Wifi:
- (a) Merujuk kepada soalan pada sidang yang lalu, *hotspot* yang dipasang dalam DUN Bertam sebanyak 10 lokasi. Apakah ada penambahan? Jika ada, senaraikan terperinci.
- (b) Adakah 10 lokasi tersebut telah dinilai semula untuk pertukaran ke lokasi baru?
- (c) Berapakah kos yang dibelanjakan bagi setiap lokasi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. (a) Lokasi setakat ini *hotspot* bagi DUN Bertam masih kekal 10.
- (b) Tiada penilaian semula dijalankan bagi penukaran lokasi ke atas 10 buah lokasi tersebut.
- (c) Tempoh perkhidmatan bagi setiap *hotspot* adalah selama lima (5) tahun manakala kos yang dibelanjakan bagi setiap lokasi hotspot adalah sebanyak RM180.00 sebulan bagi tahun pertama dan sebanyak RM170.00 bagi tahun kedua sehingga tahun kelima. Kos ini tidak termasuk kos menaiktaraf bandwidth iaitu sebanyak RM25,000.00 sebulan bagi keseluruhan AP bermula 16 Februari 2015 sehingga tamat tempoh perkhidmatan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Slogan *Cleaner, Greener, Safer and Healthier*:
- (a) Tahun 2017 merupakan tahun ke 7 slogan tersebut dilancarkan, apakah kejayaan dan pencapaian bagi Negeri Pulau Pinang di peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa?
- (b) Apakah ada kempen secara menyeluruh di setiap daerah atau DUN? Huraikan terperinci.
- (c) Nyatakan kos yang dibelanjakan sejak ianya dilancarkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan Dasar *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* telah melaksanakan pelbagai projek hijau bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau (*green state*). Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri telah menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa berikut:-
- (i) *United Nation Environment Programme (UNEP)*;
  - (ii) *United Nation Center for Regional Development (UNCRD)*;
  - (iii) *International Environmental Technology Center (IETC)*;
  - (iv) *Japan International Cooperation Agency (JICA)*;
  - (v) *Global Environment Center (GEC)*;
  - (vi) *Climate and Clean Air Coalition (CCAC)*;
  - (vii) *International Partnership for Expanding Waste Management Services of Local Authorities (IPLA)*; dan
  - (viii) *Compact of Mayors on International Council for Local Environment Initiatives (ICLEI)*.

Kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa tersebut telah berjaya:-

- (i) Membentuk hubungan kerjasama yang erat antara Pulau Pinang dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa sebagai pemangkin polisi dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi hijau di rantau Asia Tenggara;
- (ii) Memberi pengiktirafan kepada Pulau Pinang sebagai *Centre of Excellence* dalam aspek kajian, metodologi pelaksanaan dan aplikasi teknologi hijau di rantau Asia Tenggara;
- (iii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat rujukan dan model dalam pelaksanaan aplikasi teknologi hijau kepada negara-negara membangun seperti Afrika Selatan dan Asia Pasifik;
- (iv) Mewujudkan platform kepada wakil Kerajaan Negeri untuk dijemput hadir ke forum/persidangan antarabangsa sebagai penceramah, moderator dan pembentang kertas kerja mengenai hasil kejayaan (*success story*) program-program hijau di negeri Pulau Pinang;
- (v) Membuka peluang dan ruang kepada kakitangan Kerajaan Negeri dan pihak swasta di Pulau Pinang dengan memberi latihan pembangunan kapasiti (*capacity building*) dalam polisi, pengurusan dan aplikasi teknologi hijau;
- (vi) Menarik minat JICA dan CCAC untuk menyalurkan dana ke negeri Pulau Pinang bagi tujuan kajian, pelaksanaan projek dan menganjurkan forum bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang; dan
- (vii) Memberikan penghormatan kepada wakil Kerajaan Negeri yang dijemput oleh CCAC untuk terlibat dalam proses penyediaan usul di *Conference of Parties* (COP).

Kerajaan Negeri juga telah menyertai acara tahunan *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)* yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Semasa penyertaan ke *IGEM*, Kerajaan Negeri telah menerima anugerah-anugerah berikut:-

- (i) *1st Runner Up for Product Innovation Award (State Category)* bagi inovasi **CONVERSION OF WATER TREATMENT PLANT (WTP) RESIDUE INTO CLAY BRICKS [SLUDGE TO BRICKS]** yang dihasilkan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) – *IGEM 2017*; dan
- (ii) *Best Product Innovation Award (State Category)* untuk aplikasi **[THRASH TO TREASURE]** yang diperkenalkan oleh Penang Green Council (PGC) – *IGEM 2016*.

Ringkasan kejayaan dan pencapaian MBPP dalam menjayakan Dasar *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dari tahun 2011 sehingga 2017 seperti berikut :

| TAHUN | KEBANGSAAN | ANTARABANGSA |
|-------|------------|--------------|
| 2011  | 2          | -            |
| 2012  | 1          | -            |
| 2013  | 1          | -            |
| 2014  | 1          | -            |
| 2015  | 1          | -            |
| 2016  | -          | 1            |
| 2017  | -          | 1            |

Senarai kejayaan dan penganugerahan tersebut adalah seperti di **Lampiran A**. Ringkasan kejayaan dan pencapaian MPSP dalam menjayakan Dasar *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dari tahun 2011 sehingga 2017 seperti berikut :

| TAHUN | KEBANGSAAN | ANTARABANGSA |
|-------|------------|--------------|
| 2011  | 1          | -            |
| 2012  | 5          | -            |
| 2013  | 5          | -            |
| 2014  | 4          | 3            |
| 2015  | 5          | 1            |
| 2016  | 6          | -            |
| 2017  | 2          | 1            |

Senarai kejayaan dan penganugerahan tersebut adalah seperti di **Lampiran B**.

- (b). Kempen-kempen yang dilaksanakan di bawah Dasar *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* seperti program-program kitar semula, *neighbourhood farming*, Program Bandar Selamat, Kempen *Pedestrian is King* dan program berbasikal secara menyeluruh di setiap daerah adalah seperti berikut:

| Bil. | Daerah                       | Bilangan Kempen |
|------|------------------------------|-----------------|
| 1.   | Timur Laut                   | 122             |
| 2.   | Barat Daya                   | 90              |
| 3.   | Seberang Perai Utara (SPU)   | 397             |
| 4.   | Seberang Perai Tengah (SPT)  | 900             |
| 5.   | Seberang Perai Selatan (SPS) | 254             |

- (c) Kos keseluruhan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri, MBPP dan MPSP dalam melaksanakan Dasar *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* adalah sebanyak RM119,516,503.00

| Agensi                            | Kos Perbelanjaan (RM) |
|-----------------------------------|-----------------------|
| Bahagian Kerajaan Tempatan        | 586,524.00            |
| Majlis Bandaraya Pulau Pinang     | 95,585,986.00         |
| Majlis Perbandaran Seberang Perai | 23,343,993.00         |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>         | <b>119,516,503.00</b> |

#### **RUJ. LAMPIRAN A DAN B HSAO NO. 19.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Sektor Perlancongan di Pulau Aman:

- Apakah Kerajaan Negeri berhasrat membangunkan Pulau Aman sebagai pusat perlancongan baru?
- Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk menaiktaraf jalan dan longkang di seluruh Pulau Aman? Senaraikan tarikh dan nama projek.
- Sila nyatakan bantuan-bantuan yang disalurkan kepada SK Pulau Aman. Senaraikan bantuan sejak 2013.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. (a) Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan Pulau Aman berdasarkan pelancongan eko dan agro dengan penekanan kepada alam semulajadi serta aktiviti perikanan. Pada masa ini, Kerajaan Negeri memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Aman melalui aktiviti promosi pelancongan dan penganjuran program pelancongan. Antara promosi pelancongan yang telah

dijalankan adalah seperti percetakan risalah pelancongan *Penang Tourism* yang mempromosikan aktiviti makanan laut, memancing, sukan air, *homestay* dan pengembaraan hutan di Pulau Aman. Selain itu, risalah Seberang Perai *Street Food* memaparkan makanan di Pulau Aman dan risalah *Penang Homestay* mencadangkan penginapan *Homestay* Pulau Aman berserta aktiviti-aktiviti tempatan yang boleh dilakukan di Pulau Aman. Promosi pelancongan juga dilaksanakan melalui pameran pelancongan dan *tradeshows* di luar negara. Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan pengusaha tempatan untuk melaksanakan beberapa program di Pulau Aman seperti Pesta Laut Pulau Aman, Karnival *Homestay* Pulau Aman dan Pertandingan Karaoke Lagu-Lagu Melayu Pulau Aman.

- (b) Jalan-jalan di Pulau Aman adalah jalan simen dan bukan jalan bertar serta diselenggara sendiri oleh pihak JKKK. Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan infrastruktur sebanyak RM180,000 untuk setiap KADUN setahun di bawah Maksud Pembangunan P16 (02) yang boleh dimanfaatkan untuk pembiayaan projek menyelenggara infrastruktur di KADUN masing-masing termasuk di Pulau Aman. Selain itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memperuntukkan sebanyak RM6,500 sebulan sejak tahun 2012 bagi tujuan pembersihan am dan pengurusan sisa pepejal di Pulau Aman. Peruntukan bagi tujuan ini telah dimulakan sejak tahun 1983 dengan kadar pada masa itu adalah sebanyak RM380 sebulan. Kos ini dijangka akan meningkat kepada RM10,000 sebulan mulai tahun 2018.
- (c) Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah adalah di bawah tanggungjawab langsung Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia. Kerajaan Negeri tidak menyalurkan peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan Pulau Aman.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Rumah Kedai milik MPSP di Taman Sepakat, Kepala Batas:

- (a) Berapakah jumlah kedai yang telah disewa dan belum disewa? Sila senaraikan nama individu atau syarikat yang menyewa.
- (b) Bilakah tarikh akhir pemantauan daripada Pegawai MPSP untuk melihat keadaan bangunan yang uzur?
- (c) Jika ada, sila nyatakan hasil pemantauan dan tindakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. (a) Jumlah keseluruhan rumah kedai milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Taman Sepakat, Kepala Batas adalah berjumlah 13 unit dan kesemua unit tersebut telah disewakan. Sembilan (9) unit disewakan kepada individu persendirian dan empat (4) unit disewakan kepada pihak koperasi.

Maklumat nama penyewa dan bilangan unit adalah seperti di bawah.

| Bil. | Nama Penyewa                           | Bil Unit Gerai Yang Telah Disewakan (Unit) |
|------|--|--|
| 1    | Koperasi Pembangunan Daerah SPU Berhad | 4  |
| 2.   | Muhammad A'fif Bin Haji Osman          | 1  |
| 3    | Syed Basri Bin Syed Othman             | 1  |
| 4    | Fadzil Bin A Rahman                    | 1  |
| 5    | Abdul Latif Bin Che Din                | 1  |
| 6    | Mohd Mustakim Bin Ahmad                | 1  |
| 7    | Abdul Razak Bin Osman                  | 1  |
| 8    | Suzana Binti Abu Bakar                 | 1  |
| 9    | Hazman Bin Ali                         | 1  |
| 10   | Mohd Suhairi Bin Jamaludin             | 1  |

- (b) Pihak MPSP menjalankan pemantauan secara berkala iaitu sebanyak dua (2) kali dalam setiap bulan. Pemantauan terkini yang telah dijalankan pegawai MPSP adalah pada 13 September 2017 dan 27 September 2017.
- (c) Hasil daripada pemantauan yang telah dijalankan, pihak MPSP mendapati terdapat unit rumah kedai yang agak uzur dan memerlukan kerja-kerja pembaikan. Bagi tindakan segera, MPSP telah menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pembaikan kecil terhadap unit rumah kedai yang uzur. Untuk tindakan jangka masa panjang, MPSP telah memasukkan perancangan naik taraf kompleks dalam bajet tahun 2018 untuk tujuan pembaikan dan naik taraf.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. *Penang Apps:*

- (a) Setelah dibentangkan pada tahun 2015, apakah Penang Apps telah dilaksanakan? Sila nyatakan tarikh dan tempat ianya dilancarkan.
- (b) Apakah Penang Apps mendapat sambutan di kalangan pelancong mahupun penduduk tempatan? Bagaimana kaji selidik dilaksanakan?
- (c) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk mewujudkan Penang Apps? Sila nyatakan sumber kewangan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. (a) *Penang Apps* atau dikenali sebagai *Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTs)*, telah dibangunkan pada penghujung tahun 2015. PiTTs telah dilancarkan secara rasmi pada 19 Ogos 2016 bertempat di KOMTAR setelah beberapa pengujian dan kaji selidik keperluan penggunaan aplikasi ini dilaksanakan.
- (b) Sehingga September 2017, pengguna aktif yang menggunakan PiTTs adalah seramai 2,100 orang dikalangan penduduk tempatan dan juga pelancong. Kerajaan Negeri kini bekerjasama dengan Rapid Penang bagi mempromosikan PiTTs. Kaji selidik berkala mengenai PiTTs akan dilaksanakan mulai Disember 2017.
- (c) Kos keseluruhan pelaksanaan PiTTs adalah sebanyak RM137,720.00 menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri.

Perincian mengenai kos pelaksanaan PiTTs adalah seperti berikut:

| Tahun | Peruntukan (RM) | Tujuan                  |
|-------|-----------------|-------------------------|
| 2015  | 85,400.00       | Pembangunan <i>Apps</i> |
| 2016  | 52,320.00       | Pembelian server        |

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Pihak Berkuasa Tempatan:

- (a) Sila senaraikan nama Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai beserta tahun lantikan dan kelulusan akademik.
- (b) Adakah semua ahli majlis menerima sebarang elaun? Pecahkan mengikut PBT.
- (c) Berapakah tempoh perkhidmatan Ahli Majlis dan berapa kali lantikan semula dibolehkan bagi seseorang Ahli Majlis?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. (a) Senarai nama Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) beserta tahun lantikan dan kelulusan akademik adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.
- (b) Elaun bulanan bagi setiap Ahli Majlis adalah seperti berikut:
- (i) Elaun tetap : RM2,500.00

- (ii) Elaun kehadiran mesyuarat : RM100.00 setiap mesyuarat & Majlis Rasmi Kehadiran (tuntutan maksima RM1,200.00)
- (iii) Elaun telefon / komunikasi : RM300.00
- (c) Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 10 (3) dan (6), Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh melantik Ahli Majlis bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak melebihi 3 tahun bagi satu tempoh perkhidmatan. Bagi lantikan yang telah tamat tempoh perkhidmatan, seseorang Ahli Majlis layak dilantik semula mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PBN.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BHSNO NO. 23.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Pegawai Penerangan Pejabat Ketua Menteri:
- (a) Berapa ramai pegawai berkenaan yang telah dilantik sehingga Oktober 2017? Senaraikan nama, negeri kelahiran dan kelulusan akademik.
  - (b) Apakah peranan bagi setiap seorang pegawai dan jumlah gaji yang diterima?
  - (c) Bagaimana pelantikan dibuat? Adakah melalui persetujuan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri? Nyatakan tarikh mesyuarat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. (a) Sehingga Oktober 2017, terdapat seorang Pegawai Penerangan Gred S41 dilantik di bawah Pejabat Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Pegawai dilahirkan di Negeri Pulau Pinang dan berkelulusan Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) daripada Universiti Malaysia Terengganu.
- (b) Pegawai dibayar gaji bulanan selaras dengan syarat kelayakan berdasarkan kepada Gred S41. Antara bidang tugas dan peranan pegawai sebagai Pegawai Penerangan adalah seperti berikut :
- (i) Sebagai Penolong Editor penerbitan Buletin Mutiara versi Bahasa Inggeris;
  - (ii) Membuat liputan program-program semasa untuk penerbitan, laman sosial dan laman web Buletin Mutiara;
  - (iii) Mengemaskini laman sosial Y.A.B. Ketua Menteri dan Buletin Mutiara;
  - (iv) Penerbitan kandungan risalah berkaitan polisi Kerajaan Negeri;
  - (v) Merancang dan bertindak sebagai jawatankuasa penganjur program-program penerangan Kerajaan Negeri; dan
  - (vi) Mencari saluran-saluran komunikasi untuk penyebaran maklumat serta polisi Kerajaan Negeri. Contohnya, *sms blast*, papan iklan, risalah dan lain-lain.
- (c) Pelantikan pegawai dilaksanakan melalui kelulusan Pihak Berkuasa Melantik bertarikh 4 Ogos 2017. Pelantikan pegawai adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 : Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) dan pekeling-pekeling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Usahawan Kecil Pulau Pinang:
- (a) Adakah Kerajaan Negeri memperkenalkan kursus untuk Usahawan Kecil? Senaraikan nama kursus dan bilangan penyertaan.
  - (b) Apakah jenis bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan usahawan kecil?
  - (c) Adakah Kerajaan Negeri memberi ruang seluasnya kepada usahawan kecil untuk membawa produk mereka ke tahap lebih tinggi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memperkenalkan pelbagai kursus kepada usahawan kecil di Pulau Pinang. Sejak tahun 2008 hingga Ogos 2017 sebanyak 96 kursus dianjurkan oleh PDC melibatkan penyertaan seramai 3,868 orang usahawan kecil. Senarai nama kursus dan bilangan penyertaan adalah seperti di **Lampiran A**.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan di bawah program modal insan juga turut menjalankan beberapa siri kursus bagi meningkatkan modal insan di kalangan rakyat. Walaupun kursus - kursus tersebut tertumpu kepada penerima AES yang terdiri daripada ibu tunggal, peniaga – peniaga kecil yang berpendapatan bawah RM3,000.00, usahawan kecil mungkin juga sebahagian daripada golongan ini. Sepanjang tahun 2017 sejumlah RM133,432.50 telah diluluskan kepada pejabat - pejabat daerah untuk melaksanakan kursus – kursus seperti asas pengiklanan dalam talian, kemahiran jahitan, asas hasilan tepung, makanan barat, hasilan ais krim, asas hasilan apom balik. Kursus – kursus yang diluluskan tersebut adalah berdasarkan permohonan di peringkat daerah dengan mengambilkira potensi setempat.

- (b) Antara jenis bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan usahawan kecil adalah seperti berikut:
- (i) Kemudahan pinjaman mikro kredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang merupakan program Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawanan bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka serta secara tidak langsung ianya juga dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Manakala kutipan bayaran balik pinjaman adalah sebanyak RM8.82 juta. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000 dan tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga Ogos 2017, sejumlah RM12.45 juta telah diagihkan kepada 2,669 orang usahawan;
  - (ii) Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama PDC dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. PDC telah bertindak bagi pihak Kerajaan Negeri sebagai pemberi pinjaman, pengutip dan pentadbir. Program ini diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM750,000 setakat 2017 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC untuk mengendalikan proses pinjaman mikro kredit. Pinjaman sebanyak RM5,000 seorang telah diberikan kepada peminjam pertama bagi tempoh bayaran balik selama 2 tahun tanpa faedah. Bagi pinjaman seterusnya, faedah 8% setahun dikenakan kepada peminjam dan tempoh bayaran balik selama 2 tahun. Sehingga Ogos 2017, sebanyak RM380,000 telah diagihkan kepada 75 orang peminjam usahawan tani; dan
  - (iii) Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM250,000.00 di bawah Program Peningkatan Ekonomi Golongan Miskin / Pembangunan Industri Desa untuk bantuan peralatan yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Program ini bertujuan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada dan permohonan ini boleh dikemukakan melalui pejabat – pejabat daerah untuk perakuan di peringkat daerah.
- (c) Kerajaan Negeri sememangnya memberi ruang seluasnya kepada usahawan kecil untuk membawa produk mereka ke tahap lebih tinggi. Dalam usaha untuk membantu usahawan kecil membawa produk mereka ke peringkat yang lebih tinggi, Kerajaan Negeri melalui PDC telah menyelaras penyertaan usahawan-usahawan kecil yang berpotensi dalam

program-program jaringan perdagangan dan permadanan perniagaan bagi memberi peluang usahawan membina jaringan di peringkat tempatan dan Asean Utara melalui kerjasama Wilayah IMT-GT (*Indonesia, Malaysia and Thailand Growth Triangle*), Dewan-Dewan Perniagaan, Persatuan Perdagangan dan Industri serta agensi-agensi Kerajaan Pusat. Antara program-program yang telah diadakan bagi mempromosikan produk-produk usahawan kecil termasuklah program seperti Hari Penternak, Peladang dan Nelayan, Seberang Perai Fiesta, Karnival Koperasi dan Usahawan Desa, Program Jelajah Koperasi dan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Karnival Koperasi dan Usahawan Rakyat "Flora Fest", Karnival Koperasi dan Usahawan Tahfiz, Karnival Usahawan (Kraftangan, Warisan & Kesenian), Program Karnival Usahawan Melayu Pulau Pinang, Program Pembangunan Koperasi Dan Usahawan "Entrepreneurship Game" Jom Tuju Usahawan Jutawan, Karnival Food Truck dan Karnival Usahawan Rakyat, *Penang International Halal Expo & Conference* (PIHEC), Pekan Raya Sumatera Utara (Medan Fair), *Phuket Andaman Halal For Tourism, World Halal Products Exhibition & Conference* (World HAPEX), *Halal Fiesta Malaysia (HALFEST)*, *Muslim Worldbiz*, *Kelantan-Linxia International Halal Expo (KELCHEF)* dan sebagainya.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BHSAO NO. 25.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Penang Women Development Corporation (PWDC) :
- (a) Sila senaraikan Ahli Lembaga Pengarah beserta gaji dan elaun yang diterima.
  - (b) Berapakah jumlah peruntukan daripada Kerajaan Negeri? Pecahkan mengikut tahun dari 2013-2017.
  - (c) Bagaimanakah peruntukan di atas dibelanjakan? Sila senaraikan nama program dan aktiviti serta kos.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. (a) Penang Women's Development Corporation mempunyai 14 Ahli Lembaga Pengarah seperti di **Lampiran A**. Ahli Lembaga Pengarah hanya menerima elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM200.00.
- (b) Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang Women's Development Corporation sejak tahun 2013 hingga 2017 adalah sebanyak RM1.5 juta setiap tahun.
- (c) PWDC mempunyai tiga program teras untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan. Kos perbelanjaan tahunan untuk setiap program dan kos operasi adalah seperti di **Lampiran B**.

#### **RUJ. LAMPIRAN A DAN B BHSAO NO. 26.**

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Parking Hospital Besar Pulau Pinang:
- (a) Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah lot parking di Hospital Besar Pulau Pinang? Jika ada, bila akan dilaksanakan?
  - (b) Adakah masih ada ruang yang berdekatan hospital untuk dijadikan parking bertingkat agat memudahkan rakyat melawat?
  - (c) Berapakah ruang parking yang disediakan untuk kakitangan hospital?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Pada masa kini, pihak Hospital Pulau Pinang (HPP) tidak mempunyai perancangan untuk menambah lot tempat letak kereta dalam kawasan HPP. Ini adalah kerana dalam kawasan HPP, pada ketika ini tiada tapak kosong untuk dijadikan lokasi tempat letak kereta secara bertingkat.

Secara keseluruhan HPP mempunyai sebanyak 1,618 ruang tempat letak kereta. Sebanyak 596 ruang (36.8%) disediakan untuk kakitangan hospital yang terdiri daripada pelbagai gred dan skim perkhidmatan dan bakinya bagi kegunaan awam.



**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Gejala dadah dikalangan remaja:

- (a) Apakah Kerajaan Negeri sentiasa membuat pemantauan kepada setiap pelajar yang mungkin terlibat dengan gejala dadah di setiap sekolah?
- (b) Sila senaraikan program dan aktiviti berkaitan beserta tarikh dan tempat.
- (c) Berapakah bilangan pelajar yang disyaki terlibat dadah? Senaraikan jenis dadah dan umur.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. (a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama dan bantuan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa membuat pemantauan di sekolah yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah melalui beberapa program ceramah dan pameran dadah.
- (b) Beberapa program seperti pameran dan ceramah telah diadakan di Pulau Pinang dari bulan Januari hingga September 2017 adalah seperti dijadual berikut :

| Program | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Jumlah    |
|---------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|------|------|-----------|
| Pameran | 2   | 5   | 9   | 6   | 10  | 0   | 3   | 4    | 7    | <b>46</b> |
| Ceramah | 2   | 3   | 3   | 4   | 1   | 1   | 0   | 1    | 0    | <b>15</b> |

- (c) Jumlah pelajar yang terlibat dengan dadah adalah seramai 48 orang seperti perincian berikut:-

| Jenis Sekolah      | Umur <13 | Umur >14 -18 | Umur >19 -24 |
|--------------------|----------|--------------|--------------|
| Sekolah Rendah     | 2        | -            | -            |
| Sekolah Menengah   | -        | 33           | -            |
| Institut Kemahiran | -        | 2            | -            |
| IPTA/IPTS          | -        | 4            | 7            |

Jenis dadah yang dirampas adalah jenis heroin, syabu, ganja dan pil ekstasi.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi, Butterworth:

- (a) Agensi manakah yang mengawalselia dan mengurus bangunan berkenaan? Huraikan terperinci.
- (b) Sila senaraikan penyewa bangunan berkenaan sejak 2013 berserta nama program dan tarikh? Nyatakan kos sewaan secara terperinci.
- (c) Mengapakah jam besar dibiarkan tidak berfungsi dan bila pembaikan akan dilaksanakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. (a) Agensi yang mengawal selia dan menguruskan Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth adalah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Walau bagaimanapun mulai 18 September 2017 sehingga 17 Julai 2018 dewan berkenaan telah diserahkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi kerja-kerja menaik taraf dewan tersebut.
- (b) Penyewaan Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi ini terbuka kepada orang awam dengan mengemukakan permohonan dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh (MPSP). Di antara program yang dijalankan di dewan tersebut adalah majlis perkahwinan, majlis-majlis rasmi kerajaan, senaman aerobik dan mesyuarat agung persatuan. Bilangan program dan kos penyewaan dewan tersebut dari tahun 2013 sehingga 2017 adalah seperti berikut:

| Tahun | Bilangan Program | Kos Penyewaan (RM) |
|-------|------------------|--------------------|
| 2013  | 213              | 41,775.00          |
| 2014  | 322              | 56,995.00          |
| 2015  | 32               | 11,920.00          |
| 2016  | 2                | 300.00             |
| 2017  | 1                | 0                  |

- (c) Kerja-kerja pembaikan jam besar ini akan dilaksanakan bersekali dengan kerja pembaikan keseluruhan bangunan ini. Kontraktor untuk kerja-kerja ini telah dilantik melalui agensi pelaksana projek iaitu pihak PDC. Tarikh milikan tapak projek ini adalah pada 18 September 2017 dan tamat pada 17 Julai 2018 dengan tempoh pembinaan selama 10 bulan.

**II. Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Sejak mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri, berapa ekar tanah yang dibeli oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan masjid dan kubur untuk agama Islam.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Sejak 2008 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membuat pengambilan balik tanah seluas 26.39 ekar bagi tujuan pembinaan / pembesaran masjid serta tapak perkuburan Islam. Maklumat terperinci adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 1.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Nyatakan kesemua projek yang telah dilaksanakan mengikut lokasi dan kos projek di dalam kawasan Parlimen Balik Pulau sejak memerintah Pulau Pinang

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Senarai projek – projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Daerah Barat Daya dari tahun 2008 sehingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 2.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Perincikan projek-projek pertanian, nelayan serta penternakan beserta lokasi dan kos yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Balik Pulau sejak tahun 2008.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai projek-projek pertanian di Parlimen Balik Pulau seperti berikut:
  - (i) Pembangunan Industri Tanaman Padi;
  - (ii) Pembangunan Pengeluaran Tanaman Buah-Buahan;
  - (iii) Pembangunan Pengeluaran Tanaman Sayur-Sayuran;
  - (iv) Pembangunan Lain-Lain Tanaman Ekonomi;
  - (v) Pembangunan Industri Asas Tani;
  - (vi) Pembangunan Kawasan Kelapa.

Antara program-program yang telah dilaksanakan di bawah projek-projek pertanian ini termasuklah program peningkatan hasil, pemulihan dusun, pemprosesan makanan, pemberian input pertanian, pemulihan kawasan kelapa, bantuan peralatan industri pertanian, promosi produk pertanian, insentif *myGap*, pembangunan kluster, petani pelapis dan pelbagai lagi projek. Projek-projek ini telah dilaksanakan di seluruh Parlimen Balik Pulau antaranya di Jalan Baharu, Kampung Terang, Kampung Genting, Kampung Paya, Bukit Sungai Pinang, Kampung Sungai Rusa, Kampung Masjid Teluk Kumbar, Kampung Sungai Burung, Sungai Ara, Teluk Bahang, Pantai Acheh, Kampung Perlis, Pulau Betong, Pondok Upeh dan pelbagai taburan lokasi. Kos yang dibelanjakan untuk projek-projek pertanian sejak tahun 2008 adalah sebanyak RM3,837,414.40 Pecahan kos mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Tahun         | Peruntukan Projek Pertanian (RM) |
|---------------|----------------------------------|
| 2008          | 361,677.40                       |
| 2009          | 323,134.00                       |
| 2010          | 387,269.00                       |
| 2011          | 318,600.00                       |
| 2012          | 418,771.00                       |
| 2013          | 323,857.00                       |
| 2014          | 598,249.00                       |
| 2015          | 330,675.00                       |
| 2016          | 336,550.00                       |
| 2017          | 438,632.00                       |
| <b>Jumlah</b> | <b>3,837,414.40</b>              |

Di samping itu, terdapat dua (2) projek akuakultur milik syarikat persendirian yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang di kawasan Parlimen Balik Pulau iaitu Sea Harvest (ternakan tiram) dan Global Goodway (ternakan udang harimau). Semua kos projek dikeluarkan sendiri oleh pihak syarikat tetapi Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberikan khidmat nasihat teknikal kepada syarikat-syarikat terbabit.

Bagi projek-projek penternakan pula, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif di seluruh Parlimen Balik Pulau. Walau bagaimanapun, maklumat berkenaan projek tersebut hanya dari tahun 2012 hingga 2017. Perincian projek-projek tersebut seperti di **Lampiran A**.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 3.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 untuk mengatasi banjir dalam kawasan Parlimen Balik Pulau.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM19,164,210.83 melaksanakan 484 projek bagi mengatasi masalah banjir dalam kawasan Parlimen Balik Pulau sejak tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, RM257,832.25 telah diperuntukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya untuk melaksanakan 20 projek naik taraf longkang dan parit dan sebanyak RM18,906,378.58 pula diperuntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi melaksanakan 464 projek. Kesemua projek telah siap dilaksanakan. Senarai terperinci projek-projek tersebut adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

#### **RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDMFS NO. 4.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Nyatakan projek-projek dan program-program yang telah diumumkan oleh EXCO atau kerajaan negeri bersama dengan usahawan dalam dan luar negara yang telah dilaksanakan dan yang tidak dilaksanakan sejak tahun 2013. Berikan anggaran program dan kos projek, status perlaksanaan dan sebab pembatalan jika berkaitan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Kerajaan Negeri sentiasa berkolaborasi dan mempunyai hubungan yang baik bersama pihak swasta/usahawan sama ada dalam dan luar negara dalam usaha merencanakan kegiatan ekonomi dan pembangunan negeri. Antara projek-projek usahasama yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 5.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Perincikan lokasi dan nilai tanah-tanah milik Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pihak Berkuasa Air (PBA) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah dijual. Nyatakan nama-nama pembeli setiap satu dan tujuan pembelian..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hakmilik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu untuk disenaraikan. Senarai tanah kerajaan yang dilupuskan kepada pembeli secara pemberimilikan dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A** dengan jumlah RM939.31 juta yang dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah jualan ini, RM500 juta akan diberikan kepada PDC bagi tujuan pembiayaan Tabung Perumahan Mampu Milik dalam tempoh lima (5) tahun menjadikan hanya RM439.32 juta hasil penjualan tanah sebagai hasil negeri.

Sementara itu, tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang telah dijual adalah masing-masing adalah seperti di **Lampiran B** dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM63.78 juta akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Majlis.

Senarai tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah dipindah milik melalui jualan dan *Request For Proposal* adalah seperti di **Lampiran C**. Hasil penjualan tanah adalah berjumlah RM752.29 juta dan telah dimasukkan ke dalam akaun PDC.

Tiada tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang telah dijual. Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang telah dijual iaitu :

| BIL                       | NO. LOT          | MUKIM / SEKSYEN / DAERAH     | TUJUAN JUALAN                                     | NILAI JUALAN (RM)  |
|---------------------------|------------------|------------------------------|---|--|
| 1                         | Lot 10208        | Mukim 9, Daerah Barat Daya   | Projek Sekolah Yang Cheng Day (Penstabilan cerun) | 760, 500.00  |
| 2                         | PT 71 (Lot 1449) | Seksyen 4, Daerah Timur Laut | Pembangunan Medical City                          | 156 Juta (20% daripada harga jualan iaitu RM32 Juta telah dibayar pada tahun 2016) (Baki 80% iaitu RM124 Juta akan dibayar setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dengan pecahan 40% dibayar dalam masa 14 hari selepas kelulusan dan baki 40% lagi dibayar 3 bulan selepas kelulusan) |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                  |                              |   | <b>156760500</b>   |

Sebanyak empat (4) tanah milikan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah dijual dengan nilai jualan sebanyak RM6,468,560.00. Perincian adalah seperti berikut: Hasil jualan tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang sebagai hasil negeri.

| BIL | LOKASI TANAH                          | NILAI JUALAN (RM) |
|-----|---------------------------------------|-------------------|
| 1   | Jalan Fettes/Jalan Lembah Permai, DTL | 407,100.00        |
| 2   | Jalan Batu Feringhi, DTL              | 3,920,000.00      |

| BIL                       | LOKASI TANAH        | NILAI JUALAN (RM)   |
|---------------------------|---------------------|---------------------|
| 3                         | Jalan Sg. Satu, DTL | 131,460.00          |
| 4                         | Blok U, SPT         | 2,010,000.00        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                     | <b>6,468,560.00</b> |

**RUJ. LAMPIRAN A, B DAN C BDMFS NO. 6.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Berikan senarai projek yang telah dipohon kebenaran merancang dan pembangunan oleh PERDA dan Perda Ventures sejak tahun 2008 dan berikan status terkini serta tarikh kelulusan yang telah diberikan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Senarai projek-projek yang telah dipohon kebenaran merancang dan pembangunan oleh PERDA dan Perda Ventures sejak tahun 2008 adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 7.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Senaraikan projek-projek pengkalan warisan dan kebudayaan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008. Berikan lokasi, kos dan impak projek..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program untuk tujuan pengkalan warisan dan kebudayaan di seluruh Pulau Pinang. Sebanyak **195 program** telah dianjurkan oleh pelbagai agensi termasuk George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), George Town Conservation & Development Corporation (GTCDC) kerjasama Think City dan Penang Global Tourism (PGT) dengan kos sebanyak **RM74,950,881.94**. Perincian program dan perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 8.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Senaraikan projek-projek kompleks makanan dan perniagaan yang telah dibina oleh kerajaan negeri sejak 2008

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Jumlah keseluruhan projek kompleks makanan dan perniagaan yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 ialah sebanyak 100 unit. Agihan mengikut agensi pelaksana iaitu MBPP sebanyak 28 unit, MPSP sebanyak 59 unit dan Pejabat Daerah dan Tanah sebanyak 13 unit. Perincian maklumat tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 9.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Senaraikan lot-lot tanah serta keluasan setiap yang dibuat pengambilan oleh pihak kerajaan untuk pembesaran lapangan terbang Bayan Lepas dan nyatakan perkembangan pembangunan di atas tanah berkenaan. Berapakah kos pengambilan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Kerajaan Negeri pada tahun 2008 dan 2009 telah melaksanakan pengambilan tanah di sebelah Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) melalui warta bernombor 104, 218, 277 dan 437. Pengambilan tanah ini diwartakan sebagai tujuan awam untuk pembesaran LTAPP melibatkan 68 lot berkeluasan 152.579 ekar dengan kos pengambilan berjumlah RM273.48 juta.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Senaraikan projek-projek yang diluluskan di Timur Laut yang dikaitkan dengan pembangunan di lereng bukit dan pembangunan berdensiti tinggi yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada berlakunya banjir di kawasan berkaitan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Terdapat empat (4) projek yang diluluskan di Daerah Timur Laut yang boleh dikaitkan dengan pembangunan di lereng bukit dan pembangunan berdensiti tinggi yang mungkin memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada berlakunya banjir seperti disenaraikan di Lampiran A. Kesemua projek-projek ini telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan syarat-syarat yang ketat dan ianya sentiasa dipantau oleh MBPP bagi mengelak kejadian tidak diingini termasuk banjir.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Jelaskan status tanah dan cadangan pembangunan di atas lot 277 dan lot 271 Mk 13 Paya Terubong, Adakah kerja tanah yang dijalankan sekarang mendapat kelulusan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Tanah Lot 277 dan Lot 271 MK 13 Paya Terubong merupakan tanah milik persendirian. Tanah tersebut telah dijadikan dusun buah-buahan dan laluan kenderaan tanpa kebenaran MBPP. Walau bagaimanapun, pemilik-pemilik tanah tersebut telah didakwa dan didenda oleh mahkamah iaitu sebanyak RM10,000.00 bagi pemilik Lot 277 dan sebanyak RM30,000.00 bagi pemilik Lot 271. Status terkini tanah tersebut adalah kerja-kerja mitigasi bagi Lot 277 telah siap dijalankan manakala kerja-kerja mitigasi di sebahagian Lot 271 masih dijalankan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Sejak usul Pulau Betong ditarik dan digantikan dengan usul kerajaan dalam sidang pada 20hb. Mei 2016, berapa kalikah Majlis Pengangkutan Negeri (PTC) bermesyuarat dan apakah keputusan-keputusan yang telah dibuat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Mengikut Terma Rujukan Majlis Pengangkutan Negeri (*Penang Transport Council*), mesyuarat hendaklah diadakan satu kali setahun. Pada tahun 2016, PTC telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali manakala pada tahun 2017, mesyuarat telah diadakan satu (1) kali sahaja. Butiran mesyuarat termasuk perkara-perkara yang dibincangkan dan keputusan-keputusan mesyuarat adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDMFS NO. 13.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Jelaskan sejak tahun 2008 hingga kini berapakah program kebajikan sosial yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan berapakah jumlah perbelanjaan bagi setiap satu program.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa program kebajikan sosial untuk rakyat Negeri Pulau Pinang, antaranya ialah seperti berikut:
  - (i) Program i-Sejahtera  
Program iSejahtera ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri merangkumi Program Penghargaan Warga Emas, Program Ibu Tunggal, Program Bantuan OKU, Program Skim Pelajar Emas, Program Anak Emas, Program Ibu Emas, Program Pengurusan Jenazah Warga Emas, OKU dan Ibu Tunggal. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM224,311,900.00** untuk program ini dan perincian perbelanjaan program ini sejak tahun 2010 hingga kini adalah seperti berikut:-

| ROGRAM                                 | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|--|--------------------------|
| Program Penghargaan Warga Emas         | 114,357,800.00           |
| Program Ibu Tunggal                    | 7,290,200.00             |
| Program Bantuan OKU                    | 5,167,800.00             |
| Program Skim Pelajar Emas              | 27,479,100.00            |
| Program Anak Emas                      | 14,429,200.00            |
| Program Ibu Emas                       | 20,263,800.00            |
| Program Pengurusan Jenazah Warga Emas  | 34,938,000.00            |
| Program Pengurusan Jenazah Ibu Tunggal | 117,000.00               |
| Program Pengurusan Jenazah OKU         | 269,000.00               |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>              | <b>RM224,311,900.00</b>  |

(ii) Program AES

Program Agenda Ekonomi Saksama (AES), yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembasmian Kemiskinan merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mac 2009 untuk memberikan bantuan kewangan bulanan secara *top up* kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang. Di bawah Program AES, Kerajaan Negeri akan menambah nilai kepada keluarga yang mempunyai pendapatan perkapita kurang dari RM220.00. Bagi tahun 2016, seramai 1,375 orang penerima telah mendapat manfaat dengan Program AES dan jumlah perbelanjaan bagi program AES sehingga September 2017 adalah sebanyak **RM25,871,852.00**. Perincian perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

| DAERAH                    | JUMLAH PENERIMA | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---------------------------|-----------------|--------------------------|
| DTL                       | 177             | 1,519,170.00             |
| DBD                       | 192             | 4,111,172.00             |
| SPU                       | 671             | 12,980,159.00            |
| SPT                       | 272             | 4,618,569.00             |
| SPS                       | 175             | 2,642,782.00             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>1,487</b>    | <b>25,871,852.00</b>     |

(iii) Bantuan Penarik Beca

Kerajaan Negeri telah memberikan insentif sebanyak RM20 setiap minggu kepada pengayuh beca di Pulau Pinang sejak tahun 2011. Sekiranya pengayuh beca berkenaan hadir empat (4) minggu berturut-turut. Sebagai inisiatif tambahan, mereka juga layak untuk menerima bonus sebanyak RM20. Ini bermakna, setiap pengayuh beca akan menerima RM100 sebulan. Untuk tujuan ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM12,000 setiap bulan yang melibatkan 120 pengayuh beca. Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut membantu pengayuh beca menaik taraf beca mereka dengan membiayai kos untuk mengecat dan menghias beca. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah membiayai kos mengecat dan memasang lampu *light-emitting diode* (LED) yang melibatkan 19 buah beca dengan kos sebanyak RM11,850.00. Usaha-usaha seperti ini akan diteruskan dalam memastikan industri beca di Pulau Pinang akan meningkat maju dan menjadi tarikan pelancong ke Negeri Pulau Pinang. Perincian perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

| TAHUN                     | JUMLAH PERBELANJAAN |
|---------------------------|---------------------|
| 2014                      | 21840               |
| 2015                      | 134,140.00          |
| 2017                      | 132,280.00          |
| 2017 (Sehingga Mei)       | 56,920.00           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>345,180.00</b>   |

(iv) Bantuan Mahasiswa (iBITA)

Bantuan ini diberikan bagi membantu para pelajar khususnya warga Pulau Pinang yang mendaftar pengajian ke peringkat ke IPT. Perincian perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

| TAHUN                     | JUMLAH               |
|---------------------------|----------------------|
| 2008                      | 492,000.00           |
| 2009                      | 479,500.00           |
| 2010                      | 436,500.00           |
| 2011                      | 2,008,000.00         |
| 2012                      | 2,625,000.00         |
| 2013                      | 350,965.00           |
| 2014                      | 5,698,500.00         |
| 2015                      | 924,630.00           |
| 2016                      | 817,966.00           |
| 2017                      | 101,700.00           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>13,934,761.00</b> |

(v) Program Bina Baru Rumah Rakyat Termiskin

Program ini telah diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 bagi membantu keluarga yang berpendapatan kurang RM1,500.00 untuk membina rumah. Perincian perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

| TAHUN                     | JUMLAH              |
|---------------------------|---------------------|
| 2009                      | 33,000.00           |
| 2010                      | 100,600.00          |
| 2011                      | 642,900.00          |
| 2012                      | 256,000.00          |
| 2013                      | 420,000.00          |
| 2014                      | 467,000.00          |
| 2015                      | 1,560,000.00        |
| 2016                      | 1,017,600.00        |
| 2017                      | 797,900.00          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>5,295,000.00</b> |

(vi) Program Baiki Rumah Rakyat Termiskin

Program ini telah diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 bagi membantu keluarga yang berpendapatan kurang RM1,500.00 untuk membaiki



rumah. Perincian perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

| TAHUN                     | JUMLAH              |
|---------------------------|---------------------|
| 2008                      | 146,990.00          |
| 2009                      | 736,300.00          |
| 2010                      | 822,110.00          |
| 2011                      | 890,300.00          |
| 2012                      | 1,233,049.90        |
| 2013                      | 1,009,469.05        |
| 2014                      | 1,575,550.00        |
| 2015                      | 1,525,050.00        |
| 2016                      | 1,013,607.89        |
| 2017                      | 780,133.99          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>9,732,560.83</b> |

(vii) Bantuan Pemandu Teksi Dan Bas Sekolah

Kerajaan Negeri mengiktiraf sumbangan dan khidmat bakti pemandu-pemandu teksi kepada perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang selama ini juga khidmat bakti operator-operator bas sekolah dalam mengambil dan mengangkut para pelajar setiap hari. Insentif teksi telah mula diberikan sejak tahun 2013 manakala kepada operator bas baru sahaja mula diberikan pada tahun 2016. Tujuan Kerajaan Negeri supaya semua pemandu teksi, kereta sewa dan operator bas sekolah di Pulau Pinang dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada setiap penumpang. Perincian perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

| TAHUN         | JUMLAH              |
|---------------|---------------------|
| 2013          | 709,500.00          |
| 2014          | 1,293,000.00        |
| 2015          | 1,448,400.00        |
| 2016          | 1,712,400.00        |
| 2017          | 1,831,200.00        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>6,994,500.00</b> |

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Perincian kos pembangunan Gurney Wharf, komposisi pembangunan dan bila akan dimulakan dan dijangka siap. Jelaskan kaedah pembiayaan projek ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk pembangunan projek Gurney Wharf yang melibatkan kerja tebus guna tanah di Persiaran Gurney seluas 131.09 ekar yang dimiliki Kerajaan Negeri.

Komponen pembangunan yang dicadangkan untuk projek Gurney Wharf adalah berbentuk Taman Awam yang dilengkapi dengan kemudahan rekreasi, *viewing deck*, *promenade*, *Food and Beverages* (F&B), tapak penjaja, kawasan tempat letak kenderaan, pantai buatan, tandas awam, kawasan berkelah, pejalan kaki dan lorong basikal, *skate park*, rezab kerajaan dan lebuh raya lapan lorong.

Kerja-kerja penambakan telah mencapai 42.42% dan dijangka siap pada Disember 2018. Sementara, kerja-kerja pembinaan taman dan lain-lain komponen akan bermula sebaik sahaja kerja penambakan selesai dan pelan-pelan pembangunan diluluskan.

Kaedah pembiayaan projek masih dalam peringkat perbincangan oleh Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang terlibat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Senaraikan tanah milik kerajaan sebelum tahun 2008, dan status terkini tahun 2017 bagi setiap satu milikan. Berikan nilai setiap tanah tersebut dan berapakah perolehan bagi setiap lot yang dijual.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hak milik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu untuk disenaraikan. Senarai tanah kerajaan yang dilupuskan kepada pembeli secara pemberimilikan dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti **di bawah** dengan jumlah RM939.31 juta yang dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah jualan ini, RM500 juta akan diberikan kepada PDC bagi tujuan pembiayaan Tabung Perumahan Mampu Milik dalam tempoh lima (5) tahun menjadikan hanya RM439.32 juta hasil penjualan tanah sebagai hasil negeri.

**HASIL PENJUALAN TANAH KERAJAAN NEGERI**

| TAHUN                     | HASIL PENJUALAN TANAH<br>KERAJAAN NEGERI |
|---------------------------|--|
|                           | (RM)                                     |
| 2008                      | -  |
| 2009                      | -  |
| 2010                      | -  |
| 2011                      | -  |
| 2012                      | 110,293,920.00                           |
| 2013                      | 117,193,824.00                           |
| 2014                      | 188,911,009.00                           |
| 2015                      | 241,254,938.91                           |
| 2016                      | 281,653,236.41                           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>939,306,928.32</b>                    |

Tiada tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang telah dijual. Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang telah dijual iaitu:

| BIL                       | NO. LOT                | MUKIM / SEKSYEN /<br>DAERAH     | NILAI JUALAN (RM)  |
|---------------------------|------------------------|---------------------------------|--|
| 1                         | Lot 10208              | Mukim 9, Daerah Barat Daya      | 760, 500.00  |
| 2                         | PT 71<br>(Lot<br>1449) | Seksyen 4, Daerah Timur<br>Laut | 156 Juta (20% daripada harga jualan iaitu RM32 Juta telah dibayar pada tahun 2016) (Baki 80% iaitu RM124 Juta akan dibayar setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dengan pecahan 40% dibayar dalam masa 14 hari selepas kelulusan dan baki 40% lagi dibayar 3 bulan selepas kelulusan) |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                        |                                 | <b>156,760,500.00</b>  |

Hasil jualan tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang sebagai hasil negeri.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Nyatakan jumlah pokok dan jenis pokok yang ditanam serta kawasan-kawasan terbabit oleh Kerajaan Negeri dan NGO sejak tahun 2008. Jelaskan berapa pokok yang ditebang dan keluasan tanah berkaitan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Jumlah pokok yang telah ditanam oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama-sama Non-Governmental Organisation (NGO) dari tahun 2008 sehingga September 2017 adalah berjumlah 329,097. Perincian jumlah dan jenis pokok yang ditanam serta kawasan terbabit adalah seperti di **Lampiran A**.

Sejak 2008, Kerajaan Negeri telah menetapkan polisi untuk tidak membenarkan sebarang bentuk penerokaan ke atas Hutan Simpan Kekal di Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, tiada langsung penebangan pokok di Negeri Pulau Pinang yang melibatkan Hutan Simpan Kekal dari 2008 hingga September 2017.

Kebenaran untuk penebangan pokok hanya dibenarkan melibatkan kawasan berstatus Hutan Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik sahaja setelah diberikan lesen pengusahasilan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Bilangan pokok yang telah ditebang melibatkan hutan yang dilesenkan mengikut status tanah di dalam Hutan Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik dari tahun 2008 hingga 2017 adalah sebanyak 22,289 pokok dengan keluasan keseluruhan seluas 288.77 hektar. Perincian adalah seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDMFS NO. 17.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Jelaskan sejauh manakah kebenaran Bandaraya Georgetown akan hilang status warisannya. Perincikan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keputusan Unesco menarik balik status ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Dakwaan mengenai George Town akan kehilangan status sebagai Tapak Warisan Dunia adalah tidak tepat. Bandaraya George Town masih kekal sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak disenaraikan pada 7 Julai 2008. Faktor-faktor yang boleh menjejaskan status Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT) ini adalah gangguan terhadap Nilai Keunggulan Sejagat (*outstanding universal values* – OUV) yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) Kriteria II: Melaka dan George Town merupakan contoh luar biasa bandar-bandar perdagangan pelbagai budaya di Timur dan Barat Daya Asia, dibangunkan daripada aktiviti dan pengalaman perdagangan dan pertukaran budaya Melayu, Cina dan India, serta tiga kuasa penjajah Eropah secara berturut-turut selama hampir 500 tahun, terbukti melalui kesan seni bina, reka bentuk bandar, teknologi dan seni monumental. Kedua-dua bandar menunjukkan tahap pembangunan yang berbeza dan perubahan berturut-turut ke atas satu jangka masa yang panjang dan melengkapi sesamanya.
- (ii) Kriteria III: Melaka dan George Town merupakan bukti yang ketara kepada warisan pelbagai budaya dan tradisi Asia dan pengaruh penjajahan Eropah. Warisan ketara dan tidak ketara pelbagai ini dinyatakan melalui tersergamnya pelbagai bangunan agama yang berbeza, suku etnik, pelbagai bahasa, pemujaan dan perayaan-perayaan agama, tarian, pakaian, seni dan muzik, makanan dan kehidupan harian masyarakat.
- (iii) Kriteria IV: Melaka dan George Town mencerminkan campuran pengaruh yang telah mencipta seni bina, budaya dan seni bandar yang unik yang tidak terdapat di Asia Timur, ataupun di Asia Selatan. Secara khususnya, kedua-dua bandar mempunyai pelbagai reka bentuk rumah kedai dan rumah bandar yang luar biasa. Bangunan-bangunan ini juga menunjukkan jenis dan pembangunan bangunan yang pelbagai, ada yang berasal sama ada dari era Belanda atau Portugis.

Selain itu, berdasarkan *Operational Guidelines for the Implementation of the World Heritage Convention* (WHC.16/01, 26 Oktober 2016) para 192, pihak UNESCO *World Heritage Committee* boleh mengeluarkan sesuatu tapak atau kawasan warisan daripada senarai Warisan Dunia UNESCO dengan faktor seperti berikut:

- (i) *where the property has deteriorated to the extent that it has lost those characteristics which determined its inclusion in the World Heritage List; and*

- (ii) *where the intrinsic qualities of a World Heritage site were already threatened at the time of its nomination by human action and where the necessary corrective measures as outlined by the State Party at the time, have not been taken within the time proposed (see paragraph 116).*

Kerajaan Negeri sememangnya giat meneruskan aktiviti meningkatkan kesedaran kepada penduduk Pulau Pinang samada melalui pendidikan awam dan mengadakan pelbagai program-program warisan dari semasa ke semasa untuk memastikan OUV dalam TWDGT tidak terganggu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Berapakah bilangan kakitangan pejabat Ketua Menteri yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri?
- Nyatakan jawatan dan bilangan pegawai.
  - Jenis perjawatan, tetap atau kontrak.
  - Jumlah tanggungan gaji dan elaun oleh Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Pada tahun 2017 bilangan kakitangan di Pejabat Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang adalah seramai 23 orang. Manakala jumlah keseluruhan emolomen yang dibayar kepada kakitangan adalah berjumlah RM102,655.10 sebulan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Berapa bilangan kakitangan dibawah MMK Penerangan Negeri yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri pada masa ini?
- Nyatakan jawatan dan bilangan pegawai.
  - Jenis perjawatan, tetap atau kontrak,
  - Jumlah tanggungan gaji dan elaun oleh Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Bilangan kakitangan di MMK Penerangan Negeri adalah seramai 23 orang. Pengisian perjawatan dilaksanakan secara lantikan kontrak. Jumlah pembayaran gaji dan elaun yang dibayar oleh Kerajaan Negeri berdasarkan gred lantikan bagi pegawai-pegawai terlibat adalah keseluruhannya berjumlah RM86,097.25 sebulan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Berapakah jumlah peruntukkan MARRIS yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja naik taraf dan pembaikan jalan. Berikan pecahan mengikut tahun sejak tahun 2010?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Peruntukan MARRIS hanya boleh digunakan untuk kerja-kerja pembaikan atau penyelenggaraan jalan sahaja dan tidak dibenarkan untuk kerja-kerja menaiktaraf jalan. Jumlah peruntukan MARRIS yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk kerja-pembaikan atau penyelenggaraan jalan sejak tahun 2010 sehingga 2017 (sehingga 30 September 2017) adalah berjumlah **RM568,191,417.81** dan pecahan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Tahun | Perbelanjaan peruntukan MARRIS (RM) |
|-------|-------------------------------------|
| 2010  | 44,811,957.14                       |
| 2011  | 58,347,301.12                       |
| 2012  | 60,761,834.91                       |

| Tahun                            | Perbelanjaan peruntukan MARRIS (RM) |
|----------------------------------|-------------------------------------|
| 2013                             | 56,739,111.13                       |
| 2014                             | 100,575,845.93                      |
| 2015                             | 93,435,939.49                       |
| 2016                             | 100,567,499.46                      |
| 2017(Sehingga 30 September 2017) | 52,951,928.63                       |
| <b>Jumlah</b>                    | <b>568,191,417.81</b>               |

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Perincian projek-projek dan sumbangan parkir kereta bagi setiap projek yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2010. Dimanakah wang tersebut disimpan dan jelaskan dimana dibelanjakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Jumlah sumbangan parkir kereta daripada pemaju dari tahun 2010 sehingga bulan September 2017 adalah berjumlah RM14,371,233.00 iaitu RM11,684,544.20 dikutip oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan RM2,868,688.80 dikutip oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Perincian senarai pemaju dan jumlah kutipan wang sumbangan tempat letak kereta di kawasan MBPP adalah seperti di **Lampiran A** dan oleh MPSP adalah seperti di **Lampiran B**.

Wang sumbangan tempat letak kereta tersebut disimpan dalam akaun amanah masing-masing oleh MBPP dan MPSP. Perbelanjaan bagi wang sumbangan tersebut hanya boleh digunakan untuk projek-projek berkaitan tempat meletak kereta sahaja. Setakat ini MPSP telah membelanjakan sebanyak RM322,203.63 daripada wang sumbangan tersebut untuk projek tempat meletak kereta di kawasan Seberang Perai. Sementara pihak MBPP masih belum lagi membelanjakan wang sumbangan tersebut. Butiran projek yang telah menggunakan wang amanah tersebut adalah seperti di **Lampiran C**.

**RUJ. LAMPIRAN A, B DAN C BDMFS NO. 22.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Berapakah jumlah kutipan 20 sen setiap beg plastik terkumpul sehingga kini dan dimanakah dibelanjakan. Mengapa pihak berkuasa mahu mengenakan charge tong sampah kepada rumah kos rendah dan sederhana dan berapakah anggaran terimaan dari polisi ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Jumlah kutipan RM0.20 sen bagi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik sejak tahun 2009 hingga September 2017 adalah sebanyak RM6,669,414.17. Perincian jumlah kutipan adalah seperti berikut:-

| TAHUN | JUMLAH KUTIPAN (RM) |
|-------|---------------------|
| 2009  | 28,495.95           |
| 2010  | 268,035.57          |
| 2011  | 738,252.65          |
| 2012  | 1,206,035.33        |
| 2013  | 959,826.03          |
| 2014  | 1,040,750.81        |

| TAHUN                     | JUMLAH KUTIPAN (RM) |
|---------------------------|---------------------|
| 2015                      | 719,005.68          |
| 2016                      | 827,469.90          |
| 2017 (September)          | 881,542.25          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>6,669,414.17</b> |

Semua kutipan akan dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang dan hanya digunakan untuk program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dalam bentuk bantuan kewangan bulanan kepada golongan miskin di samping meningkatkan taraf hidup rakyat dan membasmi kemiskinan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Sehingga ini, Pihak Berkuasa Tempatan tidak pernah mengenakan sebarang caj bagi setiap tong sampah kepada rumah kos rendah dan sederhana kerana penyediaan tong sampah bagi pembangunan rumah kos rendah dan sederhana telahpun disyaratkan kepada pihak pemaju ketika peringkat Pelan Kebenaran Merancang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Apakah status penyediaan dokumen kajian kemungkinan yang diminta oleh Menteri Kerja Raya belasan bulan yang lalu tentang pembinaan terowong dan yang berkaitan. Mengapa belum dihantar dan kenapa?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama Non-Governmental Organisation (NGO) telah melaksanakan program-program penanaman pokok bagi menghijaukan Pulau Pinang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:-

- (i) Penanaman pokok di kawasan lapang dan terosot di dalam hutan simpanan kekal;
- (ii) Penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di pesisiran pantai; dan
- (iii) Penanaman pokok teduhan dan lanskap.

Jumlah pokok yang telah ditanam oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, PBT bersama-sama NGO dari tahun 2008 sehingga September 2017 adalah berjumlah 329,097. Perincian mengikut lokasi, jenis, dan bilangan pokok yang ditanam adalah seperti di **Lampiran A**.

Kos bagi pelaksanaan program-program penanaman pokok dari tahun 2008 hingga September 2017 adalah sebanyak RM3,017,940.20. Perincian adalah seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDMFS NO. 24.**

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. *World Class Land* dan anak-anak syarikat telah banyak membeli rumah Pra-Perang di Pulau Pinang. Senaraikan nama-nama syarikat yang membeli premis-premis tersebut dan adakah syarikat-syarikat tersebut merupakan sebuah syarikat warga asing atau syarikat asing?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Kajian Kebolehlaksanaan bagi Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) belum dikemukakan kepada Menteri Kerja Raya kerana ia masih belum disiapkan sepenuhnya. Kajian tersebut kini telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Pada masa ini pihak Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZCSB) menumpukan segala sumber yang ada untuk melaksanakan Projek Jalan-Jalan Utama iaitu Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1) dan Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam (Pakej 2). Kedua-dua projek ini sedang menunggu kelulusan EIA (Jadual Kedua) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Setelah dua projek jalan tersebut dimulakan, pihak CZCSB akan menumpukan perhatian untuk

menyiapkan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut memandangkan fasa pembinaan projek ini hanya dijadualkan bermula pada tahun 2023, tertakluk kepada semua kelulusan yang diperlukan. Pihak kontraktor bimbang bahawa sekiranya Kajian Kebolehlaksanaan dihantarkan sebelum EIA untuk dua projek jalan dikeluarkan, ia akan mengeruhkan lagi keadaan sehingga menjadi faktor melambatkan kelulusan EIA untuk dua jalan ini. Kedudukan perkara ini telah diperjelaskan oleh pihak CZCSB menerusi satu sesi kenyataan media pada 11 Oktober 2017.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Kerajaan Negeri selalunya mewar-warkan slogan CAT, Mengapakah Kerajaan Negeri menutup fungsi pencarian seksyen dalam laman sesawang ([http://pegis.Penang.Gov.My/BETA/lot\\_finder/](http://pegis.Penang.Gov.My/BETA/lot_finder/)) dimana dahulunya boleh diakses dan kini hanya mempunyai Nombor Lot sahaja?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Merujuk kepada Laporan tahunan Aspiat Corporation Limited 2015 (bagi data World Class Land dan anak-anak syarikat World Class Land), senarai syarikat-syarikat yang membeli hartanah di dalam Tapak Warisan Dunia George Town (TDWGT) adalah seperti berikut:

| Bil | Nama Syarikat  | Status Syarikat |
|-----|--|-----------------|
| 1.  | World Class Land (Georgetown) Sdn. Bhd.  | Tempatan        |
| 2.  | WCL (Macalister) Sdn. Bhd.   | Tempatan        |
| 3.  | WCL (Noordin St.) Sdn. Bhd.  | Tempatan        |
| 4.  | WCL (Macallum) Sdn. Bhd.   | Tempatan        |
| 5.  | First Multiple Sdn. Bhd.   | Asing           |
| 6.  | Abundant Heritage Sdn. Bhd.  | Asing           |
| 7.  | Ajuntha Textile Sdn. Bhd.  | Asing           |
| 8.  | Bank of China(Malaysia) Bhd.   | Asing           |
| 9.  | Freehold Glamour Sdn Bhd   | Asing           |
| 10. | Goodwill Series Sdn Bhd  | Asing           |
| 11. | Haniffa Properties Sdn Bhd   | Asing           |
| 12. | HL Yong Company (PTE) LTD.   | Asing           |
| 13. | Kuwait Finace House (Malaysia) Berhad Sebagai Pemegang Amanah Kepada Iman Ikhlas (M) Sdn. Bhd. | Asing           |
| 14. | Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad   | Asing           |
| 15. | Ma Wah Yan Billy, HSBC Trustee (Hong Kong) Limited   | Asing           |
| 16. | Pacific Platform Sdn. Bhd.   | Asing           |
| 17. | Region (M) Investments Pte Ltd   | Asing           |
| 18. | Superstar Synergies Sdn Bhd  | Asing           |

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Kerajaan Negeri selalunya mewar-warkan slogan CAT, Mengapakah Kerajaan Negeri menutup fungsi pencarian seksyen dalam laman sesawang ([http://pegis.Penang.Gov.My/BETA/lot\\_finder/](http://pegis.Penang.Gov.My/BETA/lot_finder/)) dimana dahulunya boleh diakses dan kini hanya mempunyai Nombor Lot sahaja?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Versi beta aplikasi Lot Finder disediakan bertujuan sebagai platform ujian bagi mendapatkan input dan maklumbalas pengguna. Versi beta ini telahpun diganti dengan versi live dan aplikasi Lot Finder boleh dicapai di laman <http://pegis.penang.gov.my> atau alamat terus ke aplikasi Lot Finder adalah [http://pegis.penang.gov.my/web\\_app/lot\\_finder](http://pegis.penang.gov.my/web_app/lot_finder). Versi terbaharu ini adalah penambahbaikan ke atas fungsi carian aplikasi dengan susunan yang lebih praktikal dan mesra pengguna. Maklumat-maklumat lot masih dipaparkan.

Selain itu, aplikasi Lot Tracker juga telah dibangunkan bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat lot di lokasi pilihan. Aplikasi ini boleh diakses di alamat [https://pegis.penang.gov.my/web\\_app/lot\\_tracking](https://pegis.penang.gov.my/web_app/lot_tracking).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Mohon Kerajaan Negeri kemukakan data transaksi hartanah di Daerah Timur Laut secara terperinci (Bagi Bangunan Jenis Pre-war) sejak tahun 2008 sehingga September 2017 mengikut Mukim/Bandar, No. Seksyen, Jenis dan No. Lot/Plot, Status Lot, Tarikh Transaksi, Luas Lot, Jenis Hakmilik, Nama Pemberi Pindahmilik /Syarikat, Nama Penerima Pindahmilik/syarikat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Sebanyak **452 data transaksi** hartanah bagi bangunan jenis pre-war direkodkan berdasarkan semakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Pulau Pinang (JPPH) pada tahun 2008 sehingga Oktober 2016. Perincian data transaksi hartanah adalah seperti berikut:

| TAHUN         | BILANGAN TRANSAKSI | NILAI BALASAN (RM)    |
|---------------|--------------------|-----------------------|
| 2013          | 204                | 291,561,583.26        |
| 2014          | 94                 | 162,651,000.00        |
| 2015          | 71                 | 117,460,000.00        |
| 2016          | 83                 | 64,880,060.00         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>452</b>         | <b>636,552,643.26</b> |

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Adakah benar sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 59 M2 yang telah digezetkan sebagai dari lorong bersebelahan dengan Lot 2151 Mukim 2 SPT telah diberi milik kepada Pemilik Lot 2151 dan diberikan geran baru. Jelaskan mengapa pemberian ini dibuat, oleh siapa dan berapa harga dan adakah ini dibenarkan oleh mana-mana undang-undang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Tapak yang dimaksudkan adalah PT 160 Mukim 2 Daerah Seberang Perai Tengah berkeluasan 39.6220 meter persegi. Pihak Berkuasa Negeri pada 8.8.2012 dan disahkan pada 15.8.2012 telah meluluskan permohonan pemberimilikan PT 160 kepada pemilik Lot 2151 iaitu lot bersebelahan dengan dikenakan bayaran premium RM16,642.00 (39.62 mp x RM 420.00 smp). Pemberimilikan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara 1965.

Permohonan ini juga telah dirujuk kepada semua jabatan teknikal yang terlibat seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLAN Malaysia) dan didapati simpanan rizab 20 kaki masih ada di lorong sisi berkenaan serta mencukupi dan boleh digunakan untuk tujuan laluan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. (a) Sila berikan secara terperinci tanah-tanah serta hartanah yang masih dimiliki oleh Kerajaan Negeri serta agensi-agensi Kerajaan Negeri.



- (b) Dalam isu janji pemulangan hartanah 50 Lebu Love Bangunan yang telah dirampas dibawah Kanun Tanah Negara oleh Kerajaan Negeri, kenapa Majlis Klan Cina Pulau Pinang diminta membuktikan mereka adalah pewaris sah?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. (a) Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hak milik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu untuk disenaraikan.

Senarai tanah dan hartanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah seluas **1,091.48 ekar** (441.72 hektar) dan **1,312.55 ekar (531.18 hektar)** masing-masing seperti berikut:

| PIHAK BERKUASA TEMPATAN   | DAERAH                 | KELUASAN (EKAR) | JUMLAH BESAR (EKAR) |
|---------------------------|------------------------|-----------------|---------------------|
| MBPP                      | TIMUR LAUT             | 768.37          | <b>1,091.48</b>     |
|                           | BARAT DAYA             | 165.62          |                     |
|                           | SEBERANG PERAI SELATAN | 157.49          |                     |
| MPSP                      | SEBERANG PERAI UTARA   | 313.07          | <b>1,312.55</b>     |
|                           | SEBERANG PERAI TENGAH  | 437.31          |                     |
|                           | SEBERANG PERAI SELATAN | 562.17          |                     |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                        |                 | <b>2,404.03</b>     |

Ringkasan tanah dan hartanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengikut daerah adalah seperti berikut:

| DAERAH                    | JUMLAH (EKAR)   |
|---------------------------|-----------------|
| TIMUR LAUT                | 480.63          |
| BARAT DAYA                | 403.09          |
| SEBERANG PERAI UTARA      | 4.29            |
| SEBERANG PERAI TENGAH     | 140.00          |
| SEBERANG PERAI SELATAN    | 4,230.67        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>5,258.68</b> |

Manakala tanah dan hartanah yang dimiliki oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI) adalah seluas **425.86 ekar**. Senarai terperinci tanah dan hartanah milik CMI adalah seperti berikut:

| DAERAH                    | JUMLAH (EKAR) |
|---------------------------|---------------|
| TIMUR LAUT                | 113.08        |
| BARAT DAYA                | 121.36        |
| SEBERANG PERAI UTARA      | 51.90         |
| SEBERANG PERAI TENGAH     | 134.23        |
| SEBERANG PERAI SELATAN    | 5.29          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>425.86</b> |

- (b) Semasa permohonan pemberimilikan tanah dikemukakan oleh Penang Chinese Clan Council (PCCC) pada tahun 2015, PCCC gagal membuktikan bahawa PCCC adalah pemilik asal tanah Meng Eng Soo. Perkara ini telah menimbulkan kesulitan kerana tanggapan awal Pihak Berkuasa Negeri pada masa tersebut, PCCC adalah pemilik tanah Meng Eng Soo yang membolehkan pemberimilikan hartanah di Love Lane diluluskan dengan kadar premium tanah nominal RM1.00 berdasarkan perkaitan Meng Eng Soo dengan hartanah di Love Lane. Akibat kekeliruan tersebut maka PCCC diminta untuk membuktikan mereka adalah pewaris sah terhadap pemilikan asal tapak tersebut bagi tindakan susulan Kerajaan Negeri.

**III. Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Senaraikan semua pengusaha:

- (a) Kitar semula serta;
- (b) Sisa makanan yang berlesen dan tidak dengan terperinchi (nama/alamat/pecahan barangan kitar semula yang dikutipkan/caranya dan lain-lain). Huraikan ratio pecahan pengasingan sampah (sampah/barangan kitar semula/sisa makanan dan hijau) yang direkodkan oleh PBT (MBPP/MPSP/DTL/DBD/SPU/SPT/SPS).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Jumlah pengusaha barangan kitar semula yang berlesen di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah seramai 49 orang, manakala di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula seramai 500 orang. Bagi pengusaha barangan kitar semula yang tidak berlesen terdapat seramai 43 orang di kawasan MBPP dan 52 orang di kawasan MPSP. Bilangan pengusaha barangan kitar semula yang berlesen dan pengusaha yang tidak berlesen di kawasan MBPP dan MPSP mengikut daerah adalah seperti dijadual berikut:

| PBT  | DAERAH        | PENGUSAHA BERLESEN | PENGUSAHA TIDAK BERLESEN |
|------|---------------|--------------------|--------------------------|
| MBPP | DTL           | 29                 | 28                       |
|      | DBD           | 20                 | 15                       |
|      | <b>JUMLAH</b> | 49                 | 43                       |
| MPSP | SPU           | 134                | -                        |
|      | SPT           | 307                | 48                       |
|      | SPS           | 59                 | 4                        |
|      | <b>JUMLAH</b> | 500                | 52                       |

Pecahan pengasingan sampah mengikut ratio yang direkodkan oleh MBPP dan MPSP adalah seperti berikut :

| Jenis Sisa                          | MBPP (%) | MPSP (%) |
|-------------------------------------|----------|----------|
| Kitar Semula (plastik kertas logam) | 29.021   | 40.49    |
| Sisa Makanan                        | 0.11     | 0.04     |
| Sisa Pokok (Anggaran)               | 0.005    | 1.65     |
| Sisa Dilupuskan                     | 70.864   | 57.82    |
| <b>JUMLAH</b>                       | 100.00   | 100.00   |

**RUJ. LAMPIRAN I DAN II BTYC NO. 1.**

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Senaraikan semua kemudahan tempat letak kereta MBPP dan MPSP dengan terperinchi (Komplek/lokasi/bilangan tempat letak/Kadir Caj/diselenggarakan PBT atau dikontrakkan/dll). Huraikan pendapatan yang dikutipkan dengan terperinci (kadar Caj/sistem

dipakai..DII), pengagihan pendapatan tersebut, peraturan pendapatan tersebut dalam pendapatan seluruh negeri dari tahun 2008 hingga terkini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Jumlah keseluruhan petak tempat letak kereta di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 35,509. Huraian mengenai lokasi dan jumlah petak tempat letak kereta di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut:

| DAERAH                       | JUMLAH PETAK TEMPAT LETAK KERETA |
|------------------------------|----------------------------------|
| Seberang Perai Utara (SPU)   | 7,528                            |
| Seberang Perai Tengah (SPT)  | 13,791                           |
| Seberang Perai Selatan (SPS) | 2,737                            |
| Timur Laut dan Barat Daya    | 11,453                           |

Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengamalkan sistem tempat letak kereta yang berbeza. Butiran terperinci bagi sistem tempat letak kereta yang digunakan mengikut PBT adalah seperti berikut:

| Perkara                          | MBPP   | MPSP   |
|----------------------------------|--|--|
| Jumlah Petak Tempat Letak Kereta | 24,056   | 11,453   |
| Hari operasi                     | Isnin – Sabtu<br>(Termasuk Hari Kelepasan Am)<br>Percuma : Hari Ahad       | Isnin – Sabtu<br>(Kecuali hari Ahad dan cuti umum)                 |
| Masa Operasi                     | 8.00 pagi hingga 6.00 petang   | 8.00 pagi hingga 9.00 malam  |
| Sistem yang digunakan            | Sistem berkupon dan alatan prabayar  | Sistem berkupon  |
| Kadar Caj                        | RM0.40 untuk setengah jam<br>RM6.00 untuk sehari<br>RM150.00 untuk sebulan | RM0.40 untuk sejam<br>RM3.00 untuk sehari<br>RM75.00 untuk sebulan |
| Penyelenggaraan                  | Selenggaraan oleh kontraktor   | Selenggaraan oleh MPSP   |

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Huraikan:
- Pendapatan atau keuntungan barangan kitar semula (*recyclable materials*) dengan terperinci (barangan tersebut diasingkan kepada berapa jenis/berapa yang telah dikutipkan setiap bulan/pecahan barangan yang dikutipkan pusat kitar semula swasta atau PBT dan lain-lain).
  - Pemasaran/nilai barangan kitar semula setiap jenis yang diasingkan, diekspotkan dan harga jual beli setiap barangan tersebut.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. (a) Pendapatan dari barangan kitar semula yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau mana-mana pusat kitar semula milik PBT sejak pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca sejak Jun 2016 sehingga Ogos 2017 adalah RM50,437.43. Ringkasan perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

| Tahun         | MBPP (RM)        | MPSP (RM)        | Jumlah Keseluruhan (RM) |
|---------------|------------------|------------------|-------------------------|
| 2016*         | 10,490.04        | 14,034.23        | 24,524.27               |
| 2017**        | 5,867.96         | 20,045.20        | 25,913.16               |
| <b>Jumlah</b> | <b>16,358.00</b> | <b>34,079.43</b> | <b>50,437.43</b>        |

\*mulai Jun 2016

\*\* sehingga Ogos 2017

Perincian pendapatan, statistik barangan kitar semula dan harga jualan barangan kitar semula adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Barangan yang dikitar semula oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dipasarkan kepada pengusaha barangan lusuh yang berlesen. Nilai bagi barangan tersebut adalah berubah mengikut keadaan pasaran. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula, menjual barangan kitar semula tersebut dalam bentuk barangan kitar semula bercampur yang berharga RM0.20/kg. Perincian harga pasaran adalah seperti lajur (d) di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, MBPP dan MPSP tiada maklumat mengenai pendapatan yang diperolehi daripada kitar semula yang diuruskan oleh pihak swasta atau mana-mana Badan Bukan Kerajaan.

### **RUJ. LAMPIRAN A BTYC NO. 3.**

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Huraikan dengan kronologi terperinci penyelesaian isu Kampung Mutiara di Batu Feringghi sejak tahun 2008.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Isu Kampung Mutiara di Batu Feringgi adalah merujuk kepada notis pengosongan oleh pemilik tanah kepada penduduk yang menetap di atas Lot 39 dan Lot 40, Seksyen 1, Bandar Batu Feringgi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan keluasan 12.139 ekar. Berdasarkan semakan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut, lot-lot tanah berkenaan merupakan milik persendirian dan sehingga kini masih belum ada sebarang permohonan kebenaran merancang dikemukakan untuk pembangunan di atas lot-lot berkenaan. Beberapa siri mesyuarat juga telah diadakan yang melibatkan pelbagai pihak bagi mencari penyelesaian isu penempatan penduduk yang menghuni di atas tanah tersebut. Di dalam siri-siri perbincangan bagi menyelesaikan masalah ini, Kerajaan Negeri telah diwakili oleh YB. TKM 1 dengan dibantu Ahli Parlimen Bukit Bendera. Kedua-duanya mereka bukan sahaja telah berjumpa dengan penduduk terlibat bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik, malah YB. TKM 1 juga telah mengambil usaha bertemu dengan pemilik tanah bagi membincangkan jalan penyelesaian terbaik bagi kedua-dua pihak iaitu pemilik tanah dan penduduk. Hasil daripada usaha ini telah dipersetujui untuk penduduk berpindah keluar dalam tempoh 3 bulan dan tuan tanah diberi jaminan untuk tanahnya tidak diambil balik. Kronologi terperinci dan tindakan-tindakan bagi penyelesaian isu Kampung Mutiara adalah seperti berikut:-

| Bil. | Tarikh       | Perkara   |
|------|--------------|---|
| 1.   | 18 Mei 2016  | Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, ICU Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mempelawa UDA mengemukakan cadangan pembangunan Kampung Mutiara. Objektif utama pembangunan adalah untuk menyelesaikan setinggan di atas Lot 39 & 40 serta 500 unit rumah setinggan di lot-lot yang berhampiran.   |
| 2.   | 23 Ogos 2016 | UDA telah membentangkan cadangan pembangunan Kampung Mutiara dalam Mesyuarat Khas yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hjh. Jahara Abd. Hamid. Turut hadir ialah wakil Jawatankuasa Focus Group Hartanah, ICU Pulau Pinang, PERDA & JPBD Pulau Pinang. Perbincangan di antara pihak UDA dan pemilik tanah Lot 39 & 40 telah bersetuju menawarkan harga jualan sebanyak RM300 skp. Walau bagaimanapun harga berkenaan terlalu tinggi. |

| Bil. | Tarikh        | Perkara  |
|------|---------------|--|
| 3.   | 7 Mac 2017    | UDA telah membentangkan cadangan pembangunan Kampung Mutiara kepada Jawatankuasa Focus Group Hartanah yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hj. Jahara Abd. Hamid. Turut dihadiri wakil UMNO Bukit Bendera, ICU Pulau Pinang, ICU JPM & Kementerian Kewangan. Persetujuan telah diperolehi untuk membangunkan tanah Lot 36 yang mempunyai akses terus dari Jalan Utama iaitu Jalan Batu Ferringghi.  |
| 4.   | 3 April 2017  | UDA telah membentangkan permohonan dana bagi cadangan pembangunan Kampung Mutiara kepada Menteri di JPM YB Datuk Seri Abd. Rahman Dahlan di EPU, Putrajaya. Turut dihadiri wakil UMNO Bukit Bendera, ICU Pulau Pinang & Kementerian Kewangan.  |
| 5.   | 14 April 2017 | Pemilik tanah Lot 36 iaitu tidak bercadang untuk menjual tanah berkenaan.  |
| 6.   | 19 April 2017 | Wakil pemilik tanah Lot 37 telah hadir ke Pejabat UDA menawarkan penjualan tanah Lot 37. Tanah berkenaan tiada akses terus dari jalan utama dan terpaksa melalui akses dari tanah Lot 36.  |
| 7.   | 5 Jun 2017    | Mesyuarat Bersama ketua-ketua jabatan / agensi berkaitan, wakil UMNO Bukit Bendera yang turut dihadiri oleh Dato' Seri Hj. Ahmad Ismail bagi cadangan pembangunan Kampung Mutiara yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hj. Mohd. Rashid Hasnon TKM1 Pulau Pinang telah bersetuju untuk membuat pengambilan tanah Lot 39 & 40 dengan mengemukakan permohonan Seksyen 4 & Seksyen 8 untuk tujuan awam. UDA adalah sebagai agensi pelaksana pembangunan.   |
| 8.   | 3 Julai 2017  | Mesyuarat Bersama ketua-ketua jabatan / agensi berkaitan, wakil UMNO Bukit Bendera yang turut dihadiri oleh Dato' Seri Hj. Ahmad Ismail bagi cadangan pembangunan Kampung Mutiara yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hj. Mohd. Rashid Hasnon TKM1 Pulau Pinang. Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Exco pada 30/6/2017 telah meluluskan permohonan Seksyen 4 bagi pengambilan tanah Lot 39 & 40 untuk tujuan awam.  |
| 9.   | 6 Julai 2017  | Mesyuarat bersama ICU JPM dan Uda Land North Sdn. Bhd. (ULNSB) telah membincangkan kaedah penyelesaian pembangunan Kampung Mutiara iaitu UDA sebagai agensi pelaksana dan ICU JPM akan mendapatkan dana dalam bentuk "soft loan".  |
| 10.  | 12 Julai 2017 | Pihak ICU JPM melalui surat bertarikh 12/7/2017 telah bersetuju menyediakan peruntukan awalan berjumlah RM10 juta kepada ULNSB secara "soft loan".   |
| 11   | 10 Ogos 2017  | Pada 31 Julai 2017 pertemuan diantara 3 pihak iaitu :<br>1- YB Dato Hj Mohd Rashid Hasnon TKM!<br>2- Mr Loke (Tuan tanah)<br>3- Dato' Seri Ahmad Ismail<br>Hasil daripada pertemuan tersebut satu persepahaman telah dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak iaitu semua penduduk perlu keluar dari tanah Lot 38 & lot 40 dalam tempoh 3 bulan sehingga tarikh akhir 31 Oktober 2017<br>Mesyuarat bersama ICU JPM dan ULNSB telah membincangkan kaedah penyelesaian tambahan seperti berikut :<br><br>i. ICU JPM akan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan peruntukan tambahan dana dalam bentuk "grant" atau "soft loan" bagi menyelesaikan isu 70 keluarga di Kg. Mutiara bagi menampung kos awalan pembangunan.<br><br>ii. Mesyuarat mencadangkan Rumah Pangsa LMC E&O di Tanjung Tokong dijadikan penempatan sementara /transit bagi 70 keluarga Kg. Mutiara yang terlibat dengan kerja-kerja meroboh dan pengusiran oleh tuan tanah lot 39 & lot 40. |

| Bil. | Tarikh        | Perkara  |
|------|---------------|--|
| 12.  | 17 Ogos 2017  | Mesyuarat Bersama ketua-ketua jabatan / agensi berkaitan bagi cadangan pembangunan Kampung Mutiara yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hj. Mohd. Rashid Hasnon TKM1 Pulau Pinang telah mengarahkan pihak JPPH (Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta) menyediakan laporan penilaian harga tanah terkini bagi Lot 39 & 40 serta Lot 42 & 43 untuk dijadikan panduan permohonan dana ICU JPM. |
| 13.  | 16 Sept. 2017 | Mesyuarat Bersama Ahli Parlimen Bukit Bendera, CEO E&O, Wakil ADUN Tanjung Bunga dan wakil penduduk Kampung Mutiara yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hj. Mohd. Rashid Hasnon TKM1 Pulau Pinang membincangkan kaedah penempatan dan senarai penduduk tanah Lot 39 & 40 yang terlibat dengan perpindahan.   |
| 14.  |               | UDA sedang menunggu maklumbalas dari EPU berkaitan kelulusan permohonan dana cadangan pembangunan Kampung Mutiara berkenaan.   |

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 5 Huraikan dengan kronologi terperinci penyelesaian isu Kampong Tanjung Tokong sejak tahun 2008.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Isu berkaitan projek pembangunan dan penempatan semula penduduk oleh Urban Development Authority (UDA) di Kampung Tanjung Tokong telah berlarutan sekian lama. Pada masa kini pihak UDA sedang dalam pelaksanaan bagi membangunkan kawasan tersebut dengan perumahan jenis kos sederhana rendah. Sebahagian lagi kawasan tersebut akan dibangunkan dengan perumahan mampu milik oleh pihak UDA. Kronologi terperinci penyelesaian isu Kampung Tanjung Tokong adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BTYC NO. 5.**

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Senaraikan semua tanah kerajaan yang dijual kepada mega projek yang tidak perlu mempraktikkan Polisi 'Tender Terbuka' sejak 2013 dengan terperinci (nama projek/pemaju/lokasi/lot nombor/luasan/tujuan projek/bila diluluskan PBT/dan lain-lain) Huraikan sistem dan SOP Tender Terbuka kerajaan negeri Pulau Pinang dikecualikan dalam mega projek tersebut.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Semua tanah Kerajaan Negeri akan dijual secara tender terbuka kecuali ianya boleh menarik pelaburan mega untuk sektor-sektor kritikal dalam industri pembuatan, elektronik, *semi-conductor*, peralatan perubatan LED, *aerospace* dan pelancongan perubatan.

Satu projek pelaburan yang Kerajaan Negeri berjaya tarik ke Pulau Pinang adalah pelaburan RM2 bilion oleh Island Hospital Sdn. Bhd. untuk membina hospital swasta yang paling besar di Malaysia sebanyak 1,000 buah katil. Perkembangan ini akan memantapkan lagi industri pelancongan perubatan yang kini menjadi di antara sektor utama Kerajaan Persekutuan, dengan pelbagai insentif yang diumumkan dalam Belanjawan Negara 2018.

Maklumat projek adalah seperti berikut :

|  |  |
|--|--|
| Nama Projek                              | Pembangunan Island Medical City  |
| Pemaju                                   | Island Hospital Sdn. Bhd. (IHSB)   |
| Lokasi                                   | Tapak letak kenderaan Kerajaan Negeri (Peel Avenue), Seksyen 4, DTL                              |
| No. Lot                                  | PT 71 (Lot 1449)   |
| Keluasan                                 | 6.4431 ekar/ 2.6075 hektar   |
| Tujuan Projek                            | Pembangunan Island Medical City  |
| Tarikh kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan | Pelan Kebenaran Merancang telah dikemukakan pada 23 Jun 2017 dan masih dalam peringkat kelulusan |

Cadangan pembangunan oleh IHSB melibatkan tambahan bangunan bersebelahan tapak berhadapan bangunan Island Hospital sediaada. Pembangunan IHSB telah mencapai tahap 'tepu bina' yang disebabkan oleh kekurangan ruang. Justeru itu, IHSB telah mencadangkan membuat tambahan bangunan bagi hospital sediaada. Cadangan ini telah dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan dimaklumkan ianya boleh dipertimbangkan dengan syarat perlu ada penghubung secara fizikal dan pentadbiran bagi kedua-dua bangunan hospital tersebut.

Memandangkan tapak tersebut hanya lebih kurang 200 meter sahaja daripada bangunan sediaada dan hanya pihak Island Hospital sahaja yang membuat permohonan, maka dipertimbangkan dibuat untuk penjualan tanpa 'Tender Terbuka'. Projek ini juga adalah projek impak tinggi dengan nilai pelaburan dianggarkan berjumlah RM1.2 bilion, tambahan 300 katil (fasa satu) dan 400 katil (fasa kedua) dengan kemudahan teknologi tinggi dalam bidang perubatan serta menawarkan perkhidmatan untuk penyakit kronik dan '*niche market service*'. Bangunan baru ini akan menyediakan kemudahan / fasiliti perubatan yang tercanggih dan terbesar di Negeri Pulau Pinang. Selain itu juga, pembangunan projek ini juga akan turut menyediakan kemudahan teknologi perubatan yang terbaharu dalam bidang Onkologi, '*Fertility Services, Digestive Care, sub-specialties of Orthopaedics, Neurosciences and Geriatrics serving the ageing population*'.

Kerajaan Negeri sememangnya mematuhi setiap tatacara perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Justeru, dalam menguruskan Kaedah Perolehan Tender Terbuka di Pulau Pinang, ianya adalah menggunakan 1PP (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia) dan kebanyakan tender terbuka yang dilaksanakan adalah berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan/lanskap/pembersihan dan pembelian aset sahaja.

Namun begitu, Kerajaan Negeri mempunyai justifikasi bagi mengecualikan tender dari melalui proses tender terbuka berasaskan kriteria berikut :

- (i) Penyeragaman bagi barangan sedia ada dengan barangan yang akan dibeli bagi memastikan kesesuaian penggunaan;
- (ii) Melibatkan perolehan alat-alat keselamatan atau projek yang perlu dirahsiakan;
- (iii) Pembelian khusus atau pembekal tunggal bagi suatu barangan dan perkhidmatan yang dikehendaki ; dan
- (iv) Perolehan yang mendesak/kecemasan dan perlu disegerakan yang boleh menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Senaraikan pembelanjaan peruntukan semua Ahli majlis PBT (MBPP/MPSP) dengan terperinci sejak tahun 2008 dan huraikan prestasi setiap Jawatankuasa Kecil di bawah PBT masing-masing (termasuk pelawatan Ahli majlis ke luar negara).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Perincian jumlah peruntukan tahunan kepada Ahli Majlis MBPP dan MPSP adalah seperti di **Lampiran A**. Prestasi perbelanjaan peruntukan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2008 hingga Oktober 2017 adalah seperti di **Lampiran B**. Permohonan peruntukan bagi Ahli Majlis perlu melalui kertas kerja yang akan dikemukakan kepada Datuk Bandar atau Yang Dipertua. Peruntukan Ahli Majlis ini tidak diberikan mengikut Jawatankuasa Kecil di PBT.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BTYC NO. 7.**

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Huraikan kekuatan/ kelemahan dan strategi pertingkatkan prestasi Jabatan Penguatkuasaan PBT.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Kekuatan, kelemahan dan strategi bagi meningkatkan prestasi Jabatan Penguatkuasaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:
  - (a) Kekuatan
    - (i) mempunyai satu kaedah pemantauan dan penguatkuasaan melalui penggunaan

sistem CCTV sedia ada. Penggunaan CCTV ini banyak membantu dalam memantau dan melicinkan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh anggota penguatkuasa terutama bagi kawalan trafik.

- (ii) menggunakan sistem *hand held* dalam pengeluaran kompaun bagi tindakan penguatkuasaan tempat letak kereta.
- (iii) mewujudkan Unit Rondan Basikal (URB) sebagai satu kaedah penguatkuasaan yang bercirikan "mesra rakyat dan mesra alam".
- (iv) mempunyai jentera dan kelengkapan logistik yang baru dalam membantu tugas operasi penguatkuasaan;
- (v) memperkasakan anggota penguatkuasa dengan latihan-latihan asas mempertahankan diri dalam menjalankan penguatkuasaan.

(b) Kelemahan

- (i) jumlah anggota penguatkuasa beruniform yang terhad dibandingkan dengan kawasan tanggungjawab yang luas menyebabkan pemantauan penguatkuasaan secara berkala hanya dapat dilakukan secara minimum;
- (ii) peruntukkan bidang kuasa yang terhad untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan terutama yang terletak di kawasan perumahan;
- (iii) tidak mempunyai kawasan yang mencukupi untuk menempatkan kenderaan berat jika tindakan sitaan di jalan raya dilakukan oleh penguatkuasa;
- (iv) aktiviti iklan-iklan haram masih berleluasa terutama disekitar bandar walaupun tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berterusan;
- (v) jumlah kelengkapan logistik adalah terhad sehingga menyebabkan kesukaran apabila operasi penguatkuasaan berskala besar hendak dilakukan;
- (vi) sistem kerja dan sistem berkomputer yang agak lemah dalam memantau operasi penguatkuasaan.

(c) Strategi

- (i) meletakkan anggota di setiap daerah bagi menangani aduan-aduan yang memerlukan tindakan segera;
- (ii) membuat penyewaan / melengkapkan kelengkapan logistik;
- (iii) menambahbaik sistem kerja dan sistem komputer bagi memudahkan pemantauan penguatkuasaan;
- (iv) membekalkan anggota dengan latihan-latihan berkaitan undang-undang dan penguatkuasaan untuk melancarkan tindakan operasi penguatkuasaan;
- (v) membuat lawatan ke PBT yang lain bagi berkongsi pengalaman dan pengetahuan di dalam tindakan penguatkuasaan;
- (vi) memberi latihan seni mempertahankan diri tanpa senjata kepada setiap anggota penguatkuasa bagi mempertahankan diri;
- (vii) mengadakan kursus motivasi dan komunikasi bagi meningkatkan mutu dan etika kerja semasa berinteraksi dengan masyarakat;
- (viii) memberikan latihan mengenai cara-cara penggunaan peralatan perobohan yang lebih moden supaya kaedah perobohan yang lebih pantas dapat dijalankan dalam tempoh yang singkat;
- (ix) pembelian 2 buah pacuan 4 roda pada tahun 2017 bagi tindakan penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang sukar dimasuki dan keadaan yang melibatkan bencana alam;



- (x) memberikan taklimat kesedaran kepada anggota supaya tidak terlibat dengan gejala rasuah dari semasa ke semasa oleh Pihak Pesuruhjaya Pencegah Rasuah Malaysia;
- (xi) menambah anggota-anggota penguatkuasa bertaraf tetap dan kontrak.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Huraikan di bawah garis panduan Kementerian Pendidikan pembangunan yang melebihi 2500 ke atas perlunya pemaju menyediakan tanah pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah ,terutamanya pemaju (BSG ,Penang Realty,dan lain-lain) di KADUN Tanjung Bunga dan senaraikan tanah pendidikan dengan terperinci (lot nombor/lokasi/luasan/status kini..dan lain-lain) di seluruh negeri Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Merujuk kepada Garis Panduan Kemudahan Masyarakat yang dikeluarkan oleh MBPP bagi penyediaan tapak sekolah, sekiranya jumlah unit rumah yang akan disediakan berjumlah 1,250 unit dan ke atas, maka pihak pemaju dikehendaki memperuntukan (*set aside*) dan menyerahkan tapak seluas 4 ekar kepada Kerajaan Negeri sebagai rizab sekolah.

Berdasarkan maklumat gunatanah bagi tahun 2016, terdapat 332 buah sekolah di negeri Pulau Pinang. Bilangan sekolah mengikut daerah di negeri Pulau Pinang seperti di jadual.

Bilangan sekolah mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang

| Daerah        | Bilangan Sekolah |
|---------------|------------------|
| DTL           | 88               |
| DBD           | 43               |
| SPU           | 79               |
| SPT           | 75               |
| SPS           | 47               |
| <b>Jumlah</b> | <b>332</b>       |

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Huraikan pembelanjaan bajet RM707.6juta daripada RM1.45billion,iaitu 48.7%daripada bajet keseluruhannya yang di salurkan ke pejabat Ketua Menteri untuk tahun 2017?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Sejumlah RM707,611,840.00 telah diluluskan di dalam Bajet 2017 di bawah maksud P01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi melaksanakan projek – projek yang telah diluluskan. Di bawah maksud tersebut, terdapat 19 butiran projek aktif yang dilaksanakan bagi tahun 2017 dan perincian perbelanjaan sehingga September 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BTYC NO. 11.**

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Senaraikan kawasan atau 'hot spot' tanah runtuh (nama projek pembangunan/lokasi)di seluruh negeri Pulau Pinang. Huraikan sebab-sebab berlaku tanah runtuh dan strategi,langkah-langkah dan polisi kerajaan negeri menangani isu ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Kawasan atau *hot spot* tanah runtuh yang dikenal pasti pada tahun 2017 di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut :

| BIL. | KAWASAN/LOKASI                            |
|------|---|
| 1.   | Paya Terubong, DTL                        |
| 2.   | Solok Tanjung Bungah, Tanjung Bungah, DTL |

|    |  |
|----|--|
| 3. | Lebuh Raya Thean Teik, Ayer Itam, DTL              |
| 4. | Puncak Bukit Mutiara, DTL                          |
| 5. | Ladang Hong Seng, Puncak Bukit Mutiara, DTL        |
| 6. | Bukit Penara, DBD                                  |
| 7. | Jalan Tun Sardon, Balik Pulau, DBD                 |
| 8. | Lot 792 & 793, Taman Sentosa, Bukit Mertajam, SPT  |
| 9. | Lot 801 & 1769, Taman Sentosa, Bukit Mertajam, SPT |

Antara sebab-sebab berlakunya tanah runtuh adalah seperti berikut :

- (i) Terdapat anjakan atau pergerakan jisim batuan atau tanah pada sesuatu cerun. Ianya boleh berlaku disebabkan keadaan batu dan cerun tanah, struktur geologi dan penggunaan tanah di cerun yang boleh menambah daya beban cerun. Keadaan ini akan menyebabkan tanah menjadi tepu (*saturated*) dan lebih berat. Apabila daya beban cerun lebih besar daripada daya penahan cerun disamping faktor cuaca seperti hujan lebat yang menyebabkan air meresap ke dalam tanah sehingga ke suatu tahap menyebabkan berlakunya anjakan atau pergerakan atau runtuh tanah.
- (ii) Sistem saliran air sedia ada tidak mampu untuk menampung jumlah curahan air hujan atau air larian permukaan. Ini disebabkan oleh sistem saliran air sedia ada telah diubah atau dialih laluan bagi mengadaptasi kehendak reka bentuk sesuatu cadangan pemajuan.
- (iii) Aktiviti pertanian di kawasan - kawasan bukit yang menyumbang kepada pergerakan atau runtuh tanah. Ini dipercayai berpunca daripada pencerobohan tanah tanpa kelulusan perancangan yang sempurna dan kerja-kerja penyelenggaraan tanah yang tidak dilakukan dengan sewajarnya.

Antara strategi dan langkah Kerajaan Negeri untuk menangani isu tanah runtuh adalah seperti berikut :

- (i) Mewujudkan Jawatankuasa Kerja Tanah Bukit Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan dianggotai oleh semua Pentadbir Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD).
- (ii) Mewujudkan Jawatankuasa Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kerja Raya (JKR) merupakan urusetia bagi jawatankuasa ini yang anggotai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).
- (iii) Pemilik tanah diberi pendedahan kepentingan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan melalui forum dan dialog yang dianjurkan bersama oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Penang Technical Advisory Committee (PTAC).
- (iv) Melantik juru perunding bagi membuat kajian dan menyediakan pelan pembangunan ke atas aktiviti pertanian di lereng-lereng bukit. termasuk menjalankan pemeriksaan tapak secara visual bagi menentukan keseriusan isu hakisan dan pemendapan tanah serta mengumpulkan dan menganalisa semua maklumat yang relevan seperti topografi, data hidrologi, jenis tanah dan juga siasatan tanah.
- (v) Menyediakan satu garis panduan komprehensif bagi aktiviti pertanian kawasan bukit. di mana kehendak atau syarat sistem saliran air sedia ada hendaklah tidak diusik atau diubah dan mesti dipatuhi bagi semua pemajuan. Disamping itu, aspek penyelenggaraan ke atas sistem saliran dilakukan secara berjadual bagi projek-projek pembangunan yang dalam pembinaan dan yang telah disiapkan.
- (vi) Mempertingkatkan pemantauan dengan menggunakan *drone* dan pemasangan CCTV di lokasi-lokasi yang strategik di samping mempertingkatkan masa pemantauan (*monitoring time*).

- (vii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal berkaitan mempunyai unit geoteknikal cerun yang berkepakaran memantau pembangunan yang terlibat akan membuat pemeriksaan bagi mengambil langkah awal pencegahan dan pembaikan tanah runtuh jika ada di kawasan bidang kuasa masing-masing.
- (ix) Pemilik tanah diberi notis-notis berkaitan sekiranya gagal menjalankan kerja penyelenggaraan sehingga mengakibatkan kawasan cerun berisiko tinggi.
- (x) Mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan Notis di bawah Sek. 70(A), Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 iaitu Notis Menghendaki Kerja Tanah Diberhentikan bagi mana-mana pembangunan yang tidak mematuhi kehendak atau syarat-syarat kelulusan pelan.

Antara polisi-polisi Kerajaan Negeri untuk menangani isu tanah runtuh adalah seperti berikut :

- (i) Mengekalkan kawasan yang berada di aras 76m (250 kaki) dan ke atas sebagai kawasan berbukit/kawasan alam semula jadi, termasuk tanah-tanah yang diwartakan di dalam akta Pemeliharaan Tanah, 1960 (Warta Tanah Bukit).
- (ii) Pembangunan secara terhad bagi projek istimewa di kawasan aras tanah ketinggian 76m (250 kaki) atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan dan mendapat kelulusan EIA serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.
- (iii) Merujuk garis panduan Safety Guideline for Hillside Development 2012 dan Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semulajadi Dalam Perancangan Dan Pembangunan Fizikal Mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).
- (iv) Semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah dilaksanakan mengikut Laporan Geoteknikal yang disediakan oleh Jurutera Perunding Geoteknikal dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Tanah Bukit Berisiko.
- (v) Semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah mematuhi kaedah kawalan aliran air larian permukaan dengan penyediaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) mengikut kaedah Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua.

Klasifikasi kecerunan adalah mengikut panduan daripada Jabatan Mineral dan Geosains iaitu Kelas I dan II kecerunan cerun kurang daripada 25 darjah dan dibenarkan untuk pembangunan serta Kelas III dan IV kecerunan cerun melebihi 25 darjah tidak dibenarkan untuk sebarang pembangunan kecuali dimohon bersama dengan Laporan Geoteknik.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 12. Senaraikan kawasan atau 'hot spot' banjir kilat di seluruh negeri Pulau Pinang. Huraikan sebab-sebab banjir kilat berlaku dan strategi, langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri mengatasi isu ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 12. Sejumlah 50 'hot spot' banjir kilat dikenal pasti di seluruh Negeri Pulau Pinang. Perincian senarai kawasan 'hot spot' mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

Banjir kilat berlaku adalah disebabkan oleh faktor seperti berikut:

- (i) Jumlah taburan hujan yang tinggi sehari yang menyamai taburan hujan sebulan yang diterima oleh seluruh Negeri Pulau Pinang dan air pasang tinggi pada hari tersebut. Pengaruh Taufan Doksari juga merupakan punca banjir kilat tersebut;
- (ii) Sebahagian dari sungai-sungai dan sistem saliran di taman-taman dan kampung-kampung sedia ada tidak dapat menampung jumlah kadar alir aliran permukaan akan hujan lebat tersebut;
- (iii) Masih terdapat banyak kemudahan utiliti yang telah dibina menyeberangi sungai dan parit utama adalah rendah dan menghalang aliran air semasa hari kejadian; dan

- (iv) Sampah dari domestik, industri dan pertanian yang dibuang ke dalam sungai dan parit monsoon. Isu ini menyebabkan sistem saliran tidak berfungsi dengan baik terutamanya apabila melibatkan rumah pam.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran melaksanakan strategi serta mengambil langkah-langkah bagi mengatasi isu banjir kilat melalui pendekatan seperti berikut :

- (i) Melaksanakan projek-projek tebatan banjir di kawasan 'hot spot' banjir di seluruh negeri di bahagian pulau iaitu menggunakan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM300 juta. Kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan juga akan diteruskan bagi memastikan agar sistem saliran sedia ada berada dalam keadaan baik;
- (ii) Menganjurkan kempen kesedaran alam sekitar terutamanya yang melibatkan kempen jangan membuang sampah ke dalam sungai akan dipergiatkan lagi oleh Kerajaan Negeri bagi memaklumkan orang ramai tentang kesan membuang sampah ke dalam sungai;
- (iii) Mengalihkan semua pembinaan utiliti yang dibina di kawasan sungai dan saliran yang mengalami 'bottle neck'; dan
- (iv) Memastikan pembangunan hartanah di Negeri Pulau Pinang perlu mengikut garis panduan Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), Garis Panduan melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, *Intergrated Shoreline Management 2010* dan Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BTYC NO. 12.**

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 13. Huraikan progressnya sistem Big Data yang dilaksanakan Kerajaan Negeri pada setakat ini, dan bilakah jabatannya ditubuhkan dan satu Enakmen digubalkan untuk menaiktarafkan penggunaan 'Big Data'.

**Y.A.B Ketua Menteri:**

- 13. Status kemajuan terkini berkaitan inisiatif data raya (*Big Data*) yang telah/sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Data Negeri pada 23 Januari 2017 dengan keahlian terdiri daripada semua CIO jabatan/agensi negeri berperanan untuk menyelaraskan dan memantau perkongsian data dan penerbitan data terbuka dikalangan semua jabatan/agensi negeri. Semua perkara berkaitan dasar dan polisi data akan dibincang dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu eGG (*electronic Good Governance*) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

Polisi Data Negeri telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dikuatkuasakan melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bil 1/2017 bertarikh 30 Ogos 2017. Polisi ini menjelaskan pelaksanaan, prinsip dan tadbir urus perkongsian data dan penerbitan data terbuka di peringkat negeri.

Portal Data Terbuka Negeri di alamat <http://data.penang.gov.my> telah dilancarkan secara rasmi semasa Seminar Kerajaan Digital 2017 pada 12 Oktober 2017. Portal ini bertujuan untuk menggiatkan usaha perkongsian data dikalangan jabatan/agensi negeri serta meningkatkan ketelusan Kerajaan dalam penerbitan set-set data terbuka untuk capaian awam. Set data terbuka daripada semua jabatan/agensi negeri yang diterbitkan di Portal ini turut disalurkan ke Portal Data Terbuka Sektor Awam di alamat [www.data.gov.my](http://www.data.gov.my). Sebarang permohonan data terbuka oleh individu, komuniti dan pihak swasta melalui Portal Data Terbuka Sektor Awam akan diselaraskan oleh Pejabat SUK untuk kesesuaian penerbitan sebagai data terbuka. Sehingga 24 Oktober 2017, sebanyak 32 data set telah diterbitkan di Portal Data Terbuka Negeri.

Projek analitis data raya bagi Pemilikan Rumah Mampu Milik sedang dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan kini dalam peringkat pembangunan. Projek ini dijadual siap sepenuhnya pada Mac 2018.

Projek *Intelligent Operation Center and Video Analytics* di bawah kluster *Seamless Public Transportation* akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Projek ini akan menggunakan data CCTV dan dilaksanakan secara berperingkat untuk tempoh tiga tahun bagi

menghasilkan analisis tindakan dan ramalan dalam pengurusan lalu lintas, penyebaran maklumat lalu lintas dan pengangkutan secara masa nyata serta unjuran pelan projek infrastruktur.

Sistem Tempat Meletak Kereta Secara Pintar akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan kini dalam peringkat penilaian RFP. Pelaksanaan sistem ini akan menjana data-data yang dapat membantu MPSP meningkatkan pengurusan tempat letak kereta, tindakan penguatkuasaan dan projeksi keperluan tempat letak kereta di Seberang Perai.

Projek analitis data raya (*big data analytic*) bagi Pengurusan Sisa Pepejal sedang dalam peringkat perancangan MPSP bagi pembangunan pada tahun 2018.

Sistem Pemantauan Dinamik Denggi/Zika yang menggunakan teknologi AI (*Artificial Intelligent*) kini dalam peringkat rundingan bagi langganan sistem tersebut untuk tempoh setahun. Sistem ini berupaya meramal dan mengesan kawasan ancaman wabak denggi/zika tiga (3) bulan sebelum berlakunya ancaman. Projek ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Kesihatan.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat menubuhkan satu jabatan khusus berkaitan data raya Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri dan *Penang Smart Delivery Unit* (Bahagian Kerajaan Tempatan) di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Bahagian ICT di kedua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan dalam pelaksanaan inisiatif data raya di peringkat Kerajaan Negeri dan PBT.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Huraikan dengan data-data dari program wargamas peratusan OKU/sakit teruk/sihat/berada/miskin dan tinggal di rumah orang tua atau pusat penjagaan. Dan apakah strategi, langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri mengatasi masalah ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Pada masa kini, sistem iSejahtera tidak mempunyai data pecahan warga emas mengikut kategori seperti OKU, sakit teruk, miskin dan tinggal di Pusat Jagaan Warga Emas. Walau bagaimanapun, sistem iSejahtera mempunyai perincian maklumat warga emas yang berdaftar untuk Program Penghargaan Warga Emas mengikut daerah, kaum dan jantina adalah seperti di **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri telah melantik Penang Medical College (PMC) untuk menjalankan kajian berkenaan warga emas dalam usaha memastikan kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna. Hasil kajian yang dijalankan pada 2013 menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang mempunyai peningkatan kadar penuaan yang tinggi di dalam negara. Dapatan kajian menunjukkan 62.3% warga emas yang tinggal di Pulau Pinang berumur 60 hingga 69 tahun, seramai 30.5% berumur 70-79 tahun dan 7.20% berumur 80 tahun ke atas. Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat termasuk warga emas. Pelaksanaan pelbagai program kebajikan bagi membantu golongan warga emas akan dapat membantu Kerajaan Negeri menangani isu '*aging population*' di negeri ini. Antara program yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) Mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat dan mampu dimiliki. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan oleh Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) untuk menyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR);
- (ii) Melaksanakan program "Jom Hidup Sihat" yang disasarkan kepada rakyat di negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat khususnya di kalangan warga emas. Kerajaan Negeri menggalakkan setiap KADUN untuk mewujudkan pusat komuniti supaya aktiviti-aktiviti komuniti seperti latihan Tai Chi, Qi Gong, Line Dance dan Aerobik dapat dijalankan dan peralatan "outdoor gym" juga disediakan. Program ini juga dapat menjadikan kawasan perumahan sebagai pusat aktiviti dan riadah seharian kepada warga emas untuk bersama-sama memupuk kepentingan penjagaan kesihatan dan membina ikatan silaturrahim yang baik serta dapat menanam sikap kejiwaan dan prihatin di kalangan komuniti;
- (iii) Memberikan bantuan hemodialisis kepada mereka yang kurang berkemampuan termasuk warga emas yang mempunyai penyakit buah pinggang melalui Pusat Dialisis C.A.T. di kawasan Balik Pulau Daerah, Barat Daya. Subsidi sebanyak RM30.00 diberikan oleh

Kerajaan Negeri kepada pesakit yang terpilih bagi setiap sesi rawatan dialisis termasuk warga emas. Jumlah maksimum pembayaran perbelanjaan perubatan adalah RM30.00 bagi setiap sesi selama 52 minggu dengan mengambil kira kos RM110.00 bagi setiap sesi (RM50.00 ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, RM30.00 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan RM30.00 ditanggung oleh pesakit). Namun begitu, bagi pesakit yang tidak berkemampuan untuk membayar RM30, pesakit bolehlah memohon bantuan subsidi sebanyak RM10 hingga RM30 daripada Tabung Penang Community Chest melalui pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, seramai 58 pesakit yang menerima subsidi daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang manakala seramai 20 pesakit yang masih kurang berkemampuan turut telah ditawarkan bantuan Penang Community Chest. Jumlah subsidi Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM528,683.00 sejak Tahun 2013 hingga bulan September Tahun 2017 manakala jumlah subsidi Penang Community Chest adalah sebanyak RM127,220.00 sejak tahun 2015 hingga bulan September Tahun 2017. Sekiranya pemohon ingin melanjutkan bantuan pembiayaan, pemohon harus mengemukakan permohonan semula lapan minggu sebelum tempoh pembiayaan tamat untuk dipertimbangkan;

- (iv) Memperkenalkan program mammogram percuma pada awal 2015 yang memfokuskan kepada golongan kurang berkemampuan berusia 35 tahun ke atas yang turut merangkumi warga emas;
- (v) Memberikan bantuan kewangan kepada golongan warga emas bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan dan miskin seperti berikut:-
  - Bantuan Kewangan RM100.00 setahun bagi Program Penghargaan Warga Emas yang bertujuan untuk menghargai jasa dan budi warga emas yang telah berbakti untuk Negeri Pulau Pinang.
  - Bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua dan Bantuan Pesakit Telantar. Bantuan ini diberikan untuk saraan hidup kepada warga emas yang memerlukannya.
- (vi) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut menyediakan kemudahan alatan senaman (*outdoor gym*) yang giat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan di taman-taman rekreasi awam dan kawasan tanah lapang untuk digunakan oleh masyarakat setempat termasuk warga emas; dan
- (vii) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di mana terdapat 2 buah PAWE di Pulau Pinang, iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, Kepala Batas. PAWE merupakan tempat berkumpul dan menjalankan aktiviti bagi warga emas tetapi bukan pusat jagaan berkediaman / harian untuk warga emas. PAWE beroperasi mengikut waktu pejabat selama 5 hari seminggu. Setiap PAWE mempunyai jawatankuasa yang menggerakkan operasi dan penyelia yang dilantik bagi menguruskan PAWE tersebut.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BTYC NO. 14,**

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 15. Huraikan dengan kronologi dan terperinci isu Sungai Lembu dan strategi serta langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri bagi menangani isu alam sekitar, sosial dan pengusahaan haram ini..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 15. Berdasarkan rekod di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT), tanah tersebut dimiliki oleh GBH(M) Sdn Bhd di atas lot 894 Mukim 19 (GM489) dengan keluasan tanah 17,021.0763 meter persegi (4.206 ekar). Kategori dan syarat nyata bagi lot 894 ini adalah bagi maksud pertanian di bawah Seksyen 53(2) Kanun Tanah Negara 1965. Di atas hakmilik tersebut terdapat endorsan yang menyatakan lot 894 tertakluk kepada Akta Pemuliharaan Tanah Bukit 1960. Ketinggian lot 894 di antara 42.25 meter ke 51.07 meter (138.6 kaki ke 167.6 kaki). Di atas lot 894 terdapat 2 bangsal kayu arang yang aktivitiya dikategorikan sebagai perusahaan/perindustrian di bawah Seksyen 117 (1)(iv) Kanun Tanah Negara 1965.

Oleh yang demikian penggunaan semasanya adalah bercanggah dengan syarat nyata bagi maksud pertanian di bawah Seksyen 53 (2) Kanun Tanah Negara 1965. Surat pengesahan zon perancangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bertarikh 13 Julai 2016 memaklumkan bahawa lot 894 dizonkan sebagai "Pertanian" (Kawasan Sensitif Alam Sekitar). Pemilik Lot 894 juga pernah mengemukakan permohonan Perlingkungan Semula dari kawasan "Pertanian" kepada kawasan "Industri" melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan keputusannya ditolak melalui Mesyuarat Perancang Negeri Bil. 4/2016 bertarikh 27 April 2016 dan disahkan pada 27 Mei 2016. Pemilik lot turut mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang kepada pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan syor PDTST bagi permohonan tersebut ialah "Tidak Menyokong" kerana bercanggah dengan syarat nyata dalam hakmilik. Pihak Jurukur Alam sebagai wakil kepada pemilik lot sekali lagi mengemukakan Permohonan Untuk Mengeluarkan Lot 894 daripada Kawasan Tanah Bukit melalui surat yang diterima pada 13 Januari 2017. Keputusan Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 15/2017 bertarikh 4 Julai 2017 telah menolak permohonan ini dan turut memutuskan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan.

Walaupun bagaimanapun, sebelum keputusan ini diperoleh, PDTST telah terlebih dahulu mengambil tindakan di bawah Kes Pelanggaran Syarat Tanah dengan mengeluarkan Notis Secara Pentadbiran kepada pemilik lot untuk memulihkan semula tanah dalam tempoh masa 6 bulan. Tarikh Notis tersebut dikeluarkan pada 26 Mei 2017.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Huraikan mengapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dapat atau lambat bermanfaat dan terlibat dalam program One Belt One Route yang dilaksanakan oleh Negara China.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Keputusan sama ada penglibatan Negeri Pulau Pinang dalam program "One Belt One Road" (OBOR) dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Pulau Pinang tertakluk kepada keputusan ini. Setakat ini, Pulau Pinang masih belum tersenarai untuk menikmati program inisiatif OBOR oleh Kerajaan Persekutuan.

Walaupun tanpa pelaburan secara langsung melalui OBOR, Pulau Pinang terus menjadi tumpuan pelaburan dari China. Pencapaian ini terbukti apabila Negara China menjadi pelabur asing kedua yang terbesar di Pulau Pinang pada tahun 2015 dengan nilai pelaburan RM976 juta. Dalam tahun 2016 pula, Negara China berada di kedudukan teratas bagi pelabur asing dengan jumlah pelaburan asing di Pulau Pinang berjumlah RM709 juta. Walaupun dalam keadaan ekonomi global yang lembap pada tahun 2016, Kerajaan Negeri masih mampu untuk menarik minat pelabur-pelabur China untuk melabur di Pulau Pinang seperti Syarikat Jinko Solar dan JA Solar.

Sekiranya dilaksanakan, Kerajaan Negeri percaya bahawa inisiatif OBOR mampu memberikan manfaat ekonomi kepada Negeri Pulau Pinang memandangkan Pulau Pinang telah mempunyai asas yang kukuh dalam sektor pelancongan, perdagangan dan ekonomi.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Huraikan perkembangan setakat mana projek:
  - (a) *Undersea Tunnel* dan tiga (3) *Packages Paired Roads* di Utara Pulau.
  - (b) Tiga (3) buah Pulau Tambakan Laut di lautan Selatan Pulau dengan SRS. Huraikan kos tambahan yang dilibati, ditanggungkan pihak mana dan bila jangka mula kerja..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. (a) Projek jalan-jalan utama dan terowong ini masih belum bermula secara fizikal dan masih menunggu pelbagai kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan. Antara kelulusan yang diperlukan adalah kelulusan Laporan *EIA (Jadual Kedua)*, yang telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April 2017. Maklumat terakhir yang diperlukan oleh pihak JAS pada 8 September 2017 telah dikemukakan pada 19 September 2017 dan kini sedang menunggu keputusan penilaian daripada pihak JAS. Selain itu, Kerajaan Negeri juga masih menunggu kelulusan pengambilan balik tanah yang melibatkan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan daripada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

Status Projek Terowong Bawah Dasar Laut pula masih diperingkat Kajian Kebolehlaksanaan, di mana ketika ini telah mencapai kemajuan 92.9%. Pembangunan fizikal masih belum bermula kerana masih menunggu keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan tersebut.

Sehingga kini, tiada sebarang kos tambahan terlibat. Nilai projek masih kekal seperti jumlah yang ditawarkan dalam *Request for Proposal*, iaitu RM6.341billion.

- (b) Satu terkini bagi Projek 3 buah pulau tambakan laut di Selatan Pulau Pinang (PSR) ialah pihak SRS Consortium selaku Rakan Pelaksana Projek [*Project Delivery Partner*(PDP)] yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah menyiapkan Laporan EIA (Jadual Kedua) untuk Projek PSR dan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 28 April 2017. SRS Consortium sebagai PDP dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Pusat. Projek penambakan ini masih belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan untuk bermula.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Huraikan dengan terperinci berapa jumlah pinjaman dan kegunaan wang pinjaman oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Negara China. Bila kontrak perjanjian tersebut akan berkuatkuasa, selepas satu Enakmen pinjaman wang diluluskan DUN Negeri Pulau Pinang untuk eksekutif berkuasa berbuat demikian. Huraikan finically status untuk membayar hutang tersebut..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Enakmen Pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain) 2017 telah dibentang dan diluluskan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas pada bulan Mei 2017 yang lalu yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk membuat pinjaman dari mana-mana bank atau sumber kewangan lain. Walau bagaimanapun, sehingga kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum membuat sebarang pinjaman daripada Kerajaan Negeri China atau kerajaan negara lain.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Huraikan prestasi dan pelan masa depan PYDC/PWDC/PGC dan perlunya menyediakan laporan sebagai Penyata kepada DUN Negeri Pulau Pinang..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Penang Youth Development Corporation (PYDC)

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah ditubuhkan untuk memperkasakan golongan belia dan menyediakan golongan belia yang dilengkapi dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Untuk membina platform yang sesuai kepada golongan belia, PYDC menumpukan kepada tiga sektor utama, iaitu pendidikan dan kerjaya, pembangunan diri dan kepimpinan dan kesedaran sivik dan demokrasi. Aktiviti- aktiviti utama yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

- (i) Sidang Muda Negeri Pulau Pinang

Keberkesanan program ini dapat dilihat dari segi politik, ekonomi dan sosial dengan peningkatan kefahaman berkenaan fungsi dan organisasi Kerajaan Negeri serta KerajaanTempatan, kesedaran politik dan penglibatan belia dalam masyarakat, memahami hal ehwal pentadbiran awam danmembina jaringan belia dalam komuniti masyarakat setempat untuk peningkatan ekonomi dan sosial mereka.

- (ii) Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang

PYDC dengan kerjasama Penang Institute sedang dalam proses menyiapkan Pelan Tindakan Belia Pulau Pinang Pelan inibertujuan untuk memastikan pemerksaan belia sebagai kuasa yang akan menggalakkan kemajuan sosio- ekonomi da pertumbuhan politik bagi Negeri Pulau Pinang.

- (iii) Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC Negeri Pulau Pinang dan Kejohanan Sepak Takraw Piala PYDC



Kejohanan bola keranjang dan sepak takraw diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara golongan muda di kawasan Pulau & Seberang.

- (iv) Pinang Fiesta 2017 #PinangFiesta17 (Upper Penang Road, Georgetown) dan Pinang Fiesta 2017 #BudayaPinang (Seberang Jaya)

Bidang keusahawanan semakin diminati oleh golongan belia di Pulau Pinang baik dari segi perniagaan berkedai mahupun perniagaan secara atas talian (*online*). Sehubungan itu PYDC telah mengadakan Pinang Fiesta yang berjaya membantu peniaga belia di Pulau Pinang untuk mempromosikan pelbagai produk. PYDC juga mengambil kesempatan ini untuk menjemput ikon-ikon golongan muda untuk turut mengambil bahagian dalam program ini yang akan menjadi aspirasi kepada golongan belia lain.

- (v) Lawatan Belia Ke Negeri Pulau Pinang

Pada tahun 2017, PYDC telah menjalinkan hubungan dengan King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang, Bangkok Thailand dan The Y.Elites Association, Hong Kong, China untuk mengadakan program pertukaran belia.

Pelan masa depan PYDC adalah memberi peluang dan membina pelbagai platform kepada golongan belia melalui penganjuran aktiviti yang lebih bermanfaat kepada belia.

#### Penang Women's Development Corporation

Penang Women's Development Corporation atau PWDC, adalah badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memupuk transformasi yang mampan dan memperkasakan rakyat, khususnya kaum wanita, dengan pengetahuan, kesedaran, maklumat, kemahiran dan struktur sokongan supaya mereka dapat menikmati hak yang saksama dan membina potensi diri sepenuhnya tanpa batasan. Terdapat tiga (3) program teras di PWDC iaitu, Program Bajet Responsif dan Partisipatori Gender (GRPB), Program Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita (WEL) dan Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita (WEE). Misi PWDC adalah untuk mendorong Pulau Pinang ke arah mengarusperdanakan gender ke dalam dasar dan program yang dijalankan di semua sektor bagi mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial pada peringkat negeri mahupun menjadi contoh di persada antarabangsa. Antara pencapaian PWDC adalah seperti berikut:

- (i) *Gender Responsive And Participatory Budgeting (GRPB)*

GRPB adalah pendekatan menyeluruh kerajaan yang menghubungkan masyarakat, agensi dan semua peringkat kerajaan la merapatkan jurang antara pengguna dan penyedia perkhidmatan GRPB merupakan sebahagian prinsip tadbir urus baik dan kesaksamaan gender, serta merupakan usaha untuk mencapai dasar dan bajet yang paling berkesan, cekap dan adil. Selari dengan Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari ataupun yang diterajui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, PWDC telah mengarusperdanakan gender dan pemerkasaan komuniti melalui penginstitution GRPB di peringkat Kerajaan Tempatan dan di peringkat permulaan bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- (ii) Program Pemerkasaan Dan Kepimpinan Wanita

Program WEL (Women's Empowerment and Leadership) adalah bertujuan untuk meningkatkan pemahaman, kapasiti dan advokasi wanita sebagai stakeholders dalam aspek kesaksamaan gender, kepimpinan wanita, tadbir urus baik dan hak asasi manusia. Kerajaan Negeri dengan kerjasama PWDC juga telah mengambil pendekatan strategik untuk memastikan pelaksanaan dasar mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% penglibatan wanita dalam pembuat keputusan.

- (iii) Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita

Visi Program WEE (Women's Economic Empowerment) adalah untuk memastikan semua wanita di Pulau Pinang mempunyai akses kepada peluang menjana pendapatan, aset dan perkhidmatan.

Pelan masa depan PWDC adalah seperti berikut:

- (a) Mewujudkan Garis Panduan Kitaran Bajet dan Pekeliling Penyediaan Bajet di PBT yang merangkumi perancangan bajet, pelaksanaan dan penilaian projek/program;
- (b) Mewujudkan *taskforce* bagi pelaksanaan GRPB di peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (c) Menjadikan wanita sebagai suatu kuasa penentu dalam mana-mana pilihan raya;
- (d) Terus memartabatkan wanita di persada kepimpinan masyarakat; dan
- (e) Pelaksanaan sistem bersepadu sokongan penjagaan kanak-kanak.

#### *Penang Green Council (PGC)*

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha mencapai matlamat *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang* telah menubuhkan *Penang Green Council (PGC)* bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau yang bersih, selamat dan memanfaatkan penggunaan teknologi hijau. Sepanjang enam (6) tahun penubuhan PGC, pelbagai kempen, projek dan program telah dijalankan bagi memupuk kesedaran awam terhadap konservasi alam sekitar dalam konteks pembangunan secara mampan sebagai indikator asas prestasi PGC. Fokus utama diberikan kepada penghuni-penghuni kawasan luar bandar, pelajar-pelajar sekolah, sektor swasta dan awam melalui strategi-strategi berikut:-

- (i) Menganjurkan projek komuniti, pembangunan modal insan, kempen kesedaran mengenai kecekapan penggunaan sumber untuk masyarakat luar-bandar, kanak-kanak, belia dan wanita;
- (ii) Menyediakan platform promosi dan publisiti untuk industri bagi memperkenalkan produk dan teknologi hijau yang dapat membantu untuk mencapai sasaran negeri hijau serta memupuk minat dalam pembangunan dan penyelidikan teknologi hijau;
- (iii) Memberi anugerah atau insentif kepada organisasi dan/atau individu yang membuat sumbangan besar terhadap kemampuan alam sekitar di Pulau Pinang; dan
- (iv) Menjalankan penyelidikan yang dapat membantu untuk mengumpul data asas bagi memahami persepsi dan tingkah laku manusia dalam membantu proses membuat dasar berkaitan alam sekitar.

Pelan masa depan PGC adalah untuk membangunkan Agenda Hijau Negeri Pulau Pinang/Penang Green Agenda berpandukan kepada United Nations Sustainable Development Goals (UNSDGs) sebagai satu pelan tindakan komprehensif dalam memacu Pulau Pinang ke arah negeri hijau dan lestari menjelang tahun 2030.

PWDC, PYDC DAN PGC diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat berhad. Sehubungan itu, akta hanya mengkehendaki laporan dan tidak perlu dibentangkan kepada Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Huraikan prestasi, strategi, bajet bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu dan pelan masa depan Penang Heritage Corp dan Penang Hill Corp dengan RKK Georgetown Heritage dan RKK Penang Hill masing-masing..

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Pada April 2010, Perbadanan Warisan Dunia George Town (GTWHI) telah ditubuhkan sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri untuk mengurus, memantau dan mempromosi Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT). Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) pula telah ditubuhkan dan beroperasi secara rasmi pada 1 Julai 2010. Fungsi utama PBBPP adalah untuk menyelaraskan pentadbiran, pembangunan, operasi dan aktiviti di Bukit Bendera bagi memastikan Bukit Bendera terus kekal sebagai destinasi pelancongan utama di Pulau Pinang.

Prestasi perbelanjaan GTWHI bagi tempoh 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

| TAHUN         | BAJET MENGURUS       |                     | BAJET PEMBANGUNAN    |                      |
|---------------|----------------------|---------------------|----------------------|----------------------|
|               | PERUNTUKAN (RM)      | PERBELANJAAN (RM)   | PERUNTUKAN (RM)      | PERBELANJAAN (RM)    |
| 2012          | 1,609,000.00         | 1,096,822.00        | 2,304,000.00         | 1,781,952.29         |
| 2013          | 2,925,000.00         | 1,249,698.00        | 2,778,000.00         | 2,325,681.66         |
| 2014          | 3,498,000.00         | 2,033,766.00        | 2,175,000.00         | 2,146,881.10         |
| 2015          | 3,227,000.00         | 2,354,623.00        | 3,460,000.00         | 2,328,215.00         |
| 2016          | 2,300,000.00         | 1,523,360.05        | 3,790,000.00         | 2,338,986.22         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>13,559,000.00</b> | <b>8,258,269.05</b> | <b>14,507,000.00</b> | <b>10,921,716.27</b> |

Manakala prestasi perbelanjaan PBBPP bagi tempoh 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

| TAHUN         | BAJET MENGURUS       |                     | BAJET PEMBANGUNAN    |                      |
|---------------|----------------------|---------------------|----------------------|----------------------|
|               | PERUNTUKAN (RM)      | PERBELANJAAN (RM)   | PERUNTUKAN (RM)      | PERBELANJAAN (RM)    |
| 2012          | 1,609,000.00         | 1,096,822.00        | 2,304,000.00         | 1,781,952.29         |
| 2013          | 2,925,000.00         | 1,249,698.00        | 2,778,000.00         | 2,325,681.66         |
| 2014          | 3,498,000.00         | 2,033,766.00        | 2,175,000.00         | 2,146,881.10         |
| 2015          | 3,227,000.00         | 2,354,623.00        | 3,460,000.00         | 2,328,215.00         |
| 2016          | 2,300,000.00         | 1,523,360.05        | 3,790,000.00         | 2,338,986.22         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>13,559,000.00</b> | <b>8,258,269.05</b> | <b>14,507,000.00</b> | <b>10,921,716.27</b> |

Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera dan RKK Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT) telah diwartakan pada 1 September 2016 sebagai panduan kepada pihak berkuasa tempatan dalam merancang dan melaksanakan pembangunan dalam kawasan Bukit Bendera dan TWDGT. Strategi dan perancangan program serta projek yang dicadangkan dalam RKK Bukit Bendera yang telah berjaya dilaksanakan dan dalam proses perancangan adalah seperti di **Lampiran A** manakala tindakan-tindakan yang telah diambil oleh George Town World Heritage Incorporated dalam RKK TWDGT adalah seperti di **Lampiran B**.

- (a) Bagi pelan masa hadapan, GTWHI telah membentuk pelan strategik bagi pengurusan dan perancangan masa hadapan iaitu dengan:
- (i) Memperluaskan kerjasama dengan agensi dan institusi dalam negara, antarabangsa dan serantau melalui perkongsian strategik;
  - (ii) Meningkatkan reputasi syarikat sebagai contoh yang baik dalam pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town;
  - (iii) Menjadi pengurus tapak yang berkesan untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town; dan
  - (iv) Membina pasukan kakitangan yang komited dan profesional dengan menggalakkan budaya kerja *Effectiveness, Efficiency and Efficacy*.

Manakala pelan masa hadapan *Penang Hill Corporation* bagi tempoh 2018 hingga 2019 adalah seperti berikut:

| Bil. | PROJEK/PROGRAM  | Tahun / Kos              |
|------|---|--------------------------|
| 1.   | Merekabentuk dan Pemasangan Sistem Pagar di Kawasan bertanah Sepanjang Landasan Funikular.                              | 2018 /<br>RM1,000,000.00 |
| 2.   | Cadangan Membina dan Membaiki Longkang Serta Parit Sediada Yang Rosak di Kawasan Stesen Atas (Fasa 1) di Bukit Bendera. | 2018 /<br>RM2,000,000.00 |
| 3.   | Cadangan untuk Membuat Kajian Feasibility bagi Projek Kereta Kabel di Bukit Bendera, Pulau Pinang.                      | 2018 /<br>RM1,500,000.00 |

| Bil. | PROJEK/PROGRAM   | Tahun / Kos              |
|------|--|--------------------------|
| 4.   | Cadangan Membaikpulihan Tangki Septik Kommunal A dan C di Bukit Bendera.   | 2018 /<br>RM2,000,000.00 |
| 5.   | Mewartakan Bukit Bendera sebagai “ <i>Unesco Biosphere Reserve</i> ”.  | 2018                     |
| 6.   | Projek Fasa 3 di Stesen Bawah Bukit Bendera  | 2018                     |
| 7.   | Akan mengambil alih pengurusan empat buah banglo di atas Bukit Bendera iaitu Banglo Fernhill, Convalescent, Hillside dan Woodside.   | 2018                     |
| 8.   | Projek ‘Affordable Hotel’ di kawasan Coolie Line seperti yang telah dicadangkan dalam Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera (RKK).  | 2018 – 2020              |
| 9.   | <i>Mobile Apps</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>Diperkenalkan kepada pengunjung Bukit Bendera, orang ramai dan juga pendaki</li> <li>lanya merupakan platform untuk memberikan sebarang maklumbalas mengenai Bukit Bendera sekaligus membantu untuk meningkatkan prestasi Bukit Bendera</li> </ul>   | 2017-2018                |
| 10.  | <i>Data Analytic</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>Akan diperkenalkan untuk meningkatkan prestasi menganalisa “<i>big data</i>”</li> <li>Proses menganalisa akan menjadi lebih mudah dan membantu pihak pengurusan membuat keputusan dengan lebih cepat.</li> </ul>   | 2017-2018                |
| 11.  | EQMS (E-Queue Management System) <ul style="list-style-type: none"> <li>Diperkenalkan di Stesen Bawah, Bukit Bendera bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung sepanjang laluan menaiki keretapi Bukit Bendera.</li> </ul>  | 2018                     |
| 12.  | Sistem Tiket Baru <ul style="list-style-type: none"> <li>Akan diperkenalkan supaya lebih sistematik dan dapat menampung jumlah pengunjung yang mencecah melebihi 1.6 juta.</li> </ul>  | 2018 – 2019              |
| 13.  | Kearah mencapai EN12397 untuk membolehkan Operasi Funikular beroperasi bertaraf antarabangsa. <ul style="list-style-type: none"> <li>EN12397 merupakan sijil pencapaian yang disahkan oleh pihak Eropah bagi <i>ropeway funicular system</i>. lanya berfungsi mendapatkan akreditasi antarabangsa dari segi keperluan keselamatan untuk pemasangan kabel yang dirancang untuk membawa penumpang.</li> </ul>  | 2018                     |
| 14.  | Penukaran <i>Wire Rope dan Main Drive Motor</i>  | 2018                     |
| 15.  | Pewartakan larangan merokok di kawasan Bukit Bendera <ul style="list-style-type: none"> <li>Proses pewartaan sedang dilakukan dan pelancaran program ke arah pewartaan larangan merokok telah dilancarkan pada 1 Oktober 2017</li> </ul>   | 2018                     |
| 16.  | Aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk menarik pengunjung ke Bukit Bendera pada tahun 2018 <ul style="list-style-type: none"> <li>Hari Penghargaan Bukit Bendera</li> <li>Sambutan Ulang Tahun Coach Biru</li> <li><i>Penang Hill Heritage Forest Challenge</i> – dijangka menarik peserta antarabangsa</li> <li><i>Climb to Change a Life</i> (Aktiviti bagi Kanak-kanak kelainan upaya)</li> <li>Aktiviti Sambutan Warga Emas di Bukit Bendera “Rose Charity” untuk warga emas (akan dihadiri oleh TYT dan lebih kurang 400 warga emas).</li> <li><i>Penang Hill Festival</i></li> </ul> | 2018                     |

#### RUJ. LAMPIRAN A DAN B BTYC NO. 20.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Senaraikan semua kilang haram atau tidak berkenaan beroperasi yang mengeluarkan gas yang berbau busuk dan beracun serta mencemarkan udara sekeliling dan berjiranannya seperti kes Sungai Lembu. Huraikan sebab-sebab ianya berlaku, strategi/tindakan/langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menguatkuasakan ke atas pengusaha-pengusaha dan isu pencemaran yang mengancamkan kesihatan orang awam..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. (a) Jumlah kilang haram yang berkenaan ialah sebanyak 134 buah kilang di Seberang Perai lokasi kilang mengikut daerah adalah seperti berikut :

| Daerah        | Bilangan   |
|---------------|------------|
| SPU           | 36         |
| SPT           | 53         |
| SPS           | 45         |
| <b>Jumlah</b> | <b>134</b> |

Kes kilang Sungai Lembu telahpun dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk tindakan lanjut di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. JAS tidak menyatakan kilang tersebut mesti ditutup dengan segera. Sementara itu bagi kawasan di bawah pentadbiran MBPP terdapat hanya sebuah kilang sahaja yang dikenalpasti mengeluarkan gas yang berbau busuk dan beracun serta mencemarkan udara sekeliling dan berjiranannya. Kilang tersebut terletak Jalan Batu Maung, Pulau Pinang yang terlibat dengan pembuatan plastik. Punca bau busuk adalah daripada proses peleburan plastik terpakai yang boleh dikitar semula pada suhu yang tinggi untuk dijadikan granul.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan dengan mengeluarkan Pemberitahuan Tentang Kesalahan kepada pengusaha kerana menjalankan aktiviti industri tanpa lesen. PBT juga akan mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan Akta Perancang Bandar & Desa 1976 di bawah Seksyen 27 atau 28 bagi kesalahan binaan tanpa kebenaran merancang atau melencong dari kebenaran merancang serta mengeluarkan notis di bawah Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 bagi kesalahan binaan yang tidak mendapat kelulusan. Pengusaha juga telah dinasihatkan untuk memindahkan operasi aktiviti berkenaan dalam zon industri.

- (b) Antara sebab-sebab berlakunya pencemaran udara adalah seperti berikut:
- (i) Aktiviti pengilangan dilakukan tanpa mematuhi standard dan piawaian yang ditetapkan oleh Akta Alam Sekeliling 1974. Oleh itu, pelepasan daripada aktiviti pengilangan dibebaskan tanpa melalui proses yang sepatutnya.
  - (ii) Pemantauan dan penguatkuasaan yang sukar kerana premis ini melepaskan gas atau efluen pada waktu malam atau pada waktu hujan.
  - (iii) Kebanyakan premis-premis ini terletak di kawasan yang agak terpencil.
  - (iv) Premis kilang telah lama wujud dan lokasi premis dihipit skim perumahan atau pembangunan baru.

Strategi, tindakan, langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri terhadap kilang-kilang haram yang melakukan kesalahan mencemarkan udara sekeliling dan berjiranannya adalah seperti berikut :-

- (i) Memberikan lesen secara bertempoh bagi membolehkan PBT mengawal aktiviti pengilangan melalui syarat-syarat pelesenan dan syarat-syarat Jabatan Teknikal.
- (ii) Merujuk kes kepada Jabatan Alam Sekitar bagi tindakan diambil berdasarkan Undang-Undang Jabatan Alam Sekitar.
- (iii) Mengeluarkan kompaun dan notis jika beroperasi tanpa lesen atau gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan.

- (iv) Tindakan di Mahkamah jika gagal menjelaskan kompaun atau tidak mematuhi arahan notis.
- (v) Membatalkan lesen bagi premis yang gagal mematuhi arahan bagi tujuan pengawalan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. (a) Huraikan dengan terperinci kronologi isu nombor 50, Love Lane, George Town, Pulau Pinang.
- (b) Senaraikan semua tuan tanah dan rumah di George Town Heritage Core Area dan huraikan strategi, langkah-langkah dan polisi kerajaan negeri menjamin 'living heritage George Town' tidak terjejas dan hilang status heritage oleh United Nation..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. (a) Isu premis No. 50, Love Lane, Georgetown, Pulau Pinang hendaklah diuruskan mengikut lunas undang-undang. Kerajaan Negeri sedia memindah milik hartanah ini kepada Majlis Klan Pulau Pinang dengan premium nominal RM1 dengan syarat dapat bukti bahawa Majlis Klan Pulau Pinang adalah pewaris sah pemegang amanah. Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada peguam Majlis Klan Pulau Pinang dan kini menunggu untuk peguam bertemu dengan Pejabat Tanah Daerah Timur Laut bagi mencari penyelesaian yang memenuhi keperluan perundangan.
- (b) Bilangan keseluruhan tanah dan bangunan yang terdapat di Georgetown *Heritage Core Area* adalah sebanyak 5,368.

Langkah-langkah dan polisi Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan bagi menjamin '*living heritage Georgetown*' adalah seperti berikut:

- (i) Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town (RKK TWDGT) / *Special Area Plan George Town World Heritage Site* telah digubal bagi menggariskan polisi dan strategi untuk memandu pemuliharaan, pemajuan dan kawalan di dalam Tapak Warisan Dunia George Town dan juga menjamin '*living heritage George Town*'. RKK TWDGT ini telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada 1.9.2016. Objektif pemuliharaan dan pemajuan dalam Tapak Warisan Dunia George Town adalah untuk mengekalkan keaslian landskap budaya hidup pelbagai budaya, menghidupkan semula warisan budaya ketara/tidak ketara bagi pembangunan masa depan, memelihara kesinambungan nilai warisan kepada generasi akan datang, mengekalkan hubungan komuniti dan menawarkan pengunjung mengalami kehidupan pelbagai budaya/senibina yang unik.
- (ii) Menubuhkan Pejabat Warisan Dunia Geogre Town yang kemudiannya dikenali sebagai George Town World Heritage Incorporated (GTWHI). Organisasi ini adalah sebagai pihak yang menguruskan Tapak Warisan yang meliputi aspek perlindungan, promosi, pendidikan, pemantauan, penglibatan komuniti dan sebagainya yang berkaitan tapak warisan dan isu-isu warisan, di samping mengetengahkan kebudayaan dan kesenian tempatan.
- (iii) Mewujudkan Jabatan Konservasi Warisan di MBPP untuk memproses aktiviti yang berkaitan pemajuan dalam tapak warisan & bangunan warisan, membuat pemantauan & penguatkuasaan, menyediakan pelan, garis panduan, inventori, strategi dan sebagainya berkaitan warisan, merancang & menyelia projek/program warisan dan lain-lain yang berkaitan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Huraikan dengan terperinci kronologi projek jalanraya berkembar Teluk Bahang-Tanjong Tokong dan sebab-sebab rekaannya berhenti di Jalan Lembah Permai. Bilakah Missing Link dari Jalan Lempah Permai ke Tanjung Tokong dapat disiapkan agar trafik sepanjang Jalan Tanjung Tokong ke Tanjung Tokong tidak berlaku kesesakan. Siapakah bertanggungjawab ke atas kos binaan Missing Link itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. (a) Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menyediakan reka bentuk untuk Jalan Berkembar Tanjung Bungah - Teluk Bahang pada tahun 1995 dan sejak itu permohonan untuk melaksanakan projek tersebut telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Pembangunan Malaysia 5 tahun. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang disiapkan pada 20 Mac 2013 telah mengesyorkan agar Jalan Berkembar Tanjung Bungah - Teluk Bahang dihubungkan ke Tanjung Tokong.

Selanjutnya, pada 29 Oktober 2013, Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian awal untuk pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan dan Reka Bentuk Terperinci bagi Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang. Kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci ini melibatkan 3 pakej jalan dan terowong bawah dasar laut, di mana Pakej 1 jalan melibatkan Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang. Kajian kebolehlaksanaan bagi jalan ini telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Seterusnya, reka bentuk terperinci awalan (*preliminary detailed design*) telah siap disediakan pada 26 Januari 2016 untuk membolehkan Kajian Kesan Kepada Alam Sekitar (*Detailed Environment Impact Assessment-DEIA*) dimulakan. Laporan kajian DEIA telah disiapkan dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017 dan kini sedang menunggu keputusan daripada pihak JAS. Pembinaan jalan ini dijangka bermula pada pertengahan 2018 setelah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) Kelulusan DEIA oleh Kerajaan Persekutuan;
  - (ii) Proses pengambilan tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah dan Proses pelepasan Tanah Persekutuan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG); dan
  - (iii) Penyiapan kerja-kerja tebus guna tanah bagi tanah yang akan diberi milik kepada pihak kontraktor sebagai bayaran kos projek.
- (b) Sebab rekaan Jalan Berkembar Tanjung Bungah - Teluk Bahang terhenti di Jalan Lembah Permai:

Sebagai makluman, Jalan Berkembar Tanjung Bungah - Teluk Bahang pada asalnya dicadangkan dari Teluk Bahang ke Tanjung Bungah (Lembah Permai) kerana pada tahun 1999 Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menaik taraf Jalan Tanjung Tokong dan Jalan Tanjung Bungah dari persimpangan Jalan Tanjung Tokong ke persimpangan Jalan Tanjung Bungah (Mar Vista/Masjid Terapung). Dengan pembangunan dan pertumbuhan kenderaan di Jalan Tanjung Tokong dan Tanjung Bungah pada masa ini, telah timbul keperluan untuk menyambungkan jalan berkembar tersebut ke Tanjung Tokong.

- (c) Pembinaan sebahagian lagi Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Tanjung Tokong (*Missing Link*) telah dimasukkan dalam pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang di mana Rakan Pelaksana (PDP) yang akan menguruskan projek ini telah dilantik pada Ogos 2015. *Missing Link* telah dicadangkan untuk disambung ke jajaran Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang di Tanjung Pinang.
- (d) Kerajaan Negeri merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk pembinaan dan pembiayaan projek *Missing Link*.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Senaraikan dengan terperinci nama hotel/ jumlah kutipan tiap bulan dan lain-lain semua hasil kutipan surcaj bilik hotel yang dikenalkan sejak Jun 01,2014. Huraikan strategi, pelan dan polisi penggunaan dan penagihan hasil kutipan surcaj ini dan mengapa hotel yang tidak berlesen juga dikenalkan surcaj ini. Berapa hotel bajet dan lain masih belum dilesenkan telah beroperasi?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Berkuat kuasa 1 Julai 2014, Fi Hotel (dahulunya dikenali sebagai Fi Kerajaan Tempatan) dikenakan kepada penginap pada kadar RM3.00/bilik/malam bagi hotel bertaraf empat (4) dan lima (5) bintang dan RM2.00/bilik/malam bagi hotel bertaraf tiga (3) bintang dan ke bawah

termasuk dormitori, hotel bajet, hostel dan rumah tumpangan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab untuk melaksanakan kutipan ke atas hotel-hotel yang terlibat di seluruh kawasan pentadbiran dan kemudiannya diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Perincian kutipan mengikut kawasan pentadbiran adalah seperti berikut:

| <b>Kawasan Pentadbiran</b>               | <b>Bilangan Hotel</b> | <b>Jumlah Kutipan<br/>(Sehingga 30 September 2017)</b> |
|--|-----------------------|--|
| Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)     | 431                   | RM24,384,093.70  |
| Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) | 91                    | RM3,436,320.00   |
| <b>JUMLAH KUTIPAN</b>                    |                       | <b>RM27,820,413.70</b>                                 |

Hasil kutipan Fi Hotel adalah digunakan bagi tujuan pembangunan pelancongan Pulau Pinang. Satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Fi Hotel akan membincangkan dan menentukan penggunaan kutipan tersebut. Jawatankuasa Fi Hotel dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan ahli-ahli jawatankuasa ini adalah YB. MMK Pembangunan Pelancongan, YB. MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Pengarah Pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pengarah Pelesenan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pengurus Besar Penang Global Tourism Sdn. Bhd., Ketua Pegawai Eksekutif Penang *Convention and Exhibition Bureau (PCEB)*, Pengerusi *Malaysian Hotel Association (MAH) Penang Chapter* dan pengusaha-pengusaha hotel. Kutipan FI Hotel pula digunakan untuk program-program yang memberikan fokus kepada promosi pelancongan di luar negara menerusi platform media dan *trade show*, acara-acara *MICE (Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions)* dan memberikan insentif untuk penerbangan terus ke Pulau Pinang.

Jawatankuasa Hotel Fi akan mengenalpasti dan meneliti program-program yang memberikan kesan dan impak positif yang terbesar kepada pembangunan pelancongan.

Bagi mengawal bilangan hotel tanpa lesen di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mengadakan Program Pemutihan Hotel di mana hotel-hotel yang tidak berlesen diberikan masa untuk mendapatkan lesen dan tarikh terakhir yang diberikan adalah 31 Oktober 2017. Dalam tempoh mendapatkan lesen, hotel tersebut diberikan lesen sementara dan masih dibenarkan beroperasi. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengutip Fi Hotel daripada hotel tersebut. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya hotel tersebut masih tidak mempunyai lesen selepas tarikh 31 Oktober 2017. Pada masa ini, terdapat sejumlah 277 hotel yang tidak berlesen dan masih beroperasi di Pulau Pinang yang merangkumi 267 hotel di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 10 hotel di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Senaraikan semua jenis Perpustakaan Awam Kerajaan dengan terperinci iaitu nama/ lokasi/ pihak yang berkuasa/ luas/ nombor buku rujukan dan bahasa di seluruh Negeri Pulau Pinang. Huraikan strategi, pelan dan polisi Kerajaan Negeri memperkembangkan dan pemodenisasikan perpustakaan agar budaya membaca, mengkaji dan menyelidik di kalangan awam lebih tinggi dan berkualiti..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Jumlah Perpustakaan Awam Kerajaan yang terdapat di sekitar Pulau Pinang adalah sebanyak 106 buah. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang mempunyai 105 pusat perkhidmatan yang merangkumi sebuah Perpustakaan Pusat di Seberang Jaya, 6 buah Perpustakaan Cawangan/Kanak-kanak, 2 buah Perpustakaan Pekan, 1 Perpustakaan Digital, 3 buah Perpustakaan di Pusat Membeli Belah (KOMTAR, Bayan Baru dan Kompleks AEON Alma), 47 buah Perpustakaan Desa/ Komuniti Siber Ilmu, 33 Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia dan 12 buah Perpustakaan Bergerak (2 buah Perpustakaan bergerak khusus untuk Orang Kelainan Upaya dan sebuah E-Pustaka) yang memberi perkhidmatan di 238 lokasi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Manakala dibawah pengurusan Unit Perbadanan Ketua Menteri terdapat sebuah Perpustakaan Digital (Penang Digital Library). Maklumat terperinci perpustakaan adalah seperti di **Lampiran 1**.



Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dan Penang Digital Library (PDL) sentiasa mengutamakan keperluan masyarakat dan sentiasa mengkaji dan memenuhi kehendak pasaran dan dalam menjadikan PPAPP dan PDL sebagai pusat maklumat yang cemerlang dan kekal relevan. Semua aspek seperti kepelbagaian koleksi terkini dan juga dalam pelbagai genre dan bahasa, persekitaran yang kondusif serta pelbagai perkhidmatan tambahan yang luar daripada perkhidmatan biasa perpustakaan sentiasa diberi keutamaan (value added services). Antara dasar dan objektif PPAPP adalah:

- (i) Menyelaras pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat;
- (ii) Mengurus kecemerlangan koleksi negeri;
- (iii) Memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan dan perpustakaan maklumat;
- (iv) Membentuk masyarakat berilmu dan berbudaya membaca dan
- (v) Menyebar luas maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat

Pelbagai langkah strategi yang telah dilaksanakan oleh PPAPP dalam memastikan matlamat-matlamat ini dicapai, antaranya ialah dengan memberi tumpuan kepada pembelajaran STEM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan Matematik bagi memastikan Pulau Pinang menjadi pusat kecemerlangan sains dan teknologi. Justeru PPAPP mengambil inisiatif untuk menubuhkan Science Corner dan untuk fasa seterusnya akan diwujudkan Mobile Lab Service dan beberapa kemudahan lain kepada masyarakat sebagai persediaan melahirkan masyarakat yang berdaya saing, kreatif, inovatif dan seterusnya membentuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Penetapan dasar perolehan koleksi PPAPP juga telah dikaji semula bagi memastikan ianya memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat Pulau Pinang. Sebanyak 40% daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan telah disalurkan untuk pembelian koleksi-koleksi yang bersesuaian berdasarkan pecahan mengikut 4 bahasa utama, 50% Bahasa Melayu, 30% Bahasa Inggeris, 10% Bahasa Cina dan 10% Bahasa Tamil.

Selaras dengan perkembangan teknologi, PPAPP telah menjalinkan kerjasama (NBOS) dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan *Free e-Book Zone* di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Hal ini bagi memudahkan para penumpang memuat turun e-book ke peranti mudah alih masing-masing. Pengguna boleh membaca buku-buku yang telah dimuat turun secara *offline* sewaktu penerbangan dan kemudahan ini secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat untuk membaca di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Program *out reach* (jangkauan ilmu) dilaksanakan oleh PPAPP untuk membolehkan pihak perpustakaan mendekati pelbagai lapisan masyarakat yang tidak dapat hadir ke perpustakaan seperti banduan di penjara, tahanan di pusat pemulihan dadah, rumah orang tua-tua dan pusat pemulihan dalam komuniti (PDK Orang Kelainan Upaya). Ini bagi memastikan semua lapisan masyarakat di Pulau Pinang khususnya tidak terpinggir dalam memperoleh ilmu. Jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk kerajaan, swasta, NGO dan komuniti telah membentuk satu dimensi baru dalam sistem penyampaian perpustakaan.

Menyedari perubahan keperluan maklumat masyarakat, PPAPP telah menerapkan konsep edutainment di dalam penyampaian perkhidmatan. Kemudahan berkonsep hiburan dalam pendidikan ini merupakan inisiatif untuk merubah persepsi konsep perpustakaan yang tradisional yang membosankan. Sehubungan itu, pelbagai program telah dilaksanakan seperti *infonite@ppapp* yang membolehkan peserta merasai pengalaman bermalam di perpustakaan secara eksklusif dengan menjalani pelbagai aktiviti penerokaan maklumat yang menarik. Selain itu, PPAPP juga mewujudkan perpustakaan permainan atau lebih dikenali dengan *iPlayToy* yang menyediakan kemudahan permainan berkonsep dan mampu merangsang minda anak-anak untuk bereksperimen sewaktu bermain.

Sebagai perpustakaan yang mempunyai koleksi terbaik dan bertaraf antarabangsa, PPAPP juga sering menganjurkan program-program seperti *Information Literacy: Search Strategies, Tools & Resources* bagi meningkatkan kemahiran dan kefahaman masyarakat dalam proses dapatan maklumat dan penyelidikan berasaskan semua sumber rujukan dan tidak hanya bergantung kepada google.

Begitu juga dengan Penang Digital Library, dalam usaha untuk mengembangkan dan memodenisasikan perpustakaan, PDL juga telah membangunkan aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai READCASA khusus untuk kegunaan pengguna PDL. Melalui aplikasi ini, pengguna juga boleh mengakses kepada kandungan dan maklumat berkaitan STEM serta bahan bacaan yang telah disediakan. Aplikasi mudah alih 'Readcasa' telah direka khas untuk kegunaan PDL. Aplikasi tersebut membolehkan pengguna mengakses dengan mudah dan cepat di mana-mana sahaja. Melalui 'Readcasa', ahli PDL boleh terus membaca bahan melalui peranti mudah alih seperti *Android* atau *iOS* dari mana-mana sahaja di Malaysia dan pada bila-bila masa.

Dalam usaha memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh PDL berterusan dan diterima baik oleh penduduk, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembangunan PDL Fasa 2 (PDL-P2). Sebuah bangunan kuarters Kerajaan Negeri yang terletak bersebelahan PDL sedia ada telah dikenalpasti untuk tujuan tersebut. Pembangunan PDL Fasa 2 ini dijangkakan siap dan beroperasi pada Disember 2018.

Impak daripada strategi-strategi di atas jelas membuktikan perpustakaan kini bukan sahaja menjadi tempat untuk membaca tetapi juga secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, pusat integrasi antara kaum dan seterusnya menjadikan perpustakaan sebagai pusat berkumpul atau dengan kata lain library as place dan akhirnya terus kekal relevan untuk semua.

#### **RUJ. LAMPIRAN I BTYC NO. 25.**

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Senaraikan semua hot spot anjing liar (stray dogs)/ nyamuk aedes/ tikus/ burung gagak di seluruh Negeri Pulau Pinang. Huraikan sebab-sebabnya dengan terperinci kes berlaku mengikut daerah/ bilangan kes/ nama penyakit dan strategi, langkah-langkah serta polisi Kerajaan Negeri mengelakkan terjadinya pewabakan penyakit-penyakit tertentu dan isu sosial.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. (a) Jumlah keseluruhan kawasan *hot spot* anjing liar, nyamuk, aedes/ wabak denggi, tikus dan burung gagak adalah sebanyak 165. Perincian lokasi *hot spot* mengikut pembawa penyakit adalah seperti berikut:

| Pembawa       | Bilangan Hot Spot |      |
|---------------|-------------------|------|
|               | MBPP              | MPSP |
| Anjing liar   | 12                | 33   |
| Nyamuk        | 18                | 2    |
| Tikus         | 16                | 14   |
| Burung gagak  | 39                | 31   |
| <b>Jumlah</b> | <b>165</b>        |      |

- (b) Antara sebab-sebab yang menyumbang kepada masalah ini seperti berikut :-
- (i) Kebersihan alam sekitar (*environmental sanitation*) merupakan faktor utama yang menggalakkan haiwan seperti anjing liar, tikus, nyamuk dan burung gagak berkumpul kawasan-kawasan bandar dan separa bandar. Faktor ini telah meningkatkan risiko penyakit-penyakit seperti *Aedes*, *Avian Influenza* atau Selesema Burung dan *Leptospirosis* yang kebiasaannya berpunca daripada anjing liar, nyamuk, tikus dan burung gagak merebak dengan pantas dan meluas ke kawasan *hotspot*; dan
  - (ii) Kurang kesedaran komuniti dimana tindakan memberi makanan kepada anjing liar telah menggalakkan anjing liar berkumpul dan menjadi salah satu faktor menyumbang kepada permasalahan ini. Selain itu juga, kehadiran tikus dan gagak turut berpunca daripada kegagalan penduduk untuk menutup tong sampah dengan rapi. Tindakan ini telah membuka akses kepada tikus, anjing liar dan gagak untuk mendapatkan makanan dan seterusnya meningkatkan populasi haiwan perosak ini di kawasan-kawasan yang dikenalpasti.

- (c) Antara langkah Kerajaan Negeri untuk menangani wabak/penyakit yang berpunca daripada anjing liar, nyamuk, tikus dan burung gagak dari merebak adalah seperti berikut:-

#### **ANJING LIAR**

- (i) Memperkukuhkan penguatkuasaan kawalan anjing liar dan terbiar dengan lebih efektif mengikut ketetapan prosedur piawaian berperikemanusiaan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPV) Malaysia dan peringkat antarabangsa;
- (ii) Meningkatkan pematuhan syarat pelesenan anjing dengan mewujudkan satu Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing yang baru menggantikan Undang-undang Kecil yang sedia ada;
- (iii) Mengadakan Kempen Pendidikan Pemilikan Dan Pelesenan Anjing melalui hebahan dan risalah;
- (iv) Mengadakan kerjasama bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengenai tahap kesedaran pemilikan dan penjagaan anjing serta pelesenan anjing;
- (v) Mengajukan program pemandulan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu International Aid For The Protection & Welfare Of Animals (IAPWA);
- (vi) Menyebarkan hebahan dan maklumat mengenai program *Pet Passport* yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV);
- (vii) Mewujudkan *animal sanctuary* yang akan didirikan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu *Penang Animal Sanctuary Society* (PASS) di Taman Metropolitan Relau; dan
- (viii) Mewujud dan menyelaraskan program penguatkuasaan tangkapan anjing liar dan terbiar mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) terkini seperti yang ditetapkan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-67 (MNKT ke-67). Setiap pegawai perlu melaksanakan mengikut modul dan cara yang telah ditetapkan oleh pihak MBPP.

#### **NYAMUK**

- (i) Meningkatkan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan Aedes atau '*search and destroy*';
- (ii) Menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri yang bermesyuarat secara berkala bagi membincangkan isu-isu berbangkit dan kawasan-kawasan berisiko tinggi denggi dalam memastikan tindakan pencegahan dan kawalan dijalankan dengan berkesan;
- (iii) Menjalankan aktiviti *larviciding* menggunakan *Bacillus Thuringiensis Israelensis* (BTI) atau *temephos* (pembunuh jentik-jentik) dan semburan kabus *Ultra Low Vbiume* (ULV) secara pencegahan di lokaliti-lokaliti sensitif bagi mengurangkan densiti nyamuk;
- (iv) Menjalankan aktiviti penguatkuasaan terutamanya di lokaliti tapak-tapak binaan yang kerap dijumpai pembiakan Aedes;
- (v) Mempertingkatkan aktiviti gotong-royong dengan kerjasama masyarakat setempat. Sehingga bulan September 2017, sebanyak 202 gotong-royong telah dilaksanakan di seluruh negeri Pulau Pinang;
- (vi) Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan untuk pembasmian tempat pembiakan Aedes kepada masyarakat;
- (vii) Memperkenalkan aplikasi AIME yang dapat membuat ramalan mengenai lokasi kejadian wabak denggi yang akan berlaku dengan menggunakan data-data kejadian yang lepas dan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar;

- (viii) Memperkasakan COMBI dalam kalangan komuniti Karnival Kesedaran Denggi dan Konvensyen COMBI peringkat negeri telah dilaksanakan bagi membolehkan pasukan COMBI berkongsi pengalaman dan aktiviti yang telah dijalankan serta meningkatkan persaingan sihat antara pasukan-pasukan COMBI tersebut; dan
- (ix) Menyediakan kenyataan akhbar setiap minggu untuk makluman Kerajaan Negeri dan edaran kepada media dengan tujuan untuk memberi maklumat terkini denggi terkini kepada orang ramai.

#### **TIKUS**

- (i) Menjalankan aktiviti kutipan sampah berjadual di kawasan kediaman, kompleks pasar awam, kompleks komersial dan kawasan perusahaan di seluruh Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Menjalankan aktiviti pembersihan parit longkang;
- (iii) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di pasar awam dan kompleks makanan;
- (iv) Melaksanakan tindakan penghapusan sarang dan tempat perlindungan tikus serta permusnahan tikus menggunakan kaedah pengumpulan racun kimia; dan
- (v) Melaksanakan pendidikan kesihatan kepada pengusaha-pengusaha dan masyarakat dalam membendung pembiakan tikus.

#### **GAGAK**

- (i) Menggunakan kaedah meracun;
- (ii) Memasang perangkap;
- (iii) Mencangkuk sarang;
- (iv) Menembak; dan
- (vi) Mengadakan gotong-royong dan kutipan sisa pepejal secara berjadual bagi meningkatkan tahap kebersihan yang menjadi tarikan kepada burung gagak.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Huraikan

- (a) Reformasi pendemokrasian yang dicapai oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari semua aspek.
- (b) Rombongan ke luar negara ,tujuan dan manfaatnya sejak tahun 2008. Huraikan hasrat dan hala reformasi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada masa depan..

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. (a) Sejak tahun 2008 pelbagai perubahan telah diambil untuk mencapai reformasi pendemokrasian di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bagi memastikan ADUN mempunyai lebih ruang untuk menyuarakan hasrat dan pandangan rakyat, sesi soalan lisan yang sebelum ini berlangsung hanya 3 jam pada hari pertama persidangan DUN telah dipanjangkan kepada satu setengah (1 ½) jam setiap hari persidangan. Selain itu, jawapan kepada semua soalan bertulis akan diletakkan di atas meja ADUN pada hari pertama persidangan bagi membolehkan ADUN meneliti jawapan dan menyuarakan sebarang isu berkaitan jawapan tersebut dalam tempoh persidangan.

Untuk memastikan setiap ADUN mendapat ruang perbahasan yang optimum, masa perbahasan telah dipanjangkan sehingga 11 malam pada setiap hari persidangan. Bagi memastikan rakyat Negeri Pulau Pinang mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kemajuan dan perkembangan Negeri Pulau Pinang, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang juga telah menyediakan ruang kerja untuk para media dan tempat khas untuk sidang media diadakan secara langsung dari Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Malah Persidangan DUN juga boleh ditonton secara *live streaming*.

- (b) Pada tahun 2008 sehingga September 2017 sebanyak 280 lawatan ke luar negara telah dilaksanakan dengan melibatkan kos sebanyak RM10,933,759.25 yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadual bawah merupakan pecahan jumlah lawatan mengikut tahun:-

| Tahun                           | Bilangan Lawatan | Kos Lawatan (RM)     |
|---------------------------------|------------------|----------------------|
| 2008                            | 9                | 206,512.23           |
| 2009                            | 27               | 609,607.00           |
| 2010                            | 17               | 589,651.57           |
| 2011                            | 37               | 1,933,297.34         |
| 2012                            | 24               | 712,779.20           |
| 2013                            | 16               | 460,788.60           |
| 2014                            | 46               | 1,313,796.00         |
| 2015                            | 35               | 2,106,122.80         |
| 2016                            | 43               | 2,087,622.04         |
| 2017<br>(sehingga<br>September) | 26               | 913,582.47           |
| <b>Jumlah</b>                   | <b>280</b>       | <b>10,933,759.25</b> |

Faedah atau manfaat yang diperolehi daripada lawatan-lawatan tersebut dapat diukur dari pelbagai aspek. Dari aspek Ekonomi dan Perhubungan Antarabangsa, produk-produk keluaran usahawan Negeri Pulau Pinang dapat dipromosikan dan secara tidak langsung membuka peluang perniagaan, membolehkan wujudnya *networking* yang lebih erat antara dua negara bagi memastikan kelancaran hubungan kerjasama dua hala di samping mewujudkan rangkaian kerjasama antara *international stakeholders and private sectors*.

Selain itu, melalui lawatan-lawatan ini Negeri Pulau Pinang dapat dipromosikan sebagai hab perdagangan, hab halal dan sebagai destinasi pelancongan yang kian popular. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga dapat mempelajari dari pelbagai aspek seperti penjimatan tenaga, proses kitar semula, pengurusan sisa pepejal dan sebagainya.

Lawatan-lawatan ini turut membawa manfaat dari aspek pertanian/asas tani seperti mendapat pendedahan dan mempelajari tentang teknologi terkini yang digunakan bagi pertanian moden dan pengairan dan perkongsian teknologi dan *business matching* dalam pengeluaran primer pertanian.

Dari aspek pendidikan pula, secara langsung dapat meningkatkan pengetahuan tentang hal ehwal antarabangsa serta dapat bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman berkaitan tugas sebagai wakil rakyat dengan delegasi dari negara luar dan menjadi platform untuk merapatkan hubungan di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pelajar-pelajar Malaysia terutamanya pelajar dari Pulau Pinang yang sedang menuntut di luar negara.

Dari aspek perubatan pula, dapat mewujudkan peluang pelaburan dalam bidang perubatan dengan adanya Pusat Perubatan yang dilengkapi dengan kemudahan teknologi yang terkini dan membuka peluang untuk mencipta dan mendapatkan idea baharu bersama delegasi luar bagi memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi bandar perubatan.

Kaedah dan inovasi baru di dalam meningkatkan perkhidmatan perancangan taman industri, dan industri perkhidmatan bagi menjana dan meningkatkan ekonomi negeri dapat dipelajari. Lawatan-lawatan ini juga menggalakkan perkongsian maklumat dalam bidang industri berteknologi tinggi, mewujudkan jaringan perniagaan dan pemindahan teknologi antara dua buah negara. Selain itu, ianya dapat melengkapkan dan

meningkatkan lagi sistem perkomputeran dan struktur telekomunikasi di samping memberi input kepada Kerajaan Negeri berhubung dasar dan konsep terkini berkaitan teknologi dan perindustrian.

Sememangnya, setiap lawatan ke luar negara bertujuan membawa masuk pelaburan baharu ke Pulau Pinang. Usaha-usaha untuk membina hubungan diplomatik dan kerjasama ekonomi dengan negara luar ini secara tidak langsung dapat menyumbang ke arah pembangunan Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Senaraikan sepuluh (10) pelaburan asing yang besar terperinci iaitu nama/ jumlah pelaburan/ jenis/ lokasi dalam Negeri Pulau Pinang. Huraikan mustahaknya bidang perindustrian dalam ekonomi negeri/ jenis pekerjaan disumbangkan/ minimum gaji (RM1500.00 perlu ditetapkan) untuk tingkatkan golongan tengahan ekonomi agar polisi satu orang satu rumah tercapai. Apakah strategi, pelan dan polisi Kerajaan Negeri untuk memperkuatkan bidang ini pada masa depan..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan 10 pelaburan asing yang terbesar secara terperinci (nama/jumlah pelaburan/jenis/lokasi/dan lain-lain) di dalam Negeri Pulau Pinang memandangkan setakat ini, pihak Lembaga Penggalakkan Pelaburan (MIDA) masih belum mengumumkan maklumat tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai senarai syarikat asing yang melabur di Pulau Pinang antaranya Jinko Solar & JA Solar dari Negara China, B Braun dari Jerman, Mattel, Keysight, Haemonetics, Bose, Boston Scientific dan Broadcom dari Amerika Syarikat, Dell Global Business Centre dan Telmar Network dari Netherlands, HP, Ultimate Matching dan ClassA dari Singapura dan SanDisk Storage dari Amerika Syarikat.

Pada tahun 2017, antara pelaburan terbesar yang diumumkan di Pulau Pinang adalah pelaburan semula oleh Broadcom dari Amerika Syarikat dengan cadangan pelaburan sejumlah RM4.1 billion dalam tempoh 10 tahun akan datang dan juga pelaburan di dalam hab pembekalan global di Batu Kawan sebanyak RM59 juta. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri turut mengumumkan Broadcom bakal menjadi pengeksport terbesar di Malaysia pada 2018 dengan nilai eksport sejumlah RM65 juta. Syarikat Hotayi dari Taiwan juga turut membuat pelaburan semula sejumlah RM1 bilion tahun ini di Batu Kawan bagi menampung permintaan perniagaan dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E) yang semakin bertambah. Pelaburan dalam bidang E&E kekal sebagai penyumbang terbesar pelaburan ke dalam Pulau Pinang dan fokus bidang E&E di Pulau Pinang adalah ke arah aktiviti berpendapatan tinggi.

- (b) Bidang perindustrian terus kekal sebagai enjin pembangunan di Pulau Pinang. Pada tahun 2016, bidang pembuatan menyumbang sebanyak 45% kepada KDNK negeri dan berkembang pada kadar 5.4%. Kepentingan bidang perindustrian kepada ekonomi negeri adalah seperti berikut:
- (i) Mewujudkan pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang dan meningkatkan taraf hidup penduduk;
  - (ii) Meningkatkan ekosistem pembuatan dan sistem rantai pembekalan;
  - (iii) Meningkatkan peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat tempatan melalui *multiplier effect*; dan
  - (iv) Aktiviti pemindahan pengetahuan dan teknologi oleh Syarikat Multinasional (MNC) luar negara meningkatkan lagi kemahiran pekerja tempatan.
- (c) Buat masa ini, gaji minima yang ditetapkan di Malaysia adalah RM1,000.00 sebulan dan sebarang perubahan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Persekutuan. Walaupun gaji minimum ditetapkan pada RM1,000.00 sebulan, adalah menjadi salah satu keutamaan dasar Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan rumah mampu milik yang bermutu di negeri Pulau Pinang kepada rakyatnya dalam usaha untuk membantu rakyat Pulau Pinang memiliki sebuah rumah sejajar dengan moto "Satu Keluarga Satu Rumah". Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mengambil langkah untuk meneruskan tanggungjawab sosial perumahannya melalui

pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik bagi memenuhi keperluan lapisan masyarakat yang tertentu.

- (d) Antara usaha dan strategi Kerajaan Negeri untuk menarik minat pelabur untuk beroperasi di Pulau Pinang adalah melalui langkah-langkah berikut:
- (i) Melaksanakan strategi untuk menarik pelabur baru dan pada masa sama mengekalkan pelabur sedia ada seperti pelancaran Information Technology Business Process Outsourcing (IT-BPO) Hub di Bayan Lepas untuk menarik pemain global dalam industri *Shared Services Outsourcing* melabur di Pulau Pinang;
  - (ii) Bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat seperti MIDA bagi perkara berkaitan dengan penawaran insentif negara kepada pelabur yang kompetitif berasaskan *benchmark* antarabangsa dan TalentCorp untuk menarik "diaspora" Malaysia di luar negara ke Pulau Pinang;
  - (iii) Menambah baik infrastruktur secara berterusan bagi taman-taman perindustrian dan teknologi yang bertaraf antarabangsa termasuk membangunkan perkampungan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang lengkap dengan semua kemudahan utama di kawasan yang sama;
  - (iv) Menyediakan perkhidmatan pemudahcara kepada pelabur supaya membantu dalam "*ease of doing business*" dan juga bekerjasama dengan semua pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan kos untuk menjalankan perniagaan "*cost of doing business*" di negeri ini kekal kompetitif;
  - (vi) Memberikan fokus kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang Elektronik dan Elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan, sains kesihatan, aeroangkasa dan avionik dan teknologi LED; dan
  - (v) Menggalakkan pembangunan usahawan tempatan melalui program perintis pemula niaga yang dikenali sebagai *Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)*.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Senaraikan 10 mega projek yang telah dilaksanakan di KADUN Tanjung Bunga sejak tahun 2008 oleh Kerajaan Negeri dan 10 mega projek dirancangan. Huraikan dengan terperinci iaitu jumlah peruntukan/ nama kontraktor/ sebab-sebab lewatnya siap projek/ luasan/ lot nombor penyumbangan projek tersebut kepada ekonomi tempatan dan tidak menjejaskan alam sekitar dan aktiviti nelayan setempat disokongkan DEIA, TIR, SIR dan lain-lain..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Projek mega boleh didefinisikan sebagai projek yang bernilai RM500 juta ke atas dan merupakan projek berskala besar, kompleks, mengambil masa bertahun-tahun untuk membangun dan membina, melibatkan beberapa pihak berkepentingan awam dan swasta serta boleh mentransformasikan dan memberi kesan besar kepada ramai orang.

Sepanjang tahun 2008 hingga 2017 hanya terdapat **satu** sahaja projek yang boleh diklasifikasikan sebagai projek mega yang dilaksanakan di KADUN Tanjung Bunga iaitu Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong. Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang merupakan projek infrastruktur di bawah Kerajaan Negeri yang telah mula dilaksanakan pada Oktober 2013 melalui Request for Proposal (RFP) dan anggaran kos keseluruhan projek bernilai RM6.341 billion. Sebagai makluman, projek ini melibatkan kajian kebolehlaksanaan dan rekabentuk terperinci serta pembinaan 3 pakej jalan serta terowong bawah dasar laut. Pakej 1 projek ini melibatkan KADUN Tanjung Bungah, iaitu melibatkan pembinaan Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang.

Kontraktor yang terlibat ialah Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. yang kini didaftarkan dengan nama Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd.

Kajian kebolehlaksanaan untuk Projek Jalan-Jalan Utama yang melibatkan 3 pakej jalan, iaitu Pakej 1 jalan melibatkan pembinaan Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, Pakej 2 yang melibatkan Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam dan Pakej 3 bagi Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Rekabentuk Terperinci Awal (*Preliminary Detailed Design*) juga telah siap pada 26 Januari 2016 untuk membolehkan Kajian Kesan Kepada Alam Sekitar (*Detailed Environment Impact Assessment-DEIA*) dimulakan. Laporan kajian DEIA juga telah disiapkan dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017 dan kini sedang menunggu keputusan daripada pihak JAS.

Fasa pembinaan projek Pakej 1 ini masih belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan EIA daripada Kerajaan Persekutuan dan proses pengambilan balik tanah diselesaikan.

Lebuhraya berkembar 2 Lorong (Dual Carriageway) dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang ini dicadangkan dengan jalan keluar-masuk terhad bagi menjamin kelancaran dan masa perjalanan yang lebih efisien. Lebuhraya ini adalah jajaran baru yang akan menjadi laluan alternatif yang lebih efisien, selesa dan bebas tol untuk perjalanan dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang. Jalan berkembar ini dicadangkan sebagai laluan alternatif ke kawasan kediaman di sekitar Tanjung Bungah– Teluk Bahang dan pintasan trafik ke kawasan pembangunan sepanjang jajaran ini. Ianya melibatkan 5 persimpangan bertingkat yang dibina di lokasi strategik bagi menghubungkan kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang tinggi dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang.

Lebuhraya ini akan memendekkan masa perjalanan dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang dari 30 minit kepada 9 minit dengan lebih selamat dan selesa. Projek ini juga akan dapat menjimatkan kos perjalanan dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang dan sebagai pemangkin aktiviti pelancongan di Batu Ferringhi.

Projek ini tidak akan dimulakan sehingga kesemua kelulusan yang diperlukan diperolehi, termasuklah kelulusan EIA .

**IV. Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Berapa banyak wang telah disalurkan untuk Program Emas membantu rakyat sejak 2008?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Program Emas adalah merujuk kepada Program iSejahtera yang telah dilancarkan pada tahun 2009 dan pembayaran dilaksanakan mulai tahun 2010.

Sejumlah **RM224,311,900.00** telah dibelanjakan bagi Program iSejahtera sejak 2009 hingga Oktober 2017 dan perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:-

| <b>PROGRAM</b>                         | <b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b> |
|--|---------------------------------|
| Program Penghargaan Warga Emas         | 114,357,800.00                  |
| Program Ibu Tunggal                    | 7,290,200.00                    |
| Program Bantuan OKU                    | 5,167,800.00                    |
| Program Skim Pelajar Emas              | 27,479,100.00                   |
| Program Anak Emas                      | 14,429,200.00                   |
| Program Ibu Emas                       | 20,263,800.00                   |
| Program Pengurusan Jenazah Warga Emas  | 34,938,000.00                   |
| Program Pengurusan Jenazah Ibu Tunggal | 117,000.00                      |
| Program Pengurusan Jenazah OKU         | 269,000.00                      |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>              | <b>RM224,311,900.00</b>         |



**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Berapa banyak wang telah diberi kepada 28 Sekolah Tamil di Pulau Pinang oleh kerajaan Pulau Pinang sejak 2008?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada 28 Sekolah Tamil sejak tahun 2008 hingga 2017 adalah sebanyak RM15,534,430.00. Pecahan mengikut tahun adalah seperti di jadual berikut:

| Tahun         | Peruntukan (RM)      |
|---------------|----------------------|
| 2008          | 34,430.00            |
| 2009          | 1,500,000.00         |
| 2010          | 1,750,000.00         |
| 2011          | 1,750,000.00         |
| 2012          | 1,750,000.00         |
| 2013          | 1,750,000.00         |
| 2014          | 1,750,000.00         |
| 2015          | 1,750,000.00         |
| 2016          | 1,750,000.00         |
| 2017          | 1,750,000.00         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>15,534,430.00</b> |

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Apakah halangan menghadapi kerajaan Pulau Pinang untuk melaksanakan *Penang Transport Master Plan*?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. *Penang Transport Master Plan* atau Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP) merangkumi beberapa projek utama iaitu (i) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)*, (ii) Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan (iii) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong. Berikut merupakan butiran lanjut mengenai pelaksanaan dan kos projek-projek tersebut:

- (i) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)*

Pada ketika ini, Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)* masih menunggu dua (2) kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' dan Laporan Skim Rail. Laporan *DEIA* telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Laporan Skim Rail (*Rail Scheme*) pula telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. Kelewatan kelulusan daripada pihak SPAD adalah disebabkan pihak SPAD kini sedang memberikan tumpuan kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara. Adalah difahamkan bahawa kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018.

- (ii) Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)

Bagi Projek Lebuhraya *Pan Island Link 1 (PIL 1)*, penyediaan laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' kini di peringkat akhir dalam menyelesaikan isu-isu teknikal dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan pada penghujung bulan Disember 2017.

- (iii) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan laporan *Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*.

Laporan DEIA projek ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Maklumat terakhir yang dimohon oleh pihak JAS pada 8 September 2017 telah dikemukakan pada 19 September 2017 dan kini sedang menunggu keputusan penilaian daripada pihak JAS. Projek ini masih belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan untuk bermula. Pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut pula masih diperingkat Kajian Kebolehlaksanaan dengan status kajian telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Projek ini masih belum bermula secara fizikal dan tertakluk kepada keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian kebolehlaksanaan terowong bawah dasar laut ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat setelah siap nanti.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Sejak 2008 berapa biji rumah kos rendah dibina oleh kerajaan Pusat di Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Sejak tahun 2008 hingga 30 September 2017, Kerajaan Persekutuan melalui syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah membina sebanyak 11 projek perumahan melibatkan penyediaan sejumlah **1,434** unit Rumah Mampu Milik A (kos rendah) di Pulau Pinang. Senarai projek adalah seperti di **Lampiran A**.

### **RUJ. LAMPIRAN A BTANA NO. 3.**

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Bilakah projek Penang Sentral akan siap?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Pembinaan fizikal Projek Penang Sentral dijangka akan siap sepenuhnya pada Disember 2017. Ianya dijangkakan boleh mula beroperasi pada suku pertama tahun 2018, setelah mengambil kira tempoh kerja-kerja ujian dan pentauliahan (*Testing and Commissioning*) dan juga Sistem Pengurusan Terminal (*Terminal Management System*), iaitu sistem yang mengintegrasikan operasi bas, teksi dan tren Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di terminal tersebut yang mengambil masa selama tiga (3) bulan dari tempoh bangunan terminal disiapkan secara fizikal.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Berapa banyak pelancong datang ke Pulau Pinang dari 1-1-2017 hingga 31-10-2017?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Statistik kedatangan pelancong ke Pulau Pinang adalah disediakan oleh Tourism Malaysia untuk keseluruhan negara Malaysia. Namun demikian, data tersebut bagi tahun 2017 belum lagi diperolehi oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Walau bagaimanapun, peningkatan pelancong ke Pulau Pinang dapat ditunjukkan dengan purata peningkatan inap bilik hotel (*room occupancy*) oleh *Malaysian Association of Hotels (MAH) Penang Chapter* sebanyak **7%** pada tahun ini jika dibandingkan dengan tahun 2016.

Selain itu, statistik ini juga boleh dijelaskan dengan bilangan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mengikut statistik daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017 adalah seramai **4,658,772 orang**. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak **8.4%** dari tahun 2016 yang mencatatkan jumlah penumpang sebanyak 4,297,289 pada dari bulan Januari 2016 hingga Ogos 2016.

Kerajaan Negeri yakin jumlah penumpang akan terus meningkat lebih-lebih lagi pada musim cuti sekolah dan cuti musim sejuk. Jangkaan jumlah penumpang bagi tahun 2017 ialah ,mencapai 7.1 juta orang penumpang berbanding 6.7 juta orang penumpang pada tahun 2016.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Berapa banyak wang telah di beri oleh kerajaan Pusat untuk naiktaraf infrastruktur sekolah Tamil di Pulau Pinang untuk tahun 2017?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Peruntukan tabung penyelenggaraan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Pulau Pinang yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017 adalah seperti perincian di **Lampiran A.**

**RUJ. LAMPIRAN A BTANA NO. 7.**

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Mengapa kerajaan tidak mahu bina sebuah hotel mewah di Bukit Bendera?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan semula Hotel Crag di atas Bukit Bendera melalui pembukaan '*Request For Proposal (RFP) For The Restoration, Refurbishment, Redevelopment And Management Of Crag Hotel at Lot 100, Mukim 17, Bukit Bendera (Penang Hill), North East District, George Town, Penang, Malaysia.*'

Kerajaan Negeri telah melantik sebuah syarikat swasta berkelayakan antarabangsa bagi tujuan pembangunan dan pengurusan hotel bertaraf enam (6) bintang ke atas hotel tersebut. Antara komponen pembangunan projek adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan 2 blok 2 tingkat hotel 'The Crag';
- (ii) Pembangunan 4 blok 1 tingkat ruang kemudahan hotel dan tempat letak kereta;
- (iii) 3 blok 1 tingkat 'suite' tetamu hotel dengan kolam renang;
- (iv) 2 blok 2 tingkat 'suite' tetamu hotel dengan kolam renang; dan
- (v) tambahan dek pemandangan dan dapur 4 tingkat.

Selaras dengan keperluan, Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera, pihak syarikat telah mengemukakan Pelan Permohonan Kebenaran Merancang kepada Panel Penasihat Reka Bentuk Bukit Bendera (*Penang Hill Design Review Panel*) pada 9 Oktober 2017 untuk pertimbangan sebelum pelan tersebut dikemukakan kepada Unit One Stop Centre (OSC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk kelulusan.

Selain itu, terdapat juga perancangan untuk pembangunan hotel *Eco-Friendly* di Banglo Convalescent, Bukit Bendera bertaraf empat (4) bintang selari dengan syarat nyata tanah yang diluluskan iaitu hotel dan restoran sahaja. Cadangan ini juga bagi memenuhi permintaan tempat penginapan di Bukit Bendera daripada pelancong tempatan dan luar negara. Pembangunan tersebut masih diperingkat perancangan dan belum dimuktamadkan. Ini kerana pembangunan tersebut perlu diteliti bagi memastikan ekologi dan ciri-ciri alam semula jadi terpelihara serta mematuhi Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera yang telah digazetkan / diwartakan pada 1 September 2016.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Adakah Kerajaan Negeri setakat ini buat apa-apa pinjaman dari bank bank dalam negara atau luar negara?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Suatu Enakmen Pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain) 2017 telah dibentang dan diluluskan pada Mei 2017 yang lalu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum membuat sebarang pinjaman dengan bank-bank samada dari dalam atau luar negara.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Apakah kadar pengangguran di Pulau Pinang pada masa kini ?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran negeri Pulau Pinang pada tahun 2016 adalah sebanyak 2.1% iaitu kadar pengangguran kedua terendah di Malaysia selepas Negeri Melaka. Sebahagian pakar ekonomi berpendapat kadar pengangguran yang kurang dari 3% menunjukkan ekonomi berada dalam keadaan *full employment*.

**IV. Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. (a) Senaraikan bilangan unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) mengikut daerah serta bilangan unit yang masih kosong dan tidak dihuni.
- (b) Sejauh manakah konsep sewa beli di kalangan berpendapatan rendah dilaksanakan di Pulau Pinang?
- (c) Nyatakan bilangan rumah yang dimiliki oleh golongan pendapatan rendah melalui konsep sewa beli mengikut tahun 2015, 2016 dan 2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab menyelia dua (2) buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) seperti berikut:

| Bil. | Daerah               | Nama PPR                             | Jumlah Unit | Diisi | Kosong |
|------|----------------------|--------------------------------------|-------------|-------|--------|
| 1.   | Timur Laut           | Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin   | 320         | 318   | 2      |
| 2.   | Seberang Perai Utara | Taman Bagan Jaya, Jalan Thamby Kecil | 382         | 348   | 34     |

Selain daripada itu, terdapat dua (2) buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang masih dalam proses pembinaan, seperti berikut:

| Bil. | Daerah                | Nama PPR            | Jumlah Unit |
|------|-----------------------|---------------------|-------------|
| 1.   | Seberang Perai Tengah | Permatang Tok Subuh | 231         |
| 2.   | Seberang Perai Utara  | Mak Mandin          | 70          |

Jumlah kekosongan unit di Taman Bagan Jaya buat masa ini berpunca daripada proses keluar masuk penyewa. Selain itu, aktiviti pemantauan dan sesi temuduga semula yang dijalankan baru-baru ini turut mengesan ramai dari kalangan penyewa hilang kelayakan untuk menghuni PPR atas pelbagai faktor seperti menyewa kecil dan tidak menduduki unit yang diperuntukkan. Sehubungan itu, tindakan pengosongan telah dilaksanakan dan proses temuduga sedang dijalankan untuk pengisian dari kalangan pemohon di dalam senarai menunggu.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2015 telah memperkenalkan semula Skim Perumahan Sewa Beli kepada golongan berpendapatan kurang RM2,500 untuk memiliki Rumah Mampu Milik 'A' (Harga Maksima RM42,000). Di bawah inisiatif ini sebanyak **51** unit kediaman jenis strata di Taman Seruling Emas dan **104** unit kediaman jenis *townhouse* yang keduanya terletak di Daerah Seberang Perai Selatan telah ditawarkan. Kadar sewa yang ditetapkan adalah sebanyak RM100 selama 15 tahun bagi Taman Seruling Emas dan RM150 selama 23 tahun bagi Taman Sungai Duri Permai. Caj penyelenggaraan bagi kedua-duanya ditetapkan pada kadar RM20 sebulan.

- (c) Statistik penawaran unit kediaman sewa beli Kerajaan Negeri mengikut tahun adalah seperti di jadual berikut:-

| Skim Perumahan           | Proses                   | 2015     | 2016      | 2017     |
|--------------------------|--------------------------|----------|-----------|----------|
| Taman Seruling Emas      | Bilangan Unit Ditawarkan | 0        | 51        | 0        |
|                          | Bilangan Terima Tawaran  | 0        | 11        | 0        |
|                          | <b>Baki Unit</b>         | <b>0</b> | <b>40</b> | <b>0</b> |
| Taman Sungai Duri Permai | Bilangan Unit Ditawarkan | 0        | 104       | 0        |
|                          | Bilangan Terima Tawaran  | 0        | 73        | 0        |
|                          | <b>Baki Unit</b>         | <b>0</b> | <b>31</b> | <b>0</b> |

Proses penawaran semula bagi baki 40 unit di Taman Seruling Emas dan 31 unit di Taman Sungai Duri Permai yang belum diduduki pada masa ini ditangguhkan. Tindakan ini diambil kerana unit-unit ini dijadikan unit simpanan / rezab bagi penyelesaian urusan pemindahan penduduk-penduduk daripada kawasan Ladang Byram yang akan dimajukan kelak.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. (a) Nyatakan jumlah tuntutan yang dibuat oleh kontraktor ke atas projek naik taraf Rumah Pam Permatang Tinggi serta pakej 2 parit lencongan yang menghadapi EOT beberapa kali.
- (b) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan projek-projek kerajaan dapat dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. (a) Bagi projek pakej 2 yang melibatkan projek parit lencongan, pihak kontraktor telah menyatakan hasrat bagi menuntut kerugian tersebut. Walau bagaimanapun, JPS tidak dapat memproses tuntutan tersebut disebabkan projek berkenaan masih berjalan. Mengikut syarat kontrak, proses penghantaran dokumen bagi pengiraan jumlah kerugian hendaklah dijalankan selepas perakuan sijil siap kerja diperolehi dan permohonan lengkap hendaklah dihantar dalam tempoh 90 hari.

Manakala bagi projek pakej 1 yang melibatkan pembinaan rumah pam, tarikh penghantaran dokumen lengkap bagi tuntutan telahpun tamat dan sehingga kini JPS tidak menerima sebarang dokumen bagi tujuan tuntutan tersebut.

- (b) Bagi memastikan projek-projek Kerajaan Negeri dapat disiapkan mengikut jadual, langkah-langkah awal berikut telah dilaksanakan:
- (i) Menyemak dan mengadakan perbincangan awal dengan pihak/agensi yang bakal terlibat dan terkesan sepanjang pelaksanaan projek, terutamanya syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom, Perbadanan Bekalan Air (PBA) dan lain-lain agensi yang dijangka akan terlibat bersama;
  - (ii) Bagi projek yang melibatkan pengambilan tanah, proses pengambilan tanah akan dilaksanakan seawal mungkin bagi mengelakkan kelewatan projek;
  - (iii) Melaksanakan perolehan secara pra-kelayakan bagi tender yang melebihi RM5juta bagi mendapatkan kontraktor yang berkemampuan daripada segi kewangan dan teknikal serta berpengalaman di samping harga tawaran yang munasabah;
  - (iv) Mensyaratkan kontraktor supaya mengemukakan "Method Of Statement" dan "Critical Path Method" di peringkat tender supaya kontraktor dapat merancang pelaksanaan kerja lebih awal; dan
  - (v) Menubuhkan jawatankuasa teknikal bagi memantau pelaksanaan projek sepanjang tempoh pembinaan dan memberikan peringatan apabila mendapati kontraktor gagal mengikut kemajuan kerja yang ditetapkan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. (a) Apakah status terkini cadangan projek naik taraf Jalan Bukit Minyak-Alma bahagian di persimpangan Kota Permai ke ROB Alma yang membina jalan 4 lorong dengan pembahagi jalan?
- (b) Demi keselamatan dan kelancaran lalulintas, bolehkah langkah jangkamasa pendek seperti meletakkan pembahagi curb jalan sementara untuk kawalan lalulintas dilaksanakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. (a) Cadangan Projek Menaik Taraf Jalan Bukit Minyak-Alma bagi bahagian di persimpangan Kota Permai ke ROB Alma yang melibatkan pembinaan jalan 4 lorong dengan pembahagi jalan akan dilaksanakan secara berperingkat, cadangan ini melibatkan kerja-kerja ukur, kerja reka bentuk dan seterusnya kerja pembinaan. Kerja ukur tapak projek ini akan dilaksanakan pada bulan November 2017. Seterusnya diikuti oleh kerja-kerja reka bentuk pada tahun 2018, tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang telah dimohon dalam Bajet 2018. Manakala peruntukan untuk kerja-kerja pembinaan akan dimohon pada tahun 2019.

- (b) Pembahagi curb jalan sementara tidak sesuai dibina sebagai pembahagi fizikal kerana kelebaran jalan sedia ada tidak mencukupi. Perkara ini tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Lalulintas atas faktor keselamatan kerana lorong sedia ada akan menjadi sempit dan membahayakan pengguna.

Bagi penyelesaian jangka masa pendek ke atas isu keselamatan dan kelancaran lalu lintas di sepanjang Jalan Alma-Bukit Minyak, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memasang papan tanda 'kurangkan had laju' dan papan tanda 'persimpangan bahaya' sebagai peringatan kepada pengguna jalan tersebut.

Pihak JKR juga akan sentiasa memantau dan memastikan permukaan jalan berada dalam keadaan baik dan kerja-kerja membarumu muka jalan berkenaan termasuklah mengecat semula garisan *transvers bar* bagi mengurangkan halaju kenderaan di jalan tersebut akan dilaksanakan pada tahun ini.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. (a) Terangkan status terkini tentang cadangan pembinaan rumah pam di pintu air PDC berdekatan Kuala Juru yang dapat menangani masalah banjir kilat di Taman Sukun, Taman Amra dan Jalan Permatang Tinggi?
- (b) Apakah punca-punca yang melewatkan pelaksanaan cadangan tersebut?
- (c) Apakah usaha jangka masa pendek kerajaan negeri untuk menangani masalah banjir kilat tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. (a) Pintu air Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang PDC juga dikenali sebagai pintu air Sungai Junjung Mati terletak di Kuala Sungai Juru. Pembinaan rumah pam pintu air PDC di Sungai Junjung Mati adalah sebagaimana yang dicadangkan dalam Pelan Induk Saliran Daerah Seberang Perai Tengah masih dalam proses pelantikan perunding bagi kerja-kerja reka bentuk terperinci. Lantikan perunding bagi kerja kajian dan reka bentuk dijangka siap pada bulan Disember 2017.
- (b) Pelaksanaan projek ini masih di peringkat awal perancangan di mana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melihat secara menyeluruh keperluan berkaitan peruntukan pembinaan, kelulusan di pihak Kerajaan Negeri dan status hak milik tanah kawasan tersebut.
- (c) Usaha jangka pendek bagi menangani kesan banjir kilat di kawasan tersebut adalah dengan memastikan sistem saliran sedia ada diselenggara dengan baik dan secara berkala serta mempercepatkan proses menyelesaikan aduan yang melibatkan risiko banjir kilat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Cadangan pemasangan *removable* CCTV di kawasan pembuangan sampah haram masih tidak dijalankan di sekitar Kampung Kuala Tasek dan Kampung Manggis.
- (a) Kenapa cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan?
  - (b) Senaraikan bilangan kompaun yang dikeluarkan ke atas pembuang sampah?
  - (c) Nyatakan kos yang dibelanjakan oleh MPSP untuk bersihkan tapak sampah haram tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. (a) Cadangan pemasangan *removable* CCTV di kawasan pembuangan sampah haram di sekitar Kampung Kuala Tasek dan Kampung Manggis tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa faktor seperti berikut:-
- (i) Tiada kemudahan elektrik di kawasan berkenaan bagi membekalkan tenaga kuasa kepada CCTV kerana lokasi tersebut jauh dari jalan utama.
  - (ii) Tiada pusat atau tempat peletakan monitor yang sesuai di kawasan berkenaan.
  - (iii) Isu keselamatan seperti kecurian dan juga vandalisma kepada peralatan yang disediakan.
- (b) Bilangan kompaun yang dikeluarkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke atas kesalahan pembuangan sampah sepanjang tempoh Januari hingga Oktober 2017 adalah sebanyak 603 kompaun.
- Kos yang ditanggung oleh MPSP adalah sebanyak RM3,343.40 meliputi kos pekerja, jentera dan pelupusan sampah.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. (a) Terangkan secara terperinci tentang status cadangan pelebaran Jalan Kulim yang menyambungkan bandar Bukit Mertajam-Kulim.
- (b) Senaraikan projek-projek pembangunan perumahan yang telah dibangunkan di sepanjang Jalan Kulim mengikut bilangan unit dan penduduk.
- (c) Senaraikan projek-projek pembangunan perumahan yang akan dibangunkan di sepanjang Jalan Kulim mengikut bilangan unit dan penduduk.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. (a) Skop pelaksanaan Projek Pelebaran Jalan Kulim merangkumi perkara-perkara berikut:
- (i) Untuk menaik taraf Jalan Kulim dari satu lorong sehala ke dua lorong sehala dari Sempadan Kedah ke persimpangan Jalan Harapan/ Jalan Kulim sepanjang 7.7km; dan
  - (ii) Untuk menaik taraf persimpangan Jalan Kulim/Jalan Maju/Jalan Sentosa dan persimpangan Jalan Kulim/Jalan Kg Baru.
- Status terkini projek ini adalah di peringkat reka bentuk dan dijangka akan ditender untuk pembinaan pada tahun 2019 tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.
- (b) Sebanyak 18 projek pembangunan perumahan yang melibatkan sejumlah 5,843 unit rumah telah dibangunkan di sepanjang Jalan Kulim. Senarai projek-projek pembangunan perumahan yang telah dibangunkan di sepanjang Jalan Kulim adalah seperti di **Lampiran A**. Tiada maklumat tepat tentang bilangan penduduk yang menduduki perumahan yang telah dibangunkan tetapi dianggarkan seramai 23,312 orang.
- (c) Sebanyak empat (4) projek perumahan yang akan dibangunkan dan telah diluluskan Pelan Bangunan di sepanjang Jalan Kulim melibatkan sejumlah 558 unit rumah seperti di **Lampiran B**. Tiada maklumat tepat tentang bilangan penduduk yang akan menduduki perumahan yang telah dibangunkan tetapi dianggarkan seramai 2,790 orang.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BLKL NO. 6.**

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. (a) Apakah status terkini tentang cadangan projek menaik taraf Jalan Alma-Bukit Minyak bahagian ROB Alma ke Persimpangan Kota Permai?
- (b) Adakah projek ini telah dimasukkan ke dalam bajet 2018?
- (c) Apakah usaha jangkamasa pendek untuk memastikan keselamatan dan kelancaran lalu lintas sepanjang Jalan Alma-Bukit Minyak?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. (a) Cadangan Projek Menaik Taraf Jalan Bukit Minyak-Alma bagi bahagian di persimpangan Kota Permai ke ROB Alma yang melibatkan pembinaan jalan 4 lorong dengan pembahagi jalan akan dilaksanakan secara berperingkat, cadangan ini melibatkan kerja-kerja ukur, diikuti kerja-kerja reka bentuk dan seterusnya kerja-kerja pembinaan. Kerja-kerja ukur tapak projek ini akan dilaksanakan pada bulan November 2017. Seterusnya diikuti oleh kerja-kerja rekabentuk pada tahun 2018, tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang telah dimohon dalam bajet 2018. Manakala peruntukan untuk kerja-kerja pembinaan akan dimohon pada tahun 2019.
- (b) Cadangan peruntukan bagi kerja-kerja rekabentuk projek ini telah dimohon dalam bajet 2018.
- (c) Bagi penyelesaian jangka masa pendek ke atas isu keselamatan dan kelancaran lalulintas di sepanjang Jalan Alma-Bukit Minyak, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memasang papan tanda 'kurangkan hadlaju' dan papan tanda 'persimpangan bahaya' sebagai peringatan kepada pengguna jalan tersebut.

Pihak JKR juga akan sentiasa memantau dan memastikan permukaan jalan berada dalam keadaan baik dan kerja-kerja membaharu muka jalan berkenaan termasuklah mengecat semula garisan *transvers bar* bagi mengurangkan halaju kenderaan di jalan tersebut akan dilaksanakan pada tahun ini.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. (a) Terangkan status terkini tentang permohonan pinjaman negeri Pulau Pinang dengan EXIM Bank China untuk *bridge loan* Pelan Induk Pengangkutan.
- (b) Apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri dalam permohonan pinjaman tersebut?
- (c) Terangkan implikasi secara terperinci tentang permohonan kelulusan DEIA untuk tambakan 3 buah pulau ditolak oleh kerajaan persekutuan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Sehingga kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak membuat sebarang permohonan pinjaman termasuk dengan EXIM Bank China bagi tujuan *bridge loan* Pelan Induk Pengangkutan.

Kerajaan Negeri telah beberapa kali memberikan komitmen akan memenuhi semua syarat yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan kelulusan bagi projek PSR. Ini termasuk menjaga kesejahteraan para nelayan dan alam sekitar seperti yang dicadangkan dalam Laporan EIA (Jadual Kedua) projek PSR.

Kerajaan Negeri berpendapat jika semua syarat-syarat wajib dipatuhi, maka permohonan kelulusan EIA (Jadual Kedua) akan diperolehi kerana projek-projek penambakan laut berskala besar juga pernah diluluskan di Negeri Johor, Pahang, Melaka dan Perak.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. (a) Apakah usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri berkenaan pasaran pekerja dari segi permintaan industri dan supply pekerja untuk pembangunan industri 4.0?
- (b) Mengapa permintaan untuk kerja-kerja seperti Data Analytics, Python, R software amat rendah (kurang daripada 10 pekerjaan di Job Street) di Pulau Pinang?
- (c) Adakah kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri?



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. (a) Industri 4.0 atau *smart manufacturing* merupakan kaedah pembuatan yang mengaplikasikan asas-asas teknologi yang akan meningkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah syarikat serta mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja kurang mahir. Tenaga kerja dan bakat yang diperlukan untuk menggerakkan Industri 4.0 adalah mereka yang terlibat dan mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi maklumat (IT) untuk bekerja dalam 9 teras industri 4.0 iaitu *Big Data Analytics (BDA)*, *Augmented Reality*, *Simulation*, *Internet of Things (IOT)*, *Cloud Computing*, *Cyber Security*, *Systems Integration*, *Additive Manufacturing*, dan *Autonomous Systems*. Dalam mengharungi trend pembangunan industri 4.0 dan memenuhi pasaran pekerja dari segi permintaan industri dan penawaran pekerja, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah seperti berikut :
- (i) Memperkenalkan program biasiswa Penang Future Foundation yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik dan mengekalkan pekerja di negeri Pulau Pinang. Biasiswa ini memberi sokongan kepada rakyat Malaysia untuk meneruskan pengajian ijazah di Institut Pengajian Tinggi awam dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik, Kewangan dan Perakaunan. Setelah tamat pengajian, penerima biasiswa akan berkhidmat di mana-mana organisasi pilihan di negeri Pulau Pinang bagi tempoh yang sepadan dengan jumlah yang ditaja untuk tempoh maksimum lima tahun.
  - (ii) Memperkenalkan Program Meister Malaysia bagi meningkatkan bakat dalam bidang teknikal dan vokasional selari dengan perkembangan Industri 4.0. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM6 juta dalam Program Meister Malaysia. Peserta yang terpilih akan menjalani latihan peningkatan kemahiran dan pada masa yang sama bekerja di kilang untuk memperoleh kemahiran pekerjaan yang sebenar. Para peserta program ini tidak perlu membayar yuran pengajian kerana telah dibiayai Kerajaan Negeri dan pada masa yang sama menerima gaji daripada syarikat tersebut.
- Selain itu, Penang Development Corporation (PDC) bersama Invest Penang Berhad juga mempelbagaikan aktiviti-aktiviti promosi dan seminar bagi memupuk kesedaran kepada syarikat tempatan dan asing (MNCs) mengenai kelebihan untuk berpindah kepada industri 4.0.
- (b) Permintaan untuk pekerja adalah mengikut perancangan syarikat masing-masing dan berubah dari semasa ke semasa. Pada masa ini, syarikat-syarikat Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) yang beroperasi di Pulau Pinang kebanyakannya memerlukan kakitangan yang berkemahiran dalam bidang *programming* dan tidak terbatas kepada perisian Python atau R programming sahaja. Syarikat-syarikat ini tidak bergantung kepada JobStreet untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mereka tetapi turut menggunakan alternatif lain seperti Penang Cat Centre dan melalui pengiklanan di media massa.
  - (c) Penang Institute kini sedang menyiapkan satu laporan berkenaan keperluan tenaga kerja mahir di negeri Pulau Pinang. Kajian ini menganalisa permintaan dan penawaran tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam industri perkhidmatan dan pembuatan di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. (a) Senaraikan pelaburan dan projek yang diterima oleh Pulau Pinang di bawah One Belt One Road (OBOR) sehingga kini.
- (b) Sila kemukakan kajian "state interest" dalam kesan/implikasi OBOR ke atas pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang.
- (c) Apakah usaha kerajaan negeri untuk pertahankan "state interest" khasnya apabila dipinggirkan oleh kerajaan persekutuan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. (a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak menerima sebarang pelaburan secara langsung melalui inisiatif One Belt One Road (OBOR). Pada peringkat awal, fokus inisiatif OBOR kepada pembinaan projek-projek pembinaan infrastruktur seperti Melaka Gateway,

Malaysia-China Kuantan Industrial Park, East Coast Railway Link dan Xiamin University Malaysia.

- (b) Setakat ini, tiada kajian mengenai OBOR dilaksanakan. Sekiranya kajian hendak dilaksanakan, antara faktor-faktor yang perlu dikaji dan diperhalusi dengan mempertimbangkan aspek-aspek seperti berikut:-
- (i) keperluan asas bagi pelaksanaan projek-projek OBOR yang selaras dengan agenda, dasar serta polisi pembangunan ekonomi negeri;
  - (ii) pulangan pelaburan OBOR yang dihasilkan dari pelaksanaan projek pembangunan secara dua hala; dan
  - (iii) kekuatan daya saing produk dan perkhidmatan usahawan selaku pelengkap kepada projek OBOR.
- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan Pulau Pinang tidak terpinggir dan dapat terus menikmati kemakmuran. Antara usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam perkara ini adalah dengan mengadakan jalinan hubungan perdagangan dengan negara China. Antaranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan forum antarabangsa *The 2015 Penang Harwang Sustainable Development International Forum* bertema “*One Belt One Road Asean Economic Community Economic Partnership*” pada bulan September 2015 yang disertai lebih 250 orang peserta dari pelbagai negara dan agensi tempatan. Forum bertaraf antarabangsa ini merupakan platform yang membolehkan *stakeholders* dari negara China dan serantau Asean berbincang dan bertukar pandangan dalam aspek pembangunan lestari melibatkan pengurusan bencana, alam sekitar, ekonomi, pasaran halal, pelancongan, sumber manusia dan perubatan.

Pulau Pinang akan berusaha untuk memanfaatkan daripada limpahan ekonomi China yang pesat berkembang. Setakat ini, walaupun tanpa pelaburan secara langsung melalui inisiatif OBOR, Pulau Pinang terus menjadi tumpuan pelaburan dari China. Pencapaian ini terbukti apabila Negara China menjadi pelabur asing kedua yang terbesar di Pulau Pinang pada tahun 2015 dengan nilai pelaburan RM976 juta. Dalam tahun 2016 pula, Negara China berada di kedudukan teratas bagi pelabur asing dengan jumlah pelaburan asing di Pulau Pinang berjumlah RM709 juta. Walaupun dalam keadaan ekonomi global yang lembap pada tahun 2016, Kerajaan Negeri masih mampu untuk menarik minat pelabur-pelabur China untuk melabur di Pulau Pinang seperti Syarikat Jinko Solar dan JA Solar.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Dengan ekonomi yang lembap, penjaja-penjaja jalanan tanpa lesen telah tumbuh seperti cendawan tumbuh selepas hujan.
- (a) Senaraikan bilangan penjaja-penjaja tanpa lesen di KADUN Machang Bubuk mengikut lokasi.
  - (b) Apakah dasar dan usaha MPSP dalam menangani isu tersebut?
  - (c) Apakah kajian terperinci telah dibuat agar isu ini dapat ditangani dengan baik?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. (a) Bilangan penjaja tanpa lesen yang terdapat di KADUN Machang Bubuk ialah seramai 141 orang. Senarai gerai penjaja tanpa lesen dengan lokasi gerai adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Dasar dan usaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menangani isu penjaja-penjaja jalanan tanpa lesen adalah seperti berikut:-
- (i) Mewujudkan Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Kaedah Perniagaan Berkonsepkan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan untuk mempermudah permohonan dan kelulusan lesen kepada penjaja tanpa lesen.

- (ii) Merancang dan melaksanakan penempatan semula penjaja tanpa lesen di lokasi yang bersesuaian.
  - (iii) Memberikan keutamaan kepada penjaja tanpa lesen untuk mengisi kekosongan ruang niaga MPSP.
  - (iv) Melaksanakan aktiviti pemantauan dengan lebih kerap di lokasi-lokasi tumpuan untuk memastikan tiada penjaja baru berniaga di kawasan yang tidak sesuai untuk menjalankan perniagaan.
  - (v) Mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun, notis dan penguatkuasaan fizikal (rampasan/sitaan barang niaga) terhadap penjaja yang tidak mematuhi arahan/notis yang telah dikeluarkan.
- (c) Antara usaha pihak MPSP dalam menangani isu penjaja jalanan tanpa lesen ini adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan aktiviti bancian penjaja tanpa lesen di setiap kawasan Parlimen.
  - (ii) Mewujudkan *Task Force* khusus berkaitan penjaja tanpa lesen untuk mengkaji dan membincangkan kaedah penyelesaian yang sesuai untuk setiap kawasan Parlimen.

**RUJ. LAMPIRAN A BLKL NO. 11.**

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Kedudukan median pendapatan bulanan persendirian dan median pendapatan keluarga telah menurun di Pulau Pinang.
- (a) Sila kemukakan kajian kerajaan negeri tentang isu ini.
  - (b) Apakah punca kemerosotan pendapatan persendirian dan keluarga?
  - (c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu rakyat mengatasi kemerosotan ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. (a) Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR & KA) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kedudukan pendapatan isi rumah median Pulau Pinang bagi tahun 2016 tidak menurun tetapi kekal di kedudukan ketujuh selepas Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Labuan, Johor dan Melaka.
- Pendapatan isi rumah median Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 7% kepada RM5,409 pada 2016 berbanding RM4,702 pada 2014. Pendapatan isi rumah bulanan median mengikut strata bandar meningkat pada kadar 6.7% setahun daripada RM4,792 pada 2014 kepada RM5,477 pada 2016. Pendapatan isi rumah bulanan median luar bandar turut bertambah pada kadar 9.7% setahun daripada RM3,595 kepada RM4,365. Pendapatan isi rumah median Pulau Pinang pada tahun 2016 juga telah melangkaui pendapatan isi rumah median pada tahap kebangsaan, iaitu RM5,228.
- (b) Laporan PPIR dan KA oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan Pulau Pinang tidak mengalami kemerosotan dalam pendapatan isi rumah.
  - (c) Walaupun kemerosotan pendapatan isi rumah tidak berlaku di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah strategik seperti berikut :
    - (i) Pembangunan Bandar Cassia  
Kerajaan Negeri sedang membangunkan Bandar Cassia yang melibatkan aktiviti perindustrian, perniagaan, perkhidmatan, pusat pentadbiran dan perumahan. Pembangunan International Golf Resort, IKEA dan Taman Tema, pembangunan Bandar Cassia dijangka menarik penyertaan pelabur-pelabur luar dan dalam negara dan dijangka akan mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi (*high paying job*).
    - (ii) Meningkatkan Pelaburan  
Dalam bidang perindustrian, Penang Development Corporation (PDC) melalui

penjualan tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing, telah meningkatkan nilai pelaburan kepada RM3.16 bilion dengan sasaran tawaran pekerjaan berjumlah 11,009 jawatan di pelbagai peringkat. Dengan kehadiran pelaburan syarikat asing (MNCs) seperti Sandisk Storage, Bose Systems, Classa Ind, Vitrox Tech., dan Atotech, ia telah memberi impak besar kepada perkembangan ekonomi dan penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

(iii) Mempelbagaikan Jenis Pekerjaan

Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi (*high value jobs*) seperti *advanced manufacturing* dalam sektor pembuatan, reka bentuk dan pembangunan. Dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) seperti kewangan, perkhidmatan penyumberan luar, teknologi maklumat dan sumber manusia merupakan sektor baharu yang diperkenalkan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Hutang keluarga tinggi.

- a) Sila kemukakan kajian ekonomi atas isu ini.
- (b) Cadangan Kerajaan Negeri untuk menangani golongan besar menghadapi masalah *mortgage payment* tinggi serta kenaikan gaji sedikit?
- (c) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap pendapat Timothy Choy, Penang Institute bahawa masalah ini boleh diatasi dengan kadar bekerja, wanita bekerja tinggi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. (a) Analisis ekonomi oleh Penang Institute mendapati bahawa terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada hutang isi rumah yang tinggi. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan pelbagai jenis dan promosi produk pembiayaan daripada institusi bank;
- (ii) peningkatan harga hartanah; dan
- (iii) peningkatan kadar pinjaman dan penurunan kadar pengangguran.

Hutang isi rumah di Malaysia menunjukkan kadar pertumbuhan yang semakin berkurangan pada tahun 2016 (5.4%) berbanding dengan kadar 7.3% pada tahun 2015. Di Pulau Pinang, data menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada keseluruhan besar peminjaman adalah dari segi pinjaman hartanah dan pembiayaan kenderaan (60% dan 9% masing-masing dari bulan Jan-Mac 2017).

- (b) Kadar pinjaman hartanah yang tinggi disebabkan oleh peningkatan dalam harga hartanah. Oleh itu, seseorang individu terpaksa mendapatkan jumlah pinjaman hartanah yang lebih besar. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah merancang untuk membina projek perumahan mampu milik. Skim Perumahan Mampu Milik Pulau Pinang (RMM) merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menyediakan perumahan berkualiti pada harga mampu milik untuk Rakyat Pulau Pinang. Menerusi skim RMM, Kerajaan Negeri berharap untuk menyediakan pelbagai rumah mampu milik di lokasi-lokasi strategik di seluruh Pulau Pinang. Kerajaan Negeri sentiasa menasihati pihak swasta agar mempertimbangkan gaji yang sewajarnya kepada golongan pekerja tempatan berdasarkan pengalaman dan kelayakan mereka. Selain itu kesedaran berkaitan pengurusan kewangan juga perlu dipertingkatkan bagi menyedarkan orang ramai terutama golongan yang baru memulakan pekerjaan supaya tidak berbelanja melebihi kemampuan.
- (c) Sepertimana yang dinyatakan oleh Timothy Choy, kajian ekonomi menunjukkan bahawa kadar wanita bekerja yang tinggi akan meningkatkan lagi hutang isi rumah. Ini adalah kerana seseorang individu akan merasakan bahawa mereka lebih mampu membiayai kos peminjaman sekiranya mempunyai pekerjaan. Namun demikian, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa langkah untuk mengekang pertumbuhan hutang isi rumah seperti

penawaran rumah mampu milik perlu difokuskan untuk meringankan beban hutang penduduk di Pulau Pinang. Institusi kewangan juga harus mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi meluluskan pinjaman kepada golongan yang layak sahaja supaya dapat membendung tahap keberhutangan isi rumah. Selain itu, pendidikan pengurusan kewangan perlu diperluaskan kepada semua golongan agar setiap ahli isi rumah boleh mengurus pendapatan, perbelanjaan dan hutang dengan baik.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Masalah pengangguran mahasiswa.
  - (a) Jelaskan kadar pengangguran mahasiswa atau lepasan universiti sejak 2015.
  - (b) Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani masalah pengangguran di kalangan mahasiswa?
  - (c) Apakah kajian dan tindakan Kerajaan Negeri dalam menolong mahasiswa yang menghadapi kenaikan gaji yang rendah?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. (a) Berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2015 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, kadar 'Belum Bekerja Graduan 2015' bagi Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 20.6% yang merupakan negeri keempat terendah di Malaysia. Laporan bagi tahun 2016 belum dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.
- (b) Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pengangguran di kalangan mahasiswa adalah seperti berikut :
  - (i) **Pembangunan Bandar Cassia**

Kerajaan Negeri sedang membangunkan Bandar Cassia yang melibatkan aktiviti perindustrian, perniagaan, perkhidmatan, pusat pentadbiran dan perumahan. Pembangunan International Golf Resort, IKEA dan Taman Tema, pembangunan Bandar Cassia dijangka menarik penyertaan pelabur-pelabur luar dan dalam negara dan dijangka akan mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi (*high paying job*).
  - (ii) **Meningkatkan Pelaburan**

Dalam bidang perindustrian, Penang Development Corporation (PDC) melalui penjualan tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing, telah meningkatkan nilai pelaburan kepada RM3.16 bilion dengan sasaran tawaran pekerjaan berjumlah 11,009 jawatan di pelbagai peringkat. Dengan kehadiran pelaburan syarikat asing (MNCs) seperti Sandisk Storage, Bose Systems, Classa Ind, Vitrox Tech., dan Atotech, ia telah memberi impak besar kepada perkembangan ekonomi dan penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.
  - (iii) **Mempelbagaikan Jenis Pekerjaan**

Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi (*high value jobs*) seperti *advanced manufacturing* dalam sektor pembuatan, reka bentuk dan pembangunan. Dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) seperti kewangan, perkhidmatan penyumberan luar, teknologi maklumat dan sumber manusia merupakan sektor baharu yang diperkenalkan.
  - (iv) **Memperkenalkan Program Penang @CAT**

Satu program baharu dinamakan "Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology (@CAT)" telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga (*entrepreneur*). Program ini bertujuan untuk membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat di dalam sektor "*Internet of*

Things”(IOT).

Kerajaan Negeri turut melaksanakan program-program bantuan bagi mengalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- **Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)**

PTSR merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Kutipan bayaran balik pinjaman yang dibuat adalah sebanyak RM8.82 juta. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman di antara RM1,000 hingga maksima RM20,000. Tempoh bayaran balik adalah di antara 1 hingga 2 tahun. Sehingga bulan Ogos 2017, sebanyak RM12.45 juta telah diagihkan kepada seramai 2,669 orang usahawan.

- **Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang yang memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan di mana sehingga bulan September 2017, sebanyak RM380,000 telah diagihkan kepada 75 orang usahawan tani untuk menikmati kemudahan kredit ini.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) menjalankan pepadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja dengan yang ditawarkan oleh industri. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Oktober 2017, seramai 9,501 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,366 pepadanan jawatan telah dijalankan.

- (c) Kerajaan Negeri belum melaksanakan apa-apa kajian berkenaan kenaikan gaji bagi menolong mahasiswa yang menghadapi kenaikan gaji yang rendah. Namun, melalui usaha-usaha Kerajaan Negeri yang dinyatakan di atas, Kerajaan Negeri sentiasa akan memastikan pendapatan mahasiswa dapat dipertingkatkan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Banyak rumah baru mewah tidak dapat dijual.
- (a) Apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menstabilkan pasaran perumahan di Pulau Pinang?
- (b) Apakah risk assessment Kerajaan Negeri tentang kemungkinan berlakunya krisis *subprime mortgage*?
- (c) Apakah rancangan dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk berdepan dengan cabaran ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat prihatin dalam memastikan stok perumahan mampu dimiliki terutamanya kepada warga Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan beberapa polisi penyejukan sektor hartanah dan polisi penetapan harga had siling terhadap pemajuan perumahan di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2013. Antaranya adalah:-
- (i) Kawalan harga untuk Rumah Mampu Milik (RMM), iaitu dalam lingkungan RM150,000 sehingga RM300,000 di kawasan Pulau dan dari RM150,000 sehingga RM250,000 di kawasan Seberang Perai.

- (ii) Moratorium terhadap penjualan RMM 'A' (RM42,000) dan 'B' (RM72,500) kepada 10 tahun dan RMM 'C' (Maksima RM300,000) kepada 5 tahun;
- (iii) Mengenakan fi kelulusan sebanyak 2% untuk penjualan hartanah dalam tempoh 3 tahun pada tarikh pembelian asal;
- (iv) Pengenalan had siling pembelian hartanah oleh warganegara asing seperti berikut;

| Jenis Hartanah           | Kawasan Pulau | Kawasan Seberang Perai |
|--------------------------|---------------|------------------------|
| Landai ( <i>Landed</i> ) | RM3 juta      | RM1 juta               |
| Strata                   | RM1 juta      | RM500,000              |

- (v) Fi kelulusan sebanyak 3% ke atas pembelian hartanah oleh warganegara asing.

Setelah 4 tahun polisi-polisi tersebut diperkenalkan, ianya menampakkan kestabilan harga hartanah kepada satu harga yang mampu milik. Menurut statistik Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC), hampir 80% hartanah di Negeri Pulau Pinang yang ditransaksikan adalah dibawah RM500,000 pada suku akhir tahun 2016. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus melaksanakan polisi tersebut agar dapat terus mengawal pasaran hartanah Negeri Pulau Pinang daripada melambung sehingga tidak dapat diakses oleh rakyat Negeri Pulau Pinang.

- (b) Krisis *subprime mortgage* boleh berlaku apabila pinjaman kewangan daripada institusi perbankan diteruskan dengan syarat-syarat yang mudah dan dokumentasi yang minimum atau sifar. Peminjam akan mudah membuat pinjaman berisiko tinggi untuk pembiayaan pemilikan rumah walaupun mempunyai tahap kredit yang buruk. Peminjam *subprime* mempunyai risiko mungkir bayar yang lebih tinggi berbanding peminjam utama (pihak pemaju). Apabila peminjam *subprime* mempunyai tunggakan bayaran balik gadai janji kepada pihak peminjam, pihak peminjam boleh mengambil alih harta tersebut melalui proses penyitaan dan lelongan.

Kerajaan Negeri sedar keadaan ini akan menyukarkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah kerana mereka mempunyai tahap kredit yang lemah untuk memohon pembiayaan rumah. Untuk itu Kerajaan Negeri akan mengambil usaha yang berterusan untuk menambahkan bilangan rumah mampu milik untuk golongan tersebut.

- (c) Bank Negara telah menetapkan syarat-syarat yang ketat bagi pembiayaan perumahan oleh institusi kewangan bagi mengelakkan berlakunya krisis *subprime mortgage* ini. Antara syaratnya ialah peminjam prospektif dinilai daripada pendapatan bersih berbanding pendapatan kasar. Tempoh maksima pinjaman rumah yang ditetapkan juga lebih singkat iaitu selama 35 tahun berbanding 45 tahun sebelum tahun 2013. Ini bermaksud kadar bayaran balik adalah lebih tinggi dan peminjam perlu mempunyai kadar gaji bersih (kelayakan kredit) yang lebih tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri dan semua institusi kewangan adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Kebergantungan hasil tanah untuk Kerajaan Negeri.

- (a) Apakah forecast Kerajaan Negeri tentang hasil pendapatan daripada tanah pada tahun 2018 dan 2019?
- (b) Adakah kemerosotan pembangunan hartanah akan mengurangkan pendapatan Kerajaan Negeri?
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan nilai tanah yang tinggi tidak menjejaskan pembangunan sosio-ekonomi negeri Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. (a) Kutipan keseluruhan hasil tanah adalah bergantung kepada permohonan-permohonan tanah yang dibuat oleh pemohon di pentadbiran tanah negeri dan jumlah permohonan tanah tersebut adalah diluar kawalan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri menjangkakan hasil pendapatan daripada tanah dalam tahun 2018 dan 2019 akan meningkat dengan mengambil kira perancangan Pejabat Tanah Dan Galian yang akan melaksanakan kutipan cukai petak bagi skim hakmilik strata. Berdasarkan laporan Kutipan Keseluruhan Hasil Tanah dari tahun 2013 sehingga September 2017, Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan bagi tahun 2018 dan 2019 adalah antara RM350 juta hingga RM617 juta.
- (b) Kemerosotan pembangunan hartanah secara tidak langsung boleh mengurangkan pendapatan Kerajaan Negeri kerana akan melibatkan kekurangan permohonan tukar syarat tanah. Oleh yang demikian, PDC telah mengambil beberapa langkah dengan menggiatkan perancangan dalam penglibatan penyewaan bangunan yang mampu menjamin 'income stream' PDC. Tanah-tanah kosong yang belum dibangunkan telah dan akan ditawarkan secara tender terbuka bagi membolehkan operator menjalankan aktiviti perniagaan jangka pendek. Langkah ini dilihat dapat meningkatkan hasil kerajaan dan secara tak langsung dapat membendung masalah pencerobohan tanah.
- Selain dari Hasil Cukai, pendapatan Kerajaan Negeri juga disumbang oleh Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Berdasarkan prestasi 3 tahun kebelakangan ini, Hasil Bukan Cukai adalah sumber terbesar dengan purata sebanyak 63.01% daripada keseluruhan hasil negeri. Komponen Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Bayaran Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan Perolehan dari jualan barang-barang, sewaan, keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan serta denda dan hukuman. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan hasil dari sumber-sumber berkenaan.
- (c) Kerajaan Negeri tidak menentukan nilai tanah di sesuatu kawasan tetapi bergantung kepada nilai pasaran. Sehubungan itu, dalam mempertimbangkan permohonan-permohonan tanah, Kerajaan Negeri akan menggunakan nilai yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pembangunan sosio-ekonomi Negeri Pulau Pinang terjamin dengan mengutamakan pembekalan pelbagai jenis perumahan mampu milik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang, di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri mempunyai 17 projek yang bakal membekalkan 27,230 unit pelbagai jenis perumahan mampu milik di kelima-lima daerah di Pulau Pinang, masing-masing dengan harga RM42,000 (867 unit), RM72,500 (9,283 unit) dan RM150,000 sehingga RM300,000 (17,080 unit).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Sekiranya pendapatan Kerajaan Negeri menurun pada masa akan datang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, institusi bank luar negara bagi mengekalkan perbelanjaan negeri?
- (b) Apakah kemungkinan Kerajaan Negeri akan melaksanakan fiscal austerity iaitu mengurangkan perbelanjaan?
- (c) Adakah kerajaan akan menjual aset-aset untuk membayar hutang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. (a) Terdapat ketetapan dalam Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan sesebuah Kerajaan Negeri membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sekiranya perolehan hasil Negeri tidak dapat menampung perbelanjaan Mengurus Negeri. Setakat ini hasil semasa dan rizab terkumpul Negeri adalah kukuh dan masih dapat menanggung perbelanjaan tahunan negeri. Namun demikian, sekiranya berbangkit keperluan untuk membuat pinjaman bagi menampung perbelanjaan negeri maka Kerajaan Negeri akan memohon pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, selaras dengan ketetapan Perlembagaan Persekutuan yang membenarkannya.
- (b) Kerajaan Negeri sememangnya telah dan akan meneruskan langkah-langkah kawalan dalaman perbelanjaan dan amalan perbelanjaan berhemah bagi mengurangkan



perbelanjaan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun pelaksanaan *fiscal austerity* dalam mengawal perbelanjaan adalah dalam kawalan langsung Kerajaan Persekutuan memandangkan dasar fiskal dapat mempengaruhi ekonomi negara amnya.

- (c) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menjual aset-aset untuk membayar hutang. Melalui perancangan pengurusan kewangan, hutang Kerajaan Negeri telah dapat dibayar balik mengikut kadar anuiti daripada sumber hasil negeri sedia ada. Hasil Kerajaan Negeri adalah daripada tiga (3) sumber iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Senaraikan jumlah panjang jalan diselenggarakan oleh Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk ketiga-tiga kerajaan untuk menyelenggarakan jalan mengikut tahun 2015, 2016 dan 2017. Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani masalah kerosakan jalan serta mengambil proses yang lama untuk membaiki dan menyelenggara jalan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. (a) Panjang keseluruhan jalan yang diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah sepanjang 3,024.7139km dengan pecahan seperti berikut:

| Bil.                                   | Pihak Bertanggungjawab  | Jumlah Panjang Jalan Yang Diselenggarakan (km) |
|--|-------------------------|--|
| 1.                                     | Pihak Berkuasa Tempatan | 1,123.8217                                     |
| 2.                                     | Kerajaan Negeri         | 1,708.8922                                     |
| 3                                      | Kerajaan Persekutuan    | 192  |
| <b>Jumlah Panjang Keseluruhan (km)</b> |                         | <b>3,024.7139</b>                              |

- (b) Jumlah peruntukan yang telah digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk penyelenggaraan jalan mengikut tahun 2015, 2016 dan 2017 (sehingga 30 September 2017) adalah seperti berikut:

| Tahun                          | Jumlah Perbelanjaan Untuk Tujuan Penyelenggaraan Jalan (RM) |                       |                      |
|--------------------------------|---|-----------------------|----------------------|
|                                | Pihak Berkuasa Tempatan                                     | Kerajaan Negeri       | Kerajaan Persekutuan |
| 2015                           | 18,952,651.65   | 51,903,985.42         | 12,773,830.57        |
| 2016                           | 28,974,495.87   | 46,435,991.68         | 10,070,812.01        |
| 2017                           | 14,923,570.39   | 38,369,454.11         | 5,712,083.22         |
| <b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b> | <b>62,850,717.91</b>  | <b>136,709,431.21</b> | <b>28,556,725.80</b> |

- (c) Bagi menangani masalah kerosakan jalan serta proses yang lama untuk membaiki dan menyelenggara jalan, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah berkaitan melalui agensi pelaksana bertanggungjawab, iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan bagi Jalan Bandaran dan Pejabat Daerah dan Tanah bagi Jalan Kampung.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh JKR termasuklah:

- (i) Membuat lantikan terus kontraktor untuk kerja-kerja kecemasan bagi Jalan Negeri dengan kelulusan bertulis Jabatan Kewangan Negeri bagi mempercepatkan proses pembaikan dan juga demi menjamin keselesaan pengguna atas jalan raya;

- (ii) Melantik kontraktor bagi kerja-kerja pembaikan Jalan Negeri yang bernilai kurang daripada RM20,000.00 secara undian yang melibatkan kaedah pusingan kepada kontraktor tempatan;
- (iii) Kerja-kerja pembaikan kecil bagi Jalan Negeri yang tertentu seperti menampung *pothole* kecil dan mencantas pokok akan dilaksanakan sendiri oleh kakitangan JKR Daerah yang terlibat tertakluk kepada peralatan Jabatan sedia ada;
- (iv) Melantik kontraktor secara perolehan sebutharga untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri yang bernilai lebih RM20,000.00. Walau bagaimanapun, tempoh pelantikan kontraktor memakan masa hingga 6 minggu sehingga kontraktor ditawarkan kerja pembaikan dengan mengambil kira proses iklan sebutharga, penilaian sebutharga dan tempoh bantahan; dan
- (v) Memohon peruntukan untuk kerja pembaikan Jalan Persekutuan kepada Kementerian Kerja Raya. Kerja-kerja pembaikan akan dijalankan selepas peruntukan diluluskan;

Langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang bertanggungjawab ke atas Jalan Bandaran di kawasan pulau, termasuklah:

- (i) Mengenakan syarat-syarat kepada agensi / syarikat utiliti untuk memasang kabel paip dengan teknologi *trenchless* seperti *horizontal directional drilling* (HDD) atau cara *pipe jacking* terutama sekali di bawah jalan raya dan jalan-jalan utama. Ini bertujuan untuk mengelakkan kesesakan lalulintas semasa kerja-kerja pembaikan dilaksanakan;
- (ii) Menggunakan wang cagaran daripada syarikat-syarikat utiliti untuk membaiki kerja korekan jalan yang tidak membaik pulih semula jalan dengan betul dan sempurna;
- (iii) Mengambil tindakan menyenaraihitam dan menarik balik sijil kelayakan kontraktor syarikat-syarikat utiliti yang tidak membaik pulih jalan dengan betul dan sempurna;
- (iv) Menaiktaraf longkang dan salur air *outlet* tepi jalan, di mana MBPP telah mengenalpasti salah satu punca kerosakan jalan adalah disebabkan oleh air tidak mengalir dengan cepat ke longkang tepi jalan akibat dari salur air yang tersumbat. Air yang bertakung lama atas jalan akan melemahkan struktur permukaan jalan;
- (v) Mewujudkan kaedah pemantauan bagi menentukan senarai keutamaan jalan-jalan yang perlu diturap;
- (vi) Memastikan semua bekalan *premix* perlu dibekal melalui loji *premix* yang diiktiraf oleh JKR sahaja bagi memastikan kualiti turapan; dan
- (vii) Mengadakan Pasukan Penyelenggaraan Jalan bagi membaik pulih kerosakan jalan yang berskala kecil *pothole*. Bagi memudahkan kerja penyelenggaraan, pasukan ini dibahagikan kepada dua (2) zon dan akan melakukan rondaan harian di semua kawasan MBPP dan mengambil tindakan dalam tempoh 24 jam bagi menampal *pothole* berdasarkan aduan atau hasil rondaan harian.

Bagi kawasan Seberang pula, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mengambil langkah berikut:

- (i) Mengadakan kontrak tahunan penyelenggaraan jalan mengikut kawasan;
- (ii) Melaksanakan pemantauan berkala terhadap jalan (3 kali setahun) yang diselenggara oleh pihak MPSP;
- (iii) Melaksanakan pemantauan khusus terhadap kawasan-kawasan selepas hujan lebat (banjir kilat); dan

- (iv) Menubuhkan satu Skuad Khas untuk menjalankan kerja-kerja kecemasan yang berkaitan dengan penyelenggaraan jalan.

Bagi jalan-jalan kampung di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) mengikut daerah masing-masing, Kerajaan Negeri bersama agensi di peringkat daerah dan pihak JKKK sentiasa memantau bagi mengenalpasti jalan-jalan yang rosak dan perlu diperbaiki segera. Maklumat aduan mengenai kerosakan jalan melalui pelbagai saluran termasuklah melalui YB ADUN / Ahli Parlimen, pihak JKKK, Penghulu Kawasan dan juga orang awam akan diambil tindakan susulan, di mana penyelenggaraan jalan tersebut akan dilaksanakan secepat mungkin mengikut senarai keutamaan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Sejauhmanakah digital economy dapat menambahkan peluang pekerjaan di Pulau Pinang? Senaraikan syarikat-syarikat start-up yang telah ditubuh dan operasi di Pulau Pinang sejak 2015, 2016 dan 2017. Apakah usaha yang diambil dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan syarikat start-up untuk membangunkan ekonomi di negeri Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. (a) Ekonomi digital merupakan salah satu sektor yang sedang berkembang dengan pesat di Malaysia di mana Kerajaan telah mensasarkan sumbangan sektor ini kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) daripada 18% kepada 20% menjelang tahun 2020. Tumpuan diberikan kepada perkembangan sektor yang berasaskan teknologi tinggi seperti "Big Data Analytics (BDA)", "Internet of Things (IoT)", Teknologi Kreatif, "Global Business Services", eDagang dan sebagainya. Bagi Negeri Pulau Pinang khususnya, Kerajaan Negeri telah berjaya menarik beberapa syarikat baru Multinasional (MNC) untuk melabur di Pulau Pinang seperti Swarovski, Power Integration, Luxoft, dan UST Global. Sehingga kini, sektor ini telah berjaya mewujudkan lebih 10,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada penduduk tempatan dan usahawan.
- (b) Melalui 2 program *accelerator* yang dianjurkan dari tahun 2015 hingga 2017 iaitu "IoT Accelerator Lite" dan "Founder Institute, Penang Chapter", Penang @CAT telah berjaya membangunkan beberapa syarikat memperkenalkan *start-up*, seperti syarikat Pushtify, Qdino, Larin, SurgeTopia, Vinca Pocket, Rent-A-Space, uPackr Kikia, FeedMe, Goremas, OBand, UniHub, Homoto, Flow, Wami, Logikation, Jaga dan Wan-Ou. Terdapat beberapa syarikat-syarikat *start-up* yang dilahirkan melalui program ini berjaya mendapat bantuan kewangan/dana modal daripada Cradle Fund Sdn Bhd yang menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat *start-up*.
- (c) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan sektor ekonomi digital adalah seperti berikut:
- (i) Melancarkan program @CAT Penang dengan mengubahsuai Wisma Yeap Chor Ee (WYCE) yang terletak di dalam kawasan "Central Business District" yang berusia 100 tahun menjadi ruang pejabat dan *co-working space* yang moden. @CAT Penang menawarkan perkongsian ruang kerja, acara-acara dan bengkel untuk membantu usahawan kecil yang terlibat terutamanya dalam bidang teknologi, e-dagang, pengekodan, animasi, kandungan / aplikasi mudah alih, IOT serta perisian / perkakasan. Ruang ini, yang beroperasi 24 jam ini dilengkapi dengan kemudahan capaian internet berkelajuan tinggi, bilik mesyuarat, pantri dan bilik latihan untuk komuniti usahawan tempatan;
- (ii) Menyediakan ruang untuk bekerja bersama atau *co-working space* bagi menjimatkan kos operasi syarikat;
- (iii) Menyediakan platform bagi program-program komuniti usahawan *start-up* yang berasaskan teknologi;
- (iv) Mengajukan program pendidikan usahawan, *mentorship* dan *pitching session* melalui program khas, *accelerator* dengan kerjasama MDeC, MaGiC dan Cradle;
- (v) Menawarkan program *workshop* seperti *coding*, *e-commerce* dan sebagainya bagi meningkatkan ilmu pengetahuan *start-ups* terutamanya dalam bidang teknologi tinggi;

- (vi) Menaik-taraf bangunan WYCE sebagai *Hab Digital* di Pulau Pinang. *Hab Digital* adalah merupakan inisiatif baru yang diperkenalkan oleh MDeC pada awal tahun ini untuk menyokong ruang kerja bersama teknologi dan digital. Melalui status *Hab Digital*, ianya akan memberi manfaat kepada komuniti *start-up* tempatan dengan menyediakan sokongan seperti pengecualian cukai korporat untuk permulaan teknologi, kemudahan bersama *co-working space* dan *networking space*, jalur lebar *hyperspeed*, capaian pasaran antarabangsa, perlindungan IP, capaian kepada pelabur dan peningkatan kemahiran tenaga kerja; dan
- (vii) Menubuhkan Penang STEM yang dianggotai oleh Penang @CAT, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), Kluster Sains Pulau Pinang (PSC), Karpal Singh Penang Learning Pusat (KSPLC), Tech Dome Penang (TDP) dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL). Ini adalah salah satu strategi untuk menerajui STEM sejajar dengan rancangan Kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Kecemerlangan untuk Sains dan Teknologi. Dengan secara tidak langsung ianya akan memberi manfaat kepada aktiviti berasaskan teknologi di Pulau Pinang dan memastikan aliran bakat berterusan untuk menyokong Ekonomi Digital dan Revolusi Industri ke-4.

Antara cabaran yang di hadapi di dalam sektor ekonomi digital adalah kekurangan penyertaan daripada syarikat-syarikat modal kerjasama antarabangsa dan pelabur-pelabur korporat dalam menyediakan ruang modal/dana untuk *start-ups* berbanding dengan negara jiran, Singapura yang ditunjangi oleh syarikat-syarikat modal teroka antarabangsa. Ini secara langsung memperlahankan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkembangkan industri *start-ups* di Pulau Pinang kerana kebanyakan *start-ups* masih bergantung kepada modal/dana bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Kawalan ke atas *cyber cafe*.

- (a) Senaraikan bilangan *cyber cafe* yang berlesen mengikut daerah dan KADUN.
- (b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengusaha *cyber cafe* agar membendung gejala sosial yang tidak sihat?
- (c) Kenapa cadangan untuk syaratkan pemasangan CCTV di dalam *cyber cafe* tidak dilaksanakan sehingga kini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 20. (a) Bilangan *Cyber Cafe* yang berlesen mengikut daerah dan KADUN di Pulau Pinang sehingga bulan September 2017 ialah sebanyak 151 buah. Perincian mengenai bilangan *Cyber Cafe* yang berlesen mengikut daerah dan KADUN di Pulau Pinang sehingga bulan September 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengusaha *Cyber Cafe* untuk membendung gejala yang tidak sihat adalah seperti:-
  - (i) Dilarang menyediakan, menjual atau menghidang sebarang makanan atau minuman di dalam premis.
  - (ii) Dilarang merokok dalam premis dan pameran tanda-tanda "DILARANG MEROKOK" dengan bilangan yang mencukupi.
  - (iii) Dilarang mengadakan apa-apa aktiviti permainan yang mempunyai unsur-unsur perjudian, seks dan keganasan.
  - (iv) Pekerja rakyat asing adalah tidak dibenarkan bekerja di pusat *Cyber Cafe*.
  - (v) Masa operasi bagi pusat *Cyber Cafe* adalah dihadkan kepada jam 12.00 tengah malam sahaja.
  - (vi) Bagi pengunjung di bawah umur 18 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber bersama ibu bapa ataupun penjaga sehingga jam 10.00 malam sahaja.

- (vii) Pelajar sekolah yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang sama sekali memasuki pusat *Cyber Cafe*.
  - (viii) Pengusaha dikehendaki mempamerkan di pintu masuk pusat *Cyber Cafe* satu notis awam yang berukuran 2 kaki X 3 kaki dalam Bahasa Melayu dengan ayat berikut:-  

“PELANGGAN YANG BERUMUR 18 TAHUN KE BAWAH DAN PELAJAR SEKOLAH YANG BERPAKAIAN SERAGAM TIDAK DIBENARKAN MASUK”
  - (ix) Pusat siber hanya dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan, keadaan premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang.
  - (x) Kedudukan komputer bagi tujuan melayari *internet* hendaklah diletakkan di dalam ruang terbuka, iaitu tidak berbilik dan tidak berpintu.
  - (xi) Pusat *Cyber Cafe* tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan rumah ibadat, sekolah dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh Pegawai Pelesen.
  - (xii) Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat *Cyber Cafe*.
  - (xiii) Pelanggan juga dilarang membawa masuk sebarang minuman keras dan rokok dari luar.
  - (xiv) Pengusaha hendaklah menyediakan satu buku rekod, kemasukan pelanggan yang meliputi butir-butir peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, waktu masuk dan keluar bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.
  - (xv) Mematuhi kehendak-kehendak garis panduan pusat siber oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari semasa ke semasa.
- (c) Pemasangan CCTV di *Cyber Cafe*
- (i) Semua *Cyber Cafe* dalam kawasan MBPP mempunyai kamera litar tertutup (CCTV) di dalam dan di luar premis berkenaan.
  - (ii) Bagi kawasan MPSP pula, cadangan untuk mensyaratkan pemasangan CCTV di dalam *Cyber Cafe* masih belum dilaksanakan memandangkan keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan CCTV yang efisien perlu melibatkan kerjasama antara pihak pengusaha premis siber kafe dengan pihak MPSP. Ini kerana CCTV yang dipasang perlu disambungkan secara terus kepada MPSP bagi tujuan pemantauan bersama. Pelaksanaan syarat pemasangan CCTV tanpa sambungan di MPSP tidak akan memberi kesan yang baik kerana CCTV tersebut masih dapat dimanipulasi oleh pengusaha premis perniagaan. Proses penyambungan ini secara tidak langsung akan melibatkan kos yang tinggi sama ada di pihak MPSP mahupun pengusaha *Cyber Cafe*. Untuk makluman, pemantauan semasa MPSP mendapati kebanyakan premis-premis *Cyber Cafe* telah mengambil inisiatif sendiri dengan membuat pemasangan CCTV bagi tujuan keselamatan premis tersebut.

#### RUJ. LAMPIRAN A BLKL NO. 20.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. (a) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam membangunkan negeri Pulau Pinang sebagai pelabuhan ikan tuna (tuna port) terbesar di Malaysia?
- (b) Apakah status terkini tentang Pelabuhan Tuna Antarabangsa di Batu Maung yang telah membelanjakan multi-miliion Ringgit Malaysia?
- (c) Nyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membangunkan Pelabuhan Tuna Antarabangsa di Batu Maung.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik cadangan untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai pelabuhan ikan tuna terbesar di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri sangat menggalakkan pelabur-pelabur tuna yang tulen untuk melabur dalam industri tuna di Pulau Pinang. Memandangkan Malaysia merupakan negara anggota bagi *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC), Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan telah mengezetkan Pelabuhan Pulau Pinang dalam usaha menggalakkan lagi vessel-vessel tuna untuk membuat pendaratan tuna di pelabuhan ini. Selain itu juga, Jabatan Perikanan Malaysia telah melesenkan sebanyak 17 buah vesel tuna dan vesel *carrier* tuna untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan tuna dan *tuna like species* di lautan Hindi. Jabatan juga menggalakkan pendaratan ikan tuna dan *tuna like species* oleh vessel asing yang telah dibuktikan bukan vessel *Illegal, Unregulated & Unreported* (IUU).

Pelabuhan Batu Maung ini masih lagi digazetkan sebagai sebuah pelabuhan untuk pendaratan tuna. Walau bagaimanapun, pelabuhan tersebut sudah tidak aktif. Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) masih lagi menerima permohonan daripada pengusaha tuna yang memohon agar pelabuhan tersebut diaktifkan semula.

Buat masa ini, Pelabuhan di Batu Maung lebih memfokuskan kepada konsep pelabuhan domestik dan diuruskan sepenuhnya oleh LKIM. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan menggalakkan usaha daripada pihak LKIM dan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan pelabuhan tuna antarabangsa di Batu Maung.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Cadangan tubuhkan trafik warden atau polis bantuan untuk menjaga lalulintas semasa waktu kemuncak.
- (a) Terangkan usaha MPSP dan polis trafik dalam menangani masalah kesesakan lalulintas di beberapa persimpangan yang sibuk khususnya laluan ke kawasan perindustrian dan tempat kerja?
- (b) Senaraikan persimpangan dan jalan-jalan yang sesak di seluruh Seberang Prai.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. (a) Dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di beberapa persimpangan yang sibuk khususnya laluan ke kawasan perindustrian dan tempat kerja, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Penyelarasan masa lampu isyarat dengan memastikan tiada kenderaan yang menunggu dalam bulatan Seberang Jaya ketika lampu isyarat hijau.
- (ii) Melaksanakan jalan sehalu bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas.
- (iii) Mensyaratkan kepada pemaju untuk menjalankan kajian impak lalu lintas dan melaksanakan penambahbaikan.
- (iv) Menjalankan kajian lalu lintas di 44 lokasi di Seberang Perai yang mengalami kesesakan lalu lintas yang ketara.
- (v) Menyediakan perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR di laluan seperti berikut:
- Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya – KOMTAR Kiosk Bertam, Kepala Batas - KOMTAR;
  - Pejabat Daerah & Tanah Jawi – KOMTAR
- (vi) Menyediakan perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) Free Industri Zone (FIZ) di laluan seperti berikut:
- Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya - Kawasan FIZ Bayan Lepas;
  - Bandar Perda – Jambatan Pulau Pinang (Bas Perantara);
  - Auto City Juru - Jambatan Pulau Pinang (Bas Perantara).

- (vii) Pihak PDRM akan membuat kawalan lalu lintas di persimpangan utama yang mengalami kesesakan yang serius setiap hari.
- (b) Senarai persimpangan dan jalan-jalan yang sesak di seluruh Seberang Perai adalah seperti **LAMPIRAN A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BLKL NO. 22.**

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Kebakaran akibat litar pintas khususnya di kawasan perumahan yang lama.
- (a) Senaraikan kes-kes kebakaran yang berlaku mengikut daerah, kes kematian dan puncanya.
  - (b) Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tersebut khususnya bagi kes litar pintas yang boleh dilakukan?
  - (c) Apakah peranan TNB dalam perkara ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. (a) Senarai kes kebakaran struktur mengikut zon dan punca dari tahun 2015 hingga 2017 di Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A**. Terdapat 2 kes kematian akibat kebakaran masing-masing di tahun 2015 dan 1 kes 2016. Kematian pada tahun 2015 melibatkan seorang lelaki berumur 55 tahun di Daerah Timur Laut, manakala kematian pada tahun 2016 berlaku di Kampung Selamat, Seberang Perai Utara.
- (b) Jabatan Bomba Dan Penyelamat mengesyorkan supaya pemilik rumah kediaman yang lama memeriksa pendawaian elektrik masing-masing dan menaik taraf atau menggantikannya sekiranya perlu bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan.
- (c) TNB juga turut menekankan aspek keselamatan di kawasan perumahan dengan menyediakan panduan keselamatan untuk melindungi diri sendiri dan orang di sekeliling seperti berikut :
- (i) Gunakan peralatan elektrik berkualiti tinggi dan disahkan oleh SIRIM
  - (ii) Pastikan semua sumber kuasa utama dimatikan apabila meninggalkan rumah untuk jangka masa yang lama.
  - (iii) Melantik kontraktor berdaftar untuk pemeriksaan *Earth Leakage Circuit Breaker* (ELCR).

Perkara-perkara berikut pula perlu diberikan perhatian dan tidak dilakukan demi menjaga keselamatan diri.

- (i) Jangan gunakan peralatan elektrik usang atau patah;
- (ii) Jangan gunakan peralatan elektrik yang terdedah kepada air;
- (iii) Jangan sentuh sebarang wayar hidup;
- (iv) Jangan dedahkan pendawaian kepada haba, wap dan tekanan;
- (v) Elakkan memasang soket berhampiran sumber air;
- (vi) Jangan memasang pendawaian tambahan sendiri. Sebaliknya dapatkan khidmat kontraktor berkelayakan untuk berbuat demikian;
- (vii) Jangan laraskan kabel sambungan dengan terlalu banyak jenis peralatan elektrik;
- (viii) Jangan menyambung terlalu banyak peralatan dari satu sumber kuasa. Elakkan menggunakan penyambung soket yang tidak diluluskan; dan
- (ix) Jauhi kabel elektrik yang jatuh.

**RUJ. LAMPIRAN A BLKL NO. 23.**

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Nyatakan perbandingan bilangan wanita dengan lelaki dalam struktur organisasi JKKK dan Ahli Majlis MBPP & MPSP. Senaraikan pengerusi dan setiausaha JKKK yang terdiri daripada wanita. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menetapkan quota 30% bagi wanita dalam pimpinan JKKK serta bagaimana untuk mencapai sasaran tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Ahli JKKK di Pulau Pinang terdiri daripada **3,214 (76.0% )** kaum lelaki dan seramai **1,013 (24.0%)** kaum wanita iaitu seperti jadual di bawah:

| Daerah         | Lelaki        | Wanita        | Jumlah         |
|----------------|---------------|---------------|----------------|
| DTL            | 812           | 306           | 1118           |
| DBD            | 528           | 164           | 692            |
| SPU            | 630           | 182           | 812            |
| SPT            | 751           | 225           | 976            |
| SPS            | 493           | 136           | 629            |
| Jumlah         | 3,214         | 1,013         | 4,227          |
| <b>Peratus</b> | <b>76.00%</b> | <b>24.00%</b> | <b>100.00%</b> |

Bagi pelantikan ahli Majlis MBPP bilangan wanita adalah 6 daripada 23 ahli majlis dan bagi ahli majlis MPSP bilangan wanita adalah 3 daripada 24 ahli Majlis. Perbandingan bilangan wanita dan lelaki dalam struktur organisasi JKKK, ahli Majlis MBPP dan MPSP adalah seperti berikut:

|             | LELAKI | WANITA | JUMLAH |
|-------------|--------|--------|--------|
| <b>MBPP</b> | 17     | 6      | 23     |
| <b>MPSP</b> | 21     | 3      | 24     |
| <b>JKKK</b> | 3,214  | 1,013  | 4,227  |

Terdapat 21 ahli wanita memegang jawatan sebagai Pengerusi JKKK dan 67 ahli wanita memegang jawatan sebagai Setiausaha JKKK dan pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Daerah        | Pengerusi | Setiausaha | Jumlah    |
|---------------|-----------|------------|-----------|
| DTL           | 8         | 24         | 32        |
| DBD           | 4         | 10         | 14        |
| SPU           | 4         | 10         | 14        |
| SPT           | 5         | 13         | 18        |
| SPS           | 0         | 10         | 10        |
| <b>Jumlah</b> | <b>21</b> | <b>67</b>  | <b>88</b> |

Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil 38/2016 pada 16 November 2016 dan disahkan pada 30 November 2016 telah memutuskan syarat penglibatan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam setiap JKKK. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Pengerusi dan Setiausaha boleh dikenakan pergantungan elaun. YB ADUN kawasan juga dipohon untuk memberi kerjasama dalam menjayakan usaha ini.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Satu KADUN satu futsal.
- (a) Sejauhmanakah Kerajaan Negeri mencapai sasaran tersebut dengan senaraikan futsal mengikut KADUN.



- (b) Terangkan secara terperinci tentang status pembangunan gelanggang futsal di Taman Sejahtera, KADUN Machang Bubuk.
- (c) Apakah sebab-sebab projek tersebut masih tidak dapat dilaksanakan padahal dasar tersebut telah diputuskan awal tahun 2013?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. (a) Di bawah program Satu KADUN Satu Futsal, Kerajaan Negeri telah berjaya membina 21 gelanggang futsal. Senarai gelanggang futsal mengikut KADUN adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Gelanggang futsal Taman Sejahtera, KADUN Machang Bubok sedang dalam proses awal pembinaan dan dijangka siap pada penghujung Disember 2017. Gelanggang futsal terbuka ini dibina di kawasan lapang Taman Sejahtera dengan kapasiti satu gelanggang. Pada masa sekarang kontraktor dalam proses pembersihan kawasan dan penandaan lokasi di atas tapak.
- (c) Pembinaan gelanggang futsal ini dilaksanakan secara berfasa. Ianya melibatkan pelbagai peringkat keputusan iaitu cadangan tapak oleh YB. ADUN kawasan, status tanah dan kesesuaian tapak, permohonan kelulusan kebenaran mengguna tapak, perancangan teknikal projek, penyediaan pelan, pelaksanaan projek oleh kontraktor dan penerimaan.

**RUJ. LAMPIRAN A BLKL NO. 25.**

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Industri 4.0
- (a) Senaraikan syarikat dan industri yang berkemampuan untuk membangunkan industri 4.0 di Pulau Pinang.
  - (b) Jelaskan samada syarikat dan industri tersebut menerima sokongan kuat dari segi pelaburan dan pinjaman?
  - (c) Adakah syarikat dan industri tersebut mengupah pekerja yang berkemahiran tinggi seperti sarjana dan PhD yang berupaya dalam R&D?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. (a) Industri 4.0 adalah satu proses yang merangkumi 9 asas teknologi iaitu :
- (i) automasi robot (autonomous robot);
  - (ii) analisa data besar (big data analytics);
  - (iii) supply chain (rantai nilai);
  - (iv) pengkomputeran awan (cloud computing);
  - (v) internet (internet of things);
  - (vi) pembuatan tambahan (additive manufacturing);
  - (vii) integrasi mendatar dan menegak (horizontal and vertical integration);
  - (viii) simulasi;
  - (ix) realiti tambahan (simulation and augmented reality); dan
  - (x) keselamatan siber (cybersecurity).

Industri 4.0 telah pun diimplimentasi dibanyak kilang-kilang di Pulau Pinang terutamanya oleh syarikat multinasional (MNC) kerana didorong oleh faktor pasaran (*market driven*). Antaranya adalah BBraun, Bosch, Osram, ViTrox, Kontron dan lain-lain. Kerajaan Negeri pada ketika ini, tidak mempunyai senarai syarikat dan industri yang berkemampuan untuk membangunkan Industri 4.0 di Pulau Pinang.

- (b) Terdapat pelbagai insentif dan sokongan yang tersedia untuk membantu syarikat-syarikat tempatan mengaplikasi kaedah Industri 4.0, seperti insentif *Automation Capital Allowance*

oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan *soft loan* oleh *Malaysia Industrial Development Finance Berhad* (MIDF) dan bank-bank terpilih. Walaupun terdapat insentif yang disediakan oleh Kerajaan, namun masih terdapat pelbagai cabaran dari pelbagai segi yang perlu dihadapi oleh syarikat-syarikat tempatan dalam usaha untuk mengaplikasi Industri 4.0. Antara cabaran tersebut adalah suntikan modal, keupayaan dan tahap kejuruteraan yang lebih tinggi dan ketersediaan bakat (*talent*) untuk mengendalikan sistem digitalisasi automasi. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan syarikat-syarikat tempatan mengenai trend Industri 4.0 agar syarikat tempatan tidak ketinggalan dan kekal kompetitif di arena tempatan mahupun antarabangsa. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti penyebaran maklumat terkini industri 4.0, dan kerjasama dengan agensi dan badan-badan pengamal/penasihat mengenai Industri 4.0.

- (c) Pekerja berkemahiran dan berilmu tinggi sememangnya satu keperluan syarikat-syarikat yang mengadaptasi Industri 4.0 untuk mengendalikan sistem digitalisasi automasi dalam operasi syarikat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Hostel Pekerja Asing

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani bantahan penduduk setempat terhadap hostel pekerja asing?
- (b) Senaraikan perjumpaan dan dialog yang telah diadakan oleh kerajaan negeri untuk memberi penerangan kepada penduduk tempatan?
- (c) Adakah kajian *Social Impacts Assessment* (SIA) dijalankan sebelum keputusan dibuat? Jika tidak, kenapa?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 27. (a) Dalam usaha menangani bantahan penduduk setempat terhadap pembinaan hostel pekerja asing, Kerajaan Negeri telah melakukan beberapa perjumpaan dan sesi dialog bersama penduduk setempat dan mengambil kira setiap pandangan yang dikemukakan. Bagi projek pembinaan kuarters pekerja asing di Juru oleh Syarikat Westlite Dormitory Sdn. Bhd., pihak syarikat telah mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh penduduk dengan mengurangkan jumlah keluasan tanah daripada 12.6 ekar kepada 6.6 ekar di mana projek yang pada mulanya boleh menempatkan 12,000 orang pekerja telah dikurangkan kepada 6,102 orang pekerja sahaja. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga turut menjelaskan kepada penduduk bahawa projek pembinaan hostel pekerja asing ini akan dapat menyelesaikan masalah sosial dan persekitaran yang melibatkan pekerja di kawasan berkenaan. Di samping itu, pembinaan hostel ini juga akan dilengkapi dengan ciri-ciri kawalan keselamatan yang tinggi bagi mengawal pergerakan keluar masuk pekerja asing di asrama tersebut. Malahan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, Kerajaan Negeri juga turut melebarkan Jalan Juru daripada dua lorong kepada empat lorong bermula dari Persimpangan Jalan Tok Kangar sehingga Persimpangan Jalan Permatang Tinggi.
- (b) Terdapat dua siri taklimat dan dialog yang telah diadakan di antara Ahli Parlimen dan ADUN kawasan dengan penduduk dan pemaju iaitu pada 25 Julai 2016 bagi projek pembinaan kuarters pekerja asing di Bukit Minyak dan 9 Januari 2017 bagi projek pembinaan kuarters pekerja asing di Juru.
- (c) Pihak pemaju sememangnya diwajibkan untuk menyediakan Laporan *Social Impact Assessment* (SIA) bagi mengenal pasti dan mengatasi sebarang masalah atau kesan yang mungkin berlaku daripada pembinaan asrama pekerja asing. Laporan SIA tersebut telah pun diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum kelulusan Pelan Kebenaran Merancang diperolehi.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Pusat Jagaan Orang Tua

- a) Senaraikan bilangan pusat jagaan kerajaan dan swasta mengikut daerah dan bilangan orang tua dalam pusat tersebut.

- (b) Terangkan usaha kerajaan negeri dalam memantau operasi pusat jagaan agar sentiasa dalam keadaan selesa dan bersih serta bayaran berpatutan.
- (c) Nyatakan bilangan pusat yang tidak mematuhi garis panduan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. (a) Pada masa ini, jumlah keseluruhan pusat jagaan warga tua di seluruh negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 61 buah dimana sembilan (9) buah pusat jagaan milik badan bukan kerajaan dan 52 buah pusat jagaan milikan swasta. Kerajaan Negeri tidak mempunyai pusat jagaan warga tua. Setakat ini, jumlah keseluruhan warga tua yang tinggal di pusat jagaan adalah seramai 1,799 orang. Namun, masih terdapat beberapa pengusaha pusat jagaan tidak berdaftar enggan memberikan maklumat jumlah penghuni kepada pihak JKM. Senarai Pusat Jagaan warga tua mengikut daerah dan bilangan penghuninya adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan pusat jagaan beroperasi mengikut undang-undang dan peraturan adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan pemeriksaan berkala iaitu 2 kali setahun ke atas semua pusat jagaan warga tua yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
  - (ii) Menjalankan pemeriksaan secara mengejut ke atas pusat jagaan warga tua yang tidak berdaftar;
  - (iii) Menjalankan kempen dan program Jom Daftar Pusat Jagaan bagi menggalakkan semua pusat jagaan warga tua supaya berdaftar dengan JKM;
  - (iv) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemutihan Pusat Jagaan pada tahun 2015 sebagai usaha mencari kaedah untuk membantu Pusat Jagaan supaya berdaftar dengan JKM;
  - (v) Pengusaha pusat jagaan perlu mendapat kelulusan dan kebenaran daripada JKM, PBT dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) sebelum beroperasi. Ini bertujuan memastikan pusat jagaan mematuhi ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan dan selamat untuk beroperasi.
- Kerajaan Negeri tidak memantau kadar bayaran yang ditetapkan oleh pengusaha Pusat Jagaan memandangkan ianya di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.
- (c) Daripada jumlah 61 buah pusat jagaan tersebut, sebanyak 43 buah pusat yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan tidak mematuhi garis panduan.

**RUJ. LAMPIRAN A BLKL NO. 28.**

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Nyatakan status terkini tentang permohonan penduduk untuk membina sebuah dewan serbaguna di Kampung Machang Bubuk, Jalan Gajah Mati. Apakah halangan dan sebab-sebab permohonan tersebut masih tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri? Nyatakan usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan asas di kampung-kampung juga dijamin agar kesejahteraan penduduk kampung. .

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Kerajaan Negeri telah menyenaraikan cadangan projek pembinaan Dewan Orang Ramai Kampung Machang Bubuk di bawah Bajet 2018 dengan anggaran kos projek sebanyak RM1,300,000.00. Namun begitu, jumlah sebenar peruntukan ini bergantung kepada peruntukan pembangunan 2018 yang akan diluluskan oleh sidang DUN kali ini.

Dalam usaha bagi memastikan kemudahan – kemudahan asas di kampung – kampung terjamin dan seterusnya kesejahteraan penduduk kampung terbelas, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelbagai peruntukan untuk tujuan tersebut. Antaranya adalah

- (i) Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin ( Bina Baru dan Baik ) ( peruntukan : RM3,100,000.00 );

- (ii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi ( Naiktaraf Gerai dan Bantuan Peralatan ) ( peruntukan : RM1,750,000.00 )
- (iii) Program Pembangunan Modal Insan ( peruntukan : RM200,000.00 )
- (iv) Pembinaan gelanggang futsal di kawasan DUN ( peruntukan : RM1,500,000.00 )
- (v) Penyelenggaraan dan naiktaraf Dewan Orang Ramai ( peruntukan : RM4,000,000.00 )
- (vi) Penyelenggaraan dan naiktaraf jalan kampung ( peruntukan : RM2,000,000.00 )
- (vii) Pembangunan Masyarakat P16 (02) ( peruntukan : RM180,000.00 setiap ADUN )
- (viii) Projek – projek khas P16 (03) ( peruntukan : RM120,000.00 setiap ADUN)

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. (a) Senaraikan kes-kes kemalangan di tempat kerja mengikut bilangan maut, hilang upaya kekal dan tidak hilang upaya kekal mengikut tahun 2016 dan 2017.
- (b) Terangkan punca-punca kemalangan di tempat kerja.
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam pencegahan kemalangan di tempat kerja serta memastikan kebajikan mangsa-mangsa dapat dijaga sekiranya mengalami hilang upaya kekal?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. (a) Berdasarkan perangkaan yang direkodkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang, statistik kes kemalangan di tempat kerja mengikut bilangan Maut, Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Tidak Hilang Upaya Kekal (THUK) bagi tahun 2016 hingga September 2017 adalah seperti berikut:-

| KES-KES KEMALANGAN       | BILANGAN KES MENGIKUT TAHUN |                         |
|--------------------------|-----------------------------|-------------------------|
|                          | 2016                        | 2017 (hingga September) |
| Maut                     | 15                          | 11                      |
| Hilang Upaya Kekal       | 9                           | 10                      |
| Tidak Hilang Upaya Kekal | 383                         | 243                     |
| <b>JUMLAH</b>            | <b>407</b>                  | <b>264</b>              |

- (b) Antara punca-punca kemalangan di tempat kerja ialah:
- (i) Tiada penaksiran risiko yang dijalankan untuk aktiviti kerja dan keadaan tempat kerja;
  - (ii) Prosedur kerja selamat untuk aktiviti kerja tidak disediakan kepada pekerja;
  - (iii) Tiada latihan yang secukupnya diberikan kepada pekerja berkaitan keselamatan dan kesihatan dan aktiviti kerja;
  - (iv) Aktiviti kerja yang dijalankan oleh pekerja tidak dipantau seperti yang sepatutnya;
  - (v) Tempat kerja tidak selamat dari segi kekemasan, susunan mesin dan tidak menghadang tepian terbuka untuk mengelakkan rang jatuh;
  - (vi) Gagal menjalankan penyelenggaraan kepada jentera dan tempat kerja; dan
  - (vii) Tiada kesedaran untuk membudayakan budaya kerja selamat di tempat kerja.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan telah melaksanakan usaha-usaha pencegahan kemalangan di tempat kerja seperti berikut:
- (i) Memperkenalkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 (OSH MP20);

- (ii) Menjalankan operasi berkaitan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan untuk sektor- sektor tertentu seperti tapak bina dan kilang;
- (iii) Menjalankan aktiviti promosi secara berkala;
- (iv) Menjalankan aktiviti bimbingan kepada sektor IKS;
- (v) Menjalankan program usahasama dengan industri;
- (vi) Mengeluarkan Notis Larangan dan Penambahbaikan untuk menghentikan aktiviti kerja dan tempat kerja yang didapati tidak selamat sewaktu pemeriksaan dijalankan; dan
- (vii) Menjalankan pendakwaan dan mengeluarkan kompaun ke atas kesalahan di bawah peruntukan akta-akta berikut:
  - Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) dan Peraturan-peraturan di bawahnya; dan
  - Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Untuk memastikan kebajikan mangsa yang mengalami Hilang Upaya Kekal dijaga, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan semua majikan mendaftarkan pekerja mereka dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) agar dapat memperolehi faedah Hilang Upaya Kekal di bawah Skim Bencana Pekerjaan di samping faedah-faedah lain yang disediakan oleh PERKESO. Faedah Hilang Upaya Kekal ini dibayar kepada pencazum PERKESO dengan kadar 90% daripada purata pendapatan bulanan yang diinsuranskan tertakluk kepada bayaran harian minima RM30.00 sehari dan maksima RM118.50 sehari.

**(VI). Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Sila nyatakan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Labuh Banting, Kampung Chegar, Lubuk Meriam dan Lahar Yooi di DUN Permatang Berangan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Terdapat dua kaedah utama yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi atau mengurangkan risiko kejadian banjir kilat di Negeri Pulau Pinang secara amnya dan secara khususnya di kawasan seperti Labuh Banting, Kampung Chegar, Lubuk Meriam dan Lahar Yooi di DUN Permatang Berangan melalui:-

(a) Penyelesaian Secara Struktur

Penyelesaian secara struktur melibatkan komponen pembinaan kejuruteraan seperti rumah pam, barrage, ban, pengukuhan tebing, mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan kolam takungan, empangan dan juga pelancongan sungai.

(b) Penyelesaian Secara Bukan Struktur

Penyelesaian secara bukan struktur melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan seperti kempen Cleaner Greener Penang, program gotong royong bersama JKKK tempatan, penyediaan kajian-kajian dan reka bentuk terperinci bagi sesuatu lokasi yang mengalami masalah banjir, Sistem Ramalan Awal Banjir, Stesen Siren dan Public Info Banjir.

Usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Labuh Banting, Kampung Chegar, Lubuk Meriam dan Lahar Yooi di DUN Permatang Berangan adalah dengan melaksanakan kerja-kerja kecemasan melalui peruntukan Caruman Perparitan Kerajaan Negeri. Usaha tersebut melibatkan kerja-kerja mengorek pulih sistem saliran utama yang telah terjejas akibat daripada kesan banjir.

Pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah melaksanakan dua (2) projek bagi mengurangkan risiko banjir kilat di DUN Permatang Berangan iaitu mengorek dan menyelenggara parit tanah sedia ada di Kampung Lahar Yooi Masjid dan membina

Longkang di Kampung Guar Petai Tasek Gelugor.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga telah melakukan usaha untuk mengurangkan risiko banjir kilat dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Memastikan pemajuan pembangunan baru mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk rekabentuk perparitan;
- (ii) Pemantauan keadaan parit-parit monsun dan saliran perparitan di seluruh kawasan Seberang Perai khususnya kawasan berisiko banjir (Hot Spot) dan menjalankan pembersihan dari masa ke semasa bagi mengelakkan saliran tersumbat; dan
- (iii) Pemantauan ke atas projek pembangunan dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Apakah usaha dan langkah Kerajaan Negeri didalam menaikkan prestasi bola sepak pasukan negeri yang jatuh merudum sejak akhir-akhir ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Selain dari penyaluran peruntukan kewangan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa menerapkan usaha-usaha untuk membantu Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang dan pasukan bola sepak Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang diambil dalam menaikkan prestasi bola sepak pasukan negeri adalah seperti berikut:-
  - (i) Menyelaras bantuan untuk memberikan khidmat kepakaran jurulatih kecergasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Institut Sukan Negara Pulau Pinang khususnya melalui bantuan perkhidmatan sains sukan dalam usaha berterusan untuk meningkatkan daya tahan serta prestasi fizikal pemain-pemain;
  - (ii) Menggalakkan jurulatih-jurulatih lantikan FAP untuk mengikuti kursus Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1, 2 dan 3 yang dikendalikan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang melalui kerjasama dengan Majlis Sukan Negara Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak serta hala tuju pembangunan sukan negara yang dipelopori oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara;
  - (iii) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bersama dengan Unit Sukan Prestasi Tinggi Cawangan Pulau Pinang membantu serta melaksanakan program-program penyediaan atlet pelapis dan atlet elit negeri untuk diketengahkan ke dalam kejohanan Sukan Malaysia;
  - (iv) Membantu menyediakan skuad pelapis awal yang diketengahkan ke Pasukan Piala Belia, Pasukan Piala Presiden (U-20) dan juga Pasukan Sukan Malaysia yang menjadi penyumbang kepada pemain-pemain untuk Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang untuk bermain di Liga FAM, Liga Perdana atau ke Liga Super;
  - (v) Membantu pihak FAP dengan memberi elaun latihan sebanyak RM100/seorang kepada Skuad Sukan Malaysia dan membayar elaun jurulatih yang dilantik untuk membimbing pasukan bola sepak Sukan Malaysia;
  - (vi) Membenarkan penggunaan kemudahan gimnasium untuk kegunaan latihan di bawah seliaan Pegawai Fisiologi Senaman Institut Sukan Negara (ISN) Pulau Pinang; dan
  - (vii) Menyediakan kemudahan penginapan di asrama MSN Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Sila nyatakan kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mempromosikan pelancongan homestay di dalam daerah Seberang Perai Utara (SPU).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Terdapat dua (2) *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) iaitu *Homestay Lahar Yooi* dan *Homestay Kota Aur*. Kerajaan Negeri membantu mempromosikan *homestay* tersebut melalui:
  - (i) Penerbitan risalah *Penang Homestay* yang secara khusus mempromosi semua *homestay* di Pulau Pinang termasuk *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara. Risalah ini memperincikan cadangan aktiviti harian yang boleh dilaksanakan mengikut lokasi bagi meningkatkan penyertaan pelancong dalam program *homestay*. Anggaran kos penginapan *homestay* juga dicatatkan dalam risalah tersebut untuk menunjukkan bahawa pelancongan berdasarkan penghayatan kehidupan masyarakat setempat adalah kompetitif;
  - (ii) Penerbitan risalah pelancongan Pulau Pinang yang lain turut menyebut penginapan berasaskan *homestay*. Risalah seperti *Seberang Perai Tourist Map* dan *Seberang Perai Utara Tourist Map* memperkenalkan *homestay* kepada para pelancong sebagai alternatif kepada hotel. Selain risalah, *homestay* juga dipromosikan dalam laman web rasmi pelancongan Pulau Pinang;
  - (iii) Kerajaan Negeri turut mempromosi *homestay* melalui penganjuran program seperti Pertandingan dan Karnival *Homestay* bagi memperkenalkan *homestay* kepada umum. Karnival terkini telah diadakan di Lahar Yooi dan Pulau Aman masing-masing pada April dan Ogos 2017;
  - (iv) Pengusaha *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara turut dibantu untuk meningkatkan lagi kualiti kepada pengalaman dan kemudahan *homestay* yang ditawarkan. Pengusaha *homestay* dijemput untuk mengikuti kursus-kursus yang berbentuk pengajaran dan penambahbaikan kepada perkhidmatan yang ditawarkan. Kerajaan Negeri bekerjasama dengan MOTAC Cawangan Pulau Pinang dalam penganjuran kursus-kursus yang berkaitan seperti Kursus Pemasaran Produk *Homestay* yang telah diadakan pada September 2017. Kursus ini telah membantu pengusaha-pengusaha *homestay* mempelajari kaedah-kaedah yang dapat diterokai untuk pemasaran produk *homestay*; dan
  - (v) Promosi pelancongan melalui pameran pelancongan dan *tradeshows* di luar negara turut mempamerkan pelancongan berdasarkan *homestay*. Risalah-risalah yang diterbitkan juga digunakan dalam pameran pelancongan tersebut.

Berdasarkan kepada data daripada MOTAC Cawangan Pulau Pinang, bilangan pelancong ke *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017 adalah 417 orang yang merangkumi 265 pelancong domestik dan 152 pelancong asing. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 24.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2016 yang mencatatkan sejumlah 334 orang pelancong merangkumi 194 pelancong domestik dan 140 pelancong asing.

Kerajaan Negeri mensasarkan musim cuti sekolah pada hujung tahun akan meningkatkan lagi kehadiran pelancong ke *homestay*.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Sila senaraikan permohonan kebenaran merancang yang telah dikemukakan kepada SPC dan OSC dari 2013 hingga 2017.
  - (a) Berapa banyak yang diluluskan dalam kalangan agensi Persekutuan.
  - (b) Apakah faktor yang menyumbang kepada kelewatan mendapatkan kelulusan

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. (a) Senarai permohonan kebenaran merancang yang telah dikemukakan kepada SPC dan OSC dari 2013 hingga 2017 mengikut PBT adalah seperti di bawah. Bagi tempoh tersebut, bilangan keseluruhan permohonan kebenaran merancang yang telah dikemukakan oleh agensi persekutuan kepada MBPP adalah 20 permohonan dan 42 permohonan kepada MPSP, 16 telah diluluskan dan 4 masih dalam pertimbangan MBPP dan 32 telah diluluskan dan 10 masih dalam pertimbangan MPSP.

**SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DARIPADA MBPP DAN MPSP KEPADA SPC DAN OSC DARI 2013 SEHINGGA 2017**

| TAHUN         | MBPP      |             | MPSP      |             |
|---------------|-----------|-------------|-----------|-------------|
|               | SPC       | OSC         | SPC       | OSC         |
| 2013          | 13        | 337         | 4         | 314         |
| 2014          | 14        | 364         | 3         | 315         |
| 2015          | 13        | 288         | 1         | 315         |
| 2016          | 7         | 266         | 8         | 377         |
| 2017          | 5         | 205         | -         | 256         |
| <b>Jumlah</b> | <b>52</b> | <b>1460</b> | <b>16</b> | <b>1577</b> |

- (b) Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan mendapatkan kelulusan adalah seperti berikut :
- (i) Pematuhan tempoh notis lot berjiran di bawah Seksyen 21(6). Sekiranya notis tersebut dikembalikan, notis kali kedua mesti dirujuk semula kepada pemilik lot berjiran. Tempoh pematuhan kedua notis ini adalah 2 bulan.
  - (ii) Sekiranya notis lot berjiran mempunyai bantahan dan mereka ingin hadir ke sesi pendengaran bantahan maka peruntukan di bawah Seksyen 21(7) perlu diadakan untuk memberi peluang kepada mereka membuat bantahan di MJOSC.
  - (iii) Kegagalan pemaju menyelesaikan isu setingan di atas tapak pembangunan.
  - (iv) Kegagalan pemaju mematuhi kehendak-kehendak jabatan teknikal dan garis panduan semasa.

Berlaku pindaan ke atas pelan susunatur asal yang perlu dirujuk semula notis kepada lot-lot berjiran di bawah Seksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Senaraikan aktiviti yang dijalankan oleh PDC dari tahun 2013 hingga 2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Sebanyak **429 aktiviti** telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sejak tahun 2013 hingga 2017 sejajar dengan tujuan penubuhan dan peranan atau fungsi yang ditetapkan. Perincian senarai aktiviti yang dijalankan oleh PDC dari tahun 2013 hingga 2017 mengikut tahun dan bahagian di bawah struktur organisasi PDC adalah seperti berikut:

| BIL | BAHAGIAN                               | TAHUN/BILANGAN AKTIVITI |      |      |      |      | JUMLAH     |
|-----|--|-------------------------|------|------|------|------|------------|
|     |  | 2013                    | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |            |
| 1   | KOMUNIKASI KORPORAT                    | 19                      | 14   | 12   | 9    | 20   | <b>74</b>  |
| 2   | USAHAWAN                               | 17                      | 19   | 19   | 33   | 25   | <b>113</b> |
| 3   | PERANCANGAN FIZIKAL & PENGURUSAN TANAH | 6                       | 7    | 8    | 5    | 5    | <b>31</b>  |
| 4   | PEMBANGUNAN PERUMAHAN                  | 5                       | 10   | 14   | 8    | 7    | <b>44</b>  |



| BIL                       | BAHAGIAN                            | TAHUN/BILANGAN AKTIVITI |    |    |    |    | JUMLAH     |
|---------------------------|-------------------------------------|-------------------------|----|----|----|----|------------|
|                           |                                     | 8                       | 9  | 2  | 3  | 2  |            |
| 5                         | PENGURUSAN HARTA                    | 8                       | 9  | 2  | 3  | 2  | 24         |
| 6                         | REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN          | 0                       | 0  | 0  | 0  | 6  | 6          |
| 7                         | PERINDUSTRIAN                       | 4                       |    |    |    |    | 4          |
| 8                         | PENGURUSAN BANGUNAN & INFRASTRUKTUR | 25                      | 50 | 16 | 25 | 17 | 133        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                     |                         |    |    |    |    | <b>429</b> |

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah jumlah kilang yang ditutup dan yang telah berpindah keluar dari Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagi tempoh tahun 2016 sehingga Jun 2017, hanya empat (4) buah kilang di Negeri Pulau Pinang yang telah menutup operasi atau berpindah keluar seperti berikut:

| Bil. | Syarikat                           | Tarikh Tamat                          | Butir-butir   |
|------|------------------------------------|---------------------------------------|---|
| 1.   | Fujisash Co. Ltd.                  | April 2016                            | Penutupan kilang berikutan pemberhentian aktiviti operasi pengeluaran produk <i>aluminium extrusion</i> dengan masih mengekalkan Bahagian Jualan dan Pentadbiran. |
| 2.   | HGST Technologies Malaysia Sdn Bhd | Jun 2016                              | Penutupan kilang berikutan pemberhentian pengeluaran terlibat. Namun perniagaan HGST telah dibeli oleh Western Digital yang mempunyai kilang di Pulau Pinang.     |
| 3.   | Rubicon                            | November 2016                         | Penutupan kilang kerana keputusan syarikat induk untuk keluar dari segmen perniagaan LED.   |
| 4.   | Seagate                            | Secara berperingkat sehingga Jun 2017 | Penutupan kilang dan berpindah ke Thailand, manakala Seagate IT Shared Services Centre kekal beroperasi di Pulau Pinang.  |

Perlu di ingat, Pulau Pinang menarik pelaburan pembuatan yang paling besar di Malaysia untuk 6 bulan pertama 2017 dengan pelaburan sebanyak RM7.7 billion.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah status dewan-dewan orang ramai dan dewan banjir yang diambil alih Kerajaan Negeri sejak 2008 a) Adakah ada peruntukan penyelenggaraan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Mengikut rekod di bawah Kerajaan Negeri terdapat 184 buah dewan orang ramai dan dewan banjir yang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri dan di bawah pengurusan lima (5) Pejabat Daerah dan Tanah. Kesemua dewan ini diuruskan oleh JKKK setempat. Berdasarkan pada rekod sejak tahun 2008 hingga September 2017, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan dewan JKKK dan dewan orang ramai oleh Pejabat Daerah & Tanah iaitu sebanyak 292 projek pembaikan telah dilaksanakan dengan kos sebanyak **RM9,471,685.76** seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDOAH NO. 7.**

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Sejak 2008 hingga 2017, adakah mana-mana sekolah KAFA di Pulau Pinang ditutup.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Sejak tahun 2008 hingga 2017 tiada sekolah agama Islam termasuk KAFA di Negeri Pulau Pinang yang telah ditutup.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam memberi pampasan kepada setinggan dan pemilik tanah yang mana rumah mereka diroboh untuk sesuatu pemajuan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Kerajaan Negeri mempunyai polisi dan garis panduan bayaran pampasan yang jelas berkaitan kaedah penyelesaian setinggan di atas tanah yang akan terlibat dengan pembangunan. Dasar Pengurusan Setinggan Negeri Pulau Pinang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 21 Oktober 2009. Sasaran penggubalan dasar ini adalah bagi membebaskan Pulau Pinang dari penempatan setinggan.

Pembayaran pampasan atau ganti rugi oleh Kerajaan Negeri kepada setinggan atau penduduk yang menduduki tanah kerajaan dibuat melalui Mekanisme Pembayaran Wang Ehsan Kepada Penduduk Yang Tinggal Di Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang Yang Terlibat Dalam Sesuatu Projek Pembangunan yang telah diluluskan oleh MMKN pada 13 Ogos 2014. Di bawah dasar ini, mekanisme pembayaran adalah berbeza mengikut kategori kependudukan seperti berikut:-

| BIL | STATUS KEPENDUDUKAN   | MEKANISME BAYARAN PAMPASAN/ WANG EHSAN  |
|-----|---|---|
| 1.  | Menduduki tanah Kerajaan dan mempunyai Lesen Pendudukan Sementara (TOL) | (a) tawaran seunit rumah kos rendah dan bayaran ehsan berdasarkan nilai struktur rumah, tertakluk kepada maksimum RM42,000.00   |
|     |   | (b) tawaran unit rumah kos sederhana rendah dan bayaran ehsan berdasarkan nilai struktur rumah, tertakluk kepada maksimum RM42,000. Perbezaan harga akan ditanggung oleh pemilik;               |
|     |   | (c) sekiranya memilih untuk tidak mengambil unit rumah, pemilik hendaklah dibayar wang ehsan, tertakluk kepada maksimum RM42,000;   |
|     |   | (d) bayaran subsidi sewaan mengikut nilai sewaan semasa/setempat di antara RM500 hingga RM700 sebulan untuk tempoh 3 tahun atau mana yang lebih awal jika melibatkan perpindahan sementara; dan |
|     |   | (e) pemilik yang tidak layak untuk memiliki rumah kos rendah/ sederhana rendah boleh diberikan bayaran wang ehsan yang dipersetujui bersama.  |

| BIL | STATUS KEPENDUDUKAN   | MEKANISME BAYARAN PAMPASAN/ WANG EHSAN  |
|-----|---|---|
| 2   | Menduduki tanah Kerajaan tanpa sebarang kebenaran (penceroboh)  | (a) tawaran seunit rumah kos rendah dan bayaran ehsan berdasarkan nilai struktur rumah, tertakluk kepada maksimum RM42,000. Penduduk perlu menanggung perbezaan harga rumah sekiranya nilai rumahnya kurang daripada RM42,000;  |
|     |   | (b) bayaran subsidi sewaan mengikut nilai sewaan semasa/setempat di antara RM300 hingga RM500 sebulan untuk tempoh 3 tahun atau mana yang lebih awal jika melibatkan perpindahan sementara; dan   |
|     |   | (c) sekiranya rumah tersebut disewakan, bayaran wang ehsan kepada penyewa akan ditolak daripada bayaran wang ehsan pemilik rumah. Sebagai contoh, sekiranya wang ehsan RM42,000 diperuntukkan untuk sesuatu unit rumah dan RM5,000 dipersetujui untuk dibayar kepada penyewa, maka hanya RM37,000 yang akan dibayar kepada pemilik unit rumah tersebut. |
| 3   | Penyewa yang menduduki tanah Kerajaan sama ada dengan Lesen Pendudukan Sementara atau tanpa kebenaran | (a) wang ehsan yang munasabah tertakluk kepada maksimum RM10,000 sekeluarga;  |
|     |   | (b) penyewa yang tinggal kurang satu (1) tahun akan dibayar RM1,000 sekeluarga ;  |
|     |   | (c) penyewa yang tinggal melebihi satu (1) tahun tetapi kurang tiga (3) tahun akan dibayar RM5,000 sekeluarga;  |
|     |   | (d) penyewa yang tinggal melebihi tiga (3) tahun akan dibayar RM10,000 sekeluarga; dan  |
|     |   | (d) penyewa bujang, balu, janda atau duda akan dibayar wang ehsan separuh daripada kadar bayaran sekeluarga mengikut tempoh seperti di atas.  |
| 4.  | Keluarga tambahan (terhad kepada 2 keluarga)  | Layak diberi wang ehsan atau tawaran unit rumah kos rendah/ sederhana rendah dengan potongan harga sebanyak RM21,000. Takrif keluarga tambahan hanyalah merangkumi anak kandung meliputi kategori penduduk dengan Lesen Pendudukan Sementara dan bukan kategori penduduk tanpa kebenaran.   |
| 5.  | Pemilik struktur binaan lain seperti bengkel, gerai, bangsal dan kedai                                | Akan diberi bayaran wang ehsan berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), tertakluk kepada maksimum RM42,000. Pemilik struktur juga boleh diberi keutamaan untuk tawaran unit perumahan mampu milik sekiranya ada bekalan.   |

| BIL | STATUS KEPENDUDUKAN         | MEKANISME BAYARAN PAMPASAN/ WANG EHSAN  |
|-----|-----------------------------|---|
| 6.  | Rumah Ibadah                | (a) Bayaran wang ehsan akan diberi berdasarkan nilai oleh JPPH, tertakluk kepada maksimum RM42,000; dan<br><br>(b) tapak pembinaan baru boleh diberi pertimbangan oleh Kerajaan Negeri. |
| 7.  | Bagi semua kategori di atas | Layak menerima elaun perpindahan sebanyak RM1,500.  |

Bagi setinggan di atas tanah persendirian/swasta, pihak pemilik tanah/pemaju bebas berhak untuk membuat keputusan tawaran pampasan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan isu setinggan dapat diselesaikan bagi pembangunan ke atas tanah persendirian yang melibatkan perpindahan setinggan, Kerajaan Negeri mengenakan syarat supaya pemaju mengambil kira pemberian pampasan kepada setinggan atau mengambil kira program penempatan setinggan. Syarat yang dikenakan ini akan dimasukkan semasa permohonan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (KM) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam hal ini pihak pemaju diminta memberikan aku janji bahawa mereka akan menyelesaikan isu setinggan mengikut kaedah mereka sendiri. Tanpa aku janji dan pengesahan pemaju serta penerima dan penduduk untuk menyelesaikan masalah setinggan, pelan kebenaran merancang (KM) tidak akan diluluskan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Setakat Ogos 2017, berapa banyakkah Kerajaan Negeri menjual tanah kepada pihak swasta dan pihak pelabur asing. Nyatakan keluasan dan nombor lot.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hak milik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu untuk disenaraikan. Senarai tanah kerajaan yang dilupuskan kepada pembeli secara pembermilikan dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti dibawah dengan jumlah RM939.31 juta yang dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah jualan ini, RM500 juta akan diberikan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tujuan pembiayaan Tabung Perumahan Mampu Milik dalam tempoh lima (5) tahun menjadikan hanya RM439.32 juta hasil penjualan tanah sebagai hasil negeri. Walau bagaimanapun, tiada tanah yang dilupuskan oleh Kerajaan Negeri kepada pelabur asing.

| TAHUN                     | HASIL PENJUALAN TANAH KERAJAAN NEGERI (RM) |
|---------------------------|--|
| 2008                      | -  |
| 2009                      | -  |
| 2010                      | -  |
| 2011                      | -  |
| 2012                      | 110,293,920.00                             |
| 2013                      | 117,193,824.00                             |
| 2014                      | 188,911,009.00                             |
| 2015                      | 241,254,938.91                             |
| 2016                      | 281,653,236.41                             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>939,306,928.32</b>                      |

Seterusnya, tiada tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang telah dijual. Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang telah dijual iaitu :

| BIL                       | LOKASI TANAH                          | KELUASAN (EKAR) | NILAI JUALAN (RM)  |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------------|--|
| 1                         | Lot 10208<br>Mukim A, DBD             | 6.4431          | 760, 500.00  |
| 2                         | PT 71<br>(Lot 1449)<br>Seksyen 4, DTL | 0.3758          | 156 Juta (20% daripada harga jualan iaitu RM32 Juta telah dibayar pada tahun 2016) (Baki 80% iaitu RM124 Juta akan dibayar setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dengan pecahan 40% dibayar dalam masa 14 hari selepas kelulusan dan baki 40% lagi dibayar 3 bulan selepas kelulusan) |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                       | <b>6.82</b>     | <b>156760500</b>   |

Hasil jualan tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang sebagai hasil negeri.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Nyatakan secara statistic kedudukan pelaburan asing di negeri ini dari tahun 2013 hingga 2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Pulau Pinang mencapai kedudukan kelima teratas bagi pelaburan asing setiap tahun semenjak tahun 2013. Statistik pelaburan asing di Pulau Pinang mengikut tahun dari tahun 2013 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

| Tahun | Kedudukan Pulau Pinang Berbanding Negeri-Negeri di Malaysia | Jumlah Pelaburan Asing (RM Million) |
|-------|---|-------------------------------------|
| 2016  | Ketiga  | 3,056.90                            |
| 2015  | Pertama   | 4,498.70                            |
| 2014  | Pertama   | 5,113.60                            |
| 2013  | Keempat   | 1,794.40                            |

(Data bagi tahun 2017 masih belum diumumkan oleh pihak MIDA).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Pelbagai caj dikenakan kepada rakyat. Adakah ini untuk menampung ekonomi yang lembab atau kerajaan sudah mula bankrap.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Kerajaan Negeri tidak sewenang-wenangnya mengenakan caj kepada rakyat sebaliknya setiap caj yang dikenakan seperti cukai pintu, sewa gerai, tempat letak kereta, sewaan kemudahan sukan dan dewan adalah bertujuan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan sesuatu kemudahan untuk rakyat. Malahan caj yang dikenakan adalah minima berbanding kos sebenar yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, Surcaj Pemuliharaan Air (SPA) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri adalah sebagai penalti kepada pengguna yang membazirkan air dan sebagai salah satu cara mendidik masyarakat untuk menggunakan air secara berhemah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Benarkah manifesto *Just Change DAP* dalam Pilihanraya 2008 dan 51 projek gagal dilaksanakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Dakwaan ini adalah tidak berasas dan tidak benar. Manifesto Pilihanraya DAP tahun 2008 menyatakan perkara-perkara dasar dan tidak menyebut tentang projek-projek yang spesifik. 51 projek yang gagal ini adalah rekaan semata-mata dan fitnah jahat pihak yang tidak bertanggungjawab.

Manifesto Pakatan atau DAP secara amnya telah pun dilaksanakan bak kata pepatah :Janji Ditepati.”

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Berapa banyak projek perumahan yang diluluskan di lereng bukit. Adakah salah satu punca banjir disebabkan oleh perumahan tanah tinggi yang melanggar polisi Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Terdapat sebanyak 13 buah projek perumahan yang telah diluluskan di lereng bukit di seluruh Negeri Pulau Pinang, masing-masing 4 di bahagian Pulau dan 9 di bahagian Seberang Perai. Setiap projek yang telah diberikan kelulusan adalah mematuhi kehendak-kehendak teknikal dan dasar-dasar Majlis. Isu banjir telah diambil kira dalam pematuhan syarat-syarat semasa Permohonan Kebenaran Merancang.

Kerajaan Negeri juga akan memastikan setiap pembangunan tanah mematuhi dasar-dasar yang ditetapkan di dalam RSNPP 2020. Menurut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang, kawasan lereng bukit adalah kawasan yang terletak dalam Tanah Bukit Warta tetapi di bawah/tidak melebihi Garis Ketinggian 76m (250kaki). Garis ketinggian 76 meter merupakan mekanisme kawalan di mana pembangunan di kawasan atas tanah ketinggian 76m (250 kaki) tertakluk kepada garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan, dan mendapat kelulusan EIA serta kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Di samping itu, semua pembangunan di lereng bukit adalah terikat dengan kaedah kawalan aliran air larian permukaan dengan penyediaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) mengikut kaedah MASMA Edisi Kedua. Rekabentuk ESCP akan disemak dan diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). ESCP ini akan diguna pakai semasa kerja-kerja pembangunan yang dicadangkan dilaksanakan di tapak.

Aspek penyelenggaraan sistem saliran sementara dan kekal yang dilakukan secara berjadual seharusnya dapat mengawal aliran air larian permukaan untuk mengalir mengikut sistem saliran yang direka bentuk dan akan dapat mengelakkan kejadian banjir kilat.

Oleh itu, pembangunan di lereng bukit tidak sepatutnya menyebabkan banjir kilat sekiranya pelaksanaan kerja di tapak dibuat dengan teliti dan mengikut pelan rekabentuk yang diluluskan. Dalam hal ini, pihak berkaitan termasuk PBT akan sentiasa memantau bagi memastikan tidak berlaku pelanggaran syarat pembangunan yang ditetapkan.

Setakat ini, pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap projek-projek pemaju perumahan yang diluluskan di lereng bukit mendapati tiada kejadian banjir berlaku disebabkan oleh pelanggaran syarat-syarat di dalam kelulusan pelan kerja tanah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Adakah Kerajaan Negeri menggalakkan pihak swasta membina rumah kos rendah menjalankan Skim Sewa Beli bagi membantu mendapatkan rumah tanpa melalui pinjaman bank.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Di samping itu, semua pembangunan di lereng bukit adalah terikat dengan kaedah kawalan aliran air larian permukaan dengan penyediaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) mengikut

kaedah MASMA Edisi Kedua. Rekabentuk ESCP akan disemak dan diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). ESCP ini akan diguna pakai semasa kerja-kerja pembangunan yang dicadangkan dilaksanakan di tapak.

Aspek penyelenggaraan sistem saliran sementara dan kekal yang dilakukan secara berjadual seharusnya dapat mengawal aliran air larian permukaan untuk mengalir mengikut sistem saliran yang direka bentuk dan akan dapat mengelakkan kejadian banjir kilat.

Oleh itu, pembangunan di lereng bukit tidak sepatutnya menyebabkan banjir kilat sekiranya pelaksanaan kerja di tapak dibuat dengan teliti dan mengikut pelan rekabentuk yang diluluskan. Dalam hal ini, pihak berkaitan termasuk PBT akan sentiasa memantau bagi memastikan tidak berlaku pelanggaran syarat pembangunan yang ditetapkan.

Setakat ini, pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap projek-projek pemaju perumahan yang diluluskan di lereng bukit mendapati tiada kejadian banjir berlaku disebabkan oleh pelanggaran syarat-syarat di dalam kelulusan pelan kerja tanah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:ID 117**

16. Bagaimana Skim Pencen ADUN-ADUN yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri pada masa kini. Berapa tahun perkhidmatan atau penggal perkhidmatan yang membolehkan seorang ADUN menerima ganjaran pencen penuh.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Pembayaran pencen dan ganjaran kepada ADUN-ADUN di Negeri Pulau Pinang adalah selaras dengan peruntukan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan), Bilangan 2 Tahun 1980.

Seorang Ahli atau Anggota boleh diberi pencen jika dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota setelah menyempurnakan 36 bulan tempoh perkhidmatan dan mencapai usia 50 tahun. Pengiraan pencen adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkiran dan gaji terakhir yang diterima untuk tempoh tersebut. Mulai 01 Januari 2016, pemberian pencen adalah tertakluk kepada 3/5 daripada gaji akhir yang diterima.

Pembayaran ganjaran kepada seorang Ahli atau Anggota akan dibuat setelah ADUN tersebut berhenti menjadi Ahli atau Anggota. Pengiraan ganjaran adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkiran dan gaji terakhir yang diterima untuk tempoh tersebut.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:ID 118**

17. (a) Sila senaraikan berapakah bilangan JKKN dalam KADUN Permatang Berangan dan juga nama mereka.  
(b) Benarkah ahli JKKN di kalangan PAS digugurkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. (a) Terdapat lapan (8) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti di bawah KADUN Permatang Berangan seperti berikut;
  - (i) JKKK Lahar Yooi
  - (ii) JKKK Padang Menora
  - (iii) JKKK Pokok Tampang
  - (iv) JKKK Pokok Sena
  - (v) JKKK Simpang Tiga Tasek Gelugor
  - (vi) JKKK Taman Koskam
  - (vii) JKKK Taman Sena Indah
  - (viii) JKKK Tasek Gelugor

- (b) Bagi JKKK Pokok Tampang, JKKK Taman Koskam dan JKKK Taman Sena Indah, kesemua ahlinya adalah dari kalangan ahli PAS yang telah bertukar di atas kerelaan sendiri menjadi ahli AMANA

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu pengusaha-pengusaha *homestay* di Permatang Berangan khususnya dan daerah SPU amnya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Terdapat dua (2) *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) iaitu *Homestay Lahar Yooi* dan *Homestay Kota Aur*. Kerajaan Negeri membantu mempromosikan *homestay* tersebut melalui:
- (i) Penerbitan risalah *Penang Homestay* yang secara khusus mempromosi semua *homestay* di Pulau Pinang termasuk *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara. Risalah ini memperincikan cadangan aktiviti harian yang boleh dilaksanakan mengikut lokasi bagi meningkatkan penyertaan pelancong dalam program *homestay*. Anggaran kos penginapan *homestay* juga dicatatkan dalam risalah tersebut untuk menunjukkan bahawa pelancongan berdasarkan penghayatan kehidupan masyarakat setempat adalah kompetitif;
  - (ii) Penerbitan risalah pelancongan Pulau Pinang yang lain turut menyebut penginapan berasaskan *homestay*. Risalah seperti *Seberang Perai Tourist Map* dan *Seberang Perai Utara Tourist Map* dan *Seberang Perai Food Map* memperkenalkan *homestay* kepada para pelancong sebagai alternatif kepada hotel. Selain risalah, *homestay* juga dipromosikan dalam laman web rasmi pelancongan Pulau Pinang;
  - (iii) Kerajaan Negeri turut mempromosi *homestay* melalui penganjuran program seperti Pertandingan dan Karnival *Homestay* bagi memperkenalkan *homestay* kepada umum. Karnival terkini telah diadakan di Lahar Yooi dan Pulau Aman masing-masing pada April dan Ogos 2017 dan Kerajaan Negeri telah menjemput agen-agen dan pemandu pelancong dengan menggunakan bas *Hop On Hop Off* untuk mengenali produk *homestay*. Pada bulan Oktober pula, dengan sokongan Kerajaan Negeri, *Homestay Pulau Aman* akan mengadakan Pertandingan Nyanyian Lagu Asli untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti menarik di *homestay*. Selain itu,
  - (iv) Pengusaha *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara turut dibantu untuk meningkatkan lagi kualiti kepada pengalaman dan kemudahan *homestay* yang ditawarkan. Pengusaha *homestay* dijemput untuk mengikuti kursus-kursus yang berbentuk pengajaran dan penambahbaikan kepada perkhidmatan yang ditawarkan. Kerajaan Negeri bekerjasama dengan MOTAC Cawangan Pulau Pinang dalam penganjuran kursus-kursus yang berkaitan seperti Kursus Pemasaran Produk *Homestay* yang telah diadakan pada September 2017. Kursus ini telah membantu pengusaha-pengusaha *homestay* mempelajari kaedah-kaedah yang dapat diterokai untuk pemasaran produk *homestay*; dan
  - (v) Promosi pelancongan melalui pameran pelancongan dan *tradeshows* di luar negara turut mempamerkan pelancongan berdasarkan *homestay*. Risalah-risalah yang diterbitkan juga digunakan dalam pameran pelancongan tersebut.

Berdasarkan kepada data daripada MOTAC Cawangan Pulau Pinang, bilangan pelancong ke *homestay* di Daerah Seberang Perai Utara bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017 adalah 417 orang yang merangkumi 265 pelancong domestik dan 152 pelancong asing. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 24.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2016 yang mencatatkan sejumlah 334 orang pelancong merangkumi 194 pelancong domestik dan 140 pelancong asing.

Kerajaan Negeri mensasarkan musim cuti sekolah pada hujung tahun akan meningkatkan lagi kehadiran pelancong ke *homestay*.

Kerajaan Negeri juga telah menerbitkan risalah *Penang Homestay* yang mempromosi semua *homestay* di Pulau Pinang serta cadangan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan mengikut lokasi bagi meningkatkan penyertaan pelancong dalam program *homestay*. Bagi meluaskan lagi



liputan promosi, lokasi-lokasi *homestay* telah disenaraikan di laman web Penang Global Tourism (<https://mypenang.gov.my/about-penang/accomodation/>) dan risalah peta Seberang Perai Utara. Senarai dan lokasi *homestay* yang terkini juga dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu, pengusaha *homestay* juga digalakkan untuk mempromosi *homestay* secara atas talian dan juga melalui media sosial di samping mengadakan aktiviti-aktiviti menarik bagi memeriahkan lagi suasana di *homestay* masing-masing. Bagi merancakkan lagi industri *homestay*, khususnya di Seberang Perai Utara, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara mengadakan perbincangan dan lawatan bersama-sama pihak MOTAC Cawangan Negeri Pulau Pinang bagi mengenalpasti serta membantu pengusaha-pengusaha yang berminat bagi menubuhkan atau mengembangkan lagi industri *homestay*.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Apakah sumbangan Kerajaan Negeri dalam membantu penderitaan yang dialami oleh puak Rohingya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang yang menjadi keutamaan dalam pelaksanaan dasar negeri ini. Namun, Kerajaan Negeri juga amat prihatin dengan nasib yang dialami oleh etnik Rohingya yang merupakan isu kemanusiaan yang sama sekali bukan sahaja masalah dalaman Myanmar tetapi memberi kesan jangka panjang terhadap ekonomi, politik dan keselamatan di rantau ini. Dikhuatiri pada masa akan datang akan menimbulkan risiko kebangkitan pemberontakan pelampau sekali gus akan mengancam keamanan dan kestabilan yang merupakan syarat wajib bagi pembangunan dan pertumbuhan rantau ini.

Lantaran itu, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 7 September 2017 telah menzahirkan kecaman terhadap kezaliman dan serangan yang dibiarkan sahaja oleh Kerajaan Myanmar terhadap etnik Rohingya. Beliau menegaskan bahawa ini adalah merupakan isu kemanusiaan dan bukannya isu agama atau kaum. Justeru itu perkara ini perlu dilihat dari segi kemanusiaan sejagat supaya pembunuhan dan pengusiran tersebut harus dihentikan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Berapa banyakkah Sekolah Tahfiz di Pulau Pinang. Adakah sekolah-sekolah ini mempunyai ciri-ciri keselamatan bangunan. Jika tidak, apakah langkah keselamatan yang telah dan akan diambil.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Terdapat 59 buah maahad tahfiz. Kebanyakannya dikenal pasti tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan bangunan dan kelengkapan mencukupi berkaitan sistem keselamatan kebakaran.

Kerajaan Negeri mengambil ketetapan untuk membantu maahad tahfiz, khususnya aspek keselamatan. Namun, tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang sengaja mengabaikan aspek keselamatan maahad tahfiz sehingga boleh mencetuskan tragedi meragut nyawa para pelajar dan guru-guru.

la selaras dengan keputusan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) yang di pengerusikan oleh Perdana Menteri. Kerajaan negeri akan menyokong cadangan pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Terdapat keperluan bagi menambah baik akta tersebut dari aspek pendaftaran dan penguatkuasaan ke atas Institusi pendidikan islam termasuk maahad tahfiz.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sebagai pihak bertanggungjawab sentiasa memberi perhatian terhadap aspek keselamatan bangunan. Oleh itu, bagi memastikan keselamatan sekolah-sekolah agama tahfiz khususnya mengelak dari berlakunya insiden kebakaran, JHEAIPP dari semasa ke semasa melaksanakan langkah-langkah berikut :-

- (i) Mengenal pasti dan mendaftarkan semua sekolah agama Islam termasuk tahfiz.
- (ii) Mewujudkan sistem audit keselamatan di kalangan maahad tahfiz.

- (iii) Mengadakan taklimat keselamatan menghadapi kebakaran atau bencana lain.
- (iv) Menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam melakukan pemantauan secara bersepadu.
- (v) Mewujudkan skuad bomba sukarela di sekolah.
- (vi) Melakukan pemantauan dan pembaikan terhadap sistem pendawaian elektrik dengan mendapat kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Institut Kemahiran Belia Negeri dan Pejabat MARA Negeri.
- (vii) Menjalankan program Panduan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan serta pencegahan dan teknik mengawal kebakaran dengan pihak swasta seperti OSH Services.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk menyediakan aspek keselamatan bangunan dan kelengkapan yang mencukupi berkaitan sistem mencegah kebakaran adalah terletak di bawah pengurusan sekolah itu sendiri. Sekiranya ada keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan bangunan, pihak sekolah boleh kemukakan permohonan pembaikan/naik taraf kepada JHEAIPP.

Manakala di pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat pula, tindakan berikut diambil bagi memberi kesedaran dan sebagai langkah-langkah keselamatan dalam menghadapi dan mencegah berlakunya kebakaran:-

- (i) Mewujudkan Pasukan *Task Force* bagi mengenal pasti keadaan, membuat pemeriksaan dan lawatan tapak ke sekolah-sekolah tersebut. Sehingga 11 Oktober 2017, sebanyak 60 pemeriksaan telah dijalankan.
- (ii) Memberi khidmat nasihat kebombaian seperti mengadakan latihan kebakaran (*fire drill*), ceramah keselamatan kebakaran, demonstrasi memadam kebakaran dan latihan pengungsian bangunan.
- (iii) Mengesyorkan supaya pihak sekolah yang dilawati supaya mewujudkan Skuad Bomba. Skuad Bomba ini dianggotai oleh guru dan pelajar sekolah bertujuan untuk menjadi mata dan telinga dalam membuat tindakan awal sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Skuad ini akan dilatih dengan latihan asas kebombaian dan juga penyelamatan diri. Sehingga kini, sebanyak 20 Skuad Bomba telah berjaya ditubuhkan sejak ia dilancarkan pada bulan Mei 2017 yang lalu.
- (iv) Mengadakan latihan kebakaran secara berkala. Latihan ini berupaya memahirkan pihak sekolah jika berlaku situasi sebenar dan juga sebagai kesiapsiagaan sekiranya berlaku sebarang insiden kecemasan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 21. Terdapat monyet dan babi hutan berkeliaran dan merosakkan tanaman di Padang Chempedak dan kawasan sekitar. Apakah langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 21. Babi hutan dan kera merupakan hidupan liar yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Sejak 2016, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhilitan Negeri dari semasa ke semasa melaksanakan operasi bersepadu bagi membasmi musuh tanaman iaitu kera di kawasan Padang Chempedak. Berikutan peningkatan populasi spesis kera di kawasan tersebut, PERHILITAN bercadang untuk menjalankan operasi bersepadu di kawasan tersebut dalam masa terdekat bagi mengatasi masalah ini.

Bagi penyelesaian jangka panjang, PERHILITAN telah memohon bantuan perangkap komuniti daripada setiap ADUN di Pulau Pinang bagi bersama-sama membantu mengurangkan populasi kera yang mengganggu tanaman penduduk setempat.

Bagi mengatasi masalah babi hutan pula, PERHILITAN telah menjalankan tindakan tembak mati, pemasangan perangkap dan rondaan berkala untuk meminimalkan gangguan hidupan liar tersebut. Lesen untuk memburu babi hutan juga dikeluarkan oleh PERHILITAN kepada orang awam berdasarkan peraturan dan peruntukan undang-undang.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Sila nyatakan secara statistik pusat hiburan atau *cyber cafe* yang ada mesin judi di KADUN Permatang Berangan.
- (a) Berapa banyak yang ditutup?
  - (b) Berapa banyak yang masih beroperasi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Sebanyak dua (2) pusat hiburan dan satu (1) *Cyber Cafe* yang beroperasi secara sah di KADUN Permatang Berangan. Kesemua premis tersebut tidak menjalankan aktiviti perjudian. Ini adalah ekoran daripada tindakan operasi terhadap aktiviti perjudian ke premis Pusat Hiburan Keluarga dan *Cyber Cafe* yang telah dilaksanakan oleh pihak PDRM di kawasan Seberang Perai .

Berdasarkan rekod MPSP sehingga 31 September 2017, jumlah premis hiburan yang telah tutup adalah tujuh (7) premis dan tiada pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen setakat ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Berapa ramai peniaga-peniaga yang disaman / dikompaun kerana berniaga makanan di KADUN Permatang Berangan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk kompaun ke atas 40 peniaga di KADUN Permatang Berangan untuk tempoh dari bulan Januari ke September 2017. Tindakan penguatkuasaan ini diambil kerana melanggar syarat serta peraturan yang telah ditetapkan oleh MPSP, antaranya adalah menjalankan perniagaan tanpa lesen, menghalang lalu lintas, tidak mengambil suntikan imunisasi, tidak ada permit meletak kerusi dan meja, tidak memasang perangkap minyak (*grease trap*) dan mempamerkan papan iklan tanpa lesen.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membuka lagi ruang perniagaan terutama penjual makanan di KADUN Permatang Berangan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Buat masa kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membuka ruang perniagaan terutamanya bagi penjual makanan di KADUN Permatang Berangan. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan kompleks makanan atau pasar awam sekiranya terdapat pembangunan baru di kawasan Permatang Berangan seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Awam (Pasar dan Pusat Penjaja), MPSP.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Apakah langkah Kerajaan Negeri menghalang penambakan tanah-tanah sawah yang aktif untuk projek pembangunan atas tanah lot.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Kerajaan Negeri komited dalam memastikan tidak ada sebarang penambakan tanah sawah yang aktif untuk projek pembangunan. Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, Kerajaan Negeri telahewartakan kawasan jelapang padi sebagai kawasan untuk dikekalkan dan dipelihara. Bagi menghalang penambakan tanah-tanah sawah yang aktif, penguatkuasaan untuk mengawal aktiviti tersebut adalah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Agensi berkaitan.

Antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi menghalang penambahan tanah-tanah sawah yang aktif untuk projek pembangunan atas tanah lot ialah seperti berikut :

- (i) Mengeluarkan Notis Berhenti Kerja di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
- (ii) Mengambil tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 yang memperuntukan apabila disabitkan, denda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan denda boleh meningkat sebanyak RM 500.00 setiap hari kesalahan diteruskan;
- (iii) Tindakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja tambun tanpa kebenaran Majlis di bawah Seksyen 27 atau 28 Akta Perancang Bandar & Desa 1976; dan
- (iv) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri juga tidak akan menyokong sebarang permohonan perlingkungan semula atau permohonan ubah syarat tanah daripada kawasan pertanian (Jelapang Padi) kepada kawasan pembangunan lain.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Berapa banyakkah Kerajaan Negeri memperuntukkan kewangan dan pembangunan luar Bandar di dalam KADUN Permatang Berangan pada tahun 2013 hingga 2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Bagi program dan pembangunan luar bandar di KADUN Permatang Berangan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM6,751,982.70 sejak tahun 2013 hingga 2017. Perincian adalah seperti berikut:

| BIL             | PROGRAM/PROJEK  | PERUNTUKAN          |
|-----------------|---|---------------------|
| 1               | iSejahtera  | 2,264,800.00        |
| 2.              | Agenda Ekonomi Saksama (AES)  | 2,324,670.00        |
| 3.              | Pembangunan Modal Insan   | 76,760.00           |
| 4.              | Pembaikan Rumah Rakyat (Bina Baru dan Baiki)                              | 653,750.00          |
| 5               | Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Naiktaraf gerai dan bantuan peralatan) | 231,616.00          |
| 6               | Penyelenggaraan/Naiktaraf Dewan Orang Ramai                               | 277,199.48          |
| 7               | Jalan Kampung/Longkang/Parit  | 262,898.52          |
| 8               | Marris  | 160,288.70          |
| 9               | Projek kemasyarakatan P16(02)   | 127,000.00          |
| 10.             | Bekalan P16(03)   | 373,000.00          |
| <b>JUMLAH :</b> |   | <b>6,751,982.70</b> |

Bagi pembangunan modal insan, peruntukan sebanyak RM76,760.00 adalah bagi seluruh Daerah Seberang Perai Utara termasuklah KADUN Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Apakah bentuk sumbangan Kerajaan Negeri dalam membantu petani dan pekebun di Tasek Gelugor.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membantu petani dan pekebun di Tasek Gelugor sejak tahun 2013 hingga 2017 yang merangkumi bantuan infrastruktur ladang, input pertanian seperti baja dan racun, jentera dan peralatan kecil ladang, perkhidmatan mekanisasi ladang, latihan, mesin dan peralatan industri asas tani dan menaiktaraf bengkel perusahaan industri asas tani. Kesemua program ini telah melibatkan perbelanjaan sejumlah RM1,074,026.00. Perihal projek adalah seperti berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Projek/Program Pembangunan Pertanian</b> | <b>Peruntukan (RM)<br/>[Tahun 2013 - 2017]</b> |
|-------------|---|--|
| 1.          | Pembangunan Industri Tanaman Padi           | 340,320.00                                     |
| 2.          | Pembangunan Industri Tanaman Sayur-sayuran  | 313,937.00                                     |
| 3.          | Pembangunan Industri Tanaman Buah-buahan    | 75,462.00                                      |
| 4.          | Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan    | 45,000.00                                      |
| 5.          | Pembangunan Tanaman Kelapa                  | 47,635.00                                      |
| 6.          | Pembangunan Lain-lain Ekonomi               | 138,772.00                                     |
| 7.          | Program Khidmat Pengembangan                | 112,900.00                                     |
|             | <b>JUMLAH</b>                               | <b>1074026</b>                                 |

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Berapa banyakkah kompaun yang dikeluarkan oleh MPSP meliputi pelbagai kesalahan. Daripada jumlah itu, berapakah yang telah menjelaskannya. Apakah tindakan bagi mereka yang gagal menjelaskan bayaran kompaun tersebut.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Jumlah kompaun bagi 7 jenis kesalahan yang telah dikeluarkan oleh MPSP dari Januari hingga September 2017 ialah sebanyak 170,587 kompaun. Jumlah kompaun yang dijelaskan ialah 56,784 sahaja. Ini menunjukkan hanya 33% daripada jumlah kompaun yang dikeluarkan telah dijelaskan. Senarai jumlah kompaun yang dikeluarkan dan dijelaskan mengikut kesalahan adalah seperti di **Lampiran A**.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya kompaun gagal dijelaskan adalah seperti berikut:

- (i) membuat sekatan permohonan baru dan pembaharuan lesen perniagaan terhadap individu / syarikat yang tidak menjelaskan bayaran kompaun tertunggak,
- (ii) mengeluarkan notis peringatan kepada Orang Kena Kompaun (OKK) yang masih tidak menjelaskan bayaran kompaun, dan
- (iii) mengambil tindakan pendakwaan di Mahkamah.

**RUJ. LAMPIRAN A BDOAH NO. 28.**

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Berapa banyakkah tanah yang dibuat pengambilan sejak 2013 di DUN Permatang Berangan. Nyatakan lot dan kawasan beserta dengan kos.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Sebanyak dua (2) projek pengambilan dengan keluasan **9.0163 ekar** melibatkan kos pengambilan berjumlah **RM8,866,180.20** telah dilaksanakan bagi DUN Permatang Berangan sejak tahun 2013 meliputi Mukim 8, Mukim 12 dan Mukim 13 SPU seperti perincian berikut:

| TAHUN                     | LOT/MUKIM  | TUJUAN PENGAMBILAN   | KELUASAN (EKAR) | KOS (RM)            |
|---------------------------|--|--|-----------------|---------------------|
| 2013                      | -  | -  | -               | -                   |
| 2014                      | Lot 2850, 3096, 2851, 416, 3543, 435, 436, 2866, 417, 2262, 3544, 14229, 5687, 5688, 3483 Mukim 12, dan lot 3462, 940 dan 3476 Mukim 16, SPU | Pengambilan tanah untuk tujuan Projek Rancangan Tebatan Banjir Tasek Gelugor daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 3(1) (a) Akta Pengambilan Tanah 1960.                                       | 8.7426          | 8,700,000.00        |
| 2015                      | -  | -  | -               | -                   |
| 2016                      | Sebahagian lot 1457 mukim 13, SPU  | Pengambilan tanah untuk tujuan awam iaitu tapak surau, kelas Kafa dan aktiviti keagamaan di Kampung Guar Petai, Tasek Gelugor daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 3(1)(a), Akta Pengambilan Tanah 1960. | 0.2737          | 166,180.20          |
| 2017                      | -  | -  | -               | -                   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  |  | <b>9.0163</b>   | <b>8,866,180.20</b> |

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Apakah status terkini pelaksanaan pelan pengangkutan awam di Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. *Penang Transport Master Plan (PTMP)* atau Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP) merangkumi beberapa projek utama iaitu (i) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)*, (ii) Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan (iii) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong. Berikut merupakan butiran lanjut mengenai pelaksanaan dan kos projek-projek tersebut:

(a) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)*

Pada ketika ini, Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)* masih menunggu dua (2) kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' dan Laporan Skim Rail. Laporan *DEIA* telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Laporan Skim Rail (*Rail Scheme*) pula telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. Kelewatan kelulusan daripada pihak SPAD adalah disebabkan pihak SPAD kini sedang memberikan tumpuan kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara. Adalah difahamkan bahawa kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018.

(b) Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)

Bagi Projek Lebuhraya *Pan Island Link 1 (PIL 1)*, penyediaan laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' kini di peringkat akhir dalam menyelesaikan isu-isu teknikal dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan pada penghujung bulan Disember 2017.

(c) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan laporan *Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*. Laporan DEIA projek ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Maklumat terakhir yang dimohon oleh pihak JAS pada 8 September 2017 telah dikemukakan pada 19 September 2017 dan kini sedang menunggu keputusan penilaian daripada pihak JAS. Projek ini akan bermula secara fizikal sebaik semua kelulusan diperolehi. Pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut pula masih diperingkat Kajian Kebolehlaksanaan dengan status kajian telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Projek ini masih belum bermula secara fizikal dan tertakluk kepada keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian kebolehlaksanaan terowong bawah dasar laut ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat setelah siap nanti.

**VII. Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Berapa projek kelulusan dan telah disiapkan di bawah peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 dan Pulau Pinang sejak Tabung ini ditubuhkan sehingga sekarang di setiap daerah?

(a) Berapa peruntukan telah dibelanjakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% (TPM80) Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Program Penyelenggaraan 80:20 merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) melalui kaedah perkongsian kos kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan. Sejak ditubuhkan pada tahun 2013, Jawatankuasa Penilaian TPM80 Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh EXCO Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan telah meluluskan sebanyak 75 permohonan projek yang berjumlah RM11,478,232.62 di mana pembiayaan sebanyak RM7,854,394.90 ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Ringkasan bilangan projek yang telah dilulus dan disiapkan mengikut daerah adalah seperti di jadual berikut:-

| DAERAH        | BIL. PROJEK LULUS | BIL. PROJEK SIAP |
|---------------|-------------------|------------------|
| DTL           | 54                | 19               |
| DBD           | 2                 | 2                |
| SPU           | 7                 | 4                |
| SPT           | 6                 | 2                |
| SPS           | 6                 | 4                |
| <b>JUMLAH</b> | <b>75</b>         | <b>31</b>        |

- (a) Daripada 75 projek yang diluluskan, 31 projek telah pun siap dan peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM2,591,948.48. Manakala 23 projek lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3,469,501.73 oleh Kerajaan Negeri. Baki 21 projek akan dilaksanakan setelah memperolehi bayaran sumbangan daripada pihak JMB/MC berkenaan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Banyak rumah kedai sekarang telah ditukarguna dijadikan hotel bajet. Adakah kerajaan negeri menyemak semua sama ada kesemua yang tukarguna kegunaan rumah kedai dijadikan hotel dapat kelulusan?

(a) Berapa yang tanpa kelulusan tetapi masih menjalankan perniagaan hotel di setiap daerah?

(b) Apakah tindakan yang diambil oleh MBPP dan MPSP?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Program Pemutihan Hotel sejak 21 Januari 2014 dan dijangka akan tamat pada 31 Oktober 2017. Program ini adalah ekoran daripada rayuan pengusaha-pengusaha hotel tanpa lesen yang ingin mendapatkan lesen tetap untuk beroperasi dengan sah. Dalam tempoh pemutihan tersebut pengusaha-pengusaha dikehendaki mendaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendapatkan permit sementara untuk tahun tersebut. Pada masa yang sama juga pengusaha-pengusaha tanpa lesen ini dikehendaki mengemukakan permohonan bagi tujuan tukarguna bangunan kepada hotel serta mematuhi syarat-syarat teknikal lain termasuk peraturan warisan.

(a) Jumlah pengusaha hotel yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen tetap dan permit sementara adalah sebanyak 59. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Daerah                 | Bilangan  |
|------------------------|-----------|
| Barat Daya             | 4         |
| Timur Laut             | 12        |
| Seberang Perai Utara   | 12        |
| Seberang Perai Tengah  | 22        |
| Seberang Perai Selatan | 9         |
| <b>Jumlah</b>          | <b>59</b> |

(b) Tindakan yang telah diambil Pihak Berkuasa Tempatan ke atas pengusaha tanpa kelulusan adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran, Notis Meruntuh Bangunan, Mengosong Bangunan dan Tukarguna Bangunan,
- (ii) mengeluarkan kompaun dan Notis Menghentikan Perniagaan,
- (iii) mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha yang tidak mengemukakan permohonan kebenaran merancang dengan menurunkan papan iklan premis, dan
- (iv) mengambil tindakan pendakwaan ke mahkamah kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Berapa kes pembinaan tanpa kebenaran yang telah diambil tindakan oleh MBPP dan MPSP di setiap daerah? Sila nyatakan. a) Sila nyatakan bilangan kes yang telah menjelaskan saman, kes yang telah dibawa ke mahkamah dan kes yang telah diroboh oleh pemilik sendiri atau pihak PBT.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Kes pembinaan tanpa kebenaran yang telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan mengeluarkan notis di setiap daerah bagi Januari hingga September 2017 adalah berjumlah 1,006 notis dan perincian mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

Bilangan kes yang telah menjelaskan saman, kes yang telah dibawa ke mahkamah dan kes yang telah diroboh oleh pemilik sendiri atau pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bermula Januari hingga September 2017 adalah seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BSLC NO. 3.**

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Bilakah projek pembinaan semula rumah-rumah Ladang Kalidonia dan pengambilan tanah untuk pemindahan semula penduduk-penduduk di Ladang Byram akan dimulakan oleh kerajaan negeri dan PDC? a) Adakah pelan kebenaran merancang telah disediakan oleh pihak PDC?



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Selaras dengan arahan Pihak Berkuasa Negeri pada 9 Disember 2015 dan berdasarkan maklumat bancian terperinci di atas tapak yang dilakukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Selatan pada 31 Oktober 2016, pentadbiran CMI telah menyediakan draf *Request For Proposal* (RFP) untuk Cadangan Pembangunan Projek Perumahan Mampu Milik Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Di Lot 1534, Mukim 11, Ladang Kaledonia, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri pada 24 Mac 2017 memutuskan supaya pembangunan projek ini diserahkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) setelah mengambilkira kepakaran teknikal yang dimiliki PDC. PDC juga diarahkan untuk mengemukakan permohonan pemberimilikan bagi tanah tersebut. Mesyuarat awalan bersama jabatan-jabatan teknikal telah diadakan pada 5 Oktober 2017 untuk mendapat ulasan awalan dari segi keperluan teknikal. Pembinaan bagi projek perumahan ini dijangka akan dimulakan pada suku tahun pertama 2018. Pemindahan penduduk Ladang Byram akan dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan manakala pembinaan rumah akan dilaksanakan setelah tapak dikosongkan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Terdapat berapa projek *Park and Ride* yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan projek ini dan menambah tempat-tempat *Park and Ride* supaya dapat mengurangkan sedikit sebanyak masalah kesesakan lalu lintas?
- (b) Berapa perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri setiap tahun untuk projek *Park and Ride*?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Pada masa kini, terdapat dua (2) program *Park and Ride* yang sedang diuruskan oleh Kerajaan Negeri iaitu :
- (i) BEST Free Trade Zone (FTZ) bagi pekerja kilang di kawasan Bayan Lepas yang tinggal di Seberang Perai, dan
- (ii) BEST KOMTAR bagi penjawat awam yang berkhidmat di KOMTAR yang tinggal di Seberang Perai.
- (a) Kerajaan Negeri akan meneruskan kedua-dua program ini dalam usaha membudayakan penggunaan pengangkutan awam di samping mengurangkan kadar kesesakan jalan raya yang berlaku pada waktu puncak. Kerajaan Negeri akan terus melihat potensi kepada program *Park and Ride* ini untuk dikembangkan di kawasan yang lain. Salah satu perancangan ialah mewujudkan kawasan *Park and Ride* di dalam kawasan pulau iaitu daripada Balik Pulau ke KOMTAR.
- (b) Kos perbelanjaan yang terlibat sepanjang operasi program *Park and Ride* dari tahun 2011 sehingga tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BSLC NO. 5.**

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Mengapa setiap kali hujan di KADUN Jawi mesti berlakunya kerosakan pam JPS atau pintu air JPS?
- (a) Sila nyatakan terdapat berapa pam dan pintu air di KADUN Jawi dan berapa kos penyelenggaraan dan pembaikan dibelanjakan setiap tahun di setiap pam dan pintu air.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Kerosakan pintu air di KADUN Jawi disebabkan oleh keadaan struktur pintu air yang usang di mana usianya melebihi 20 tahun. Tambahan pula kes kecurian bateri solar kerap berlaku pada pintu air. Sebanyak RM 7 juta dari peruntukan persekutuan telah diluluskan bagi menaiktaraf sistem saluran pertanian Nibong Tebal di mana antara skop yang diluluskan adalah menaiktaraf pintu-pintu air di Nibong Tebal.

- (a) Terdapat 7 buah rumah pam di Kadun Jawi, iaitu Rumah Pam Nibong Tebal, Rumah Pam Che Aminah, Rumah Pam Victoria, Rumah Pam Utama Jawi, Rumah Pam Jawi Jalan Changkat, Rumah Pam Kampung Sanglang A dan Kampung Sanglang B dan 2 buah Pintu Air, iaitu Pintu Air Pulau Burung dan Pintu Air Kampung Baru.

Perincian kos penyelenggaraan sejak tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti di **Lampiran A.**

**RUJ. LAMPIRAN A BSLC NO. 6.**

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Sila nyatakan jumlah nelayan yang ada di setiap daerah dan terdapat berapa nelayan yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) atau Jabatan Perikanan?
- (a) Apakah bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kepada nelayan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Berdasarkan rekod tahun 2016, terdapat 2,860 orang nelayan di Negeri Pulau Pinang yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan bilangan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Daerah                 | Bilangan Nelayan (orang) |
|------------------------|--------------------------|
| Timur Laut             | 642                      |
| Barat Daya             | 792                      |
| Seberang Perai Utara   | 746                      |
| Seberang Perai Tengah  | 261                      |
| Seberang Perai Selatan | 419                      |
| <b>Jumlah</b>          | <b>2,860</b>             |

- (a) Terdapat pelbagai bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kepada nelayan. Bantuan-bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:
- (i) Bantuan Pukat kepada Nelayan Pesisir Pantai
- Mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2013 dan bilangan penerima bagi program ini adalah seperti berikut:

| Bilangan Siri             | Tahun | Jumlah Penerima (orang) |
|---------------------------|-------|-------------------------|
| SIRI 1                    | 2013  | 2,620                   |
| SIRI 2                    | 2014  | 2,740                   |
| SIRI 3                    | 2014  | 2,968                   |
| SIRI 4                    | 2015  | 3,186                   |
| SIRI 5                    | 2015  | 3,121                   |
| SIRI 6                    | 2016  | 1,432                   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |       | <b>16,067</b>           |

(ii) Elaun Sara Hidup

Butir-butir jumlah penerima mengikut tahun adalah seperti berikut :

| <b>Bil</b> | <b>Tahun</b> | <b>Jumlah Penerima (orang/bulanan)</b> |
|------------|--------------|--|
| 1          | 2008         | 3,000                                  |
| 2          | 2009         | 3,921                                  |
| 3          | 2010         | 4,046                                  |
| 4          | 2011         | 4,112                                  |
| 5          | 2012         | 4,054                                  |
| 6          | 2013         | 4,138                                  |
| 7          | 2014         | 3,992                                  |
| 8          | 2015         | 3,739                                  |
| 9          | 2016         | 3,456                                  |

(iii) Skim Subsidi Minyak Diesel dan Petrol

Bagi program ini, jumlah nelayan yang menerima subsidi adalah seperti berikut:

| <b>Bil</b> | <b>Tahun</b> | <b>Jumlah Nelayan (orang)</b> |
|------------|--------------|-------------------------------|
| 1          | 2008         | 1,502                         |
| 2          | 2009         | 2,086                         |
| 3          | 2010         | 2,161                         |
| 4          | 2011         | 2,127                         |
| 5          | 2012         | 2,062                         |
| 6          | 2013         | 2,423                         |
| 7          | 2014         | 2,423                         |
| 8          | 2015         | 2,361                         |
| 9          | 2016         | 2,236                         |

(iv) Bayaran Insentif Pendaratan Ikan

Jumlah bayaran ini adalah seperti berikut :

| <b>Bil</b> | <b>Tahun</b> | <b>Jumlah Bayaran (RM)</b> |
|------------|--------------|----------------------------|
| 1          | 2010         | 550,112.33                 |
| 2          | 2011         | 1,157,434.31               |
| 3          | 2012         | 1,252,313.08               |
| 4          | 2013         | 1,191,811.23               |
| 5          | 2014         | 1,148,674.85               |
| 6          | 2015         | 1,070,881.26               |
| 7          | 2016         | 753,505.48                 |

- (v) Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan  
Bagi skim ini, bilangan penerima adalah :-

| Bil | Tahun | Bilangan Penerima |
|-----|-------|-------------------|
| 1   | 2009  | -                 |
| 2   | 2010  | -                 |
| 3   | 2011  | 60                |
| 4   | 2012  | 84                |
| 5   | 2013  | 80                |
| 6   | 2014  | 38                |
| 7   | 2015  | 33                |
| 8   | 2016  | 61                |

- (vi) Program Tabung Khas Perumahan Nelayan  
Bilangan penerima program ini adalah :-

| Bil | Tahun | Bilangan Penerima |
|-----|-------|-------------------|
| 1   | 2012  | 123               |
| 2   | 2013  | 1,415             |
| 3   | 2014  | 1,470             |
| 4   | 2015  | Tiada Peruntukan  |
| 5   | 2016  |                   |

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Terdapat berapa kenderaan yang usang dan terbiar yang telah disita dan ditunda oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) setiap tahun dari tahun 2013?
- (a) Berapa kenderaan yang ditunda telah dijual atau dilupuskan oleh MBPP dan MPSP setiap tahun?
- (b) Sila nyatakan baki terkini kenderaan yang ditunda balik di MBPP dan MPSP.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Jumlah kenderaan usang dan terbiar di Pulau Pinang yang telah disita dan ditunda dari tahun 2013 sehingga September 2017 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing adalah sebanyak 1,001 dan 232 buah. Pecahan mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1:** Pecahan kenderaan usang dan terbiar milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tahun 2013 -2017

| TAHUN         | JUMLAH      |            |
|---------------|-------------|------------|
|               | MBPP        | MPSP       |
| 2013          | 60          | 53         |
| 2014          | 78          | 47         |
| 2015          | 285         | 54         |
| 2016          | 185         | 57         |
| 2017*         | 393         | 21         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1001</b> | <b>232</b> |

\*sehingga bulan September 2017

- (a) Jumlah kenderaan yang telah dijual atau dilupuskan oleh MPSP sejak 2013 adalah sebanyak 92 buah kenderaan. Manakala bilangan kenderaan yang dilupuskan oleh MBPP pada tahun 2017 adalah sebanyak 211 buah. Kerja-kerja pelupusan kenderaan akan dilakukan serta merta oleh MBPP setiap tahun. Pecahan bilangan kenderaan yang dilupuskan setiap tahun oleh kedua-dua PBT adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Baki terkini kenderaan yang ditunda oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), sehingga bulan September 2017 adalah 160 unit manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 281 unit.

**RUJ. LAMPIRAN A BSLC NO. 8.**

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 9. Pembinaan jambatan keretapi KTM oleh MMC Gamuda di kawasan Seberang Perai telah siap 3 tahun. Terdapat berapa kawasan di mana jalanraya, tiang lampu jalan dan lampu isyarat yang masih belum serah kepada pihak JKR dan MPSP. Sila senaraikan. a) Mengapa masih terdapat kawasan-kawasan yang belum diserahkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 9. Pembinaan 17 unit jambatan keretapi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) oleh MMC Gamuda di kawasan Seberang Perai di bawah projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar telah disiapkan pada bulan November 2014. 16 daripada jumlah keseluruhan 17 unit jambatan keretapi KTMB termasuk jalan raya di sekitarnya telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Hanya satu jambatan yang diserahkan kepada JKR dengan ketetapan syarat dari JKR iaitu Jambatan Keretapi Pinang Tunggal (N4 - *Road Over Bridge 7* – Pinang Tunggal (CH 400-410)) kerana terdapat kecacatan pembinaan yang perlu dipantau dan diperbaiki oleh kontraktor MMC Gamuda dalam tempoh 6 bulan bermula 1 Ogos 2017. Jambatan tersebut akan diserahkan sepenuhnya kepada JKR apabila kecacatan pembinaan siap dibaiki, serta dipersetujui JKR yang dijangkakan pada 1 Februari 2018.

Manakala kesemua tiang lampu jalan dan lampu isyarat yang dipasang semasa pembinaan jambatan keretapi KTM oleh MMC Gamuda di kawasan Seberang Perai telah pun diserahkan kepada kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 10. Apakah status permohonan projek pembinaan LRT di Negeri Pulau Pinang?
  - (a) Berapa lama tempoh kelulusan untuk projek pembinaan LRT di negeri Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 10. Pada ketika ini, Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)* masih menunggu dua (2) kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' dan Laporan Skim Rail. Laporan *DEIA* telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Laporan Skim Rail (*Rail Scheme*) pula telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. Kelewatan kelulusan daripada pihak SPAD adalah disebabkan pihak SPAD kini sedang memberikan tumpuan kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara. Adalah difahamkan bahawa kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018.

Pelaksanaan Projek LRT di negeri Pulau Pinang adalah tertakluk kepada kelulusan Laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' dan Laporan Skim Rail.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 11. Sila nyatakan berapa kes dan tindakan diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), ke atas penjaja yang bagi pekerja asing memasak makanan di setiap daerah mulai tahun 2015 sehingga 2017.

- (a) Apakah tindakan PBT ke atas penjaja (berlesen dan tanpa lesen) yang mengambil pekerja asing memasak makanan terutama penjaja yang tidak berlesen?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Jumlah kes dan tindakan yang diambil oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas penjaja yang menggunakan khidmat pekerja warga asing untuk memasak makanan tempatan di Pulau Pinang di setiap daerah dari tahun 2015 sehingga 2017 adalah sebanyak 278 orang. Pecahan mengikut daerah adalah seperti jadual di bawah :-

| Daerah                    | 2015 | 2016 | 2017 | Jumlah     |
|---------------------------|------|------|------|------------|
| DBD                       | 1    | 7    | 0    | 8          |
| DTL                       | 34   | 40   | 9    | 83         |
| SPU                       | 7    | 4    | 18   | 29         |
| SPT                       | 5    | 68   | 41   | 114        |
| SPS                       | 3    | 16   | 25   | 44         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |      |      |      | <b>278</b> |

- (a) Tindakan yang diambil oleh PBT ke atas penjaja yang mengambil pekerja asing memasak makanan tempatan terutamanya dikalangan penjaja tidak berlesen adalah seperti berikut:-
- (i) Membatalkan lesen penjaja yang mengambil pekerja warga asing bagi memasak makanan tempatan Pulau Pinang.
  - (ii) Membatalkan tawaran penyewaan ruang niaga terhadap peniaga/penjaja warga tempatan.
  - (iii) Mengambil tindakan penguatkuasaan (rampasan barang niaga) terhadap penjaja tanpa lesen.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Adakah projek pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri dan PDC di kawasan Changkat dan Byram di KADUN Jawi SPS akan diteruskan untuk dibangunkan sebagai kawasan indsturi ringan?

- (a) Apakah status sekarang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Kerajaan Negeri telah membuat pengambilan tanah di kawasan Changkat dan Byram bermula pada 2014 bagi tujuan pembangunan industri. Mengikut rekod oleh Pejabat Daerah Tanah Daerah Seberang Perai Selatan, keluasan keseluruhan pengambilan untuk kawasan ini adalah melibatkan tanah seluas 4,191.29 ekar dengan Fasa 1 seluas 1,234.6 ekar dan Fasa 2 seluas 2,956.69 ekar.

Walau bagaimanapun, keluasan sebenar yang telah diambil balik di kawasan ini bagi fasa 1 adalah seluas **797 ekar** telah diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2016. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kini sedang dalam kajian menyediakan pelan induk untuk tujuan industri selaras dengan perkembangan pesat taman perindustrian Batu Kawan (BKIP). Justeru, tiada rundingan atau jualan kepada pemain industri kerana kajian terperinci aliran trafik dan prasarana lain belum dimuktamadkan. Sementara pembangunan dimuktamadkan dan dilaksanakan, tanaman kelapa sawit yang terdapat di atas tanah tersebut telah ditenderkan untuk dikutip hasil kelapa sawit. Ini adalah untuk memberi pulangan jangka pendek kepada PDC dan pada masa yang sama, pengurusan ladang akan terjamin serta mengurangkan isu pencerobohan.

Selaras dengan perancangan pembangunan Koridor Selatan, PDC sedang meneliti potensi pembangunan di Fasa 2 yang mana keluasannya bergantung kepada kajian yang sedang dijalankan sebelum memutuskan untuk meneruskan pengambilan tanah bagi baki pengambilan seterusnya. Namun demikian, kajian masih diperingkat awal dan sekiranya pengambilan balik tanah dibuat, ianya akan dijalankan dalam beberapa peringkat bergantung kepada keupayaan

aliran tunai PDC. Oleh itu, keutamaan kajian pengambilan untuk fasa seterusnya adalah untuk pembangunan infrastruktur jalan raya yang akan menghubungkan Bandar Cassia dan kawasan Changkat / Byram.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina empangan atau kolam takungan air yang besar di kawasan SPS supaya dapat menyimpan air hujan yang turun dari bukit untuk mengelakkan air bukit yang banyak mengalir ke Sungai Jawi dan menyebabkan banjir?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Berdasarkan Pelan Induk Saliran bagi kawasan Seberang Perai Selatan yang dikeluarkan oleh JPS, terdapat cadangan pembinaan dua (2) kolam takungan banjir, iaitu di Sungai Baung dan di Sungai Rambai yang merupakan cabang kepada Sungai Jawi. Cadangan ini masih lagi dalam kajian JPS.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Apakah cadangan JPS untuk mengatasi masalah banjir di mana air bukit yang kuat turun menyebabkan kawasan SPS terutama KADUN Jawi banjir?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Banjir yang berlaku di kawasan Seberang Perai Selatan terutamanya KADUN Jawi adalah disebabkan oleh hujan lebat melebihi taburan biasa dalam masa yang singkat. Selain itu, pencemaran sungai akibat daripada kerja-kerja pengeluaran tanah merah di kawasan hulu menyebabkan sungai menjadi cetek dan tidak dapat menampung kapasiti air sehingga menyebabkan banjir. Keadaan geografi kawasan tersebut juga rendah dan mudah ditenggelami air apabila berlaku hujan lebat.

Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam Daerah Seberang Perai Selatan dan kini berada di peringkat akhir kajian. Beberapa cadangan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah banjir kilat termasuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jawi dan pembinaan kolam takungan banjir dengan anggaran kos sebanyak RM 350 juta akan dilaksanakan. JPS akan memohon peruntukan ini di bawah *Rolling Plan* ke-4, Rancangan Malaysia Ke-11 dan pelaksanaan akan dilaksanakan pada tahun 2019.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membangunkan tapak pelancongan dengan membina jeti kelip-kelip yang baru untuk dijadikan tarikan dan pembangunan pelancongan di kawasan Nibong Tebal KADUN Jawi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Pelancongan telah melawat tapak baharu yang dicadangkan untuk pembinaan jeti kelip-kelip di Nibong Tebal pada September 2017.

Hasil daripada lawatan tersebut, Kerajaan Negeri mendapati bahawa lokasi tersebut mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai tempat tarikan pelancong. Namun demikian, terdapat jeti kelip-kelip sedia ada di Nibong Tebal dan Kerajaan Negeri berpandangan bahawa adalah lebih sesuai sekiranya jeti kelip-kelip sedia ada dinaiktaraf setelah mengambil kira lokasi serta permintaan yang masih belum mencapai tahap yang tinggi.

Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memohon peruntukan dari Kementerian Pelancongan untuk membina sebuah jeti yang baru. Sebaliknya jika permohonan peruntukan hanya diluluskan dengan peruntukan yang kecil, maka Kerajaan Negeri hanya dapat menaik taraf jeti yang sedia ada.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Nyatakan bilangan food truck yang telah diberi lesen oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sehingga kini. a) Adakah Kerajaan

Negeri mempunyai rancangan untuk memperluaskan dan memberi galakan kepada peniaga bergerak untuk menjalankan perniagaan dengan menggunakan *food truck*?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Terdapat 24 buah trak makanan *food truck* yang telah dilesenkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Perincian adalah seperti berikut:

| Pihak Berkuasa Tempatan   | Bilangan Trak Makanan |
|---------------------------|-----------------------|
| MBPP                      | 20                    |
| MPSP                      | 4                     |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>24</b>             |

Antara tindakan yang diambil Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memperluaskan dan memberi galakkan kepada peniaga bergerak untuk menjalankan perniagaan dengan menggunakan trak makanan adalah seperti berikut:-

- (i) MBPP sedang dalam tindakan mengkaji dan perkemaskan garis panduan sediaada bagi tujuan kawalan terhadap aktiviti trak makanan. Aktiviti ini perlu dikawal bagi mengurangkan masalah kekurangan tempat awam, pengurusan lalu lintas serta kebersihan dan keselamatan makanan.
- (ii) MPSP telah mewujudkan Garis Panduan Kaedah Perniagaan Berkonsepkan Trak makanan dan Trak Perkhidmatan.
- (iii) MPSP juga telah memuatnaik garis panduan ke laman sesawang untuk panduan dan rujukan orang awam.
- (iv) MPSP mengadakan sidang media untuk hebahan kepada orang ramai melalui Majlis Penuh MPSP ke-513 (03/2017) pada 30 Mac 2017.
- (v) Mengadakan perbincangan dan sesi taklimat kepada pengusaha-pengusaha trak makanan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Sila nyatakan kompaun yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke atas pemilik lori/kenderaan berat yang meletakkan kenderaan mereka di taman perumahan sejak tahun 2014 hingga kini.
- (a) Berapa kenderaan berat dan lori telah ditunda oleh MBPP dan MPSP?
  - (b) Apakah langkah untuk selesaikan masalah ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan ke atas pemilik lori/kenderaan berat yang meletakkan kenderaan di kawasan taman perumahan sejak awal tahun 2014 sehingga bulan September 2017 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 2190 kompoun manakala oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah sebanyak 314 kompoun. Jumlah kompoun yang dikeluarkan secara terperinci mengikut tahun adalah seperti di jadual berikut:

| TAHUN | 2014 | 2015 | 2016 | 2017* | JUMLAH |
|-------|------|------|------|-------|--------|
| MBPP  | 345  | 597  | 671  | 577   | 2190   |
| MPSP  | 142  | 44   | 118  | 10    | 314    |

\*Sehingga bulan September

Tiada kes penundaan ke atas lori/kenderaan berat yang telah diambil tindakan oleh MBPP sehingga sekarang dan hanya tindakan kompoun dikenakan manakala bagi MPSP, jumlah lori/kenderaan berat yang telah ditunda oleh MPSP sejak tahun 2014 sehingga tahun 2017 (bulan September) berjumlah 65 tundaan. Butiran lori/kenderaan berat yang ditunda mengikut tahun adalah seperti berikut:



| TAHUN | 2014 | 2015 | 2016 | 2017* | JUMLAH |
|-------|------|------|------|-------|--------|
| MPSP  | 9    | 15   | 28   | 13    | 65     |

\*Sehingga bulan September

- (b) Langkah-langkah penyelesaian bagi masalah meletakkan kenderaan di kawasan taman perumahan adalah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan notis kesalahan.
  - (ii) Mengeluarkan kompaun.
  - (iii) Tindakan menunda kenderaan berat.
  - (iv) Melaporkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengambil tindakan sewajarnya di bawah bidang kuasa masing-masing
  - (v) Menjalankan tindakan bersepadu secara berkala terutamanya semasa waktu cuti sekolah serta kelepasan am bersama agensi penguatkuasaan yang lain seperti SPAD, JPJ dan PDRM
  - (vi) Membatalkan permit membawa kenderaan berat bagi kesalahan meletakkan kenderaan berat terutamanya di dalam kawasan perumahan atas faktor keselamatan pengguna
  - (vii) Menyediakan lokasi tempat perletakan kenderaan berat yang mencukupi

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Sila nyatakan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan setiap tahun dari 2013 hingga kini di setiap KADUN di kawasan SPS.

- (a) Adakah kadar premium TOL dinaikkan setiap tahun?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Dari tahun 2013 sehingga 2017, sebanyak **896** kelulusan Lesen Pendudukan Sementara dengan bayaran keseluruhan berjumlah **RM487,615.00** telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan. Perincian maklumat kelulusan tersebut mengikut KADUN adalah seperti berikut:

| TAHUN | KADUN        | BILANGAN KELULUSAN | KADAR PREMIUM (RM) |
|-------|--------------|--------------------|--------------------|
| 2013  | Bukit Tambun | 31                 | 17,475             |
|       | Sg.Bakap     | 15                 | 1,525              |
|       | Jawi         | 15                 | 875                |
|       | Sg.Acheh     | 195                | 56,185             |
| 2014  | Bukit Tambun | 53                 | 22,065             |
|       | Sg.Bakap     | 6                  | 370                |
|       | Jawi         | 27                 | 1,795              |
|       | Sg.Acheh     | 117                | 59,955             |

| TAHUN                     | KADUN        | BILANGAN KELULUSAN | KADAR PREMIUM (RM) |
|---------------------------|--------------|--------------------|--------------------|
| 2015                      | Bukit Tambun | 17                 | 29,340             |
|                           | Sg.Bakap     | 11                 | 3,825              |
|                           | Jawi         | 6                  | 7,213              |
|                           | Sg.Acheh     | 86                 | 63,885             |
| 2016                      | Bukit Tambun | 28                 | 19,300             |
|                           | Sg.Bakap     | 8                  | 2,755              |
|                           | Jawi         | 18                 | 10,235             |
|                           | Sg.Acheh     | 126                | 91,817             |
| 2017                      | Bukit Tambun | 20                 | 25,505             |
|                           | Sg.Bakap     | 14                 | 2,480              |
|                           | Jawi         | 23                 | 23,820             |
|                           | Sg.Acheh     | 80                 | 47,195             |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |              | <b>896</b>         | <b>487,615</b>     |

Lesen Pendudukan Sementara (TOL) hanya dikenakan bayaran tahunan seperti yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang. Kadar ini tidak dinaikkan setiap tahun dan hanya akan berubah sekiranya berlaku pindaan terhadap Kaedah-kaedah tersebut setelah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tarikh terakhir pindaan kadar TOL adalah pada tahun 2015.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Adakah Kerajaan Negeri atau Jabatan JPS akan mempertimbangkan pengeluaran permit kepada pengusaha untuk mengorek pasir di setiap sungai JPS di setiap daerah?
- (a) Setakat ini berapa kelulusan yang telah dikeluarkan kepada pengusaha untuk mengorek pasir di sungai JPS? Sila nyatakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Pengeluaran permit pengorekan pasir oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan garis panduan dan setelah mendapat ulasan dari jabatan / agensi teknikal yang berkaitan termasuk JPS di dalam Jawatankuasa Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Setakat ini, hanya 2 kuari pasir sungai yang telah diluluskan permit 4B bagi tujuan pengeluaran pasir oleh Pihak Berkuasa Negeri, iaitu di Sungai Kechil Daerah Seberang Perai Selatan dan Sungai Junjung di Daerah Seberang Perai Tengah.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membangunkan Kampung Ladang Changkat supaya penduduk-penduduk di kawasan Ladang Changkat dapat kawasan perumahan yang lebih selesa?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melaksanakan projek perumahan di kawasan Ladang Changkat. Meskipun begitu, penduduk daripada kawasan tersebut boleh memanfaatkan keutamaan untuk mendapatkan tawaran daripada projek perumahan mampu milik Kerajaan Negeri yang sedang giat dijalankan di Bandar Cassia pada masa ini.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Adakah KTM mempunyai rancangan untuk menambah tren yang singgah di Stesen Nibong Tebal?
- (a) Berapa tren yang ada singgah di stesen Nibong Tebal setiap hari? Sila nyatakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Setakat ini Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) belum mempunyai perancangan untuk menambah bilangan perkhidmatan tren komuter yang berhenti di Stesen Nibong Tebal kerana jumlah set tren elektrik 3 koc yang terhad serta jumlah penumpang yang rendah dengan purata hanya 134 orang penumpang sehari.

- (a) Pada masa ini KTMB menyediakan 20 perkhidmatan KTM Komuter sehari yang berhenti di Stesen Nibong Tebal.

Walau bagaimanapun, KTMB akan mempertimbangkan penambahan bilangan perkhidmatan tren komuter yang berhenti di Stesen Nibong Tebal di masa hadapan sekiranya corak permintaan penumpang terus menunjukkan peningkatan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Terdapat berapa penternak khinzir yang menjalankan penternakan di Perkampungan Jawi tetapi tidak mematuhi peraturan atau syarat Jabatan Perkhidmatan Veterinar dari segi aspek kebersihan dan sistem penapisan air yang dilupuskan?

- (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar terhadap penternak yang langgar peraturan atau telah mencemari air dan udara?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati 9 daripada 12 ladang penternakan khinzir di Perkampungan Jawi tidak mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam aspek kebersihan dan sistem penapisan air yang dilupuskan. Susulan itu, antara tindakan yang telah diambil terhadap penternak bagi pelanggaran peraturan ini ialah mengeluarkan kompaun dan notis, membatalkan lesen dan mengambil tindakan mahkamah.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga sedang mengambil beberapa tindakan berhubung perkara ini dengan mengeluarkan surat kepada penternak khinzir supaya bertukar ke *Modern Pig Farming* (MPF) dalam tempoh masa sehingga 31 Disember 2019.

Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Perlesenan Babi 2017 juga masih dalam proses pembetulan dan semakan oleh Pegawai Undang-undang Negeri bagi memperincikan syarat dan peraturan penternakan babi serta akan dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2018. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan akan hanya bermula pada 1 Januari 2020 bagi memberikan tempoh masa dua (2) tahun kepada penternak untuk menaik taraf ladang sedia ada kepada MPF yang mempunyai 4 kriteria utama iaitu *closed house*, zon penampungan 200 meter, *zero discharge* dan *Good Animal Husbandary Practise* (GAHP).

Kerajaan turut mengadakan program bersama penternak bagi menerangkan kriteria dan perkara berkaitan enakmen ini. Pada masa yang sama, Kerajaan memberikan bantuan dan khidmat nasihat dalam pembuatan *Effective Microorganism* (EM) dan *Useful Microbes Activation Solution* (UMAS) bagi kawalan bau di ladang ternakan babi di Pulau Pinang.

Buat masa ini, tindakan penguatkuasaan masih lagi berada di bawah Pihak Berkuasa Tempatan sehingga penguatkuasaan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bermula 1 Januari 2020.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Mengapa setiap kali semasa air hujan turun lebat di KADUN Jawi, pekerja JPS yang menjaga pintu air atau pam tidak berada di kawasan masing-masing?

- (a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh JPS untuk memastikan pam atau pintu air sentiasa berfungsi dan dijaga oleh pekerja apabila hujan lebat di KADUN Jawi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Pekerja Rendah Am (PRA) yang dilantik akan sentiasa berada di kawasan operasi masing-masing seperti yang dipertanggungjawabkan mengikut jadual kerja hakiki. Pemantauan dan penyeliaan kerja PRA berkenaan sentiasa dibuat oleh penyelia dan juga Penolong Jurutera kawasan Nibong Tebal. JPS akan sentiasa meningkatkan keberkesanan operasi pam atau pintu air selari dengan kemampuan staf sedia ada.
- (a) JPS melalui dua pendekatan iaitu tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Pendekatan jangka masa pendek yang diambil oleh JPS bagi memastikan pam / pintu air sentiasa berfungsi adalah dengan melantik kontraktor bagi membekal tenaga pekerja untuk membantu operasi pintu air atau pam. JPS juga telah mengambil tindakan proaktif dan efisien melalui penggunaan aplikasi “WhatsApp” bagi setiap pelaporan buka dan tutup bagi pintu pasang surut (TCG) dan operasi pam oleh pekerja yang bertugas. Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah mengeluarkan Penetapan Jadual Pasang Surut Air Laut untuk membantu keberkesanan dan kecekapan operasi bagi penjaga pintu air pasang surut.

Bagi jangka masa panjang pula, pendekatan yang diambil oleh JPS adalah melalui pengeluaran “Standard Operation Manual” oleh Bahagian Mekanikal dan Elektrikal JPS Negeri Pulau Pinang bagi operasi Pintu TCG dan Pam sebagai langkah meningkatkan capaian operasi yang lebih cekap dan berkesan dan dalam masa yang sama mengelakkan masalah luar jangka. Selain itu, JPS juga akan memohon pekerja kontrak dari Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kekurangan staf bagi menjaga pintu air atau pam.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Berapa peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Pejabat Daerah di setiap daerah dari tahun 2013 hingga 2017? a) Berapa peruntukan yang boleh dibelanjakan oleh Pejabat Daerah atas permohonan dengan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang untuk membaiki jalan kampung, penyelenggaraan dewan, penyelenggaraan kemudahan asas, membuat parit kampung dan lain-lain untuk pembangunan desa?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi pembangunan kawasan luar bandar di bawah Maksud Pembangunan P.16 Butiran 04 di bawah kawalan Jabatan Kewangan Negeri yang diagihkan kepada daerah mengikut keperluan. Peruntukan P.16 Butiran 04 digunakan untuk projek-projek pembaikan dan naik taraf dewan orang ramai, pembinaan jalan kampung, dan pembinaan atau pembaikan parit, penyelenggaraan kemudahan asas dan lain-lain pembangunan desa. Maklumat peruntukan yang telah dibelanjakan mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran 'A'**.

**RUJ. LAMPIRAN A BSLC NO. 24.**

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Berapa jumlah tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan oleh pemilik tanah? Perincian tunggakan tersebut mengikut daerah.
- (a) Terdapat berapa kes yang tindakan diambil oleh Pentadbir Tanah untuk mengeluarkan perintah bahawa tanah itu terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui notis Perkembalian Tanah kepada Kerajaan sejak tahun 2008 hingga 2017?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Jumlah tunggakan cukai tanah terkini sehingga 10 Oktober 2017 adalah berjumlah **RM62,609,311.94** yang melibatkan **31,595 lot**. Perincian mengikut daerah adalah seperti berikut:-

| BIL           | DAERAH | BILANGAN LOT  | JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) |
|---------------|--------|---------------|-----------------------------------|
| 1             | PDTSPU | 8,900         | 11,545,253.60                     |
| 2             | PDTSP  | 9,441         | 17,535,032.21                     |
| 3             | PDTSPS | 8,193         | 6,878,969.11                      |
| 4             | PDTDBD | 2,446         | 1,583,735.45                      |
| 5             | PDTDTL | 2,615         | 25,066,321.57                     |
| <b>JUMLAH</b> |        | <b>31,595</b> | <b>62,609,311.94</b>              |

- (a) Terdapat 203 kes pelucutan hak tanah melalui Notis Perembalikan Tanah Kepada Kerajaan (Borang 8A) sejak tahun 2008 hingga 2017 di Pulau Pinang seperti perincian berikut:-

| Tahun         | PTG      | SPS       | SPU       | SPT       | DBD       | DTL       | Jumlah     |
|---------------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| 2008          | 0        | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 2009          | 0        | 0         | 0         | 0         | 0         | 2         | 2          |
| 2010          | 0        | 0         | 0         | 0         | 1         | 3         | 4          |
| 2011          | 0        | 0         | 0         | 4         | 5         | 4         | 13         |
| 2012          | 0        | 0         | 0         | 2         | 0         | 0         | 2          |
| 2013          | 0        | 3         | 4         | 9         | 0         | 5         | 21         |
| 2014          | 0        | 0         | 4         | 10        | 4         | 6         | 24         |
| 2015          | 0        | 11        | 5         | 17        | 0         | 19        | 52         |
| 2016          | 0        | 14        | 12        | 0         | 0         | 8         | 34         |
| 2017          | 0        | 1         | 1         | 0         | 0         | 49        | 51         |
| <b>Jumlah</b> | <b>0</b> | <b>29</b> | <b>26</b> | <b>42</b> | <b>10</b> | <b>96</b> | <b>203</b> |

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Di setiap daerah terdapat berapa tapak dewan orang ramai dan kawasan lapang yang masih belum diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) setelah projek pembangunan siap dibina?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Jumlah tapak dewan orang ramai yang masih belum diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak dua (2) tapak berbanding lapan (8) tapak di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Berikut adalah tapak dewan orang ramai yang masih belum diserahkan oleh pemaju kepada MBPP dan MPSP mengikut daerah di Pulau Pinang:

| NO. | DAERAH | BILANGAN |
|-----|--------|----------|
| 1   | DTL    | 0        |
| 2   | DBD    | 2        |
| 3   | SPU    | 4        |
| 4   | SPT    | 4        |
| 5   | SPS    | 0        |

Jumlah kawasan lapang yang masih belum diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah 25 kawasan dan tiada kawasan lapang yang tidak diserahkan di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Berikut adalah kawasan lapang yang masih belum diserahkan oleh pemaju kepada MPSP mengikut daerah :

| NO. | DAERAH | BILANGAN |
|-----|--------|----------|
| 1   | SPU    | 7        |
| 2   | SPT    | 8        |
| 3   | SPS    | 10       |

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Mengapa kuarters JKR di Jalan Bukit Panchor Nibong Tebal yang telah dibina lebih 10 tahun dibiarkan kosong dan bersemak-samun? a) Apakah rancangan pihak JKR untuk mengendalikan rumah kuarters ini? b) Adakah JKR mempunyai rancangan untuk pindahkan pejabat kejuruteraan yang ada di Kampung Sethu yang selalu banjir?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Selatan (JKR SPS) memaklumkan bahawa kuarters JKR Bukit Panchor tidak berpenghuni disebabkan tiada permintaan daripada staf JKR SPS dan kakitangan jabatan lain di SPS untuk menduduki kuarters-kuarters tersebut.
- (a) JKR SPS telah mengambil tindakan sewajarnya membersihkan kawasan kuarters tersebut dan telah menetapkan program rutin pembersihan untuk setiap bulan bagi memastikan kawasan kuarters terjaga.
- (b) Sebahagian daripada kawasan kuarters ini akan diubahsuai untuk dijadikan pejabat Operasi JKR SPS bagi memastikan penggunaan fasiliti yang sedia ada digunakan secara optimum. Ini termasuk memindahkan pejabat kejuruteraan di Kampung Sethu ke kawasan kuarters JKR di Jalan Bukit Panchor Nibong Tebal. Walau bagaimanapun cadangan ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan serta cadangan Kerajaan Negeri untuk membina sebuah gelanggang badminton bertaraf antarabangsa di atas tapak tersebut. Cadangan ini masih diperingkat cadangan rekabentuk oleh pihak perunding akitek.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk memperluaskan atau memperbesarkan Hospital Sungai Bakap? a) Terdapat berapa kakitangan, jururawat dan doktor yang bertugas di unit kecemasan Hospital Sungai Bakap pada waktu pagi, petang, malam dan tengah malam?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Buat masa ini, belum ada cadangan bagi memperluas atau memperbesarkan lagi Hospital Sungai Bakap. Namun begitu, Kerajaan Negeri peka dan komited dalam memastikan kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan perkhidmatan rawatan dan kepakaran yang baik dan mencukupi kepada masyarakat setempat.

Untuk makluman, Hospital Sungai Bakap adalah salah satu dari 6 hospital kerajaan di Pulau Pinang dan merupakan hospital daerah tanpa pakar yang terletak di daerah Seberang Perai Selatan dengan kapasiti 105 buah katil pesakit. Hospital ini terletak berhampiran dengan hospital yang menyediakan perkhidmatan kepakaran iaitu lebih kurang 30km dari Hospital Seberang Jaya dan 20km dari Hospital Bukit Mertajam. Walau bagaimanapun, hospital ini menyediakan perkhidmatan rawatan asas dan turut menyediakan perkhidmatan kepakaran melalui lawatan-lawatan pakar mengikut jadual.

Selain daripada itu, konsep Hospital Kluster Seberang Perai yang melibatkan Hospital Sungai Bakap, Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan juga Hospital Kepala Batas yang telah dilancarkan mulai Disember 2016 sebagai satu entiti.

Melalui konsep ini semua sumber sediaada seperti perkhidmatan kepakaran, peralatan, sumber manusia serta kemahiran akan dapat digemblengkan untuk semua hospital yang terdapat dalam kluster ini. Berikutan pelancaran konsep kluster ini, penyediaan perkhidmatan khususnya kepakaran perubatan dan perubatan kecemasan telah dapat dipertingkatkan di Hospital Sungai Bakap.

Selain itu juga, kadar penggunaan katil (BOR) Hospital Sungai Bakap 2016 adalah 51.15% dan BOR untuk Januari hingga Jun 2017 adalah 50%. Oleh yang demikian, Hospital ini masih mampu menempatkan lebih ramai pesakit pada satu-satu masa.

Kebiasaannya, Jabatan Kecemasan Hospital Sungai Bakap akan menempatkan sejumlah 16 orang kakitangan bertugas pada shif pagi, 16 orang pada shif petang, 11 orang pada shif malam dan 8 orang di waktu pejabat. Perincian bilangan staf yang bertugas adalah seperti di jadual berikut:

| <b>Bilangan Staf Hospital Sungai Bakap Di Jabatan Kecemasan Hospital Sungai Bakap</b> |                           |                             |   |                                    |
|---|---------------------------|-----------------------------|---|------------------------------------|
|   | <b>Pagi<br/>(7am-2pm)</b> | <b>Petang<br/>(2pm-9pm)</b> | <b>Malam/Tengah malam<br/>(9pm-7am)</b> | <b>Waktu pejabat<br/>(8am-5pm)</b> |
| Pegawai Perubatan   | 2                         | 2                           | 2                                       | 1                                  |
| Penolong Pegawai Perubatan  | 4                         | 4                           | 3                                       | 5                                  |
| Pembantu Perawatan Kesihatan  | 4                         | 4                           | 3                                       | 2                                  |
| Jururawat Terlatih  | 1                         | 1                           | 0                                       |                                    |
| Pemandu Ambulan   | 4                         | 4                           | 3                                       |                                    |
| Pembantu Tadbir   | 1                         | 1                           | 0                                       |                                    |
| <b>Jumlah</b>   | <b>16</b>                 | <b>16</b>                   | <b>11</b>                               | <b>8</b>                           |

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Berapa pusat hiburan berunsur judi yang telah diambil tindakan oleh MBPP dan MPSP di setiap daerah bagi tahun 2016 dan 2017?
- (a) Berapa kes tersebut yang didakwa ke mahkamah?
- (b) Berapa kekerapan penguatkuasaan dijalankan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Butiran mengenai jumlah pusat hiburan berunsur perjudian di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang telah diambil tindakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut daerah bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut :

| <b>Tahun / Daerah</b> | <b>SPU</b> | <b>SPT</b> | <b>SPS</b> | <b>DTL</b> | <b>DBD</b> | <b>Jumlah</b> |
|-----------------------|------------|------------|------------|------------|------------|---------------|
| 2016                  | 14         | 83         | 28         | 6          | 12         | 143           |
| *2017                 | 48         | 74         | 25         | 31         | 12         | 190           |
| <b>Jumlah</b>         | <b>62</b>  | <b>157</b> | <b>53</b>  | <b>37</b>  | <b>24</b>  | <b>333</b>    |

\* sehingga September 2017

- (a) Daripada jumlah di atas, sebanyak 87 kes telah dibawa ke mahkamah pada tahun 2016 dan sebanyak 146 kes pada tahun 2017.
- (b) Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak PDRM bagi tahun 2017 adalah melalui operasi Dadu Khas (mesin perjudian). Kekerapan penguatkuasaan melalui pemeriksaan dan serbuan dibuat setiap hari bagi membendung aktiviti perjudian di premis pusat hiburan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Apakah rancangan pihak JKR untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di laluan ke pekan Nibong Tebal? a) Apakah tindakan JKR untuk selesaikan isu jalan yang dilebarkan untuk tujuan penambahbaikan lalulintas disalahgunakan sebagai tempat letak kereta haram oleh orang ramai? b) Bilakah Terminal Bas akan dibina di pekan Nibong Tebal?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Pihak jabatan Kerja Raya (JKR) telah membuat pelebaran laluan di kawasan pekan Nibong Tebal pada awal tahun ini sebagai langkah mengurangkan kesesakan lalulintas di laluan berkenaan.
- (a) Sebagai langkah untuk mengelakkan pengguna daripada meletak kenderaan di kawasan laluan yang telah dilebarkan, pihak JKR kini dalam tindakan memasang papan tanda larangan meletak kenderaan dan mengecat garisan kuning di laluan tersebut.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dan maklum bahawa terminal bas sedia ada di kawasan pekan Nibong Tebal merupakan terminal bas yang tidak bersepadu dan tidak teratur. Kerajaan Negeri bersama pihak *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) mempunyai perancangan untuk membina sebuah hub pengangkutan awam berdekatan Stesen Keretapi Nibong Tebal.

Walau bagaimanapun, rancangan ini tertangguh disebabkan tanah yang dicadangkan untuk dijadikan terminal hub pengangkutan awam tersebut adalah milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC). Pihak Kerajaan Negeri dalam peringkat perbincangan bersama pihak NCIA untuk mendapatkan persetujuan RAC ke atas penggunaan tanah milik mereka sebagai terminal hub pengangkutan awam.

**VIII. Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. MBPP pernah mencadang untuk membina satu Fly Over untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik dari Gat Jalan Prangin ke Lebuhraya Tun Lim Chong Eu. Sila nyatakan status bagi cadangan tersebut dan bilakah projek ini akan dimulakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Projek menambahbaik aliran lalulintas di kawasan KOMTAR dan sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari Gat Lebuh Cecil Ke Gat Lebuh Prangin, Pengkalan Weld telah dirancang pada tahun 2015 untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan KOMTAR.

Projek ini melibatkan komponen-komponen seperti berikut:-

- (i) membina tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;
- (ii) membina pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Lebuh Macallum dan Gat Jalan Magazine; dan
- (iii) membina pusingan 'U' pada paras jalan di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Jalan Sungai Pinang / Lebuh Sungai Pinang.

Memandangkan struktur-struktur yang dicadangkan untuk dibina bagi projek ini terletak berdekatan dengan tapak warisan George Town, maka Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mensyaratkan Laporan Penilaian Impak Warisan – *Heritage Impact Assessment* (HIA) disediakan terlebih dahulu.

MBPP telah menyiapkan laporan HIA bagi projek ini. Laporan ini akan dikemukakan kepada JWN sebaik saja laporan HIA bagi projek LRT George Town - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang diluluskan oleh JWN. Ini adalah untuk memberi keutamaan kepada proses kelulusan projek LRT George Town - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang terlebih dahulu.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Projek Menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell telah lama diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan cadangan projek ini juga telah dipamerkan kepada *stakeholders* dan orang awam, namun projek ini masih belum ditender sehingga hari. Apakah sebab-sebab kelewatan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Projek Menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell mengalami kelewatan disebabkan perkara-perkara seperti berikut:
- (i) Pihak MBPP memerlukan rekabentuk bangunan yang bersesuaian dengan kegunaan dan mematuhi '*universal design*' yang bercirikan bangunan hijau dan mematuhi kehendak warisan.
  - (ii) Reka bentuk cadangan telah dimuktamadkan pada awal Mei 2017 setelah mengambil kira pandangan beberapa pihak. Lukisan tender telah disiapkan oleh perunding pada bulan Ogos 2017 untuk semakan MBPP namun pihak Think City Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan kepada MBPP untuk menyemak semula dan memberi reka bentuk alternatif bagi cadangan bangunan tambahan di tepi/belakang pasar tersebut. Pihak MBPP memerlukan tempoh sehingga hujung November 2017 untuk



mengemukakan cadangan alternatif tersebut dan perkara ini telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Kawasan Komtar telah dilanda banjir kilat pada 15 September 2017, kawasan-kawasan ini termasuk Jalan Kuantan, Jalan Kg Jawa Baru, Jalan Kg Jawa Lama, Jalan Perlis, Jalan Anson, Lebu Nanning, Lorong Baru, Lorong Kinta, Lebu Cintra dan Lorong Carnavon. Mohon MBPP memberi penyelesaian terhadap masalah ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Jalan Kuantan, Kampung Jawa Baru, Kampung Jawa Lama dan Jalan Perlis yang mengalami banjir kilat baru-baru ini terletak di dalam kawasan tadahan Lembangan Sungai Pinang. Masalah banjir kilat ini boleh ditangani melalui pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang oleh JPS yang merangkumi skop seperti berikut;
  - (i) Pelebaran dan mendalam Sungai Pinang serta 6 cabang sungai;
  - (ii) Meninggikan tebing Sungai Pinang;
  - (iii) Pembinaan kolam takungan di Sungai Air Itam;
  - (iv) Menaik taraf 3 jambatan yang dikenalpasti rendah dan menghalang laluan air;
  - (v) Membina *river mouth barrage*;
  - (vi) Membina rumah pam;
  - (vii) Menaik taraf sistem saliran sediaada; dan
  - (viii) Memasang sistem SCADA info banjir.

Untuk penyelesaian jangka pendek, pihak pemaju yang terlibat dengan pembangunan rumah mampu milik di Jalan S.P Chelliah sedang menjalankan komponen - komponen kerja berikut untuk mengurangkan impak banjir di kawasan-kawasan ini:-

- (i) Membina parit utama selebar 3 m dari lorong belakang Jalan Kuantan hingga Sungai Pinang;
- (ii) Memasang 2 unit "*flap gate*"; dan
- (iii) Meninggikan dan menaik taraf lorong belakang Jalan Kuantan yang bersebelahan dengan lot pembangunan pemaju.

Jalan Anson, Lebu Nanning, Lorong Baru dan Lorong Kinta pula terletak di dalam kawasan tadahan S18 yang bergantung kepada Sistem Pam di Kolam Takungan S18 untuk mengalirkan air hujan dengan cepat ke laut. MBPP sedang menjalankan projek naik taraf parit di Lebu Macallum dan Jalan Magazine bagi meningkat kadar alir dan isipadu parit tepi jalan di dua lokasi ini. Projek Naiktaraf Parit di Jalan Magazine sedang dijalankan dan akan siap sepenuhnya pada 16 Oktober 2017. Manakala tender bagi Projek Naiktaraf Parit di Lebu Macallum pula dijangka akan siap pada 28 Januari 2018. Selain itu, aras Jalan Logan juga akan ditinggikan supaya dapat mengurangkan impak banjir kilat di jalan tersebut. Manakala sistem perparitan di Lebu McNair juga akan dinaiktaraf dan projek tersebut akan dijalankan pada tahun 2018.

MBPP juga akan menggiatkan usaha membersihkan parit monsun di sepanjang Jalan Macalister, Jalan Gurdwara dan parit bawah tanah dari Menara Perdana ke Kolam takungan S18 di Lintang Macallum untuk mempercepatkan saliran air hujan ke laut.

Lebu Cintra dan Lorong Carnarvon yang terletak di kawasan tadahan S10 sangat bergantung kepada Sistem Pam di Kolam Takungan S10 untuk mengalirkan air hujan dengan cepat ke laut. Pada masa ini, MBPP sedang menjalankan kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran S10 di depan Prangin Mall melibatkan kos sebanyak RM9,738,611.14 dan dijangka siap pada 1 Feb 2019.

Selain daripada itu, MBPP akan mempercepatkan kerja-kerja untuk pembersihan parit monsun di sepanjang Jalan Dr Lim Chwee Leong, Lebu Carnarvon dan Jalan Pintal Tali untuk mempercepatkan lagi saliran air hujan ke laut.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Pulau Pinang mempunyai banyak pasar-pasar yang bersejarah, ada juga pasar yang telah dibangun semula untuk kegunaan lain. Adakah pihak berkuasa tempatan berhasrat untuk mendirikan ‘Muzium Pasar’ untuk merekodkan sejarah pembangunan pasar di Negeri Pulau Pinang agar ianya juga boleh dijadikan satu tarikan perlancongan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Sehingga kini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masih belum mempunyai perancangan untuk mendirikan ‘Muzium Pasar’ di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, MBPP mengambil maklum cadangan untuk mendirikan Muzium Pasar dan akan menjalankan kajian lebih lanjut bagi meneliti cadangan ini manakala MPSP tidak berhasrat untuk mendirikan Muzium Pasar memandangkan pasar-pasar sedia ada masih lagi aktif digunakan sebagai pasar dan tidak dibangunkan semula untuk kegunaan aktiviti-aktiviti lain. Berdasarkan rekod MBPP, antara pasar-pasar yang disenaraikan sebagai bangunan warisan atau mempunyai nilai sejarah ialah Pasar Lebu Campbell, Pasar Chowrasta, Pasar Jalan Kuantan dan Pasar Jalan Rajawali Bayan Lepas. Kerja-kerja menaiktaraf untuk mempromosikan dan mengembalikan kegemilangan pasar-pasar tersebut adalah dalam perancangan MBPP.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Terdapat sebaris rumah usang dalam Tapak Komtar Fasa 5 yang berada dalam keadaan yang amat bahaya, sila beri maklumbalas tentang rancangan untuk membaikpulih rumah tersebut, bilakah kerja ini akan dimulakan dan dijangka siap?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sememangnya merancang untuk membaik pulih rumah usang yang berada dalam tapak KOMTAR Fasa 5. PDC kini dalam proses melantik juruperunding baharu bagi menyediakan kaedah pembaikan yang bersesuaian bagi rumah-rumah kedai berkenaan. Butiran perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja membaikpulih hanya akan diketahui selepas cadangan dikemukakan oleh juruperunding yang dilantik kelak.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Jalan-jalan di dalam Tapak Warisan Dunia agak sempit, semasa berlakunya kecemasan atau kebakaran, kereta bomba yang jenis bertangga saiz besar susah berfungsi. Adakah pihak bomba akan menyediakan jenis kereta bomba yang bertangga saiz kecil supaya kerja penyelamat dapat dijalankan dengan lebih cekap?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Jabatan Perkhidmatan Bomba kini sedang dalam perancangan dan kajian untuk membuat perolehan jentera-jentera bomba jenis bertangga yang bersaiz sederhana atau kecil berbanding jentera-jentera bertangga sedia ada. Namun begitu, cadangan perolehan jentera-jentera bertangga yang bersaiz sederhana dan kecil ini adalah bergantung kepada peruntukan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan. Tindakan semasa Jabatan bagi menangani insiden kebakaran dan kecemasan di kawasan sekitar Tapak Warisan Dunia, George Town adalah dengan menggunakan Unit RIM (Rapid Intervention Motorcycle) yang berpusat di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Perak dan Perai sebagai alternatif untuk respon segera sampai ke tempat kejadian dan membuat tindakan awal pemadaman dan penyelamatan. Jentera bomba yang sedia ada masih lagi boleh memasuki kawasan-kawasan di sekitara Tapak Warisan Dunia, George Town walaupun menghadapi sedikit kesukaran berikutan jalan yang agak sempit.

Selain itu, Jabatan juga turut dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang mana jentera-jentera pasukan ini adalah bersaiz lebih kecil berbanding dengan jentera Jabatan. Terdapat 35 buah pasukan PBS dengan 24 buah di kawasan Seberang Perai manakala 11 buah di kawasan Pulau.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Daerah Timur Laut adalah terhad, terutamanya dalam Parlimen Tanjong. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menyediakan lebih banyak tapak RIBI di Daerah Timur Laut? Dan adakah MBPP akan melonggarkan syarat-syarat rumah kedai ditukarguna kepada RIBI?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. (a) Dalam Kajian Korelasi RIBI yang telah dijalankan pada tahun 2012, terdapat 146 tapak RIBI di Daerah Timur Laut seperti pecahan berikut:-

| Bil.                           | Kategori RIBI | Jumlah     |
|--------------------------------|---------------|------------|
| 1                              | Tokong Cina   | 74         |
| 2                              | Kuih Hindu    | 11         |
| 3                              | Gereja        | 14         |
| 4                              | Gurdwara      | 1          |
| 5                              | 'Shrine' Cina | 46         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN RIBI</b> |               | <b>146</b> |

Kerajaan Negeri telah mensyaratkan penyediaan tapak RIBI bagi setiap Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) tertakluk kepada Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat di kawasan pemajuan perumahan baru memperuntukkan sebanyak 0.1 meter persegi bagi setiap orang dalam cadangan pemajuan tersebut. Berhubung perkara ini, terdapat sembilan (9) PKM yang telah memperuntukkan tapak RIBI dalam Daerah Timur Laut seperti perincian di **Lampiran A**.

- (b) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya membenarkan permohonan pertukaran bangunan daripada kedai kepada RIBI tetapi tertakluk kepada pematuhan polisi sedia ada MBPP dan syarat-syarat jabatan teknikal berkaitan.

**RUJ. LAMPIRAN A BTLH NO. 7.**

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Sila berikan statistik permohonan rumah RMM jenis A, B,C,D dan E bagi kawasan DTL dan DBD mengikut umur 21-30, 31-40, 41-50, 51-60 dan 60 ke atas dan status perkahwinan. Adakah kerajaan Negeri akan mengkaji supaya memberi keutamaan kelulusan kepada pemohon kategori umur 21-30 yang berkahwin dan mempunyai anak ?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Sehingga 30 September 2017, terdapat seramai 85,483 permohonan bagi kesemua daerah di Pulau Pinang. Daripada jumlah ini, sebanyak **54,453** permohonan adalah bagi mendapatkan Rumah Mampu Milik (RMM) di Daerah Timur Laut dan Barat Daya terdiri daripada 19,397 pemohon yang telah berkahwin dan 35,056 pemohon bujang. Pecahan mengikut julat umur permohonan RMM A, B dan C mengikut status perkahwinan adalah seperti di **Lampiran A**.

Daripada jumlah keseluruhan di atas, pemohon daripada kategori berkahwin dan berada dalam julat umur 21 hingga 30 tahun adalah seramai 2,346 orang atau bersamaan dengan **4.3%**. Kerajaan Negeri buat masa ini tidak bercadang untuk melaksanakan sebarang kajian bagi memberi keutamaan kepada kepada kategori tersebut. Pada dasarnya, pemilihan senarai nama untuk tujuan tawaran membeli Rumah Mampu Milik A dan Mampu Milik B di Negeri Pulau Pinang oleh Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) adalah berpandukan kepada kawasan geografi (tempat tinggal) dan kekananan pemohon dalam senarai menunggu. Selain itu, SPEC pada masa ini hanya mempertimbangkan permohonan keutamaan dari kalangan ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), penjawat awam dan setingan daripada tapak projek RMM yang akan dimajukan.

**RUJ. LAMPIRAN A BTLH NO. 8.**

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Untuk mempergiatkan lagi fungsi Briged Wanita, bolehkah kerajaan negeri memberi elaun bulanan kepada Ketua Penyelaras Briged Wanita seperti elaun yang diberi kepada Pengerusi JKKK?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Briged Wanita Pulau Pinang merupakan sebuah badan sukarela di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjaga kebajikan wanita di seluruh Pulau Pinang. Briged Wanita diletakkan di bawah struktur pentadbiran Biro Pembangunan Wanita dalam setiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan dipantau oleh Jawatankuasa Pemandu Briged Wanita Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh EXCO MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti.

Ahli Briged Wanita bukan sahaja membantu menjayakan projek-projek yang dikelolakan oleh ADUN kawasan, Penyelaras Kadun, PDRM dan Agensi Kerajaan, malah mereka turut membantu NGO-NGO yang menjalankan program-program kemasyarakatan di kawasan terlibat. Setakat ini, sumbangan ahli Briged Wanita adalah signifikan dan semangat kesukarelawan serta kepimpinan Briged Wanita tidak dapat dinafikan dalam membantu Kerajaan Negeri menjayakan semua program kebajikan rakyat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat menghargai sumbangan Briged Wanita. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk memberikan elaun kepada Briged Wanita. Walau bagaimanapun, cadangan untuk memberi elaun bulanan kepada Ketua Penyelaras Briged Wanita akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Cukai Pelancongan sudah dilaksanakan mulai 1 September 2017. Sila nyatakan jumlah kutipan yang diperoleh dari hotel-hotel di Negeri Pulau Pinang mengikut taraf bintang dan jumlah yang akan disalur balik ke akaun Kerajaan Negeri. Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri dengan hasil kutipan tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Cukai Pelancongan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan cukai yang dikenakan ke atas pelancong asing yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh seorang pengendali. Cukai ini berkadar rata (*flat rate*) pada RM10.00 sebilik semalam dan bukan mengikut taraf bintang. Cukai Pelancongan adalah dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan jumlah kutipan sehingga kini masih belum dikeluarkan. Pada dasarnya, Kerajaan Persekutuan telah memaklumkan bahawa dari setiap RM10.00 yang dikutip dari negeri masing-masing, RM1.00 akan disalur balik kutipan cukai kepada Kerajaan Negeri. Dengan pulangan hasil kutipan dari Kerajaan Persekutuan, dana tersebut akan digunakan untuk mempromosi tarikan-tarikan pelancongan di Negeri Pulau Pinang ke luar negara.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Bilangan pelancong yang melawat ke Tapak Warisan Dunia George Town semakin meningkat, adakah MBPP mempunyai rancangan untuk menyediakan lebih banyak tandas awam di *Tourist Hotspot*?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Pihak MBPP sememangnya mempunyai rancangan untuk menyediakan lebih banyak tandas awam di *Tourist Hotspot* di bandaraya George Town, Tapak Warisan Dunia UNESCO yang merupakan tempat tumpuan pengunjung tempatan dan luar negara. Kemudahan tandas awam yang bersifat *stand alone* atau *attach* dengan pasar / Kompleks Makanan MBPP di kawasan bandaraya George Town, Tapak Warisan Dunia UNESCO turut disediakan bagi kemudahan pengunjung.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Sejak kebelakangan ini, MBPP telah meluluskan projek pembangunan bertingkat tinggi yang lebih daripada 50 tingkat di sekitar George Town, pembangunan ini akan mengubah *street scape* di George Town. Adakah MBPP akan mengkaji supaya tidak lagi meluluskan projek pembangunan yang tinggi daripada 50 tingkat dan mengenakan SOP pembinaan yang lebih ketat?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Berdasarkan semakan ke atas permohonan kebenaran merancang bagi bangunan berbilang tingkat, hanya satu (1) kelulusan oleh pihak MBPP bagi bangunan yang melebihi 50 tingkat iaitu di Persiaran Gurney Pulau Pinang.
- (i) Antara garis panduan sedia ada yang telah ditetapkan oleh MBPP mengenai kawalan ketinggian adalah seperti berikut:-
  - (ii) Had ketinggian 18 meter (maksima) untuk semua jenis pembangunan di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town
  - (iii) Had ketinggian 5 tingkat (maksima) untuk pemajuan perniagaan yang tertakluk di bawah garis panduan untuk Kawalan Pemajuan di Jalan Burma, di antara persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Bagan Jermal dan Jalan Cantonment, Bandaraya George Town.
  - (iv) Had ketinggian 3 tingkat (maksima) untuk pemajuan perumahan yang tertakluk di bawah garis panduan untuk Kawalan Pemajuan di kawasan Jalan Dunn.
  - (v) Kawalan ketinggian kawasan sekitar Jalan York.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Sebahagian besar penduduk di Pulau Pinang menggunakan motosikal sebagai kenderaan harian mereka. Sila nyatakan jumlah petak letak motosikal yang terdapat di dalam kawasan MBPP. Adakah jumlah petak ini cukup untuk memenuhi keperluan penduduk? Adakah MBPP mempunyai rancangan untuk menambah lebih banyak tempat letak motosikal?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Sebahagian besar penduduk di Pulau Pinang menggunakan motosikal sebagai kenderaan harian mereka. Sehubungan itu pihak MBPP sentiasa memastikan tempat letak motosikal adalah mencukupi dan memenuhi keperluan penduduk.
- (i) Jumlah petak letak motosikal yang terdapat dalam kawasan MBPP adalah sebanyak 7,424 petak.
  - (ii) Setakat ini, penyediaan petak tempat letak motosikal di kawasan MBPP adalah mencukupi dan memenuhi keperluan penduduk.
  - (iii) Pihak MBPP juga sentiasa mengkaji garis panduan yang diguna pakai dari semasa ke semasa agar keperluan tempat letak motosikal mencukupi. Selain itu, MBPP sentiasa mengadakan pelbagai inisiatif untuk mengatasi masalah petak letak kenderaan yang tidak mencukupi.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh MBPP adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan perkhidmatan Bas CAT dalam pusat bandar George Town untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Pada masa sekarang, lebih kurang 3,215 orang menggunakan perkhidmatan bas CAT setiap hari dan bancian menunjukkan bahawa 40% daripada pengguna bas CAT mempunyai kenderaan sendiri.
- (ii) menyediakan perkhidmatan Bas Park and Ride (P&R) yang juga dikenali sebagai Bridge Express Shuttle Transit (BEST) dari Seberang Perai ke Zon Perindustrian Bayan Lepas mulai 1 Mac 2011. Perkhidmatan BEST KOMTAR juga telah diwujudkan mulai 3 Disember 2012 untuk penjawat awam yang bertugas di KOMTAR.
- (iii) menggalakkan orang awam berbasikal dan pihak MBPP telah menyediakan rangkaian laluan basikal di seluruh Pulau Pinang. Laluan basikal secara berkongsi dengan kenderaan bermotor atau laluan berasingan telah disediakan disamping laluan khas basikal di persisiran pantai timur pulau.
- (iv) menggalakkan sistem perkongsian basikal iaitu dengan mengadakan sebanyak 25 buah stesen di sekitar George Town, Persiaran Gurney dan Persiaran Bayan Indah. Sekurang-kurangnya terdapat 250 buah basikal di semua stesen.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah mencatatkan 6.7 juta ketibaan tahun lepas, sudah melebihi kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang. Ramai pengguna telah mengadu bahawa kesesakan kerap berlaku di terminal berlepas dan ketibaan. Bilakah Lapangan Terbang ini akan dinaiktaraf supaya dapat menyediakan ruang yang lebih selesa kepada pengguna?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil peluang mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam setiap platform yang sesuai agar Kerajaan Persekutuan dapat menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedia ada di Bayan Lepas untuk menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran ini telah dimohon oleh Kementerian Pengangkutan melalui Rolling Plan 3 RMKe-11. YAB. Perdana Menteri yang juga adalah Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah mengumumkan kelulusan peruntukan bagi Bajet 2018 untuk pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Oleh itu projek pembesaran ini dijangka bermula pada 2018.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Kebakaran yang berlaku di bangunan tinggi akan menyusahkan kerja penyelamatan. Bolehkah pihak bomba memberi penjelasan bagaimana kerja penyelamatan akan dijalankan sekiranya kebakaran berlaku di bangunan tinggi seperti Komtar? Adakah pihak bomba mempunyai rekod semakan bagi memastikan kelengkapan keselamatan kebakaran di setiap bangunan tinggi ini sentiasa dalam keadaan yang berfungsi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Berdasarkan maklum balas daripada *Jabatan Bomba dan Penyelamat* Malaysia Negeri *Pulau Pinang* (JBPMPP), setiap bangunan tinggi yang disokong pelan pembinaannya oleh JBPMPP, telah pun mempunyai sistem keselamatan kebakaran jenis pasif dan aktif yang tersendiri.

Sistem jenis pasif adalah merujuk kepada ciri-ciri reka bentuk bangunan itu sendiri seperti tangga keselamatan, pemetakan, ruang akses menentang kebakaran dan lain-lain. Manakala sistem aktif adalah pemasangan keselamatan kebakaran yang dipasang di bangunan tersebut seperti sistem gegelung hos (*hose reel*), sistem semburan automatik (*sprinkler*), pengesan asap (*smoke detector*), lif bomba, pengudaraan mekanikal dan lain-lain lagi. Sekiranya berlaku sebarang kecemasan, Jabatan tersebut akan menjalankan operasi penyelamatan dan pemadaman dari dalam bangunan itu sendiri dengan mengguna pakai sistem-sistem pasif dan aktif sedia ada di bangunan tersebut dengan dibantu oleh jentera-jentera bomba dari luar bangunan.

Oleh itu, JBPMPP amat menitik beratkan supaya sistem-sistem tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang baik pada setiap masa. Begitu juga dengan bangunan-bangunan tinggi seperti KOMTAR dan sebagainya. Ianya turut dilengkapi dengan sistem-sistem pasif dan aktif yang dinyatakan, bergantung kepada reka bentuk bangunan. Bagi menjamin sistem-sistem keselamatan di KOMTAR ini berfungsi dengan baik, pemeriksaan secara tahunan telah dijalankan.

Untuk perhatian, pemeriksaan pada 29 Julai 2015 mendapati sebanyak 96 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Notis A) telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Pemeriksaan pada 27 Oktober 2016 mendapati sebanyak 92 Notis A telah dipatuhi dan berbaki empat (4) Notis A dalam tindakan pematuhan. Bagi tahun 2017, pemeriksaan kali ketiga dijangka akan diadakan pada bulan Disember 2017.

Bagi bangunan tinggi yang lain seperti hotel dan pejabat, pihak pengurusan premis telah diwajibkan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*) daripada JBPMPP. Pengeluaran sijil ini dilakukan hanya selepas premis diperakui selamat melalui pemeriksaan secara tahunan. Sehingga September 2017, sebanyak 73 buah hotel dan 42 buah pejabat yang telah mempunyai Sijil Perakuan Bomba (FC) manakala bagi bangunan tinggi, rumah kediaman seperti pangsapuri, flat, kondominium dan seumpamanya adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan bangunan (JMB) itu sendiri untuk memastikan kedua-dua sistem aktif dan pasif ini berada dalam keadaan baik pada setiap masa. JBPMPP hanya menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa.

Sekiranya JBPMPP menerima aduan berkaitan dengan sistem keselamatan kebakaran di premis tersebut, pemeriksaan bagi tujuan penguatkuasaan dan penghapusan bahaya kebakaran akan dijalankan.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Lebih dari setengah penerima bantuan program-program emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang meninggal di luar kawasan KADUN Komtar. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengedarkan bantuan bagi kesemua program-program emas kepada penerima melalui e-banking supaya penerima tidak perlu datang ke Komtar untuk menerima sumbangan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Kerajaan Negeri sememangnya mengambil perhatian terhadap kebajikan rakyat di dalam setiap program yang dilaksanakan.

Di bawah Program iSejahtera, pembayaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke akaun penerima sumbangan telah dilaksanakan bagi Program Bantuan OKU dan Pengurusan Sumbangan Jenazah Warga Emas, Ibu Tunggal dan OKU.

Selain itu, Program Anak Emas dan Program Skim Pelajar Emas juga dalam perancangan Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan secara EFT kepada penerima dalam masa terdekat.

Bagi program-program iSejahtera yang lain, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk melaksanakan pembayaran secara EFT pada masa akan datang dengan mengambil kira keberkesanan pelaksanaan kaedah bagi program-program iSejahtera yang sedang dipraktikkan.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Harta-harta untuk kegunaan tertentu seperti kebajikan dan bukan untuk mendapatkan keuntungan layak mendapat pengecualian atas cukai taksiran di bawah Seksyen 134 dan 135, AKT 1976. Sila nyatakan bilangan organisasi di Pulau dan Seberang Perai yang mendapat pengecualian ini? Berapakah permohonan yang ditolak dan apakah sebabnya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan (AKT) 1976 Seksyen 134 dan 135, jumlah premis yang telah diberikan pengecualian di negeri Pulau Pinang sehingga Ogos 2017 adalah sebanyak 3,426 iaitu 3,147 di kawasan MBPP dan 279 di kawasan MPSP. Bilangan permohonan untuk pengecualian yang telah ditolak pula, diperingkat MBPP adalah sebanyak 5 permohonan dan tiada permohonan yang ditolak di MPSP. Antara sebab permohonan ditolak adalah kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah AKT 1976 Seksyen 134 dan 135 serta bermotifkan keuntungan.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Sila berikan maklumbalas bagi status terbaru atas penyediaan Enakmen Penyelarasan Sewa oleh Kerajaan Negeri di kawasan Tapak Warisan George Town.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Kerajaan Negeri masih dalam peringkat kajian bagi mewujudkan Enakmen Penyelarasan Sewa. Terkini, Laporan Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study of Rent Regulation Enactment*) telah disiapkan oleh George Town World Heritage Incorporated. Laporan tersebut telah dibentangkan kepada Ahli MMK iaitu YB Chow Kon Yeow, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas Dan Tebatan Banjir dan YB. Jagdeep Singh, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar Dan Desa dan Perumahan pada 19 dan 21 Jun 2017 yang lalu dan sedang diperbaharui.

Selepas mendapat persetujuan daripada kedua-dua YB. EXCO berkenaan diperolehi, Laporan Kajian Kemungkinan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri untuk kelulusan dan seterusnya draf Enakmen Penyelarasan Sewa tersebut perlu dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Berapakah peratus bagi Air Tidak Berhasil (NRW) di Pulau Pinang sekarang? Apakah rancangan PBA untuk mengurangkan NRW ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Peratus Air Tidak Berhasil (NRW) di Pulau Pinang adalah 21.5% pada tahun 2016.

Rancangan PBAPP untuk mengurangkan NRW adalah seperti di bawah:

- (i) Pemasangan "*Pressure Reducing Valve*" (PRV) di sepanjang paip penghantaran air dari Loji Sungai Dua ke bahagian pulau. PRV berfungsi bagi mengurangkan tekanan air di dalam paip-paip sambungan ke kawasan Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah.
- (ii) Penggantian paip-paip yang usang dilaksanakan secara berterusan setiap tahun.
- (iii) Penggantian meter air yang melebihi 12 tahun dilaksanakan secara berterusan setiap tahun.
- (iv) Menaiktaraf pam-pam lama di Rumah Pam Bukit Dumar kepada jenis "*variable speed*" untuk mengepam bekalan air pada tekanan air yang bersesuaian.
- (v) Membentuk "*District Metering Area*" (DMA) di kawasan yang dikenal pasti supaya pemantauan terhadap NRW dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Prangin Mall merupakan projek pembangunan yang telah siap pada tahun 2000, tetapi Strata Title masih belum dikeluarkan kepada pembeli sehingga hari ini. Sila nyatakan sebab-sebab dan cara penyelesaian.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Menurut peruntukan Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata 1985, pemilik asal wajib memohon pecah bahagi bangunan atau tanah jika pada bila-bila masa dia telah menjual atau bersetuju untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan atau tanah itu kepada mana-mana orang.

Sejak tahun 2003, beberapa notis dikeluarkan kepada pihak tuan tanah (Idris Hydraulic Properties Sdn Bhd) dan pemaju (Getaran Unggul Sdn Bhd) untuk mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan berkenaan. Melalui beberapa siri perbincangan dengan semua pihak berkaitan, isu yang dikenalpasti menyebabkan permohonan tersebut tertangguh adalah kerana keseluruhan skim Prangin Mall tidak terletak di atas 1 lot dan terdapat sebahagian struktur bangunan berada di atas tanah kerajaan iaitu jalan raya Jalan Lebu Lintang. Pihak pemaju perlu memohon pemberimilikan bagi tanah kerajaan tersebut bagi membolehkan ketiga-tiga lot dicantum menjadi 1 lot bagi membolehkan permohonan pecah bahagi bangunan diteruskan.

Pihak pemaju juga telah mengemukakan dua permohonan pecah bahagi bangunan pada 16 Disember 2011 bagi Lot 398 dan Lot 399, Seksyen 17, Daerah Timur Laut. Permohonan tersebut tidak dipersetujui oleh pihak *Joint Management Body* (JMB) untuk memisahkan skim tersebut kerana melibatkan kemudahan bersama yang tidak boleh diasingkan. Beberapa siri mesyuarat telah dilaksanakan bagi menyelesaikan isu berbangkit dan memutuskan supaya permohonan tersebut ditolak bagi membolehkan pemaju memohon semula permohonan tersebut apabila keseluruhan skim tersebut dicantum di bawah satu lot.

Semakan mendapati bahawa permohonan pemberimilikan tanah kerajaan "Petak A" di antara Lot 398 dan 399 telah selesai dan pihak pemaju sedang dalam tindakan untuk mengemukakan permohonan cantuman ketiga-tiga lot. Pihak pemaju akan mengemukakan permohonan Sijil Formula Unit Syer (SIFUS) setelah skim tersebut diluluskan sebagai satu lot.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Aktiviti perternakan lembu secara haram telah berlaku di tanah rizab JPS di tepi Sungai Pinang. Sila nyatakan agensi yang bertanggungjawab dan tindakan penyelesaian yang akan diambil. Sila nyatakan kawasan-kawasan lain di kawasan Georgetown yang juga dikenalpasti berlakunya perternakan lembu haram.



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap aktiviti penternakan lembu secara haram di tanah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di tepi Sungai Pinang adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDTDTL) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Tanggungjawab dan tindakan penyelesaian oleh agensi tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

Kawasan-kawasan lain di George Town yang dikenal pasti berlakunya penternakan lembu haram ialah di Jalan York, Jalan Jelutong, Jalan Sungai dan Persiaran Karpal Singh. Manakala bagi kawasan rizab JPS di Bahagian Pulau selain Sungai Pinang yang dikenal pasti berlakunya penternakan lembu haram adalah di Sungai Air Itam (bersebelahan Sekolah Shang Wu), Sungai Air Itam (bersebelahan Padang Sekolah Teknik Tunku Abdul Rahman) dan Sungai Gelugor (di Kampung Kastam).

**RUJ. LAMPIRAN A BTLH NO. 21.**

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Bilakah kerja mengorek, melebar dan mendalam muara dan dasar Sungai Pinang akan dijalankan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Mesyuarat MMK Tebatan Banjir telah meluluskan permohonan peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Timur Laut bagi menjalankan kerja-kerja pengorekan di muara Sungai Pinang menggunakan wang caruman perparitan. Kerja-kerja tersebut telah dijalankan pada 23 Oktober 2017 dan dijadualkan akan siap pada 30 Disember 2017.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Kemudahan *Penang Free Wifi* sudah lama diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri. Sila Nyatakan bilangan pengguna yang berdaftar dan jumlah bilangan hotspot Penang Free Wifi di sekitar Pulau Pinang? Adakah bancian kepuasan pengguna telah dijalankan? Apakah Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempertingkatkan lagi kemudahan ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. (a) Bilangan pengguna yang berdaftar untuk Penang Free Wifi sehingga September 2017 adalah seramai 643,740 orang. Jumlah bilangan hotspot Penang Free Wifi di sekitar Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 1,560 hotspot.
- (b) Bancian kepuasan pengguna telah dijalankan oleh pihak pembekal pada 06 Oktober 2016 sehingga 2 November 2016. Seramai 2,465 responden telah memberikan maklumbalas berhubung Bancian Kepuasan Pengguna yang telah dijalankan. Soalan bancian dan keputusannya adalah seperti di **Lampiran A**.
- (c) Bagi tujuan mempertingkatkan lagi kemudahan Penang Free Wifi di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menaik taraf kapasiti *throughput bandwidth* pada 16 Februari 2015 untuk memastikan pengguna mendapat akses internet yang lancar semasa menggunakan perkhidmatan Penang Free Wifi. Pengguna kini dapat mengakses internet pada kelajuan 3Mbps bagi kawasan warisan dan 1Mbps bagi kawasan lain di seluruh Negeri Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 1 Jun 2017 dan disahkan pada 7 Jun 2017 juga telah meluluskan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Perkhidmatan Penang Free Wifi Secara Penjenamaan Bersama (Co-Branding) Oleh Syarikat Telekomunikasi dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan lebih banyak penyedia perkhidmatan talian telekomunikasi memberikan kemudahan wifi percuma kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang.

**RUJ. LAMPIRAN A BTLH NO. 23.**

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Kebakaran yang mengorbankan 23 nyawa telah berlaku di sebuah sekolah agama di Kuala Lumpur. Sila senaraikan bilangan sekolah agama di Pulau Pinang yang belum berdaftar dengan jabatan agama, belum dapat permit PBT dan kelulusan keselamatan daripada pihak bomba. Apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengelakan kebakaran seperti ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Kerajaan Negeri mengambil ketetapan untuk membantu Maahad Tahfiz, khususnya aspek keselamatan. Namun, tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang sengaja mengabaikan aspek keselamatan maahad tahfiz sehingga boleh mencetuskan tragedi meragut nyawa para pelajar dan guru-guru.

Dikenalpasti 15 buah Maahad Tahfiz belum dan sedang proses pendaftaran dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Senarai sekolah berkenaan adalah seperti berikut :

| <b>BIL.</b> | <b>NAMA SEKOLAH AGAMA TAHFIZ</b>  |
|-------------|---|
| 1           | <b>MAAHAD TAHFIZ DARUL RAHMAH WAL ADNANI,</b><br>Jalan Pantai Acheh, Balik Pulau, DBD           |
| 2           | <b>MAAHAD TAHFIZ ITQAN,</b><br>Teluk Kumbar, DBD  |
| 3           | <b>MAAHAD TAHFIZ AL-ANSAR,</b><br>Belakang Masjid Daerah Barat Daya                             |
| 4           | <b>MADRASAH DARUL MA'ARIF,</b><br>Jalan Padang Chempedak, Tasek Gelugor, Butterworth            |
| 5           | <b>MAA'HAD ADDA'WAH AL ISLAMIYYAH</b><br>Padang Menora, Tasek Gelugor, Butterworth              |
| 6           | <b>RIBAT ASSAADAH</b><br>Masjid Mak Mandin, Butterworth   |
| 7           | <b>MAAHAD TAHFIZ ARA KUDA</b><br>Tasek Gelugor, Butterworth                                     |
| 8           | <b>MAAHAD TAHFIZ DARUL IRFAN</b><br>Permatang Bendahari, Penaga, Kepala Batas                   |
| 9           | <b>MAAHAD TAHFIZ AN-NUR</b><br>Kampung Tok Otek, Penaga, Kepala Batas                           |
| 10          | <b>MAAHAD TAHFIZ AL-GADAFI</b><br>Jarak , Tasek Gelugor   |
| 11          | <b>PUSAT TAHFIZ AL-MUSLIHIN</b><br>Guar Perahu, Bukit Mertajam                                  |
| 12          | <b>MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN NUSRATUL ULUM</b><br>Kampung Binjai, Cherok To' Kun, Bukit Mertajam   |
| 13          | <b>TAHFIZ UMMU SULAIM</b><br>Permatang. Hj. Wahab, Bkt. Minyak, 14000 Bukit Mertajam            |
| 14          | <b>MAAHAD AS-SYAKSIAH LITTAHFIZIL QURAN WAL ULUM</b><br>Taman Pekatra Indah, Simpang Ampat, SPS |
| 15          | <b>MADRASAH TAHFIZ AL-IMAN</b><br>Taman Harapan, Permatang Tok Mahat, Nibong Tebal, SPS         |

Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP sebagai pihak yang bertanggungjawab mendaftar sekolah agama tahfiz sentiasa memberi perhatian terhadap aspek keselamatan bangunan walaupun proses pendaftaran tidak mensyaratkan keperluan mendapat permit Jabatan Bomba atau kelulusan pihak PBT. Namun bagi memastikan keselamatan sekolah-sekolah agama tahfiz khususnya mengelak dari berlakunya insiden kebakaran, JHEAIPP dari semasa ke semasa melaksanakan langkah- langkah berikut :-

- (i) Mengenalpasti dan mendaftarkan semua sekolah agama Islam termasuk Tahfiz;
- (ii) Mewujudkan sistem audit keselamatan di kalangan Maahad Tahfiz;
- (iii) Mengadakan taklimat keselamatan menghadapi kebakaran;
- (iv) Menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam melakukan pemantauan secara bersepadu;
- (v) Mewujudkan skuad Bomba sukarela di sekolah;
- (vi) Melakukan pemantauan dan pembaikan terhadap sistem pendawaian elektrik dengan mendapat kerjasama pihak JKR, Institut Kemahiran Belia Negeri dan Pejabat MARA Negeri; dan
- (vii) Menjalankan program Panduan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan serta pencegahan dan teknik mengawal kebakaran dengan pihak swasta seperti *OSH Services*.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk menyediakan aspek keselamatan bangunan dan untuk mengelak berlakunya kebakaran adalah terletak di bawah pengurusan sekolah itu sendiri. Sekiranya ada keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan bangunan, pihak sekolah boleh kemukakan permohonan pembaikan/naiktaraf kepada JHEAIPP.

Manakala di pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat pula, tindakan pencegahan yang diambil adalah seperti berikut :-

- (i) Mewujudkan Pasukan *Task Force* bagi mengenal pasti keadaan, membuat pemeriksaan dan lawatan tapak ke sekolah-sekolah tersebut. Sehingga 11 Oktober 2017, sebanyak 60 pemeriksaan telah dijalankan.
- (ii) Memberi khidmat nasihat kebombaian seperti mengadakan *Fire Drill*, ceramah keselamatan kebakaran, demonstrasi memadam kebakaran dan latihan pengungsian bangunan.
- (iii) Mengesyorkan supaya pihak sekolah yang dilawati supaya mewujudkan Skuad Bomba. Skuad bomba ini dianggotai oleh guru dan pelajar sekolah bertujuan untuk menjadi mata dan telinga dalam membuat tindakan awal sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Skuad ini akan dilatih dengan latihan asas kebombaian dan juga penyelamatan diri. Sehingga kini, sebanyak 20 Skuad Bomba telah berjaya ditubuhkan sejak ia dilancarkan pada bulan Mei 2017 yang lalu.
- (iv) Mengadakan latihan kebakaran secara berkala. Latihan ini berupaya memahirkan pihak sekolah jika berlaku situasi sebenar dan juga sebagai kesiapsiagaan sekiranya berlaku sebarang insiden kecemasan.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. GST yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas projek-projek tertentu termasuk infrastruktur awam seperti membina jalan, menaiktaraf pasar, projek tebatan banjir dan lain-lain. Sila nyatakan jumlah GST yang dibayar oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Jumlah GST yang dibayar oleh Kerajaan Negeri untuk projek-projek pembangunan sejak pelaksanaan GST bermula 1 April 2015 sehingga 17 Oktober 2017 adalah sebanyak RM3,058,549.31.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Kes kereta terjunam dari parkir bertingkat telah berlaku di Genting Highlands dua bulan yang lalu dan telah mengorbankan 2 nyawa. Kes seperti ini pernah berlaku di Pulau Pinang dan negeri lain. Apakah langkah yang sesuai untuk mengelakkan kejadian ini berlaku ?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancang Bandar dan Desa) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah menetapkan spesifikasi yang selamat bagi binaan yang berkaitan. Garis panduan ini merupakan panduan yang menjadi rujukan dalam meluluskan pembangunan. Ianya digunakan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dalam mengawal pembangunan agar bersifat seragam, selesa dan selamat dalam aktiviti guna tanah. Setiap pemajuan, perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan. Justeru itu, pihak pemaju perlu bertanggungjawab dalam aspek reka bentuk pembinaan parkir bertingkat dengan tidak menggunakan material pembinaan dari jenis dinding bata dan besi penghadang yang sama sekali tidak dapat menampung beban sekiranya impak pelanggaran berlaku kepada binaan tersebut.

Menurut Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang pula, langkah yang sesuai bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berlaku adalah dengan membina tembok dinding konkrit bertetulang setinggi 1.2 meter di perimeter keliling parkir bertingkat.

Manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), telah mengambil langkah berikut untuk mengelakkan kejadian ini berlaku iaitu:-

- (i) Meningkatkan tahap keselamatan terhadap aspek reka bentuk bangunan parkir bertingkat khususnya penggunaan struktur dinding konkrit menggantikan tembok bata bagi mengurangkan risiko berlakunya kemalangan.
- (ii) Memasang papan tanda amaran dan peringatan keselamatan di lokasi tempat letak kereta yang strategik bagi memberi kesedaran kepada pemandu dan pengguna bangunan parkir bertingkat.
- (iii) Jurutera perunding yang dilantik perlu mematuhi piawaian peruntukan akta dan undang-undang sedia ada dan pengawasan kerja di tapak pembinaan semasa pembinaan dijalankan.
- (iv) Memasang peralatan tambahan keselamatan seperti *stopping bar/block* disemua kawasan tempat letak kereta bertingkat.
- (v) Penyelenggaraan yang efisien dan kerap bagi memastikan bangunan dan peralatan keselamatan sentiasa berada dalam keadaan yang baik.
- (vi) Mengkaji semula garis panduan bagi bangunan yang mempunyai parkir bertingkat. Sebagai contoh, parkir bagi bangunan bertingkat perlu disediakan dengan mengambil kira jarak selamat antara petak parkir dan dinding bangunan.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Prasarana telah mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang pada 1 Julai 2017 yang lepas. Bolehkah nyatakan usaha penambahbaikan perkhidmatan yang telah diambil dan akan dilaksanakan pada masa yang akan datang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) belum lagi mengambilalih pengurusan perkhidmatan feri Pulau Pinang buat masa ini.

Walaupun Prasarana dan pihak Penang Port Sdn Bhd (PPSB) sudahpun menandatangani perjanjian jual beli aset serta perniagaan (*Business and Asset Purchase Agreement - BPA*), pihak Prasarana masih sedang menunggu proses kelulusan disempurnakan sepenuhnya sebelum mengambilalih operasi feri Pulau Pinang. Buat masa ini, operasi feri Pulau Pinang masih diuruskan oleh pihak PPSB.

Namun demikian, semenjak (*Business and Asset Purchase Agreement - BPA*) ditandatangani, pihak Prasarana sudah mula bekerjasama dengan pihak PPSB bagi memastikan pengambilalihan operasi dapat dilaksanakan dengan lancar.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Kemudahan Taman Negara Pulau Pinang tidak diselenggara dengan baik, kerja-kerja baik pulih Canopy Walk juga tidak diberi peruntukan bagi tahun 2016. Bagaimanakah pihak Taman Negara boleh dapat dana yang cukup untuk kerja-kerja ini? Adakah pihak Taman Negara mempunyai rancangan supaya mengenakan bayaran kepada pelawat mengikut cadangan daripada hasil kajian USM?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Taman Negara Pulau Pinang (TNPP) adalah di bawah pengurusan Jabatan Perhilitan sejak kawasan berkenaan diwartakan sebagai Taman Negara di bawah Akta Taman Negara 1980 melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 80 bertarikh 10 April 2002. Sejak pewartaan tersebut, Jabatan Perhilitan menguruskan TNPP dan peruntukan diperolehi adalah daripada Kerajaan Persekutuan sepenuhnya. Secara amnya, kemudahan-kemudahan umum di TNPP diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan *Canopy Walk* memerlukan peruntukan penyelenggaraan yang besar kerana kerosakan utama termasuk masalah kesihatan pokok ibu (*mother tree*), kabel dan platform. Oleh itu, TNPP akan memohon peruntukan bagi pembangunan baharu dengan konsep *Canopy Walk* yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan dan penyelenggaraan yang rendah.

Cadangan dan mekanisma pengenaan fi kepada pelawat telah diputuskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Taman Negara Pulau Pinang dan Majlis Penasihat Taman Negara di bawah peruntukan Akta Taman Negara 1980. Pengenaan fi kepada pelawat akan dikuatkuasakan apabila Peraturan-peraturan Taman Negara Pulau Pinang dimuktamadkan oleh Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar dan diwartakan.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Sila nyatakan semua projek perumahan swasta terbengkalai di Pulau Pinang. Apakah rancangan Kerajaan untuk menghidupkan semula projek-projek ini? Apakah syarat-syarat yang boleh dikenakan kepada pemaju bagi projek perumahan swasta yang baru supaya projek perumahan yang terbengkalai tidak berlaku lagi?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Pemantauan dan pengelasan projek perumahan swasta terbengkalai adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pada masa ini, hanya terdapat satu pemajuan perumahan yang dikategorikan sebagai terbengkalai di Pulau Pinang iaitu projek Mengkuang Height yang pada asalnya dimajukan oleh syarikat Sri Jeluda Sdn. Bhd. Syarikat pemaju UDA Holding Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pemaju penyelamat pada tahun 2009 dan projek ini telah dijadualkan siap pada bulan Ogos 2017. Namun begitu pemerhatian ditapak mendapati kerja-kerja infra projek masih belum disempurnakan.

Memandangkan peranan memantau dan mengurus projek-projek terbengkalai diletakkan di bawah kuasa KPKT, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menghidupkan projek-projek terbengkalai di Pulau Pinang sama ada dari kategori perumahan atau komersil. Selain itu, Kerajaan Negeri buat masa ini juga tidak bercadang untuk menetapkan sebarang syarat khusus kepada pemaju bagi mengatasi masalah projek terbengkalai. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia memainkan peranan sebagai perantara dan pemudah cara kepada usaha-usaha pemulihan bagi memelihara kepentingan rakyat Pulau Pinang.

Ini dapat dilihat dalam usaha pemulihan projek Majestic Height yang terbengkalai hampir 30 tahun dimana penyerahan kunci bagi Fasa 2A melibatkan blok A, B dan C telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan YB Exco pada 21 Januari 2017. Projek Hexagon Science Park yang terbengkalai hampir 14 tahun juga telah diselamatkan dan disiapkan pada tahun 2013, Pasar Awam Paya Terubong juga berjaya disiapkan setelah penswastan terdahulu tidak dapat menyiapkannya. Ini adalah antara usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan Pulau Pinang sifar dari projek terbengkalai.

**Ahli Kawasan Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk memberi amaran dan ramalan kepada orang awam mengenai banjir yang akan berlaku?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Kerajaan Negeri telah membangunkan Sistem Penang Alert yang mengandungi taburan hujan dan aras air secara *'real time'* termasuk membina 26 stesen siren banjir di seluruh Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dalam penyaluran maklumat terkini berkaitan bencana/kecemasan di Pulau Pinang dengan memuatnaik amaran/ramalan cuaca buruk yang dimasukkan oleh Pentadbir iaitu (JPS, JKR, BKP, semua PDT, MBPP & MPSP) melalui sistem portal "Penang Alert" dan akan terus dihantar kepada laman sosial Facebook Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara automatik selaras dengan keperluan untuk penyampaian berkesan kepada rakyat/orang awam berkaitan sebarang insiden bencana.

Kerajaan Persekutuan juga akan melaksanakan Projek Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) Fasa 2 di mana untuk Fasa 2A, sungai-sungai yang terlibat adalah Sungai Muda, Sungai Kerian dan Sungai Pinang manakala Fasa 2B pula Sungai Jawi, Sungai Juru dan Sungai Perai. Projek Fasa 2A akan bermula pada tahun 2018 sehingga 2020 dan Projek Fasa 2B akan bermula pada tahun 2021 hingga 2022.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensi pelaksana iaitu Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) berperanan untuk membekalkan maklumat mengenai ramalan cuaca dan penyebaran amaran cuaca buruk kepada semua *stakeholder*.

Bagi persediaan menghadapi bencana banjir, MMD sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dari segi perkongsian data jumlah jangkakan hujan, imej satelit dan maklumat radar yang membantu JPS iaitu agensi yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan ramalan banjir. Di pihak MMD juga, Peraturan Tetap Operasi (PTO) berkenaan penyediaan dan penyebaran amaran cuaca buruk telah sedia ada dan beroperasi sepenuhnya. PTO ini merangkumi tindakan pengurusan dan pengendalian bencana akibat cuaca buruk bermula daripada peringkat pemantauan hingga ke pengeluaran amaran. Peringkat nasihat dan amaran hujan lebat mengikut PTO adalah seperti berikut :

- (i) Peringkat Kuning
- (ii) Amaran peringkat kuning akan dikeluarkan apabila hujan lebat dijangka berlaku dalam tempoh satu hingga tiga hari akan datang.
- (iii) Peringkat Jingga
- (iv) Amaran peringkat Jingga dikeluarkan apabila hujan yang kadangkala menjadi sederhana mula turun dan dijangka berterusan untuk tempoh melebihi satu hari; dan
- (v) Amaran peringkat merah dikeluarkan apabila hujan sederhana bertukar menjadi lebat dengan jumlah hujan dijangka mencapai 100mm/hari, hujan lebat dijangka berterusan untuk tempoh melebihi satu hari atau hujan yang menyeluruh dijangka berlaku dengan intensiti pada gema radar lebih besar dari atau sama dengan 20/jam.
- (vi) Di samping menyalurkan maklumat berkenaan ramalan dan amaran cuaca buruk kepada agensi pengurusan bencana, MMD turut menyalurkan maklumat tersebut kepada media massa termasuk Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang akan mengeluarkan *crawler* berkenaan amaran cuaca buruk. Untuk makluman juga, MMD telah dan sedang melaksanakan persediaan menghadapi musim tengkujuh dengan menyampaikan taklimat tinjauan monsun timur laut kepada agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah bermula dari September 2017 dan menyediakan laman web khas (pautan pantas) [bencana.met.gov.my/bencana](http://bencana.met.gov.my/bencana) untuk rujukan segera agensi-agensi pengurusan bencana. Selain itu, maklumat cuaca dan ramalan akan dikemaskini melalui laman web MMD iaitu [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my), media sosial dan aplikasi mudah alih cuaca iaitu my Cuaca. Penganjuran Forum Iklim Kebangsaan Monsun Timur Laut 2017/18 juga telah diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 28 September 2017 yang melibatkan penyertaan pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan bencana dan pihak media.

- (vii) Amaran cuaca bagi ribut petir dan hujan lebat di Pulau Pinang yang boleh menyebabkan banjir, tanah runtuh dan kerosakan harta benda juga dihantar dengan faks oleh Pejabat Meteorologi Pulau Pinang kepada Stesen Radio Mutiara FM (Radio Malaysia Pulau Pinang) untuk dihebahkan kepada orang awam melalui siaran radio. Maklumat amaran hujan lebat ini merupakan amaran awal bagi kemungkinan berlakunya banjir disebabkan oleh hujan lebat terutama bagi orang awam yang tinggal di kawasan yang kerap mengalami banjir kilat.
- (viii) Maklumat amaran cuaca buruk ini juga dihantar dengan faks kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, semua Pejabat Daerah di Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dan agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana dan keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang, Angkatan Tentera Malaysia serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Pulau Pinang. Di samping itu, maklumat amaran cuaca buruk ini turut dimaklumkan kepada ahli-ahli kumpulan pengurusan bencana peringkat negeri dan daerah menerusi aplikasi *Whatsapp*.

**IX. Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Apakah tindakan yang akan diambil dalam bidang kuasa kerajaan negeri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang semakin serius di kawasan perindustrian Bayan Lepas?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Sebagai langkah menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Perindustrian Bayan Lepas, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil tindakan seperti berikut:
  - (a) Mewujudkan perkhidmatan Bas Park and Ride (P&R) dari Seberang Perai ke Zon Perindustrian Bayan Lepas yang dikenali sebagai BEST FIZ (Bridge Express Shuttle Transit) mulai 1 Mac 2011. Perkhidmatan Bas P&R telah bermula di kawasan Seberang Perai, iaitu di Kawasan Pasaraya Sunway, Seberang Jaya. Sebanyak 1,500 buah petak letak kereta telah disediakan dengan kadar bayaran petak sebanyak RM1.00 sehari. Tujuan projek ini adalah untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di Jambatan Pulau Pinang dan Zon Perindustrian Bayan Lepas di mana kesesakan lalu lintas berlaku pada waktu puncak lalu lintas;
  - (b) Melebarkan dan menaik taraf jalan-jalan dalam kawasan Zon Perindustrian Bayan Lepas;
  - (c) Menyediakan laluan alternatif seperti jambatan merentangi Sungai Nibong Kecil;
  - (d) Menaik taraf dan menyelaras lampu isyarat untuk melicinkan aliran lalu lintas dan mengurangkan kesesakan;
  - (e) Mendapatkan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengawal aliran lalu lintas pada waktu-waktu puncak lalu lintas;
  - (f) Menyediakan papan tanda arah yang memberi panduan kepada pemandu kenderaan;
  - (g) Menyediakan lebih banyak ruang untuk letak kenderaan di tepi jalan di samping meluluskan pembinaan bangunan tempat letak kenderaan bertingkat oleh pihak kilang;
  - (h) Membina laluan basikal sebagai alternatif kepada kenderaan bermotor dari Tanjong Tokong melalui George Town ke kawasan Perindustrian Bayan Lepas dan seterusnya ke Bayan Baru dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang; dan
  - (i) Merancang dan melaksanakan projek menaik taraf jalan dan persimpangan jangka masa pendek dan panjang dengan input pihak kilang seperti:-
    - (i) Cadangan mewujudkan tidal flow di jalan bun tepi Sungai Keluang dari Jalan Sultan Azlan Shah ke Zon Perindustrian Bebas Fasa 4 yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2019 dan disiapkan pada 2022;
    - (ii) Cadangan pembinaan jalan bawah di Persimpangan Bulatan Besar Sungai Nibong untuk menghubungkan Jalan Tun Dr. Awang ke Lebuhraya Sungai Nibong yang telah disyaratkan terhadap pemaju di kawasan terlibat. Adalah

dijangka cadangan ini akan dilaksanakan pada 2019 dan disiapkan pada 2022;

- (iii) Cadangan pembinaan pusingan 'U' bertingkat di Jalan Tun Dr. Awang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Persimpangan Jalan Bukit Gambir / Jalan Tun Dr. Awang dan Persimpangan Bulatan Besar Sungai Nibong. Projek ini juga disyaratkan ke atas pemaju dan dijangka siap pada 2022; dan
- (iv) Menaik taraf persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mayang Pasir. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 2. Kebelakangan ini Jabatan Perkhidmatan Pembentungan telah menjalankan projek menaik taraf sistem pembentungan di kawasan Batu Uban, tetapi projek ini mengakibatkan kesesakan di jalan Sg Dua kerana separuh jalan ditutup. Apakah pihak MBPP ada menjalankan kajian lalu lintas sebelum kebenaran projek dikeluarkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 2. Projek naik taraf pembentungan di kawasan Batu Uban adalah di bawah seliaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA). Permit kerja bagi projek ini dikeluarkan oleh JKR Barat Daya.

Pihak JKR Barat Daya sentiasa memantau Pelan Pengurusan Trafik yang disediakan oleh pihak kontraktor dari semasa ke semasa bagi memastikan aliran trafik lancar dan keselamatan di kawasan tapak projek terjamin.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 3. Restoran beroperasi di rumah kedai memang membuang sampah yang banyak. Ada sesetengah pengusaha restoran mempunyai sistem pembuangan sampah yang tersusun. Ada yang langsung tidak ada. Soalnya, adakah pihak MBPP mempunyai cadangan untuk mewajibkan semua pengusaha makanan menyediakan tong sampah masing-masing?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 3. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mewajibkan semua pengusaha makanan menyediakan tong sampah, MBPP juga melaksanakan operasi penguatkuasaan dan mengambil tindakan dengan mengeluarkan Notis disusuli dengan pengeluaran Pemberitahuan Tentang Kesalahan (Kompaun) kepada mana-mana pemunya atau penghuni setiap bangunan jika didapati gagal menjalankan kewajipan menyediakan sendiri bekas-bekas sampah yang sesuai lagi mencukupi bagi sampah baki termasuk menyediakan kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula. Penguatkuasaan dilakukan di bawah peruntukan Undang-Undang berikut:

- (i) Undang-Undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) 1980
- (ii) Undang-Undang Kecil (Pengasingan Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitarsemula) 2016
- (iii) Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991
- (iv) Undang-Undang Kecil (Establisymen Makanan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 4. Sungai dan Parit yang tercemar memang bertentangan dengan agenda Cleaner Greener Penang. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak PBT dan Jabatan Alam Sekitar bagi menangani isu ini? Adakah saman telah dikeluarkan kepada mana-mana pihak yang mencemarkan sungai dan parit? Berapakah kos saman yang dikenakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 4. Tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam menangani isu pencemaran sungai dan parit adalah seperti berikut:-



- (i) Menubuhkan *Task Force* bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai yang dipengerusikan oleh YB. Tuan Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Tugas *Task Force* tersebut adalah untuk menangani isu-isu pencemaran di punca (*pollution at source*) yang menyebabkan pencemaran laut, sungai dan pantai. Task Force ini diurusetikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dan dianggotai oleh:-
- (a) Bahagian Perancang Ekonomi Negeri;
  - (b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang;
  - (c) Majlis Perbandaran Seberang Perai;
  - (d) Jabatan Alam Sekitar;
  - (e) Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
  - (f) Pejabat-pejabat Tanah Dan Daerah;
  - (g) Jabatan Pertanian;
  - (h) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara; dan
  - (i) Indah Water Konsortium.
- (ii) Mengenakan syarat-syarat pelesenan kepada pengusaha perniagaan supaya mematuhi ketetapan untuk pemasangan perangkap minyak, menyediakan kolam takungan, loji rawatan air, dan melaksanakan persampelan air buangan setiap setengah tahun bagi tujuan pemantauan;
- (iii) Mensyaratkan lepasan efluen dari ladang ternakan mesti mempunyai Permintaan Oksigen Biokimia (BOD) tidak melebihi 50 ppm;
- (iv) Memastikan permohonan kemajuan berkaitan sungai mematuhi garis-garis panduan yang dikeluarkan oleh JPS seperti berikut :-
- (a) Manual Saliran Mesra Alam;
  - (b) Erosion dan Sediment Control Plan (ESCP);
  - (c) Garis panduan pembangunan berhadapan sungai; dan
  - (d) Intergrated Shoreline Management Plan (ISMP)
- (v) Memastikan setiap permohonan pembangunan berkaitan sungai yang diterima mengikut garis panduan dan undang-undang yang tertakluk di bawah Jabatan Alam Sekitar;
- (vi) Mengenakan had standard yang lebih ketat bagi pelepasan kumbahan daripada projek-projek yang tertakluk Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan terletak di kawasan yang menjadi tumpuan orang awam untuk aktiviti rekreasi kepada Standard A, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 berbanding Standard B sebelum ini;
- (vii) Memastikan pelepasan efluen daripada kilang-kilang sentiasa mematuhi had piawai yang ditetapkan dengan mewajibkan setiap premis melantik individu yang berwibawa (*competent person*) yang ditauliah oleh JAS dan telah melalui program pensijilan kompetensi untuk mengendalikan sistem pengolahan efluen di premis masing-masing;
- (viii) Memantau kualiti air sungai secara berkala oleh JAS bagi memastikan tindakan segera dapat diambil ke atas punca-punca pencemaran jika bacaan parameter kualiti air yang dikesan melebihi piawai yang ditetapkan; dan
- (a) Mengadakan program kesedaran seperti seminar, ceramah dan pameran kepada pihak industri serta sekolah dan pusat pengajian tinggi untuk meningkatkan kesedaran berkenaan alam sekitar serta pemahaman terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya.

Denda atau kos saman yang dikenakan dari Januari hingga September 2017 adalah seperti berikut:-

- JAS telah mendakwa enam (6) premis yang membuang efluen perindustrian melebihi had standard yang ditetapkan dengan jumlah denda yang dikenakan adalah sebanyak RM190,000.00; dan
- PBT telah mengeluarkan sebanyak 1,009 kompaun atas pelbagai kesalahan mencemarkan sungai dan parit dengan jumlah denda yang dikenakan sebanyak RM486,500.00.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Saya difahamkan rumah teres boleh membela anjing. Berapakah ekor anjing yang boleh dibela oleh sesebuah rumah? Adakah pihak berkuasa boleh mengambil tindakan terhadap tuan punya anjing jika anjing yang dibelanya itu menimbulkan kacau ganggu kepada jiran tetangga? Apakah bentuk tindakan dan berapa saman yang dikenakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. (a) Bagi kawasan pulau di Pulau Pinang, Undang-undang Kecil (Anjing-anjing) MPPP 1977 menetapkan bahawa had maksimum pemilikan anjing bagi rumah teres adalah empat (4) ekor sahaja. Kelulusan adalah berdasarkan keadaan keluasan kawasan rumah dan persekitaran setempat.

Bagi kawasan Seberang Perai pula, Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing MPSP 1982 menyatakan bahawa bilangan anjing yang boleh dibela di sesebuah rumah teres adalah dua (2) ekor sahaja.

- (b) Tindakan yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap tuan punya anjing yang menimbulkan kacau ganggu adalah seperti berikut:
- (a) Mengeluarkan notis dan kompaun kacau ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 kerana melibatkan kacau ganggu kepada jiran tetangga dan orang awam;
  - (b) Mengambil tindakan mahkamah; dan
  - (c) Membuat sitaan anjing peliharaan

Mana-mana orang yang melanggar atau gagal untuk mematuhi peraturan di bawah Undang-Undang Kecil (Anjing-anjing) MPPP 1977 boleh dikenakan kompaun tidak melebihi RM100.00 bagi setiap kesalahan tidak memiliki kolar. Kompaun sebanyak RM250.00 akan dikenakan bagi setiap kesalahan tidak memiliki lesen yang melibatkan kes gigitan anjing dan kes kacau ganggu jenayah. Kadar kompaun yang dikenakan oleh MPSP di bawah Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing MPSP 1982 pula adalah sebanyak RM250.00.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Kebanyakan Flat kos rendah menghadapi masalah Perbadanan Pengurusan atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang umpama hidup segan mati tidak mahu. Tanpa Badan Pengurusan keadaan adakah dalam caca marba. Adakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk mengatasi masalah ini seperti menyediakan Caretaker untuk mengurus selia rumah pangsa yang bermasalah?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Kerajaan Negeri prihatin terhadap permasalahan berkaitan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang tidak bergerak aktif di kebanyakan rumah pangsa kos rendah. Perkara ini sememangnya berada dalam pemantauan agensi yang bertanggungjawab iaitu Pesuruhjaya Bangunan (COB) dari kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Dari aspek perundangan, tindakan boleh diambil selaras dengan Seksyen 86(1)(b) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang mana COB diberi kuasa untuk melantik ejen pengurusan yang akan menyenggara dan menguruskan bangunan serta harta bersama (*common property*) sesuatu skim perumahan bagi satu tempoh yang ditetapkan. Seksyen 86(3) Akta 757 selanjutnya memberi hak kepada ejen pengurusan untuk dibayar apa-apa saraan atau fi sebagaimana yang dipersetujui di antara ejen pengurusan dan pemaju, JMB/MC atau mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan pada akaun penyenggaraan projek berkenaan.

Namun begitu, cabaran besar untuk melaksanakan tindakan ini adalah kurangnya minat dari kalangan ejen pengurusan terhadap skim-skim perumahan kos rendah. Punca utama adalah disebabkan oleh kemampuan pembayaran fi kepada ejen pengurusan yang bergantung kepada dana yang mencukupi di dalam akaun penyenggaraan JMB/MC skim perumahan tersebut.

Justeru bagi menangani masalah ini, COB di kedua-dua PBT telah menjalankan pelbagai usaha sampingan bagi mengaktifkan semula JMB/MC antaranya melalui pendekatan seperti berikut:-

- (i) Mengadakan lawatan pemeriksaan ke skim-skim perumahan yang tidak aktif;
- (ii) Menganjurkan program *outreach* bersama penduduk;
- (iii) Mengadakan taklimat dan kempen kesedaran komuniti di skim perumahan berstrata serta melibatkan agensi-agensi serta NGO yang berkaitan; dan
- (iv) Memberikan kursus intensif dan bimbingan kepada JMB/MC yang baru ditubuhkan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Semua benda di dunia ini ada jangka hayatnya termasuk jalan tar, longkang, parit, lampu awam, papan tanda jalan dan sebagainya. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan ada cadangan untuk mewujudkan satu pasukan pemantau/pertugas untuk memantau kerosakan longkang, lampu awam sebagai tindakan proaktif?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Agensi-agensi yang terlibat dalam memantau kerosakan infrastruktur/kemudahan awam seperti jalan raya, longkang, parit, lampu jalan, papan tanda dan lain-lain di Negeri Pulau Pinang adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi terlibat bagi memantau dan menyelenggara infrastruktur/kemudahan awam adalah seperti berikut:

- (a) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah bertanggungjawab dalam memantau kerosakan jalan di bawah bidang kuasanya. Pihak JKR mempunyai pasukan peronda yang ditempatkan di pusat operasi di setiap daerah. JKR Daerah Timur Laut mempunyai tiga (3) pusat operasi iaitu Pusat Operasi Sungai Nibong, Pusat Operasi Batu Feringgi dan Pusat Operasi Ayer Itam. JKR Daerah Barat Daya pula mempunyai dua (2) pusat operasi iaitu Pusat Operasi Bayan Lepas dan Pusat Operasi Balik Pulau. Manakala bagi JKR Daerah Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan pula masing-masing mempunyai satu pusat operasi. Tugas pasukan peronda di pusat operasi adalah menjalankan rondaan bagi mengesan sebarang kerosakan jalan di bawah bidang kuasa JKR. Pasukan peronda ini juga menjalankan kerja-kerja pembaikan berskala kecil seperti tampalan *pothole* dan pembaikan longkang. Pasukan peronda di pusat operasi juga menjalankan kerja-kerja yang melibatkan bencana alam yang memerlukan tindakan segera seperti pembersihan akibat runtuh cerun dan pokok tumbang akibat ribut. Selain itu, pasukan peronda juga bertugas untuk mengawasi kerja-kerja pembaikan yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik.
- (b) Pemantauan dan pengurusan kerja-kerja pembaikan oleh pihak MBPP pula adalah ke atas kerosakan parit, bahu jalan dan jalan raya yang terletak di bawah seliaannya. MBPP juga mempunyai Pasukan Penyelenggaraan Jalan bagi membaik pulih kerosakan jalan yang berskala kecil seperti *pothole*. Bagi memudahkan kerja penyelenggaraan, pasukan ini dibahagikan kepada 2 (dua) zon dan akan melakukan rondaan harian di semua kawasan MBPP. Pasukan ini akan mengambil tindakan dalam tempoh 24 jam bagi menampal *pothole* berdasarkan aduan atau hasil rondaan harian. Selain itu, MBPP juga

telah mewujudkan pasukan pemantauan pada waktu malam mengikut zon parlimen. Satu pusingan (*loop*) bagi sesuatu zon parlimen adalah selama tujuh hari. Ini bermakna setiap tujuh hari, zon-zon dapat dipantau secara keseluruhannya. Dengan adanya sistem pemantauan ini, MBPP dapat mengenal pasti kerosakan lampu-lampu jalan dengan segera dan seterusnya dapat menjalankan kerja-kerja pembaikan dengan segera.

- (c) Pihak MPSP mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan Pasukan Pemantau/Pertugas untuk memantau kerosakan longkang dan lampu awam di kawasan Seberang Perai. Pemantauan dilakukan secara berkala iaitu tiga (3) kali setahun bagi jalan dan longkang dalam taman perumahan dan dua (2) kali seminggu bagi lampu jalan. Selain itu, MPSP juga mempunyai pasukan bagi penyelenggaraan *pothole* dalam tempoh 24 jam.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Media massa melaporkan tindakan tegas Pihak Berkuasa Tempatan terhadap penghuni rumah flat, pangsapuri, kondo yang tidak membayar yuran penyelenggaraan. Setakat hari ini berapakah orang penghuni yang telah dikenakan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan? Apakah bentuk denda? Adakah tindakan bersepadu seperti pemotongan bekalan air perlu dilakukan untuk menghadapi penghutang tegar?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Seksyen 34, 35, 77, 78 dan 79 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) untuk mendapatkan sejumlah wang daripada individu atau pemilik unit yang engkar membayar yuran penyelenggaraan seperti berikut:-
- (i) Mengeluarkan notis bertulis bagi menuntut pembayaran jumlah wang yang perlu dibayar melalui Borang 11 (JMB/Pemaju) dan Borang 20 (MC/Sub-MC);
  - (ii) Memfailkan tuntutan di Mahkamah atau Tribunal;
  - (iii) Membuat permohonan penahanan harta alih kepada Pesuruhjaya Bangunan melalui Borang 21. Waran Penahanan seperti Borang A, Jadual Ketiga, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) akan dikeluarkan bagi membolehkan penahanan harta alih akan dijalankan oleh pihak JMB/MC di hadapan Pesuruhjaya Bangunan atau pegawai Pesuruhjaya Bangunan.

Sehingga September 2017, Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengeluarkan sebanyak 436 notis kepada pemilik petak daripada 27 skim perumahan petak supaya membuat bayaran caj penyelenggaraan. Manakala di pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), tiada tindakan penguatkuasaan oleh COB yang direkodkan setakat ini.

Operasi Perbadanan Bekalan Air Sdn Bhd (PBAPP) pula tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air Antara Pengguna Dengan Pemegang Lesen Pengagihan Air) 2014, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Berdasarkan akta tersebut, PBAPP hanya mempunyai kuasa untuk memotong perkhidmatan bekalan air sekiranya pemilik unit mempunyai tunggakan bil utiliti tersebut. Dari itu, PBAPP tidak mempunyai sebarang asas atau punca kuasa untuk menyekat bekalan air daripada kediaman pemilik disebabkan tunggakan yuran penyelenggaraan dan tindakan bersepadu bersama pemaju, JMB, MC atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan mengutip tunggakan yuran penyelenggaraan adalah tidak selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Isu rumah yang tidak berpenghuni memang tidak asing lagi. Rumah yang tidak berpenghuni biasanya ditumbuhi lalang dan tumbuhan liar yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk dan binatang berbahaya seperti ular, biawak dan nyamuk aedes. Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani masalah ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menangani isu rumah yang tidak berpenghuni dan berpotensi sebagai tempat pembiakan nyamuk aedes dan binatang yang berbahaya adalah seperti berikut:-
- (i) Mengeluarkan notis di bawah Seksyen 8(1) Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 akan dikeluarkan kepada pemilik atau penghuni supaya melakukan pembersihan. Jika pemilik atau penghuni gagal mematuhi notis setelah tamat tempohnya, pihak PBT akan menjalankan kerja-kerja pembersihan dan segala kos dan perbelanjaan yang terlibat akan dikenakan terhadap pemilik atau penghuni yang berkenaan di bawah Seksyen 8(6) dan 8(7) Akta yang sama.
  - (ii) Mengeluarkan notis kacau ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 kepada pemilik rumah supaya melakukan kerja-kerja pembersihan. Sekiranya pemilik gagal melakukan kerja-kerja pembersihan, kompaun akan dikeluarkan kepada pemilik dan pihak PBT akan melakukan kerja-kerja pembersihan dan kos yang terlibat akan dituntut daripada pemilik.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Zon atau kawasan industri kecil dan sederhana perlu diwujudkan di Pualu Pinang dengan kemudahan dan persekitaran industri kecil dan sederhana. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu sistem untuk memastikan kesihatan awam dan persekitaran tetap terpelihara?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Sistem yang digunapakai dalam memastikan kesihatan awam dan persekitaran terpelihara di Zon atau kawasan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah berpandukan kepada sistem kawalan yang dicadangkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 melalui dasar-dasar berikut:
- (i) (Dasar Sektor 12 : Langkah 2 - Memperkemas dan memperluaskan industri hiliran dan huluan bagi memastikan produktiviti yang lebih tinggi;
  - (ii) Dasar Sektor 12 : Langkah 3 - Menempatkan semula industri - industri yang menimbulkan percanggahan guna tanah bandar di zon-zon yang akan dikenalpasti di peringkat Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK); dan
  - (iii) Dasar Sektor 12 : Langkah 5 - Mengenal pasti kawasan - kawasan berpotensi untuk pembangunan industri IKS di peringkat RT bagi mewujudkan kawasan-kawasan industri dengan teratur termasuk menyediakan tapak pengumpulan sisa pepejal, infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian dan lengkap.

Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga turut mengenakan syarat dengan memastikan:-

- (i) Setiap permohonan kebenaran merancang untuk pemajuan industri yang dikemukakan kepada PBT akan dirujuk kepada semua jabatan teknikal termasuk Jabatan Alam Sekitar untuk pematuhan syarat;
- (ii) Setiap permohonan kebenaran merancang bagi pembangunan IKS hanya dibenarkan di dalam zon Industri yang telah dikenalpasti di dalam RSNPP 2020 yang telah diwartakan; dan
- (iii) Semua permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan bagi pembangunan IKS mematuhi syarat-syarat jabatan teknikal terutamanya Jabatan Kesihatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Ada pengusaha gerai jalanan yang membuang sisa makanan ke dalam longkang. Apakah mekanisme yang boleh diambil untuk mengelakkan longkang menjadi longgokan sampah bahan masakan? Adakah grease trap boleh berfungsi untuk mengatasi masalah ini? Adakah pihak berkuasa ada cadangan untuk mewajibkan semua pengusaha gerai berlesen/ tidak berlesen memasang *grease trap*?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Mekanisme yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengurang dan mengatasi masalah longgokan sampah bahan makanan adalah seperti berikut:-
- (i) Mengenakan syarat pemasangan alat perangkap gris di premis makanan dan penguatkuasaan ke atas pengusaha yang gagal mematuhi syarat.
  - (ii) Melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca.
  - (iii) Menggalakkan penggunaan alat pemprosesan sisa makanan.
  - (iv) Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja yang membuang terus sisa makanan ke dalam longgang.
  - (v) Mengambil tindakan penguatkuasaan seperti pengeluaran tawaran kompaun terhadap peniaga makanan yang gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan.

Pemasangan perangkap minyak adalah salah satu mekanisme yang bertujuan untuk memastikan tiada sisa makanan dan minyak dilepaskan secara terus ke dalam longgang / tangki kumbahan. Isu ini akan dapat diatasi sekiranya perangkap minyak yang dipasang menepati standard dan piawaian yang ditetapkan dan peniaga makanan membuat penyelenggaraan / pembersihan perangkap minyak dengan kerap.

Kedua-dua PBT telah mengenakan syarat bahawa semua premis yang menjalankan aktiviti penjualan makanan dan pengusaha gerai berlesen adalah diwajibkan memasang alat perangkap gris.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Kita mengakui peranan warga asing di negara kita. Kehadiran mereka harus saling melengkapi dengan penduduk tempatan dan bukannya mewujudkan persaingan yang sengit. Adakah warga asing yang telah membuka gerai menjual makanan di sepanjang Jalan Rumbia mempunyai lesen? Adakah pihak berkuasa memantau gerak geri warga asing agar kepentingan penduduk tempatan terpelihara?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Bagi premis perniagaan di Kompleks Komersial Jalan Rumbia, lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah hanya kepada warga tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat pemilik premis perniagaan warga tempatan di kompleks tersebut yang menyewakan premis mereka kepada warga asing. Terdapat juga pemilik premis warga tempatan yang mengambil warga asing untuk bekerja di situ. Bagi aktiviti perniagaan kecil (Penjaja Jalanan) di Jalan Rumbia kesemua penjaja menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Untuk makluman, aktiviti warga asing ini sentiasa dipantau oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan juga Jabatan Imigresen bagi memastikan kepentingan penduduk tempatan terpelihara. Antara tindakan yang diambil oleh MBPP adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan operasi bersepadu dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan kekerapan sekali sebulan;
- (ii) mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja tanpa lesen yang diusahakan oleh warga asing; dan
- (iii) tidak membenarkan sebarang premis MBPP disewakan kepada warga asing.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Masih ada flat yang yuran penyelenggaraan bulanannya hanya RM20.00 Jumlah unit yang ada pula berjumlah 40. Kalaulah kutipan adalah 100% dengan jumlah RM800.00 memang tidak berupaya untuk menanggung segala perbelanjaan. Adakah Kerajaan Negeri akan menetapkan atau menyeragamkan yuran penyelenggaraan berdasarkan kategorinya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Seksyen 21(1)(b), 21(1)(c), 59(1)(b) dan 599(1)(c) Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] menggariskan bahawa kadar yuran penyenggaraan bagi sesuatu projek ditetapkan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) mengikut bajet perbelanjaan tahunan dan dipersetujui oleh penduduk dalam Mesyuarat Agung Tahunan / Mesyuarat Agung Luar Biasa. Akta tersebut juga menetapkan bahawa JMB/MC mempunyai kewajipan untuk menentukan dan mengenakan Caj dan caruman kepada kumpulan wang penjelas (*sinking fund*). Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai asas perundangan untuk menetapkan atau menyeragamkan kadar yuran penyelenggaraan kecuali untuk skim-skim perumahan awam.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri prihatin terhadap masalah kekurangan dana yang diperlukan oleh banyak JMB/MC untuk membiayai pelbagai kos pembaikan dan penyelenggaraan. Sehubungan itu, inisiatif *Housing Assistance Programme of Penang, YES! (HAPPY!)* telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 bertujuan untuk menampung kos pembaikan dan penyelenggaraan harta milik bersama (*common property*) dari skim Rumah Mampu Milik A (kos rendah) dan B (kos sederhana rendah) yang menerima peruntukan daripada Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M). Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang pada tahun 2013. Dana ini dimanfaatkan sepenuhnya setelah tiada lagi peruntukan TP1M disalurkan kepada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan. Sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan berperanan untuk meneliti dan mempertimbangkan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh JMB/MC kepada Bahagian Perumahan. Jumlah kos projek dan sumbangan Kerajaan Negeri daripada kedua-dua inisiatif ini diperincikan seperti di jadual berikut:-

| Tahun         | HAPPY               | Jumlah Kos Projek TPM80% Pulau Pinang | Jumlah Sumbangan Kerajaan Negeri untuk TPM80% Pulau Pinang |
|---------------|---------------------|---------------------------------------|--|
|               | (RM)                | (RM)                                  | (RM)   |
| 2013          | 54,466.10           | 512,732.54                            | 410,186.03   |
| 2014          | 2,412,620.00        | 795,339.50                            | 636,271.60   |
| 2015          | 2,092,155.50        | 744,028.75                            | 595,223.00   |
| 2016          | 180,000.00          | 4,321,488.47                          | 2,449,886.78   |
| 2017          | -                   | 5,104,643.36                          | 3,783,417.49   |
| <b>JUMLAH</b> | <b>4,739,241.60</b> | <b>11,478,232.62</b>                  | <b>7,874,984.90</b>  |

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thamyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Memang menjadi tanggungjawab JKMM kawasan membantu golongan yang daif memohon beberapa produk Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti bantuan orang tua (BOT), bantuan AM (BA), bantuan kanak-kanak (BKK) dan sebagainya. Pada era teknologi maklumat ini, bilakah JKM Negeri Pulau Pinang akan mula membolehkan permohonan segala bantuan ini dilakukan secara *on-line*?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Pelaksanaan Bantuan Kebajikan adalah selaras dengan Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Pada masa ini, semua permohonan bantuan kebajikan adalah melalui borang permohonan yang boleh didapati di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), KOMTAR.

Permohonan bantuan akan didaftarkan oleh kakitangan JKM melalui Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (SPBK) atau eBantuan. Sistem ini telah dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2007 dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan. Pada tahun 2016 projek rintis telah dilaksanakan bagi permohonan secara atas talian (*online*) bagi 5 Negeri iaitu Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Selangor dan Kedah.

Oleh yang demikian, cadangan untuk melaksanakan permohonan secara atas talian bagi Negeri Pulau Pinang akan dilaksanakan sekiranya mendapat arahan dan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Kawasan industri kecil dan sederhana telah dizonkan. Adakah rumah-rumah kedai yang berhampiran dengan kawasan perumahan boleh dijadikan kawasan industri kecil dan sederhana yang boleh meninggalkan beberapa impak kesihatan dan alam sekitar? Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri terhadap pengusaha di rumah-rumah kedai ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Kawasan industri kecil dan sederhana yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah di kawasan Bandar Perda di Teluk Kumbar, Sungai Tiram di Bayan Lepas, Kawasan Perindustrian Diamond Valley dan Kawasan Penempatan Semula di Batu Maung serta Jalan Sungai Pinang di Bandaraya George Town. Di bawah kawalan Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, premis rumah kedai hanya dibenarkan untuk aktiviti perniagaan dan sebarang kegunaan untuk tujuan industri adalah tidak dibenarkan.

Di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula, rumah-rumah kedai yang berhampiran dengan perumahan boleh dijadikan kawasan industri kecil dan sederhana. Namun begitu, hanya perniagaan perkhidmatan iaitu perdagangan pameran, jualan kenderaan baru, terpakai dan aksesori serta perkhidmatan servis kenderaan sahaja yang dibenarkan. Aktiviti lain yang tidak dibenarkan adalah aktiviti industri seperti bengkel kereta potong, bengkel kenderaan bermotor dan jentera. Walau bagaimanapun, setiap permohonan lesen premis perniagaan akan dirujuk kepada jabatan teknikal untuk kelulusan. Pelaksanaan kaedah ini adalah bagi mengatasi dan mengawal impak kesihatan dan alam sekitar.

Bagi pengusaha perniagaan yang didapati perniagaan yang dijalankan boleh menyebabkan impak kesihatan dan alam sekitar, tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (a) Mengambil tindakan ke atas pengusaha kilang kecil dan sederhana mengikut peruntukan Seksyen 26, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Tindakan penguatkuasaan boleh diambil ke atas pemilik dan pengusaha yang terlibat.
- (b) Mengeluarkan kompaun ke atas pengusaha yang menjalankan aktiviti perindustrian tanpa lesen.
- (c) Mengeluarkan Notis Menghapuskan Kacau Ganggu dan tawaran kompaun kepada pengusaha perniagaan supaya kacau ganggu / impak tersebut dihapuskan dalam tempoh yang diberikan.
- (d) Merujuk kes kepada Jabatan Alam Sekitar bagi aktiviti perniagaan yang menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar.
- (d) Mengambil tindakan rampasan (barang niaga) untuk dijadikan sebagai *eksibit* di mahkamah.
- (e) Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi kes kacau ganggu yang dilakukan oleh pengusaha perniagaan.
- (f) Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen bagi aktiviti perniagaan tanpa lesen.
- (g) Membatalkan lesen perniagaan bagi premis yang gagal mengambil tindakan seperti yang diminta.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Apakah sistem perlu diwujudkan untuk memastikan infrastruktur di sesebuah kawasan perumahan atau flat diselenggarakan dengan seeloknya setelah kawasan awam (common area) seperti jalan, parit, pokok diserahkan kepada Majlis?



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Sistem pemantauan dan penyelenggaraan sememangnya diperlukan bukan sahaja oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), tetapi juga oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) yang bertanggungjawab untuk mengurus harta bersama di dalam pengurusan hakmilik strata atau bangunan bertingkat melalui sistem pemantauan urusan penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik serta dapat mengelak dari berlaku kejadian-kejadian yang tidak diingini.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Setiap bulan ada tambahan sebanyak 3600 buah kenderaan baharu di Pulau Pinang. Tempat letak kenderaan tidak ditambah. Hal ini menimbulkan masalah kekurangan tempat letak kenderaan dan kesesakan lalu lintas. Apakah status Pelan Induk Pengangkutan Kerajaan Negeri? Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. (a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan masalah kekurangan tempat meletak kenderaan dan masalah kesesakan lalu lintas. Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah-masalah tersebut iaitu:
- (i) Melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang dengan memfokuskan kepada projek-projek keutamaan iaitu Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)*, Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan Projek Jalan-jalan Utama.
  - (ii) Membuat pelebaran jalan, melarang pembelokan ke kanan dan pelaksanaan jalan sehalu di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan telah dilaksanakan dan akan diteruskan.
  - (iii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan "green wave".
  - (iv) Memasang sistem CCTV di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. Sistem CCTV sedia ada akan dinaiktaraf dengan menggunakan sistem analisis video (*video analytic*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam.
  - (v) Membina jalan-jalan baru dan naiktaraf jalan-jalan utama serta pembinaan tanjakan untuk pembelokan kanan.
  - (vi) Bekerjasama dengan Rapid Penang untuk meluaskan liputan dan menambah kekerapan perkhidmatan bas awam.
- (b) Status Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang

Dua (2) kelulusan wajib yang diperlukan untuk melaksanakan Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit (LRT)* adalah Laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' dan Laporan Skim Rail. Laporan *DEIA* telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan. Manakala laporan Skim Rail (*Rail Scheme*) telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. SPAD kini dalam proses penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pertengahan tahun 2018. Justeru, kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara ini.

Bagi Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1), penyediaan laporan '*Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*' kini di peringkat akhir dalam menyelesaikan isu-isu teknikal dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan pada penghujung bulan Disember 2017.

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama merangkumi projek North Coast Paired Road, Air Itam - Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu Bypass dan Persiaran Gurney - Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu Bypass, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan Laporan *Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*. Laporan DEIA ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 22 April 2017 untuk pertimbangan kelulusan.

(c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam adalah seperti berikut:

**(i) Perkhidmatan Free Shuttle Service dengan Central Area Transit (CAT)**

Perkhidmatan ini dijalankan oleh Rapid Penang di sekitar kawasan George Town. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai perancangan masa hadapan bagi mengembangkan perkhidmatan CAT ke kawasan-kawasan lain yang berpotensi khas untuk kesenangan rakyat.

**(ii) Perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) iaitu BEST KOMTAR dan BEST FIZ.**

Perkhidmatan ini menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ke tempat kerja selain mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya di atas jambatan Pulau Pinang.

**(iii) Projek perintis Car Free Day**

Projek ini telah diadakan sejak enam (6) tahun lalu untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, bersenam serta mengurangkan pencemaran. Jalan yang ditutup adalah sebahagian Jalan Lebu Pantai dari Lebu Union hingga Gat Lebu China dan jalan di antara Lebu Bishop dan Lebu Gereja telah dijadikan kawasan larangan penggunaan kenderaan bermotor pada setiap Hari Ahad dari jam 6.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Seseorang yang membela anjing di rumah teres perlu memohon lesen anjing dan suntikan vaksin pada setiap tahun. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan juga ada cadangan untuk mewajibkan lesen dan suntikan vaksin untuk kucing? Ada pergaduhan apabila tuan punya kucing enggan mengakui kucing belaanannya yang telah menimbulkan kacau ganggu kepada jiran?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Buat masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan tiada perancangan untuk mewajibkan lesen dan suntikan vaksin kepada kucing. Tindakan rampasan kucing akan diambil sekiranya kucing menimbulkan kacau ganggu kepada jiran.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk mengembiri anjing dan kucing yang tidak bertuan atau mencari keluarga angkat agar isu ini dapat ditangani dengan sifat penuh kemanusiaan? Pihak Kerajaan Negeri boleh berkerjasama dengan SPCA atau NGO lain untuk menangani masalah ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Agensi-agensi yang terlibat bagi mengawal anjing dan kucing ialah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal anjing dan kucing adalah seperti berikut:

(a) JPV hanya menyediakan perkhidmatan mengembiri untuk pelanggan klinik Jabatan Perkhidmatan Veterinar sahaja. JPV tidak mengembiri anjing dan kucing terbiar dan tidak tertakluk di bawah bidang kuasa JPV.

- (b) Program Pemandulan Anjing
- (i) MBPP menerusi Pelan Tindakan Program Sifar Anjing Liar dan Terbiar 2015-2019 menjalankan Program Pemandulan bersama *Non-Governmental Organization* (NGO) dan JPV Negeri Pulau Pinang. Melalui program ini.
- MBPP sedang mendirikan satu bangunan baru yang dijangka siap pada tahun ini di mana Unit Veterinar MBPP akan ditempatkan di bangunan tersebut. Bangunan ini akan dilengkapi dengan segala kemudahan untuk menjalankan aktiviti pemandulan.
- (ii) MBPP akan bekerjasama dengan klinik-klinik swasta dan JPV untuk menggalakkan pemandulan anjing. Untuk tahun 2017, MBPP telah menyediakan peruntukan sebanyak RM382,500 untuk program pemandulan ini.
- (iii) MPSP menjalankan Program Pemandulan Bagi Anjing Yang Tidak Bertuan di bawah seliaan Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) dan juga lain-lain NGO bermula dari tahun 2005 hingga tahun 2015 yang dikendalikan oleh Jawatankuasa LA (21) Haiwan Kesayangan dengan kerjasama SPCA. Pada tahun 2016 dan 2017, MPSP masih menawarkan perkhidmatan pemandulan anjing kepada semua NGO dan juga pemilik anjing yang tidak terlibat dengan LA 21.
- (c) Program *Adoption*
- (i) MBPP menjalankan prosedur tuntutan kembali anjing yang telah ditangkap. Anjing-anjing yang ditangkap oleh MBPP boleh dituntut kembali oleh pemilik anjing atau orang persendirian dan perlu mematuhi beberapa prosedur yang telah ditetapkan oleh MBPP.
- (ii) MPSP melaksanakan program *adoption* dengan bantuan SPCA dalam Karnival Haiwan Kesayangan dan juga Car Free Morning.
- (d) *Animal Sanctuary*
- (i) MBPP pada ketika ini bekerjasama dengan NGO *Penang Animal Sanctuary Society* (PASS) untuk mendirikan satu *animal sanctuary* bagi mengendalikan kawalan populasi anjing liar dan terbiar di Pulau Pinang. Lokasi *animal sanctuary* ini adalah di Taman Metropolitan Relau.
- (ii) Ini secara langsung dapat mengurangkan pertambahan anjing serta kucing liar dan terbiar di tempat awam serta dapat menggalakkan orang awam dalam membantu pihak MBPP untuk mengendalikan kawalan anjing serta kucing liar dan terbiar ini.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Kehadiran kereta buruk ini membazirkan ruang dan menjejaskan imej negeri kita. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri ada banyak tanah terbiar. Alangkah baiknya jika tanah terbiar itu dimanfaatkan sebagai depo kereta buruk yang boleh menjana sumber pendapatan kepada

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa berusaha menangani isu kereta buruk di Negeri Pulau Pinang. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil tindakan dengan mewujudkan depo tambahan kereta buruk di kawasan Pulau. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula dalam tindakan mengenal pasti tanah terbiar di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang sesuai untuk dijadikan depo kereta buruk. Kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga diadakan bagi tindakan pelupusan kereta-kereta buruk ini. Bangunan tanah terbiar bagi tujuan ini tidak dapat dilakukan oleh PBT kerana ia adalah tanah persendirian.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Adakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk memberikan KPI atau gred kepada JKKK yang ada? Elaun pengerusi, setiausaha dan AJK harus diberikan berdasarkan gred masing-masing agar wujudnya persaingan yang sihat dalam kalangan JKKK. JKKK harus menjadi aset kepada Kerajaan Negeri dan bukannya liabiliti.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Kerajaan Negeri sedar akan peranan penting yang dimainkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) sebagai penyelaras pelaksanaan dasar, program dan projek pembangunan di dalam sesebuah komuniti. Oleh yang demikian, sebagai penghargaan dan juga penetapan paras kualiti sesebuah JKKK, setiap dua (2) tahun sekali, Kerajaan Negeri menganjurkan Anugerah JKKK Terbaik di kalangan 299 JKKK di seluruh Negeri Pulau Pinang yang dinilai dari pelbagai aspek melalui satu Jawatankuasa Penilaian yang ditubuhkan. Buat masa ini Kerajaan Negeri turut menetapkan KPI kepada semua JKKK sedia ada seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan mesyuarat bulanan JKKK sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap bulan.
- (ii) Tuntutan Elaun Kehadiran Mesyuarat JKKK tidak lewat daripada 15hb bulan berikutnya.
- (iii) Ketidakhadiran mesyuarat JKKK secara berturut-turut sebanyak 3 kali tanpa alasan bertulis yang munasabah.
- (iv) Penglibatan Pengerusi & Setiausaha JKKK dalam Majlis/Program anjuran Kerajaan Negeri, sekurang-kurangnya enam (6) Majlis /Program setahun.

Kerajaan Negeri juga turut memutuskan syarat penglibatan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam setiap JKKK. Ini turut merupakan pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap peranan wanita.

Untuk memperkasakan JKKK, Kerajaan Negeri telah memberi beberapa kemudahan dan saguhati kepada JKKK sebagai menghargai sumbangan dan khidmat mereka kepada masyarakat setempat. Bagi bayaran Elaun Pengerusi, Elaun Setiausaha dan Elaun Ahli, Kerajaan Negeri pada Januari 2017 telah menaikkan kadar elaun tetap seperti berikut:

| Jawatan                          | 2014     | Januari 2017 |
|----------------------------------|----------|--------------|
| Pengerusi                        | RM650.00 | RM700.00     |
| Setiausaha                       | RM550.00 | RM600.00     |
| Ahli (Elaun Kehadiran Mesyuarat) | RM40.00  | RM50.00      |

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Apakah agensi yang terlibat untuk memperbaiki kerosakan yang berpunca daripada kemalangan? Pada kebiasaannya pihak MBPP akan memperbaiki kerosakan lampu isyarat. Pihak MBPP atau agensi lain sering terlepas pandang untuk memperbaiki papan tanda, tiang lampu awam milik MBPP. Apakah SOP MBPP untuk memperbaiki segala kerosakan yang berpunca daripada kemalangan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. (a) Sekiranya berlaku kemalangan, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan lampu isyarat di seluruh kawasan pulau di Pulau Pinang. Apabila berlaku kemalangan yang melibatkan lampu isyarat, MBPP akan mengambil tindakan segera untuk memperbaiki kerosakan. SOP MBPP dalam kes-kes kerosakan lampu isyarat disebabkan oleh kemalangan adalah seperti berikut:-
- (i) mengalihkan peralatan lampu isyarat yang terlibat dengan kemalangan seperti tiang-tiang lampu isyarat atau aspek lampu isyarat dari atas jalan dengan sertamerta selepas menerima maklumat kemalangan,
  - (ii) memperbaiki peralatan lampu isyarat yang rosak dalam tempoh 24 jam dari waktu kemalangan, dan

(iii) membuat laporan polis bagi tujuan tuntutan insurans.

Semasa membaiki kerosakan, semua peralatan yang rosak termasuk perabot jalan akan diganti semula oleh MBPP kecuali perabot jalan di jalan-jalan Negeri dan Persekutuan yang di bawah penyelenggaraan JKR.

Selain itu, bagi kes-kes melibatkan tiang lampu awam yang di bawah tanggungjawab MBPP, tindakan segera akan diambil bagi mengalih, membaiki dan memastikan kawasan kemalangan selamat kepada pengguna jalan raya.

(b) Bagi kerosakan yang berpunca daripada kemalangan di Jalanraya Negeri dan Persekutuan, tanggungjawab untuk membaiki kerosakan yang berlaku adalah di bawah bidang Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sebarang kerosakan berpunca daripada kemalangan akan dilaporkan di balai polis untuk rekod kerosakan aset. Bagi Jalan Persekutuan, sebarang kerosakan aset akan direkodkan dalam inventori dan "*notification of defects*" akan dikeluarkan oleh syarikat konsesi bersama kos anggaran pembaikan untuk diangkat ke peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi permohonan peruntukan. Kerja pembaikan akan dijalankan setelah JKR negeri mendapat peruntukan tersebut.

Bagi Jalan Negeri, pembaikan boleh dilaksanakan secara kerja undi, ataupun sebutharga, dan bagi kerja kecemasan dimana ia boleh membahayakan pengguna jalan yang lain, kerja pembaikan akan dilaksanakan secara (lantikan terus) serta-merta sekiranya mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri menggunakan peruntukan Wang Selenggara Jalan Negeri.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Penguatkuasa yang lemah telah menyebabkan taman kejiranan dan lorong belakang rumah teres menjadi tempat baik anjing peliharaan mahupun anjing liar membuang najis. Adakah Kerajaan Negeri ingin menguatkuasakan undang-undang tersebut seperti di Subang Jaya, Selangor?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Pihak PBT mempunyai perancangan untuk menambahbaik Undang-Undang Kecil (UUK) sedia ada iaitu UUK Kawalan Anjing 1982 dengan mengambil contoh UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007. Sehubungan itu, pihak PBT telah mengemukakan Undang-Undang Pelesenan Anjing dan Kandang Anjing 2015 kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang (PPUUNPP) untuk diwartakan. Di bawah undang-undang tersebut terdapat peruntukan iaitu anjing yang dilesenkan perlu dalam keadaan bersih dan sihat, pemilik perlu mengekalkan tempat simpanan dalam keadaan bersih pada setiap masa dan juga menguruskan sisa najis di tempat simpanan dan tempat awam tanpa menyebabkan gangguan kepada orang lain. MPSP sedang menunggu draf yang disediakan oleh MBPP untuk kelulusan PPUUNPP bagi tujuan penyeragaman UUK untuk digunapakai oleh kedua-dua PBT.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Banyak anak muda hari ini diisytiharkan bankrap kerana pengurusan kewangan yang tidak bijak. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu skim yang menggalakkan anak-anak muda untuk membuat pelaburan untuk menjamin masa depannya? Apakah bentuk kesedaran yang boleh diberikan kerajaan kepada mereka?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai satu skim yang khas untuk menggalakkan anak muda membuat pelaburan.

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), ialah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk mewujudkan masyarakat yang bijak dari segi kewangan. AKPK juga menyediakan peluang kepada mereka yang dibelenggu hutang untuk memulih semula keadaan kewangan mereka melalui perkhidmatan pengurusan kredit berstruktur AKPK. Pihak AKPK menyediakan perkhidmatan seperti pendidikan kewangan, kaunseling kewangan dan program

pengurusan kredit kepada orang muda yang mempunyai masalah pengurusan kewangan. Memandangkan AKPK menyediakan semua perkhidmatan, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyediakan program kesedaran buat masa ini.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Kos rawatan dan perubatan semakin meningkat sehingga membebankan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah. Adakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk meniru program Peduli Sihat daripada Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk melaksanakan program kad kesihatan Peduli Sihat seperti Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan berhasrat membantu golongan masyarakat yang berpendapatan rendah. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa inisiatif dalam meringankan beban masyarakat yang berpendapatan rendah seperti berikut:

- (i) Bagi pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Subsidi Rawatan Dialisis bersama Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa, daerah Seberang Perai Utara dan Pusat Dialisis Amal MAA Medicare, daerah Seberang Perai Tengah dalam bentuk subsidi rawatan dialisis sebanyak RM30.00 bagi setiap kali rawatan sepanjang tiga (3) tahun kepada pesakit yang layak. Sehingga tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM886,276.30 bagi tujuan ini.
- (ii) Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau bagi membolehkan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan rawatan dialisis pada kadar yang rendah dan bantuan subsidi rawatan pesakit yang layak berjumlah RM30.00 bagi setiap kali rawatan. Sehingga September 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM528,638 bagi tujuan ini; dan
- (iii) Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM836,530.00 bagi Program Mammo Penang yang menawarkan pemeriksaan mammogram atau *ultra sound* secara percuma kepada penduduk Pulau Pinang berusia 35 tahun dan ke atas.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Tikus ialah binatang perosak yang sangat berbahaya. Makanan yang terdedah kepada kencing tikus boleh memudaratkan kesihatan. Kehadiran tikus pula berkait rapat dengan pembuangan sisa makanan. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membendung pembiakan tikus?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan pelbagai tindakan dalam membendung pembiakan tikus. Faktor kebersihan merupakan punca utama kehadiran tikus di sesuatu kawasan. Oleh yang demikian, bagi menyelesaikan isu ini, Kerajaan Negeri telah dan sentiasa melaksanakan tindakan-tindakan berikut secara berterusan:

- (i) Menjalankan aktiviti kutipan sampah berjadual di kawasan kediaman, kompleks pasar awam, kompleks komersial dan kawasan perusahaan di seluruh Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Menjalankan aktiviti pembersihan parit longkang;
- (iii) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di pasar awam dan kompleks makanan;
- (iv) Melaksanakan tindakan penghapusan sarang dan tempat perlindungan tikus serta permusnahan tikus menggunakan kaedah pengumpanan racun kimia; dan
- (v) Melaksanakan pendidikan kesihatan kepada pengusaha-pengusaha dan masyarakat dalam membendung pembiakan tikus.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Tanah terbiar milik kerajaan boleh diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Soalnya apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pemilik tanah terbiar yang tidak menyelenggarakan tanah mereka?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap pemilik tanah terbiar yang tidak menyelenggarakan tanah mereka adalah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan notis kacau ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 kepada pemilik tanah untuk melakukan kerja-kerja pembersihan.
  - (ii) Mengenakan kompaun kepada pemilik tanah yang gagal melakukan kerja-kerja pembersihan.
  - (iii) PBT akan melakukan kerja-kerja pembersihan dan kos pembersihan oleh PBT akan dikenakan terhadap pemilik tanah.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menangani isu gelandangan warga emas memandangkan fenomena ini boleh menjejaskan imej negeri kita? Adakah Kerajaan Negeri pernah menjalankan apa-apa kajian berhubung dengan kehadiran golongan gelandangan yang semakin banyak?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menangani isu gelandangan adalah seperti berikut :
- (a) Melancarkan program *Empowering The Street Citizens* yang bertujuan untuk membantu dan mendayaupayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Program bersifat *Tri-Partite Venture* ini menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO). Di bawah program ini, gelandangan akan ditempatkan di sebuah rumah atau bangunan yang akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan. Selepas tamat tempoh penempatan, gelandangan ini diharapkan dapat berdikari dan berintegrasi dengan masyarakat. Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadangkan dikendalikan oleh NGO yang dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri;
  - (b) Menjalankan intervensi kerja sosial berkonsepkan "Community Care" di mana golongan gelandangan yang mampu bekerja dan produktif diberikan bantuan kebajikan dan rumah PPR atau rumah sewa serta diberi galakan dan peluang pekerjaan untuk hidup berdikari; dan
  - (c) Menjalankan aktiviti-aktiviti berikut khusus bagi membantu golongan gelandangan secara langsung seperti berikut:-
    - (i) Menjalankan operasi-operasi bersepadu bersama agensi yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, RELA, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Kesihatan dan Jabatan Pendaftaran Negara bagi menyelamatkan gelandangan melalui aduan orang awam atau media;
    - (ii) Menjalankan perintah pemulihan melalui Akta Orang Papa 1977;
    - (iii) Penempatan golongan gelandangan di Institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Desa Bina Diri yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
    - (iv) Mengadakan kerjasama dengan NGO bagi menempatkan gelandangan yang memerlukan penempatan sementara;

- (v) Merujuk golongan gelandangan kepada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kesihatan bagi gelandangan yang mempunyai masalah mental atau AADK bagi gelandangan yang terlibat dengan dadah;
- (vi) Mengadakan mesyuarat antara agensi kerajaan bagi kerjasama dan tindakan penguatkuasaan; dan
- (vii) Melaksanakan Kempen “Bijak Memberi Elak Tertipu” untuk memberi kesedaran kepada orang ramai dan NGO bagi tidak menggalakkan pemberian sumbangan yang dapat mengalakkan golongan ini untuk terus memilih menjadi gelandangan.

JKM dengan kerjasama Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Prof Dr. Azlinda bt Azman telah melaksanakan kajian pada tahun 2014 di empat (4) kawasan *hotspot* gelandangan iaitu sekitar KOMTAR, Jalan Masjid Kapitan Keling, Jalan Penang dan Jeti Pulau Pinang. Hasil kajian tersebut mendapati sebab-sebab utama golongan ini menjadi gelandangan adalah seperti berikut:

- (a) kehilangan pekerjaan;
- (b) kemiskinan;
- (c) ketagihan arak;
- (d) masalah mental;
- (e) kemurungan;
- (f) bekas banduan;
- (g) pengabaian;
- (h) penagihan dadah;
- (i) lari dari rumah; dan
- (j) penceraian

Manakala kaum yang paling tinggi berdasarkan responden kajian adalah kaum Cina, Melayu dan diikuti India. Kajian ini juga mendapati keperluan utama gelandangan adalah tempat tinggal.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Memang ada banyak produk kebajikan untuk Orang Kurang Upaya [OKU] daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kerajaan Negeri. Apakah program atau kemahiran yang boleh diatur untuk golongan ini agar dapat hidup berdikari daripada menadahkan tangan untuk menagih simpati?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Antara program atau kemahiran yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu melahirkan golongan OKU yang lebih berdikari adalah seperti berikut:-
- (i) Menyediakan perkhidmatan latihan dan kemahiran pekerjaan di Bengkel Terlindung dan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian OKU serta Program Penempatan Pekerjaan (*Job Coach*) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Manusia di dalam pelbagai bidang termasuk pengendalian makanan, pembuatan alat prostetik dan orthotik, elektrik dan elektronik, kraftangan, mencanting batik dan lain-lain;
  - (ii) Memberikan bimbingan kerjaya kepada OKU melalui *Penang Career Assistance and Talent Centre* (PenangCAT) untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian.
  - (iii) Menyediakan peruntukan bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga-peniaga kecil termasuk golongan OKU dan ibu tunggal yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun. Bantuan peralatan bagi pemiagaan sedia ada bertujuan bagi meningkatkan kapasiti/*output* perniagaan.



- (iv) Mengadakan Karnival Pekerjaan OKU, seperti contoh pelaksanaan “*OKU Career Fair*” yang telah diadakan di Sunway Carnival Convention Center bagi memastikan golongan OKU lebih berdikari dan berdaya maju dalam arus pembangunan masa kini.
- (v) Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) adalah satu strategi pembangunan komuniti bagi pemulihan, latihan, pendidikan, kesaksamaan peluang dan integrasi sosial golongan orang kurang upaya (OKU).
- (vi) Elaun Pekerja Cacat (EPC) bagi OKU yang berpendapatan tidak melebihi RM1,200.00 sebulan demi menggalakkan golongan OKU bekerja.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Bilangan taman kejiranan sering ditambah dari semasa ke semasa seiring dengan agenda Cleaner Greener Penang. Soalnya siapakah yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan taman kejiranan ini? Adakah kontraktor jalan dan parit MBPP atau staf dari Jabatan Landskap MBPP? Adakah edible landskap boleh dijalankan di padang awam milik MBPP?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Penyelenggaraan taman kejiranan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang terlibat adalah melakukan kerja-kerja pemotongan rumput, pembersihan di bahu jalan dan tanah lapang serta lain-lain.

Bagi taman kejiranan di kediaman berstrata pula, penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab *Management Corporation (MC) / Joint Management Body (JMB)*.

*Edible* Landskap adalah satu pendekatan rekabentuk taman yang menggabungkan penggunaan tanaman makanan dan tanaman. Walau bagaimanapun, *edible* landskap tidak boleh dijalankan di padang awam milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana bertentangan dengan Garis Panduan Bagi Penggunaan Tanah Lapang Sedia Ada Di Dalam Kawasan MPPP yang menetapkan kawasan lapang diperuntukkan bagi tujuan seperti bersenam, beriadah dan bermain atau bangunan serbaguna atau bangunan komuniti yang boleh digunakan sebagai dewan komuniti, rukun tetangga, Dewan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, pondok polis, perpustakaan dan persatuan penduduk.

**X. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 1. (a) Berapakah jumlah lesen pusat hiburan keluarga, pusat karaoke, snooker dan rumahurut yang telah diluluskan setiap tahun sejak 2008-2017 dan berapakah yang beroperasi tanpa lesen. Adakah rancangan untuk pemutihan pusat-pusat tersebut?
- (b) Berapakah lesen yang telah diluluskan walaupun tidak disokong oleh pihak polis?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 1. (a) Jumlah lesen pusat hiburan keluarga, pusat karaoke, snooker dan rumahurut yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2008 hingga 2017 adalah sebanyak 1,174 dan bilangan premis yang beroperasi tanpa lesen adalah sebanyak 842. Buat masa ini PBT tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melaksanakan program pemutihan ke atas premis-premis tidak berlesen tersebut. Tindakan yang telah diambil oleh PBT adalah mengeluarkan kompaun, menjalankan operasi bersama pihak PDRM dan mengambil tindakan mahkamah. Maklumat premis berlesen dan tidak berlesen mengikut tahun adalah seperti di **Lampiran A dan B**.
- (b) Bilangan lesen yang telah diluluskan oleh PBT tanpa sokongan pihak PDRM adalah sebanyak 121. Maklumat terperinci mengikut tahun adalah seperti di **Lampiran C**. Lesen hiburan awam yang diluluskan tanpa sokongan PDRM adalah berdasarkan ulasan keseluruhan jabatan lain. Antara ulasan yang dikemukakan adalah premis-premis tersebut beroperasi di zon yang telah ditetapkan oleh PBT, tidak ada sebarang masalah kacau ganggu dan tidak ada bantahan oleh penduduk sekitar.

**RUJ. LAMPIRAN A, B DAN C BDJH NO. 1.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Berapakah sekolah agama (tahfiz) yang ada dalam Negeri Pulau Pinang dan berapakah yang telah didaftarkan dengan MAINPP? Apakah bentuk bantuan kewangan, latihan untuk pengurusan dan tenaga pengajar yang diberi oleh pihak MAINPP?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Terdapat 59 buah sekolah agama tahfiz di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, 44 buah telah didaftarkan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), manakala 15 buah lagi masih belum berdaftar.

Sumbangan kewangan daripada kerajaan negeri dan MAINPP kepada tenaga pengajar dan Maahad Tahfiz disalurkan dalam pelbagai bentuk. Antaranya untuk latihan pengurusan, kelengkapan pelajaran, penyelenggaraan, bonus tahunan, 'duit raya' dan bantuan tahunan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Jawatankuasa untuk penubuhan Sekolah Agama Rakyat di tapak sebelah Masjid Daerah SPU telah memohon untuk menubuhkan sekolah berkenaan kepada MAINPP. Apakah perkembangan permohonan tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Jawatankuasa bagi penubuhan Sekolah Agama Rakyat di tapak bersebelahan Masjid Daerah Seberang Perai Utara telah mengadakan satu mesyuarat lebih kurang setahun yang lalu. Namun sehingga kini tiada sebarang permohonan dikemukakan oleh pihak jawatankuasa berkenaan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) .

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Tanah-tanah Wakaf di Negeri Pulau Pinang;
  - a) Sila senaraikan projek-projek pembangunan.
  - b) Apakah status pembangunan tersebut.
  - c) Dari manakah sumber kewangan untuk projek-projek tersebut dan pihak yang terlibat untuk memajukannya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. (a) Terdapat lapan projek pembangunan yang telah dan akan dibangunkan di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang meliputi projek membangunkan rumah kediaman, sekolah agama, hospital Islam dan masjid. Senarai projek serta perinciannya adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Daripada lapan projek ini, satu projek telah siap, dua dalam pembinaan dan lima di peringkat permohonan kelulusan kebenaran merancang.
- (c) Sumber kewangan bagi membiayai projek diperolehi secara usahasama dengan agensi seperti UDA Holdings Sdn Bhd, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Islam Pulau Pinang, Yayasan Al-Bukhary, dan syarikat swasta.

**RUJ. LAMPIRAN A BDHJ NO. 4.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Sila nyatakan jumlah kutipan bayaran peparitan yang dibuat oleh pemaju-pemaju projek pembangunan dalam negeri Pulau Pinang kepada MPSP dan MBPP setiap tahun dari 2008 sehingga 2017 beserta butiran jumlah keluasan setiap projek mengikut daerah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Sejumlah RM103,433,030.58 telah dikutip oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi bayaran perparitan yang dibuat oleh pemaju-pemaju projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Jumlah kutipan bayaran perparitan yang diterima setiap tahun dari tahun 2008 sehingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A**. Jumlah keluasan tapak pembangunan yang diluluskan bagi kutipan bayaran perparitan mengikut daerah sejak tahun 2008 adalah seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 5.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. (a) Berapa banyakkah berlaku air yang hilang/terbazir (*non-revenue water*) oleh PBA (setiap tahun sejak 2008). Apakah sebab-sebab ianya berlaku.
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh PBA untuk mengurangi dan mengatasi masalah itu dan berapa peruntukan yang disediakan berbanding dengan kos pengurusan yang dipakai setiap tahun.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. (a) Jumlah air yang tidak berhasil *Non-Revenue Water (NRW)* oleh PBA sejak 2008 adalah seperti **Lampiran A**.

Punca berlaku NRW adalah disebabkan:

- (i) Kebocoran paip air bawah tanah yang disebabkan oleh paip-paip yang lama dan usang (*Physical Losses*). Paip-paip lama seperti "*Asbestos Cement*", "*Cast Iron*", "*Galvanised Iron*" dan "HDPE" PN10 yang dipasang dalam sistem, telah usang dan tidak dapat menanggung tekanan air yang tinggi serta kerap pecah.
- (ii) Ketidaktepatan meter air (*Commercial Losses*). Meter air yang lama menunjukkan kekurangan pengukuran air yang dipakai oleh pengguna.
- (iii) Tekanan air yang tinggi diperlukan untuk menyalurkan bekalan air daripada Loji Sungai Dua ke bahagian pulau. Semasa musim kemarau pada tahun-tahun lepas, PBAPP terpaksa menyalurkan lebih banyak air bersih ke bahagian pulau dengan tekanan air yang lebih tinggi bagi mengelakkan keperluan melaksanakan catuan air. Keadaan ini telah mengakibatkan kebocoran paip air meningkat.
- (b) Langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan NRW adalah seperti di bawah:
- (i) Pemasangan "*Pressure Reducing Valve*" (PRV) di sepanjang paip air daripada Loji Sungai Dua ke bahagian pulau untuk mengurangkan tekanan air ke kawasan Seberang Perai Utara and Seberang Perai Tengah.
- (ii) Penggantian paip-paip yang usang secara berterusan setiap tahun.
- (iii) Penggantian meter air yang melebihi 12 tahun secara berterusan setiap tahun.
- (iv) Menaiktaraf pam-pam lama di Rumah Pam Bukit Dumbar kepada jenis "*variable speed*" untuk mengepam bekalan air pada tekanan air yang bersesuaian.
- (v) Membentuk "*District Metering Area*" (DMA) di kawasan yang dikenal pasti supaya pemantauan terhadap NRW dapat dilaksanakan dengan sistematik.

Peruntukan yang disediakan berbanding dengan kos pengurusan yang dipakai setiap tahun adalah seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 6.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Sila nyatakan jumlah permohonan yang dibuat dan berapakah kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengeluarkan/menukar status warisan bangunan-bangunan yang dibuat sejak Bandaraya George Town diisytiharkan sebagai Bandar Warisan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Sejak Bandaraya George Town diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT), pihak Kerajaan Negeri tidak pernah memberikan sebarang kelulusan bagi mengeluarkan atau menukarkan status bangunan-bangunan warisan di TWDGT.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Sila senaraikan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri dan PDC yang telah dijual sejak 2008 hingga sekarang. Sila nyatakan keluasan, nilai harga jualan, jenis projek yang dimajukan, pembeli dan sama ada harga beli tanah telah selesai dibuat atau tidak.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Tanah kerajaan adalah tanah-tanah yang tidak mempunyai hak milik termasuklah tanah-tanah rizab jalan, rizab sungai, rizab pantai, tanah lapang dan lombong. Tanah-tanah kerajaan ini juga tidak mempunyai lot-lot tertentu untuk disenaraikan. Senarai tanah kerajaan yang dilupuskan kepada pembeli secara pemberimilikan dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A** dengan jumlah RM939.32 juta yang dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah jualan ini, RM500 juta akan diberikan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tujuan pembiayaan Tabung Perumahan Mampu Milik dalam tempoh lima (5) tahun menjadikan hanya RM439.32 juta hasil penjualan tanah sebagai hasil negeri.

Senarai tanah PDC yang telah dipindah milik melalui jualan dan *Request For Proposal* adalah seperti di **Lampiran B**. Hasil penjualan tanah adalah berjumlah RM752.29 juta dan telah dimasukkan ke dalam akaun PDC.

Tiada tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang telah dijual. Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang telah dijual iaitu:-

| Bil. | Lokasi Tanah              | Keluasan (Ekar) | Nilai Jualan (RM)  | Tujuan Jualan                                 |
|------|---------------------------|-----------------|--|---|
| 1.   | Lot 10208                 | 6.4431          | 760, 500.00  | Projek Sekolah Yang Cheng (Penstabilan Cerun) |
| 2.   | PT 71 (Lot 1449)          | 0.3758          | 156 Juta (20% daripada harga jualan iaitu RM32 Juta telah dibayar pada tahun 2016) (Baki 80% iaitu RM124 Juta akan dibayar setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dengan pecahan 40% dibayar dalam masa 14 hari selepas kelulusan dan baki 40% lagi dibayar 3 bulan selepas kelulusan) | Pembangunan Medical City                      |
|      | <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>6.8189</b>   | <b>156,760,500.00</b>  |   |

Hasil jualan tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang sebagai hasil negeri.

**RUJ. LAMPIRAN A BDJH NO. 8.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Apakah status perjanjian konsensi tambakan laut yang dibuat dengan Rayston Sdn Bhd. Adakah pelan pelaksanaan tambakan laut telah dikemukakan dan apakah perancangan induk pembangunan di atas tanah yang ditambak itu telah disediakan untuk makluman Kerajaan Negeri?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Perjanjian konsesi tambakan laut telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dan Rayston Consortium (Butterworth) Sdn Bhd (Rayston) pada 16 Jun 1999 dan Perjanjian Tambahan pada 6 Mac 2003. Kerajaan Negeri tidak berpuas hati dengan terma-terma asal yang terlalu memihak kepada Rayston dan bukan berkepentingan awam. Kerajaan Negeri meminta ianya disemak semula dan dipersetujui oleh syarikat konsesi.

Pada masa kini, Kerajaan Negeri sedang meneliti draf Perjanjian Tambahan Kedua yang telah dikemukakan oleh pihak Rayston. Pelan Induk Pembangunan dan jadual pelaksanaan di dalam perjanjian asal perlu dipinda selaras dengan penyediaan draf perjanjian tambahan kedua.

Rayston sedang mengemaskini Pelan Induk Pembangunan dan jadual pelaksanaan. Rayston akan mengemukakannya kepada Kerajaan Negeri selewat-lewatnya pada akhir bulan November 2017 selepas mengambil kira keputusan kerja-kerja ukur laut (*bathymetric survey*) dan kajian hydrodynamic.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Sila senaraikan tapak-tapak sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Agama Rakyat yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri sejak 2008-2017 dan berapakah nilai sebenar tanah-tanah tersebut? Dimanakah sumber kewangan untuk membina sekolah-sekolah tersebut diperolehi dan berapakah jumlah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Sejak 2008 sehingga September 2017 sebanyak sepuluh (10) tapak sekolah telah diberi milik oleh Kerajaan Negeri iaitu enam (6) kepada sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dua (2) kepada Tamil dan dua (2) kepada Sekolah Agama Rakyat dengan bayaran premium pada kadar nominal. Nilai sebenar tanah tersebut berdasarkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Pulau Pinang adalah berjumlah **RM79,861,243.83**.

Kerajaan Negeri hanya mengeluarkan peruntukan bagi pengambilan tanah tapak sekolah, manakala pembinaan sekolah tersebut diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan dana persendirian.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Sila senaraikan tindakan perobohan ke atas bangunan haram yang telah dibuat oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak 2008 sehingga sekarang mengikut tarikh, alamat/lokasi dan jenis bangunan/premis dan jenis-jenis kegunaan masing-masing.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Tindakan perobohan ke atas bangunan haram yang telah dibuat oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2008 sehingga 2017 di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 160 buah bangunan haram iaitu 114 buah di bawah tindakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 46 buah di bawah tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Perincian mengikut tarikh, alamat/lokasi dan jenis bangunan/premis serta kegunaan oleh MBPP adalah seperti di **Lampiran A** manakala perincian oleh MPSP seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 12.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Ketua Menteri mengumumkan penggunaan dana berjumlah RM500 juta untuk membina rumah untuk rakyat Pulau Pinang. Sila senaraikan;
- (a) Projek, lokasi, bilangan unit yang akan dibina dan jumlah kewangan.
  - (b) harga jualan, tarikh mula bina dan tarikh siap.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Peruntukan sebanyak RM500 juta telah disalurkan secara berperingkat kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai tambahan dana program Rumah Mampu Milik (RMM) Kerajaan Negeri. Peruntukan sebanyak ini merupakan yang terbesar pernah dibuat oleh sesebuah Kerajaan Negeri khusus bagi dana perumahan. Peruntukan ini mula diagihkan mulai 2012 dan telah selesai diagihkan pada 2015.

Kerajaan Negeri sendiri telah merancang sebanyak tujuh belas (17) projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik yang terdiri daripada 867 unit RMM Jenis 'A'; 9,283 unit RMM Jenis 'B' dan 17,080 unit RMM Jenis 'C'.

Daripada tujuh belas (17) projek tersebut, lima (5) projek yang bakal menyediakan 2,143 unit RMM Jenis 'B' (Kos Sederhana Rendah) dan 2,861 unit RMM Jenis 'C' (Maksima RM300,000) pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu projek Bandar Cassia Fasa 1 yang telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbang juga telah berada di 62 peratus kemajuan, Jiran Residensi, Kampung Jawa, Butterworth telah mencapai 83 peratus kemajuan dan The Rise, SP Chelliah adalah pada 45 peratus kemajuan. Kerja-kerja tanah juga telah dimulakan di tapak Sandiland Foreshore di mana Y.A.B Ketua Menteri telah merasmikan upacara pecah tanah pada 23 September 2017.

Maklumat senarai projek, status pelaksanaan, bilangan unit dan kategori RMM adalah seperti di **Lampiran A**.

Selain daripada ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Sederhana Rendah) telah memastikan bahawa Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% RMM Jenis 'A' atau 'B' atau kombinasi keduanya dipatuhi dengan ketat.

Dibawah dasar ini, sebanyak 104 projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (OC) / Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 RMM Jenis 'A' dan 'B' dari tahun 2008 hingga 2017. Daripada jumlah ini sebanyak 13,266 unit adalah RMM Jenis 'A' dan 10,961 unit adalah RMM Jenis 'B'.

Ini adalah jauh berbeza dengan jumlah RMM Jenis 'A' dan 'B' yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di mana hanya 5,154 unit RMM Jenis 'A' dan 'B' telah siap dibina.

Selain daripada itu, sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' (Maksima RM300,000) pula masih dalam peringkat pembinaan iaitu sebanyak 2,971 unit RMM Jenis 'A' (RM42,000); 3,563 unit RMM Jenis 'B' (RM72,500) dan 11,152 unit RMM Jenis 'C' (Maksima RM300,000).

Manakala berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, sebanyak 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' akan dibina. Ia terdiri daripada 5,092 unit RMM Jenis 'A'; 8,817 unit RMM Jenis 'B' dan 18,339 unit RMM Jenis 'C'.

**RUJ. LAMPIRAN A BDJH NO. 12.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Apakah status skim-skim pembinaan kediaman untuk menempatkan warga asing yang berkerja di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Sila nyatakan lokasi, kilang yang terlibat dan jumlah jenis kediaman yang dibina yang telah dirancang dan telah siap.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Terdapat lima permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi cadangan pembinaan kuarters pekerja di negeri ini termasuk warga asing. Dari cadangan tersebut empat projek telahpun mendapat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) manakala satu projek baru lulus peringkat One Stop Center (OSC).

Perincian cadangan termasuk lokasi dan jenis kediaman yang akan dibina adalah seperti di **Lampiran A**. Pembinaan kuarters pekerja termasuk warga asing ini tidak tertumpu kepada kilang-kilang tertentu sahaja sebaliknya ia melibatkan kilang-kilang yang berdekatan dengan kawasan pembangunan. Sehingga kini hanya satu projek iaitu di Bukit Minyak yang dalam proses pembinaan manakala empat projek masih belum dimulakan.

Selain daripada 5 permohonan yang dikemukakan seperti di atas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam usaha untuk mengenal pasti dua (2) bidang tanah di kawasan Seberang Perai iaitu di Batu Kawan dan di Utara Bukit Minyak untuk tujuan pembangunan asrama pekerja.

**RUJ. LAMPIRAN A BDJH NO. 13.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Sila senaraikan projek perumahan yang telah diluluskan sejak 2015 di Daerah Balik Pulau mengikut nama pemaju, jenis projek dan jumlah unit, tarikh jangka siap, jumlah bayaran pembangunan (development charges) yuran tukar syarat yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Projek-projek perumahan yang telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang di Balik Pulau sejak tahun 2015 adalah sebanyak sembilan (9) projek dengan jumlah bayaran pembangunan RM 1,592,838.27. Daripada sembilan (9) projek yang telah diluluskan, hanya dua (2) projek yang telah memulakan kerja-kerja pembinaan pada tahap 5%. Tarikh jangka siap projek adalah antara 18 bulan ke 36 bulan daripada tarikh mula kerja pembinaan. Perincian projek adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala, status bayaran premium tukar syarat sejak tahun 2015-2017 adalah seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 14.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Berapakah kes penganiayaan/pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Pulau Pinang untuk 3 tahun ini? Adakah Kerajaan Negeri menyediakan sebarang insentif untuk menggalakkan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak taska dan tadika di kilang, jabatan dan premis membeli-belah. Setakat manakah premis-premis yang beroperasi sekarang untuk tujuan itu diberi kelulusan dan dibuat pemulihan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Kes penganiayaan/pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Pulau Pinang bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti berikut:

| Tahun              | Bilangan Kes |
|--------------------|--------------|
| 2015               | 75           |
| 2016               | 113          |
| 2017 (hingga Sept) | 102          |

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan untuk memberikan advokasi dan mendaftarkan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang beroperasi di Negeri Pulau Pinang. JKM menggalakkan penubuhan TASKA dengan mengadakan Kempen Jom Daftar TASKA kepada orang awam yang berminat untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja, institusi, rumah dan komuniti. Tiada sebarang insentif disediakan buat masa ini kepada pengusaha TASKA dan Tadika.

Sehingga September 2017, terdapat sebanyak 148 TASKA yang berdaftar dan 21 TASKA yang tidak berdaftar. Manalaka Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) yang berdaftar adalah sebanyak 62 dan 40 tidak berdaftar. Masalah utama yang dikenal pasti menjadi punca TASKA dan PJKK tidak berdaftar adalah disebabkan kos permohonan tukar guna bangunan kediaman kepada TASKA dan PJKK di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang tinggi. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur untuk

permohonan tukar guna bangunan kediaman kepada TASKA dan PJKK di peringkat (PBT) bagi TASKA dan PJKK yang tidak berlesen dan beroperasi sebelum 15 September 2017. Tempoh diskaun ini adalah dari 15 September 2017 sehingga 14 September 2018.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Sila nyatakan pertubuhan dan jumlah peruntukan yang telah diberi kepada persatuan dan aktiviti belia dan sukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2013-2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2,469,476.20 bagi Persatuan Sukan dan RM333,968.90 bagi Pertubuhan Belia dan Sukan sejak 2013 hingga September 2017. Perincian peruntukan adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BDJH NO. 17.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Apakah status permohonan oleh LKIM Pulau Pinang untuk mendapat TOL tapak Jeti Nelayan Bagan Ajam. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu LKIM dan nelayan Bagan Ajam untuk memanfaatkan jeti nelayan tersebut dan meneruskan pembinaan fasa dua projek yang melibatkan kemudahan nelayan dan industri berkaitan di situ.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang permohonan TOL dari secara rasmi LKIM bagi tapak Jeti Nelayan Bagan Ajam. Kerajaan Negeri sentiasa membantu LKIM dan nelayan Bagan Ajam terutamanya dalam penyediaan kemudahan-kemudahan yang akan dimanfaatkan oleh nelayan dengan memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan LKIM.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Penyelaras KADUN yang dilantik oleh Ketua Menteri:
- (a) Nyatakan siapa mereka.
  - (b) Jumlah elaun, peruntukan dan lain-lain kebajikan yang diberi kepada setiap penyelaras tersebut pada tahun 2016.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. (a) Seramai 10 Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) dilantik oleh Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang yang ditugaskan untuk melaksanakan polisi-polisi Kerajaan Negeri di kawasan-kawasan DUN pembangkang, termasuk seorang Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri untuk Seberang Perai Utara.

Senarai PPK adalah seperti berikut:

- (i) Asrol Sani bin Abdul Razak
- (ii) Muhasdey bin Muhamad
- (iii) Rosli bin Hasan
- (iv) Ahmad Fahmi bin A. Bakar
- (v) Mustafa Kamal bin Ahmad
- (vi) Mohd. Rizal bin Abd. Hamid
- (vii) Halil Sabri bin Hamid
- (viii) Azrul Mahathir bin Aziz
- (ix) Mohd. Tuah bin Ismail



- (x) Lay Hock Peng (Pegawai Penyelaras Khas)
- (b) Setiap Pegawai Penyelaras KADUN dibayar gaji secara *lump sum* sebanyak RM3,500 seorang pada setiap bulan. Jumlah keseluruhan pembayaran elaun bagi Pegawai Penyelaras KADUN adalah sebanyak RM35,000.00 sebulan. Antara kemudahan lain yang diterima oleh Pegawai Penyelaras KADUN termasuklah :
- (i) Kelayakan cuti rehat sebanyak 20 hari setahun;
  - (ii) Kelayakan cuti sakit sebanyak 15 hari setahun;
  - (iii) Bantuan Khas Kewangan (BKK) ; dan
  - (iv) Peruntukan sebanyak RM1,500.00 sebulan setiap seorang bagi kos sewa premis, utiliti, alat tulis dan lain-lain.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. (a) Sila nyatakan jumlah peruntukan kos termasuk penyelenggaraan Penang Free Wifi Kerajaan Negeri kepada syarikat atau pembekal Penang Free Wifi.
- (b) Adakah keseluruhan kawasan dalam negeri Pulau Pinang telah mendapat kemudahan ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. (a) Jumlah peruntukan kos termasuk penyelenggaraan *Penang Free Wifi* (PFW) sehingga bulan Ogos 2017 yang telah dijelaskan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat atau penyedia perkhidmatan adalah berjumlah RM10,023,473.75. Perincian peruntukan kos adalah seperti di bawah.

**Jumlah Peruntukan Kos Termasuk Penyelenggaraan *Penang Free Wifi* Sehingga Bulan Ogos 2017**

| TAHUN                     | JUMLAH KOS (RM)      |
|---------------------------|----------------------|
| 2012                      | 981,760.00           |
| 2013                      | 2,395,450.00         |
| 2014                      | 638,830.00           |
| 2015                      | 2,727,791.14         |
| 2016                      | 2,036,913.03         |
| 2017                      | 1,242,729.58         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>10,023,473.75</b> |

- (b) Pada ketika ini, keseluruhan kawasan dalam Negeri Pulau Pinang yang merangkumi 13 kawasan parlimen dan 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) telah mendapat kemudahan ini.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Sila nyatakan jumlah unit tempat letak kereta telah ditambah oleh Kerajaan Tempatan dari tahun 2008-2016? Sila huraikan tempat dan jumlah unit petak mengikut daerah. Berapakah jumlah kutipan yang diperolehi setahun dan jumlah tambahan yang dikutip.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Jumlah petak tempat letak kereta yang telah ditambah oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga 2016 adalah berjumlah 11,765 petak. Perincian mengenai jumlah unit tempat letak kereta yang ditambah dari tahun 2008 hingga 2016 mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

Jumlah keseluruhan petak tempat letak kereta di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 35,509 petak. Huraian mengenai lokasi dan jumlah petak tempat letak kereta di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut:

| DAERAH                       | JUMLAH PETAK TEMPAT LETAK KERETA |
|------------------------------|----------------------------------|
| Seberang Perai Utara (SPU)   | 7,528                            |
| Seberang Perai Tengah (SPT)  | 13,791                           |
| Seberang Perai Selatan (SPS) | 2,737                            |
| Timur Laut dan Barat Daya    | 11,453                           |
| <b>JUMLAH</b>                | <b>35,509</b>                    |

Jumlah kutipan tempat letak kenderaan yang diperoleh bermula pada tahun 2008 sehingga 2016 adalah sebanyak RM70,888,412.43 iaitu RM42,807,362.42 dikutip oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan RM28,081,050.00 dikutip oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Butiran jumlah kutipan mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:

| TAHUN         | PENDAPATAN (RM)      |                      |
|---------------|----------------------|----------------------|
|               | MBPP                 | MPSP                 |
| 2008          | 4,610,407.00         | 1,834,249.00         |
| 2009          | 5,068,504.00         | 1,913,997.00         |
| 2010          | 4,620,689.00         | 1,926,835.00         |
| 2011          | 3,901,639.92         | 2,190,192.00         |
| 2012          | 3,483,248.00         | 3,072,218.00         |
| 2013          | 2,590,786.93         | 3,226,092.00         |
| 2014          | 5,086,676.29         | 3,933,861.00         |
| 2015          | 4,214,809.07         | 4,886,676.00         |
| 2016          | 9,230,602.22         | 5,096,930.00         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>42,807,362.43</b> | <b>28,081,050.00</b> |

#### RUJ. LAMPIRAN A BDJH NO. 20.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Sila huraikan terperinci nama pemaju dan nama projek pembangunan yang hanya membayar pampasan dan tidak perlu membina rumah kos sederhana rendah dan rumah kos rendah mengikut daerah di Pulau Pinang dari tahun 2007 hingga sekarang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Di bawah Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan pembangunan dan 149 unit di kawasan luar pembangunan disyaratkan untuk membina sebanyak 30% Rumah Mampu Milik A atau B atau kombinasi keduanya. Sejak tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menambah baik mekanisma tawaran wang sumbangan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dengan menyediakan sebuah akaun amanah yang khusus. Pendekatan ini diambil memandangkan semakin banyak pemajuan menghadapi kekangan dari segi saiz tanah, ketiadaan bank tanah dan keadaan khas ketidakupayaan (*unfeasible*) untuk membina rumah kos rendah. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menetapkan pelaksanaan polisi sumbangan bukanlah satu kelulusan automatik sebaliknya setiap permohonan perlu mendapat kelulusan dari

Jawatankuasa Perancang Negeri. Secara keseluruhan terdapat sebanyak 24 pemajuan yang telah diluluskan tawaran sumbangan dan membuat bayaran kepada Kerajaan Negeri semenjak tahun 2012 hingga September 2017.

Kadar sumbangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju yang tidak membina Rumah Kos Rendah / Kos Sederhana Rendah adalah seperti jadual berikut:

| Bil. | Daerah                                       | Kadar Per Unit   |
|------|--|--|
| 1.   | Timur Laut & Barat Daya                      | RM120,000.00 untuk pemaju tempatan atau RM150,000.00 untuk pemaju luar             |
| 2.   | Seberang Perai Utara & Seberang Perai Tengah | RM72,500.00  |
| 3.   | Seberang Perai Selatan                       | RM50,000.00 untuk 350 unit yang pertama dan RM72,500.00 untuk unit-unit berikutnya |

Bilangan pemaju mengikut tahun dan daerah serta jumlah sumbangan yang dijelaskan kerana tidak membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah secara fizikal adalah seperti di jadual berikut:-

| Bil.          | Tahun | Bil. Pemaju Mengikut Daerah |     |     |     |     | Sumbangan Diterima (RM) |
|---------------|-------|-----------------------------|-----|-----|-----|-----|-------------------------|
|               |       | DTL                         | DBD | SPU | SPT | SPS |                         |
| 1.            | 2012  | 3                           | 1   | -   | -   | -   | 8,938,000.00            |
| 2.            | 2013  | 2                           | -   | -   | -   | -   | 7,290,000.00            |
| 3.            | 2014  | 4                           | 1   | -   | -   | 1   | 25,720,000.00           |
| 4.            | 2015  | 4                           | 1   | -   | -   | -   | 61,720,000.00           |
| 5.            | 2016  | -                           | 2   | -   | -   | 1   | 23,156,000.00           |
| 6.            | 2017  | 1                           | 3   | -   | -   | -   | 47,154,000.00           |
| <b>JUMLAH</b> |       | <b>24</b>                   |     |     |     |     | <b>173978000</b>        |

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina projek perumahan kos sederhana rendah dan rendah dibawah RM100K dari tahun 2008 sehingga Sept 2017? Sila senaraikan dengam terperinci nama projek, nama pemaju, lokasi mengikut daerah. Sekiranya tidak mengapa?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Sederhana Rendah) telah memastikan bahawa Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% RMM Jenis 'A' atau 'B' atau kombinasi keduanya dipatuhi dengan ketat.

Dibawah dasar ini, sebanyak 104 projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (OC) / Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 RMM Jenis 'A' dan 'B' dari tahun 2008 hingga 2017. Daripada jumlah ini sebanyak 13,266 unit adalah RMM Jenis 'A' dan 10,961 unit adalah RMM Jenis 'B'.

Ini adalah jauh berbeza dengan jumlah RMM Jenis 'A' dan 'B' yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di mana hanya 5,154 unit RMM Jenis 'A' dan 'B' telah siap dibina.

Selain daripada itu, sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' (Maksima RM300,000) pula masih dalam peringkat pembinaan iaitu sebanyak 2,971 unit RMM Jenis 'A' (RM42,000); 3,563 unit RMM Jenis 'B' (RM72,500) dan 11,152 unit RMM Jenis 'C' (Maksima RM300,000).

Manakala berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, sebanyak 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' akan dibina. Ia terdiri daripada 5,092 unit RMM Jenis 'A'; 8,817 unit RMM Jenis 'B' dan 18,339 unit RMM Jenis 'C'. Senarai projek perumahan mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina adalah seperti **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri sendiri telah merancang sebanyak tujuh belas (17) projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik yang terdiri daripada 867 unit RMM Jenis 'A'; 9,283 unit RMM Jenis 'B' dan 17,080 unit RMM Jenis 'C'.

Jumlah projek dan bilangan unit adalah dinamik di mana Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambah projek perumahan mampu miliknya demi memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang dari golongan berpendapatan rendah.

Daripada tujuh belas (17) projek tersebut, lima (5) projek pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu projek Bandar Cassia Fasa 1 yang telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbar juga telah berada di 62 peratus kemajuan, Jiran Residensi, Kampung Jawa, Butterworth telah mencapai 83 peratus kemajuan dan The Rise, SP Chelliah adalah pada 45% kemajuan. Kerja-kerja tanah juga telah dimulakan di tapak Sandiland Foreshore di mana YAB Ketua Menteri telah merasmikan upacara pecah tanah pada 23 September 2017.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BDJH NO. 22.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Sila nyatakan jumlah bilangan orang yang disenaraikan dalam senarai menunggu ataupun dalam proses untuk tawaran rumah kos rendah kerajaan, mengikut pecahan kaum, nama projek yang ditawarkan di setiap daerah sehingga 30 September 2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Sehingga 30 September 2017, Sistem Maklumat Perumahan (SMP) Kerajaan Negeri telah merekodkan seramai 41,581 permohonan yang diletakkan di bawah 'Senarai Menunggu'. Daripada jumlah ini, seramai 13,352 pemohon atau 32.11% adalah bagi mendapatkan tawaran Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri bagi jenis A (RMM A) iaitu unit kediaman yang dijual pada harga tidak melebihi RM42,000 atau sebelum ini dikenali sebagai rumah kos rendah. Perincian jumlah permohonan dalam status Senarai Menunggu adalah seperti di **Lampiran A**.

Sejak penubuhan Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP / *Selection Process Enhancement Committee - SPEC*) pada tahun 2013, sebanyak 17,144 pemohon telah ditawarkan unit RMM A di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang. Perincian jumlah kategori ini adalah seperti di **Lampiran B**.

#### **RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 23.**

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Sila senaraikan terperinci melalui Akta Pengambilan Tanah, Berapakah jumlah tanah telah diambil oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah dan lot lot tersebut. Sila beritahu jumlah keluasannya dan tujuan pengambilan tanah serta jumlah pampasan yang diberikan. Apakah pencapaian pembangunan dan keuntungan kepada Kerajaan Negeri?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Sejak tahun 2013 sehingga 2017, sebanyak **34** urusan pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri dengan keluasan **823.19 hektar** telah selesai dilaksanakan melibatkan jumlah pampasan **RM1,636,252,891.35**. Perincian pengambilan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| DAERAH                    | BIL. PENGAMBILAN | BIL. LOT   | KELUASAN (EKAR)                     | JUMLAH PAMPASAN (RM)    |
|---------------------------|------------------|------------|-------------------------------------|-------------------------|
| SEBERANG PERAI UTARA      | 5                | 42         | 26.69                               | 6,830,454.51            |
| SEBERANG PERAI TENGAH     | 7                | 78         | 427.63                              | 111,034,430.93          |
| SEBERANG PERAI SELATAN    | 10               | 282        | 1,570.28                            | 1,483,569,107.40        |
| BARAT DAYA                | 5                | 6          | 2.61                                | 5,599,563.59            |
| TIMUR LAUT                | 7                | 29         | 6.89                                | 29,219,334.92           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>34</b>        | <b>437</b> | <b>2,034.10<br/>(823.19 hektar)</b> | <b>1,636,252,891.35</b> |

Kesemua pengambilan adalah bagi tujuan awam seperti pelebaran jalan, rancangan tebatan banjir, penempatan semula penduduk, longkang, parit, tempat letak kereta dan sebagainya. Pencapaian pembangunan dan keuntungan Kerajaan Negeri dapat dilihat dari pencapaian ekonomi yang semakin baik dimana setiap rakyat dapat menikmati kepesatan pembangunan bersama. Pelaksanaan pelebaran jalan, membolehkan aliran trafik menjadi lebih sempurna dan ianya menjadi satu faktor dalam pemilihan kawasan pelaburan oleh pelabur samada dalam dan luar negara.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Bangunan kekal di Pantai Bersih Bagan Ajam;
- Apakah tindakan selanjutnya yang diambil oleh Kerajaan Negeri selepas dibangkit dalam sidang lepas?
  - Berapakah bilangan bangunan kekal & sementara yang telah dibina di kawasan tersebut?
  - Apakah dasar & bentuk penguatkuasaan oleh MPSP & Pejabat Tanah tentang binaan-binaan ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. (a) Pejabat Daerah Tanah Seberang perai Utara (PDTSPU) telah mengambil tindakan dengan membuat pemantauan secara berkala ke atas binaan-binaan di Pantai Bersih. Mesyuarat pemantauan juga dibuat dari semasa ke semasa bagi membincangkan tindakan penguatkuasaan yang perlu diambil. Lawatan ke lokasi bersama jabatan-jabatan teknikal telah diadakan pada 18 Ogos 2017 bagi meninjau kawasan tersebut. Seterusnya, satu tindakan penguatkuasaan telah diambil pada 5 Oktober 2017 terhadap sebuah struktur tambahan kepada struktur sedia ada. Isu binaan-binaan di Pantai Bersih juga dipantau di dalam setiap siri Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri.
- (b) Sebanyak 28 buah binaan bangunan kekal dan 19 buah binaan bangunan sementara telah dibina di kawasan tersebut.
- (c) Beberapa keputusan penting berikut telah dibuat oleh Kerajaan Negeri berkaitan dengan penguatkuasaan ke atas binaan-binaan di kawasan tersebut iaitu:
- Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 1/2017 pada 03.01.2017 pula telah memutuskan untuk membenarkan struktur yang wujud sebelum 2008, tetapi tambahan/pembesaran kepada struktur tersebut adalah tidak dibenarkan dan perlu dirobohkan;
  - Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 14/2017 pada 19.06.2017 memutuskan sekiranya terdapat binaan semula bagi struktur sedia ada, maka ia perlulah menepati spesifikasi bangunan sedia ada; dan
  - Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 32/2017 pada 30.08.2017 disahkan pada 06.09.2017 telah memutuskan supaya gerai penjaja, bangunan kekal atau bahagian tambahan baru pada restoran sedia ada yang berusia kurang dari setahun dirobohkan dengan serta-merta

Berdasarkan keputusan-keputusan tersebut, Kerajaan Negeri melalui PDTSPU telah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 dan 426A KTN 1965 ke atas binaan-binaan di Pantai Bersih.

Selain itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai selaku Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil tindakan seperti mengeluarkan Notis Binaan Tanpa Kebenaran di bawah Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan juga kompaun ke atas 19 premis yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan tersebut.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. (a) Berapakah jumlah kenderaan yang dimiliki oleh penduduk Pulau Pinang?
- (b) Nyatakan jumlah kenderaan luar yang masuk Pulau Pinang pada hujung minggu melalui Jambatan Pulau Pinang, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah dan feri?
- (c) Sila beri unjuran kegunaan jalan raya Pulau Pinang untuk tempoh 5 & 10 tahun akan datang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. (a) Berdasarkan rekod statistik yang didaftarkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah kenderaan yang dimiliki oleh penduduk Pulau Pinang dari Januari 2017 sehingga September 2017 adalah sebanyak 2,664,842 buah kenderaan.
- (b) Berdasarkan rekod yang didaftarkan oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), jumlah kenderaan luar yang masuk ke Pulau Pinang pada hujung minggu melalui Jambatan Pulau Pinang adalah sebanyak 69,000 buah kenderaan dan yang melalui Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah adalah sebanyak 11,500 buah kenderaan. Selain itu, menurut rekod yang didaftarkan oleh pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), jumlah kenderaan luar yang masuk ke Pulau Pinang pada hujung minggu melalui feri adalah sebanyak 5,310 buah kenderaan.

Unjuran kegunaan jalan raya Pulau Pinang oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), dan LLM untuk 5 dan 10 tahun akan datang adalah seperti berikut :

- (i) Berdasarkan Laporan *Road Traffic Volume Malaysia* yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi Negeri Pulau Pinang, unjuran isipadu lalu lintas untuk 5 dan 10 tahun akan datang boleh menggunakan kenaikan tahunan sebanyak tiga (3) peratus setahun. Bagi Jalan Persekutuan dan Negeri jumlah unjuran isipadu lalu lintas adalah sebanyak 1,145,530 untuk 5 tahun dan 1,327,987 untuk 10 tahun akan datang. Bagi Lebuhraya pula jumlah unjuran isipadu lalu lintas adalah sebanyak 10,729,686 untuk 5 tahun dan 12,438,646 untuk 10 tahun akan datang.
- (ii) Berdasarkan unjuran JKR, kapasiti jalan raya Persekutuan dan Negeri untuk 5 tahun akan datang masih boleh menampung jumlah kenderaan manakala bagi 10 tahun akan datang pula kerja menaiktaraf jalan baru perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Kapasiti lebuhraya untuk 5 tahun dan 10 tahun akan datang juga perlu dipertimbangkan pelaksanaan projek pembinaan lebuhraya baru bagi menampung jumlah kenderaan di jangka bertambah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Berapakah jumlah hartanah dalam kawasan warisan, luar kawasan warisan dalam Bandaraya George Town, lain-lain kawasan di Negeri Pulau Pinang yang telah dipindah milik kepada bukan warganegara Malaysia (individu/syarikat) yang majoriti pemegang saham bukan Bumiputera sejak 2008-2017. Berapakah kutipan bayaran yang diperolehi oleh Pejabat Daerah untuk pindah milik tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Ringkasan jumlah hartanah dalam kawasan warisan, luar kawasan warisan dalam Bandaraya George Town, lain-lain kawasan di Negeri Pulau Pinang yang telah dipindah milik kepada bukan

warganegara Malaysia (individu/syarikat) sejak tahun 2008 sehingga Oktober 2017, adalah seperti berikut:

| BIL                       | LOKASI PEROLEHAN                                 | BILANGAN TRANSAKSI | BAYARAN KEBENARAN PEROLEHAN HARTANAH OLEH WARGA ASING / SYARIKAT ASING (RM) |
|---------------------------|--|--------------------|---|
| 1.                        | Zon Warisan                                      | 163                | 5,655,000.00  |
| 2.                        | Luar Kawasan Warisan dalam Bandaraya George Town | 966                | 5,638,000.00  |
| 3.                        | Luar Bandar George Town                          | 3,337              | 18,919,000.00   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>4,466</b>       | <b>30,212,000.00</b>  |

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Kenapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum mngemukakan Laporan Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut kepada Kementerian Kerjaraya seperti yg dijanjikan? Berapakah jumlah bayaran untuk kajian tersebut yg telah dibuat kepada syarikat yg melaksanakannya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Kajian Kebolehlaksanaan bagi Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) belum dikemukakan kepada Menteri Kerja Raya kerana ia masih belum disiapkan sepenuhnya. Kajian tersebut kini telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Pada masa ini pihak Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZCSB) menumpukan segala sumber yang ada untuk melaksanakan Projek Jalan-Jalan Utama iaitu Jalan Berkembar dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1) dan Jalan Pintasan (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam (Pakej 2). Kedua-dua projek ini sedang menunggu kelulusan EIA (Jadual Kedua) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Setelah dua projek jalan tersebut dimulakan, pihak CZCSB akan menumpukan perhatian untuk menyiapkan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut memandangkan fasa pembinaan projek ini hanya dijadualkan bermula pada tahun 2023, tertakluk kepada semua kelulusan yang diperlukan. Kedudukan perkara ini telah diperjelaskan oleh pihak CZCSB menerusi satu sesi kenyataan media pada 11 Oktober 2017.

Setakat ini, tiada bayaran dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk Projek Terowong kerana kajian kebolehlaksanaan untuk projek tersebut masih belum disiapkan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Berapakah jumlah nilai kerugian yang dialami oleh penduduk Pulau Pinang akibat banjir yang berlaku 5 tahun ini:
- Harta benda.
  - Hasil tanaman, ternakan dan industri.
  - Masa kerja dan produktiviti Adakah Kerajaan Negeri telah membuat perancangan yang mencukupi untuk mengelak kejadian banjir di kawasan-kawasan yg berisiko tinggi ?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data khusus tentang kerugian yang dialami oleh penduduk di Negeri Pulau Pinang akibat banjir. Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri telah mengumumkan bayaran RM400 secara "*one-off*" pada 20 September 2017 sebagai saguhati kepada mangsa banjir. Semoga dengan sumbangan ini dapat mengurangkan beban mangsa banjir dan Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu dan menggalas tanggungjawab menjaga kebajikan dan kemakmuran rakyat.

- (b) Jumlah kerugian hasil pertanian dari tahun 2013 sehingga 2017 mengikut daerah adalah seperti berikut :

| Daerah             | 2013              | 2014        | 2015              | 2016             | 2017              |
|--------------------|-------------------|-------------|-------------------|------------------|-------------------|
| SPU                | 329,233.00        | 0.00        | 0.00              | 0.00             | 80,808.00         |
| SPT                | 389,200.00        | 0.00        | 0.00              | 0.00             | 83,000.00         |
| SPS                | 3,000.00          | 0.00        | 0.00              | 0.00             | 128,460.00        |
| BD/TL              | 270,800.00        | 0.00        | 322,903.00        | 71,000.00        | 102,600.00        |
| <b>JUMLAH / RM</b> | <b>992,233.00</b> | <b>0.00</b> | <b>322,903.00</b> | <b>71,000.00</b> | <b>394,868.00</b> |

Anggaran kerugian harta benda bagi sektor ternakan yang merangkumi kerosakan makanan, peralatan ternakan dan kandang pula adalah kira-kira dalam RM1.2 juta. Selain itu, kerugian hasil ternakan yang melibatkan kematian 488 ekor ternakan babi, 702 ekor ternakan unggas, 11 ekor ternakan kambing, dan seekor lembu adalah kira-kira RM400,000.

- (c) Masa kerja dan produktiviti yang rugi disebabkan oleh banjir tidak dapat dikira secara spesifik dan dianggarkan dalam satu jumlah. Memang tidak dinafikan terdapat kerugian dari segi masa kerja dan produktiviti namun ia merupakan kerugian yang tidak dapat dikesan. Misalnya masa kerja dan produktiviti penternak yang terjejas semasa banjir dan selepas banjir kerana penternak terbabit tidak dapat menjalankan tugas harian seperti biasa dan perlu memperbaiki kandang serta peralatan ternakan yang rosak akibat banjir tidak dapat dijelaskan dalam bentuk angka.

Pelbagai rancangan telah diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan banjir, khususnya di kawasan-kawasan berisiko tinggi. Antara langkah-langkah untuk mengatasinya adalah seperti berikut:-

- (i) Kerajaan Negeri melalui JPS akan terus melaksanakan projek-projek tebatan banjir di kawasan 'hot spot' banjir di seluruh Negeri Pulau iaitu menggunakan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM 300 juta. Kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan juga akan diteruskan bagi memastikan agar sistem saliran sediaada berada di dalam keadaan baik;
- (ii) Mengadakan kempen kesedaran alam sekitar terutamanya yang melibatkan kempen jangan membuang sampah ke dalam sungai akan dipergiatkan lagi bagi memaklumkan orang ramai tentang kesan membuang sampah ke dalam sungai;
- (iii) Semua pembinaan utiliti yang dibina di kawasan sungai dan saliran yang mengalami 'bottle neck' perlu dialihkan dari kawasan tersebut; dan
- (iv) Pembangunan hartanah di Negeri Pulau Pinang perlu mengikut garis panduan manual Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), Garis Panduan melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, Intergrated Shoreline Management 2010 dan Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Sila huraikan; a) Permohonan Hak Milik Strata oleh pemilik bangunan bertingkat sejak tahun 2015-2017 masih tidak selesai b) Butiran mengikut tahun, jumlah projek, tarikh projek diberi Sijil Kelayakan Menduduki dan keseluruhan petak. c) Mengapa permohonan masih belum mendapat hak milik strata, dan apakah tindakan terhadap pihak yang belum membuat permohonan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. (a) Ringkasan jumlah permohonan Hakmilik Strata yang masih belum selesai bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti berikut :



| TAHUN                     | JUMLAH SKIM |
|---------------------------|-------------|
| 2015                      | 13          |
| 2016                      | 2           |
| 2017                      | 2           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>17</b>   |

- (b) Perincian bagi 17 skim yang masih belum diselesaikan permohonan hak milik strata adalah seperti di **Lampiran A**.
- (c) Isu-isu yang menyebabkan permohonan masih belum mendapat hakmilik strata dan tindakan yang dijalankan adalah seperti di **Lampiran B**.

**RUJ. LAMPIRAN A DAN B BDJH NO. 30.**

**XI. Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Sila senaraikan tapak RIBI yang telah diluluskan oleh MBPP kepada mana-mana pertubuhan/persatuan di Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan 34 tapak RIBI kepada pertubuhan/persatuan di Pulau Pinang dari Oktober 2010 sehingga September 2017. Senarai tapak RIBI tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BYSH NO. 1.**

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Sila senaraikan projek-projek yang telah dijalankan oleh JPS di KADUN Paya Terubong daripada tempoh 2013 hingga 2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Senarai kerja-kerja yang dijalankan di KADUN Paya Terubong sepanjang tahun 2013-2017 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan menggunakan Peruntukan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

(i) Tiada projek yang dijalankan oleh JPS pada tahun 2013

(ii) Tahun 2014

| Bil | Tajuk Projek  | Kos Projek        |
|-----|---|-------------------|
| 1   | Menaiktaraf Infrastruktur Kolam Dondang A dan B Di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang      | 56,170.00         |
| 2   | Pembersihan Kolam Takungan Sungai Dondang A, B dan C di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang | 79,880.00         |
|     | <b>JUMLAH</b>   | <b>136,050.00</b> |

(iii) Tahun 2015

| Bil | Tajuk Projek  | Kos Projek        |
|-----|---|-------------------|
| 1   | Menaiktaraf Infrastruktur Kolam Dondang A dan B di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang                                      | 42,600.00         |
| 2   | Menaiktaraf Saluran Sungai Dondang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang   | 91,300.00         |
| 3   | Menaiktaraf Infrastruktur Kolam Takungan Banjir Dondang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang                                | 48,075.00         |
| 4   | Kerja-kerja Pembersihan Saluran dan Rizab Sungai Dondang dan Lain-lain Kerja Berkaitan, Daerah Timur Laut, Pulau pinang | 99,078.00         |
|     | <b>JUMLAH</b>   | <b>281,053.00</b> |

(iv) Tahun 2016

| Bil | Tajuk Projek   | Kos Projek        |
|-----|--|-------------------|
| 1   | Mendalam dan Membaiki Sungai Relau A dan B, DTL, Pulau Pinang                              | 46,044.00         |
| 2   | Mendalam dan Menaiktaraf Sungai Dondang Berhampiran Jalan Paya Terubong, DTL, Pulau Pinang | 37,042.00         |
| 3   | Menaiktaraf Infrastruktur Kolam Takungan Banjir Dondang, DTL, Pulau Pinang                 | 29,967.00         |
|     | <b>JUMLAH</b>  | <b>113,053.00</b> |

(v) Tahun 2017

| Bil | Tajuk Projek  | Kos Projek        |
|-----|---|-------------------|
| 1   | Mendalam Dan Membaiki Sungai Relau, DTL, Pulau Pinang   | 40,900.00         |
| 2   | Mendalam Dan Membaiki Sungai Dondang, DTL, Pulau Pinang   | 44,573.00         |
| 3   | Menaiktaraf Kolam Takungan Banjir A, B Dan C, DTL, Pulau Pinang   | 80,650.00         |
| 4   | Membaiki Tebing Sungai Dondang Di Jalan Lembah Ria Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, DTL, PP   | 20,000.00         |
| 5   | Kerja-Kerja Pembersihan Saluran Dan Rizab Sungai Dondang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang           | 94,913.50         |
| 6   | Kerja-Kerja Pembersihan Kolam Takungan Sungai Dondang A, B Dan C Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang | 65,290.80         |
|     | <b>JUMLAH</b>   | <b>346,327.30</b> |

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Sila nyatakan status terkini pembinaan Jalan Berkembar Bukit Kukus di Paya Terubong.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Projek Penyambungan dan Menaiktaraf Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul yang juga dikenali sebagai Jalan Bukit Kukus telah dimulakan pada 15 Januari 2016 dan dijangka siap pada awal tahun 2019.

Secara keseluruhan, Projek Penyambungan dan Menaiktaraf Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sepanjang 4.8 km dan dua (2) pemaju di kawasan terlibat iaitu PLB Land Sdn. Bhd. sepanjang 1.4 km dan Geo Valley Sdn. Bhd. sepanjang 800 meter.

Sehingga kini kemajuan kerja di tapak pada bahagian yang dijalankan oleh MBPP dan PLB Land Sdn. Bhd. adalah mengikut jadual dengan pencapaian masing-masing 57% bagi MBPP dan 30% bagi PLB Land Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, kerja di tapak bagi Geo Valley Sdn. Bhd. hanya mencapai kemajuan 15%, iaitu lewat 4% berbanding 19% yang dijadualkan.

Secara keseluruhan, kemajuan kerja di tapak untuk Projek Penyambungan dan Menaiktaraf Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong oleh MBPP dan dua pemaju telah mencapai 39% berbanding 38.3% yang dijadualkan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Sila senaraikan jumlah projek yang telah dijalankan oleh JKR di KADUN Paya Terubong daripada tahun 2013 hingga 1027.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Sejumlah 53 buah projek telah dilaksanakan di KADUN Paya Terubong oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dari tahun 2013 hingga 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah RM 8.083 juta. Senarai projek yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Lampiran A**.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BYSH NO. 4.**

##### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. Sila nyatakan status terkini mengenai Tapak RIBI di Lot. No 10530, MK 13, DTL. Sila senaraikan nama pemohon untuk tapak RIBI berkenaan. Juga jelaskan apakah kriteria atau syarat untuk mendapat kelulusan Tapak RIBI daripada kerajaan negeri.

##### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

5. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 14 September 2017 telah memperakukan pajakan sebahagian Lot 10530, berkeluasan 309 meter persegi (3,326 kaki persegi) di Mukim 13, Daerah Timur Laut, kepada Persatuan Meditasi Sitavana Vihara Pulau Pinang. Permohonan ini akan dirujuk untuk pertimbangan Jawatankuasa Penyelarasan RIBI Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Negeri.
- (b) Selain permohonan di atas, terdapat tiga lagi persatuan turut memohon tapak RIBI tersebut iaitu Persatuan Penganut Chi Yin Guan Dou Mu Gong, Persatuan Penganut Dewa Ji Gong Sian Shi Chu Lai Kong dan Pertubuhan Penganut Dewi Seng Boh Keong. Ketiga-tiga permohonan tersebut telah ditolak kerana tidak mengemukakan surat sokongan YB. ADUN.
- (c) Kriteria atau syarat untuk kelulusan sesuatu tapak RIBI daripada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-
  - (i) Persatuan/Pertubuhan mestilah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPP dengan disertakan bersama dokumen-dokumen persatuan/pertubuhan seperti Sijil Pendaftaran Persatuan dan senarai Ahli Jawatankuasa Persatuan berkenaan; dan
  - (ii) Persatuan/Pertubuhan hendaklah mengemukakan bersekali surat sokongan daripada YB. ADUN di mana tapak RIBI tersebut berada sepertimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI Negeri.

Walau bagaimanapun, semua perakuan yang diberikan oleh MBPP adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Penyelarasan RIBI Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri.

##### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Sila jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di Lebuhraya Thean Teik.

##### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

6. Masalah banjir di Lebuhraya Thean Teik adalah disebabkan oleh limpahan air hujan yang lebat yang tidak dapat disalurkan dengan cepat melalui Sungai Dondang dan Sungai Ayer Itam ke Sungai Pinang.

Bagi penyelesaian jangka pendek, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) akan melaksanakan sebut harga untuk menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

- (i) Mendalamkan Sungai Pinang dan Muara Sungai Pinang;
- (ii) Mendalam dan membaiki tebing Sungai Ayer Itam;
- (iii) Mendalamkan Sungai Dondang; dan
- (iv) Mendalam dan melebar kolam takungan Sungai Dondang.

Selain itu, JPS juga telah memohon peruntukan caruman perparitan dalam MMK Tebatan Banjir bagi merekabentuk kolam takungan untuk mengurangkan impak hulu Sungai Dondang dari melimpah ke lereng bukit dan seterusnya ke Lebuhraya Thean Teik.

##### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Sila jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sektor pelancongan negeri ini kepada pengunjung daripada Benua Amerika dan Eropah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

7. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah berikut sebagai usaha untuk mempromosikan sektor pelancongan Pulau Pinang kepada pengunjung dari Benua Amerika dan Eropah:
- (i) Penyertaan dalam pameran pelancongan peringkat antarabangsa, antaranya *International Tourism Board (ITB) Berlin*, *ITB Singapore* dan *World Travel Mart London*. Pameran ini yang dihadiri oleh agensi-agensi kerajaan, agensi pelancongan, media dan syarikat pelancongan dari Amerika dan Eropah membolehkan Kerajaan Negeri bersama-sama *Tourism Malaysia* mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi utama pelancongan;
  - (ii) Bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines dan Singapore Airlines untuk kempen-kempen pemasaran taktikal khas;
  - (iii) Bekerjasama dengan ejen-ejen pelancongan besar tempatan dan antarabangsa (*wholesalers*) dan agensi-agensi pelancongan atas talian (*online travel agencies*) seperti Agoda dan Expedia untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan di Pulau Pinang ke rantau-rantau Amerika dan Eropah;
  - (iv) Menganjurkan lawatan suai kenal dengan menjemput ejen-ejen pelancongan serta kumpulan media ke Pulau Pinang. Program ini dianjurkan secara kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan, hotel-hotel dan *Tourism Malaysia*;
  - (v) Menyertai pameran perdagangan antarabangsa di Eropah bersama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) dan *Tourism Malaysia* di bawah Pavilion Malaysia untuk mempromosi destinasi pelancongan Pulau Pinang serta meluaskan rangkaian dengan penggiat industri antarabangsa; dan
  - (vi) Mengambil bahagian dalam persidangan antarabangsa bagi menjenamakan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pelancongan. Penyertaan dalam persidangan antarabangsa seperti *World Tourism Cities Federation (WTCF) Los Angeles Fragrant Hills Tourism Summit* membolehkan Kerajaan Negeri berkongsi pengalaman Pulau Pinang dalam mengembangkan sektor pelancongan. Melalui perkongsian pengalaman ini juga, para pengunjung dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Pulau Pinang dan seterusnya dapat dijenamakan dengan daya tarikan pelancongan yang sinonim dengannya termasuk makanan tempatan, kepelbagaian budaya dan warisan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Sila nyatakan peruntukan yang diberikan oleh agensi Kerajaan Pusat untuk meningkatkan infrastruktur di KADUN Paya Terubong.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

8. Bagi tahun 2017, Kerajaan Pusat telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM455,200.00 untuk meningkatkan infrastruktur di KADUN Paya Terubong melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Perincian peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

| Bil.                                      | Nama Projek   | Agensi Pelaksana | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---|---|------------------|------------------------|
| 1   | Kerja Berkala Pavemen Bagi Membaharui Permukaan Jalan di Paya Terubong, FT220, (Seksyen 8, Seksyen 9 dan Seksyen 11)                            | JKR              | 400,000.00             |
| 2   | Kerja-Kerja Penstabilan Tebing Sungai Dondang Di Jalan Paya Terubong Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, DTL, Pulau Pinang                           | JPS              | 16,000.00              |
| 3   | Kerja-Kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Di Sungai Dondang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, DTL, Pulau Pinang             | JPS              | 19,200.00              |
| 4   | Kerja Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Di Sungai Dondang, Jalan Thean Tiek Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, DTL, Pulau Pinang | JPS              | 20,000.00              |
| <b>Jumlah Peruntukan Keseluruhan (RM)</b> |   |                  | <b>455,200.00</b>      |

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Sila nyatakan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri "zero carbon footprint".

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang* berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meletakkan Pulau Pinang ke arah landasan sebagai sebuah negeri "*Zero Carbon Footprint*". Pencapaian yang telah diperolehi melalui usaha-usaha ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri "*Zero Carbon Footprint*" adalah seperti berikut:-
- (i) Larangan sepenuhnya penggunaan bekas polisterin bermula pada tahun 2010 di seluruh Pulau Pinang kerana ianya mengandungi toksik styrene, benzene, carcinogens dan neurotoxins yang berbahaya kepada manusia di samping merosakkan ekosistem dan menjejaskan kepelbagaian diversiti hidupan marin;
  - (ii) Melaksanakan program "*No Free Plastic Bag*" sejak tahun 2009 sebagai langkah kawalan penggunaan beg plastik di Pulau Pinang kerana setiap beg plastik yang dibuang mengambil masa yang lama untuk mereput dan menghasilkan karbon dan toksik yang berbahaya kepada manusia semasa proses pereputan;
  - (iii) Memantapkan pengurusan sisa pepejal sehingga Negeri Pulau Pinang mencapai 38% kadar kitar semula pada tahun 2016 yang merupakan kadar tertinggi di Malaysia berbanding dengan 22% kadar kitar semula kebangsaan;
  - (iv) Melaksanakan Program Pengurusan Hutan Secara Lestari dengan mengekalkan kawasan hutan sedia ada di Negeri Pulau Pinang termasuk hutan darat dan hutan paya laut. seluas 5,100.93 hektar di Negeri Pulau Pinang sebagai hutan simpanan kekal;
  - (v) Melaksanakan penanaman sebanyak 306,745 batang pokok di seluruh negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga September 2017 sebagai langkah pengurangan karbon;
  - (vi) Memperkenalkan Pensijilan Pejabat Hijau Pulau Pinang (*Penang Green Office Certification*) sebagai inisiatif pengurangan pelepasan karbon dan penjimatan tenaga yang telah disertai sebanyak 124 organisasi;
  - (vii) Melaksanakan *Georgetown Car-Free Day* dan menyediakan laluan trek berbasikal bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon dari kenderaan melalui aktiviti rekreasi dan riadah; dan
  - (viii) Mendapat pengiktirafan "*Center of Excellent*" oleh organisasi antarabangsa seperti *Global Environment Centre (GEC)*, *United Nation Environment Programme (UNEP)* dan *Climate and Clean Air Coalition (CCAC)* bagi melaksanakan projek perintis melibatkan *Short Lived Climate Pollutant (SLCP)*.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Sila nyatakan status terkini projek pemulihan pasar awam di KADUN Paya Terubong yang dibina oleh Pasifit Construction Sdn Bhd.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Projek pemulihan pasar awam di KADUN Paya Terubong melibatkan pembangunan di atas tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI) di Lot 8826, Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL). Status terkini projek tersebut masih di peringkat kerja-kerja pembinaan dan dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada bulan Jun 2018. Walau bagaimanapun, pemaju akan berusaha untuk menyegerakan kerja-kerja pembinaan dan berusaha untuk menyiapkannya pada bulan akhir Disember 2017.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Sila senaraikan projek perumahan atau mana-mana projek pembinaan yang melebihi 40 tingkat yang diluluskan oleh MBPP dalam tahun 2016 dan 2017.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Rekod Permohonan Kebenaran Merancang MBPP untuk projek perumahan yang melebihi 40 tingkat, menunjukkan terdapat 11 permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2016 dan 2 permohonan lagi yang diluluskan pada tahun 2017. Senarai kelulusan tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

**RUJ. LAMPIRAN A BYSH NO. 11.**

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Sila nyatakan status terkini mengenai proses pewartaan *Penang Local Plan*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (pulau) 2020 telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 22 Disember 2008. Draf ini telah dibentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam beberapa siri mesyuarat iaitu pada 14 dan 21 Januari 2010, 17 September 2010, 27 Januari 2012 dan 14 Februari 2012.

Lanjutan daripada keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri pada 27 Mei 2016, Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (pulau) 2020 kini sedang dikemas kini oleh Majlis untuk diselaraskan bersama Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town yang telah diwartakan pada September 2016, Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera yang telah diwartakan pada September 2016 dan Draf Rancangan Kawasan Khas Taman Botani yang dijangkakan pewartaan pada April 2018. Draf ini perlu dipamerkan kepada orang awam terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk pewartaan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Sila nyatakan status terkini mengenai pembinaan sekolah antarabangsa yang baru di Strait Quay.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Pembinaan Sekolah Antarabangsa di *Straits Quay* di atas tanah milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) iaitu Lot 705, Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut yang berkeluasan 4.336 ekar (188,875 kp) telah dilaksanakan melalui kaedah *Request For Proposal* (RFP) di bawah Cadangan Pembangunan Hab Pelancongan Pendidikan (*Education Tourism Hub*).

RFP ini telah diiklankan pada 1 Mac 2013 dan ditutup pada 31 Mei 2013. Jawatankuasa Teknikal dan Penilaian Harga dan Lembaga Perolehan Negeri seterusnya telah memperakukan cadangan daripada *Lasallian Asia Partnership for International Schools* (LAPIS) untuk menguruskan pembangunan sekolah tersebut. Surat Niat telah dikeluarkan pada 14 Oktober 2013 dan diikuti dengan Surat Tawaran pada 13 Julai 2015.

LAPIS mencadangkan nama bagi hab pelancongan pendidikan bertaraf antarabangsa tersebut sebagai 'Stonyhurst Penang' memandangkan ianya melibatkan jalinan kerjasama dengan Stonyhurst College daripada United Kingdom.

Kerajaan Negeri telah menandatangani Perjanjian Konsesi bersama LAPIS pada 15 September 2017 untuk tempoh pajakan selama 30 tahun + 30 tahun. Pihak LAPIS kini sedang dalam peringkat perancangan projek dan ianya dijangka akan disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Sila nyatakan status terkini mengenai permohonan Copthorne Hotel untuk pembinaan semula sehingga 60 tingkat. Adakah Kerajaan Negeri mengambilkira faktor sosio ekonomi, alam sekitar dan juga bantahan daripada penduduk sekitar berbanding dengan keuntungan komersial pemaju?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Status terkini permohonan pembangunan Copthorne Hotel melalui permohonan kebenaran merancang No. MBPP/OSC/PM3293/17(LB)/101063-1 masih dalam pertimbangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Setiap permohonan kebenaran merancang, ulasan-ulasan semua jabatan teknikal dan kepentingan lot berjiran termasuk faktor sosio ekonomi akan diambil kira di bawah Seksyen 22 (2) dan Seksyen 22 (3) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 termasuk bantahan yang dikemukakan oleh pemilik berjiran.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Sila senaraikan kolam takungan hujan yang berada di KADUN Paya Terubong. Sila senaraikan jumlah peruntukan yang telah diperuntukan oleh JPS untuk menaiktaraf kolam-kolam tersebut dan juga apakah peranan JPS dalam menyelenggara kolam-kolam tersebut.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Terdapat 3 Kolam Takungan Banjir yang berada di dalam kawasan Kadun Paya Terubong, iaitu Kolam Takungan Banjir A, Kolam Takungan Banjir B dan Kolam Takungan Banjir C.

Peruntukan yang diterima pada tahun 2017 bagi menaiktaraf kolam takungan banjir tersebut adalah seperti berikut:-

| Bil | Skop Kerja  | Jenis Peruntukan              | Kos (RM)   |
|-----|---|-------------------------------|------------|
| 1   | Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan kolam seperti memotong rumput dan mengutip sampah | Peruntukan Mengurus           | 100,000.00 |
| 2   | Kerja-kerja mendalam dan mengorek kolam takungan banjir.                                      | Peruntukan Pembangunan Negeri | 200,000.00 |

JPS bertanggungjawab melantik kontraktor untuk menjalankan penyelenggaraan secara berkala dan juga memantau pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Sila senaraikan jumlah pelancong yang datang ke Negeri Pulau Pinang dari Januari 2017 hingga September 2017 mengikut negara. Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong daripada Asia Timur?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

16. Statistik kedatangan pelancong ke Pulau Pinang adalah disediakan oleh Tourism Malaysia untuk keseluruhan negara Malaysia. Namun demikian, data tersebut bagi tahun 2017 belum lagi diperolehi oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Walau bagaimanapun, peningkatan pelancong ke Pulau Pinang dapat ditunjukkan dengan purata peningkatan inap bilik hotel (*room occupancy*) oleh *Malaysian Association of Hotels (MAH) Penang Chapter* sebanyak **7%** pada tahun ini jika dibandingkan dengan tahun 2016.

Selain itu, statistik ini juga boleh dijelaskan dengan bilangan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mengikut statistik daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017 adalah seramai **4,658,772 orang**. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak **8.4%** dari tahun 2016 yang mencatatkan jumlah penumpang sebanyak 4,297,289 pada dari bulan Januari 2016 hingga Ogos 2016

Kerajaan Negeri yakin jumlah penumpang akan terus meningkat lebih-lebih lagi pada musim cuti sekolah dan cuti musim sejuk. Jangkaan jumlah penumpang bagi tahun 2017 ialah, mencapai 7.1 juta orang penumpang berbanding 6.7 juta orang penumpang pada tahun 2016.

Statistik daripada MAHB tidak mengkategorikan pelancong mengikut negara. Oleh itu, statistik daripada Jabatan Imigresen Pulau Pinang digunakan untuk menggambarkan pecahan pelancong yang mengunjungi Pulau Pinang mengikut susunan 10 negara tertinggi seperti berikut:

| Bil. | Negara         |
|------|----------------|
| 1    | Indonesia      |
| 2    | Singapura      |
| 3    | China          |
| 4    | Taiwan         |
| 5    | Jepun          |
| 6    | Thailand       |
| 7    | Australia      |
| 8    | USA            |
| 9    | United Kingdom |
| 10   | India          |

Bagi menarik pelancong dari Asia Timur, Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism telah menyertai pameran pelancongan dan *trade shows* bagi mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama. Pameran pelancongan di luar negara yang telah disertai adalah seperti *International Travel Fair Taipei*, *JATA Japan Tourism EXPO*, *Shanghai World Travel Fair*, *Beijing International Tourism EXPO*, *International Travel EXPO Hong Kong* dan *HanaTour International Travel Fair Korea*. Bagi memaksimumkan sasaran pelancong, risalah dan *trade booklets* juga diterjemahkan kepada Bahasa Cina, Jepun dan Korea mengikut kesesuaian.

Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan syarikat penerbangan bagi meningkatkan kekerapan penerbangan dan mewujudkan laluan penerbangan terus ke Pulau Pinang. Contohnya Pulau Pinang-Doha melalui Qatar Airlines yang akan beroperasi pada Februari 2017. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menjalinkan hubungan bersama ejen pelancongan dan pemandu pelancong bagi meningkatkan penjenamaan destinasi pelancongan Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Sila nyatakan usaha yang diamabil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu ibu tunggal dalam mencari kerja dan pada yang masa yang sama dapat menjaga anak-anak kecil mereka.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

17. Kerajaan Negeri melalui PWDC telah menubuhkan program WEE, iaitu *Women's Economic Empowerment Programme* atau Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita pada suku tahun kedua 2017 yang bermatlamat untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dan ekonomi.

Pada bulan September dan Oktober 2017, PWDC telah menjemput Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC) untuk menganjurkan bengkel eRezeki di Bayan Lepas dan Seberang Perai. Program eRezeki membantu peserta mempelajari kemahiran baru dan membolehkan mereka menjana pendapatan menerusi kaedah digital atau dalam talian. Program ini membolehkan peserta termasuk ibu tunggal menjana pendapatan walaupun di rumah dan pada masa yang sama membolehkan ibu-ibu menjaga anak-anak mereka.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Sila senaraikan pangsapuri di seluruh Pulau Pinang yang telah melancarkan projek pengasingan sisi di punca. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Penang Green Council dalam menggalakan pangsapuri melancarkan projek tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

18. Sebanyak 290 skim pangsapuri di Negeri Pulau Pinang telah melancarkan projek pengasingan sisi di punca. Terdapat sejumlah 159 buah pangsapuri di kawasan MBPP seperti di **Lampiran A** dan 131 pangsapuri di kawasan MPSP seperti di **Lampiran B** yang melaksanakan projek pengasingan sisi di punca.



Langkah-langkah yang diambil oleh MBPP untuk melaksanakan projek tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Mengadakan taklimat dan pameran mengenai dasar pengasingan sisa di punca kepada Badan Pengurusan Bersama dan pemilik/penghuni pangsapuri. Kekerapan taklimat yang dijalankan pada tahun 2016 ialah sebanyak 16 kali manakala pada tahun 2017 (sehingga bulan September) adalah sebanyak 43 kali;
- (ii) Mengadakan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti *Penang Natural Green Organization (PNGO)*, *Junior Chamber International (JCI)* dan *Buddhist Tzu Chi Foundation* termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk mempromosikan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca;
- (iii) Menyediakan bahan-bahan publisiti seperti video klip pengasingan sampah dan risalah “3 Langkah Mudah Kitar Semula” serta poster pengasingan sisa dalam 4 bahasa utama kepada Badan Pengurusan Bersama dan paparan mesej kewajipan pengasingan sisa di cukai pintu;
- (iv) Menyalurkan informasi mengenai pengasingan sisa dan pelaksanaan sesuatu program di dalam saluran komunikasi media seperti laman web dan *Facebook* MBPP. Maklumat mengenai Garis Panduan Pengasingan Sisa Di Punca bagi kediaman bertingkat dan senarai agen pemungut kitar semula yang dilesenkan dipaparkan di laman web MBPP;
- (v) Mengadakan hebahan dan liputan media secara berterusan tentang aktiviti yang berkaitan dengan program-program pengasingan sisa dan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil; dan
- (vi) Menggalakkan sebarang bentuk model pengasingan sisa antara pihak swasta dengan PBT bagi membudayakan amalan kitar semula di setiap isi rumah. Satu taklimat mengenai *recycle point and reward system* oleh pihak swasta akan diaturkan oleh pihak PBT dijadualkan pada penghujung bulan Oktober 2017. Sebarang bentuk ikatan model adalah tertakluk kepada persetujuan bersama dengan Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak PGC dari tahun 2014 sehingga 2017 adalah seperti berikut:-

- (i) Mengadakan Kempen Pendidikan dari Rumah ke Rumah (kini dikenali sebagai Kempen Pengasingan Sisa Di Punca) bagi mendidik penduduk. Kempen ini telah diadakan dengan kekerapan sebanyak 39 kali di seluruh negeri Pulau Pinang iaitu 19 kali di kawasan MBPP dan 20 kali di kawasan MPSP. Senarai kawasan yang telah diadakan kempen Pengasingan Sisa Di Punca adalah seperti di **Lampiran C**; dan
- (ii) Mengadakan taklimat pendidikan oleh kutipan sisa elektronik dari semasa ke semasa untuk menggalakkan penduduk Pulau Pinang supaya melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

#### **RUJ. LAMPIRAN A, B DAN C BYSH NO. 18.**

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Sila nyatakan status terkini mengenai tapak Kilang Getah Lee Rubber di Paya Terubong.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan dua (2) permohonan kebenaran merancang bagi projek di atas tapak Kilang Getah Lee Rubber, Mukim 13, Jalan Paya Terubong pada 13 September 2017. Projek pertama terdiri daripada pembangunan bercampur (*mixed development*) yang melibatkan empat (4) buah blok bangunan yang akan dilaksanakan pada fasa berlainan setiap satunya. Permohonan kedua pula melibatkan sebuah blok bangunan sahaja.

Perincian status terkini mengenai perancangan projek di atas tapak Kilang Getah Lee Rubber di Paya Terubong adalah seperti di **Lampiran A**.

#### **RUJ. LAMPIRAN A BYSH NO. 19.**

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Adakah suatu lokasi stesen LRT akan dibina di mana-mana kawasan di Paya Terubong mengikut Penang Transport Master Plan memandangkan Paya Terubong merupakan kawasan yang paling tinggi populasi di Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Dalam pelaksanaan Penang Transport Master Plan (PTMP) terdapat cadangan untuk membina stesen LRT di kawasan Paya Terubong iaitu "Air Itam Line" yang dirancang di bawah fasa projek PTMP masa hadapan. Aspek-aspek terperinci seperti laluan transit dan lokasi stesen akan dikaji secara menyeluruh sebelum pelaksanaan projek dilakukan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Memandangkan peningkatan penduduk di kawasan Paya Terubong, adakah sebuah hospital atau pusat perubatan dicadangkan di Paya Terubong tanpa kira daripada hospital kerajaan atau hospital swasta. Apakah syarat-syarat untuk menubuhkan sebuah hospital di suatu kawasan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Pada masa ini, tiada sebarang cadangan bagi pembinaan hospital kerajaan atau hospital swasta di kawasan Paya Terubong. Walau bagaimanapun, bagi menampung peningkatan keperluan terhadap perkhidmatan perubatan, Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan beberapa projek pembangunan seperti berikut:

- (i) Projek Menaiktaraf Hospital Pulau Pinang Fasa II, Projek Menaiktaraf Perkhidmatan Transplan di HPP Termasuk Pemindahan Sum Sum Tulang Jenis Allogeneik dan Blok Wanita serta Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang (projek di bawah RMK 10).
- (ii) Menaiktaraf Kuarters Hospital Pulau Pinang Fasa IV dan Blok Klinik Pakar, Projek Penggantian Makmal Kardio Invasif (ICL) yang baru dan *SPECT Scan* baru untuk Jabatan Perubatan Nuklear (projek di bawah RMK 11).

Selain itu, Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan, Unit Forensik dan Unit Pathology Hospital Balik Pulau juga akan turut dilaksanakan bagi memantapkan lagi perkhidmatan di kawasan Balik Pulau.

Tiada sebarang syarat-syarat khusus bagi penubuhan hospital awam. Walau bagaimanapun, penubuhannya di sesuatu kawasan adalah tertakluk kepada kelulusan kabinet setelah mengambil kira pelbagai faktor seperti keperluan penduduk, kapasiti bagi fasiliti sedia ada, implikasi kewangan dan sebagainya. Bagi penubuhan sebuah hospital swasta pula, syarat penubuhan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan yang termaktub di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Swasta 1998 (Akta 586). Semua urusan dan prosedur permohonan serta kelulusan cadangan pembinaan hospital swasta baharu adalah di bawah tanggungjawab Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Sila senaraikan projek penabatan laut yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum tahun 2008 dan selepas 2008.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Sebanyak tujuh (7) projek penambakan laut yang melibatkan keluasan 4,325.60 ekar telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum tahun 2008 seperti di **Lampiran A**. Manakala hanya tiga (3) projek penambakan laut yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri selepas tahun 2008 melibatkan keluasan 4,594.13 ekar seperti berikut:-

| Bil | Nama Projek   | Nama pemaju                | Keluasan   | Peringkat kelulusan                                       |
|-----|---|----------------------------|------------|---|
| 1   | Cadangan Pembangunan Rekreasi Awam Di Atas Lot 15739 Dan Tanah Tebusguna 'Petak A', Pembangunan Perumahan Di Atas 'Petak B' Dan | Ideal Gim Ventures Sdn Bhd | 36.53 ekar | Lulus Pelan Induk pada 2015.<br>Lulus Kebenaran Merancang |

|   |  |                        |            |                             |
|---|--|------------------------|------------|-----------------------------|
|   | Marina / Restoran / Komersil / Pejabat Di Atas 'Petak C' Mukim 12, DBD, Pulau Pinang   |                        |            | (sebahagian)                |
| 2 | Tebusguna Tanah Di Atas Tapak Bayan Mutiara, Lot-Lot Parcel 1 (PT 3945 & PT 3985), Parcel 2 ( PT 4039, PT 4013, Parcel 2C, Parcel 3 (PT 3984, PT 4011, PT 4012), Parcel 4, Tanah Kerajaan 'Petak A', 'Petak B' Dan 'Petak C', Mukim 13, Daerah Timur Laut Pulau Pinang | Topicana Ivory Sdn Bhd | 57.60 ekar | Lulus Pelan Induk pada 2016 |
| 3 | Pelan Induk Bagi Projek Tebusguna Tanah Selatan Pulau Pinang (PSR), Pulau A, Pulau B Dan Pulau C Seluas 4500 Ekar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.  | Kerajaan Negeri        | 4,500 ekar | Lulus Pelan Induk pada 2016 |

#### **RUJ. LAMPIRAN A BYSH NO. 22.**

#### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Sila nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri atau penajaan yang diberikan oleh mana-mana agensi Kerajaan Negeri kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Jumlah tajaan oleh Kerajaan Negeri dan Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 (sehingga Oktober 2017) adalah sebanyak RM50,535,700.00.

#### **Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Sila nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah letak bas kilang di kawasan perumahan di Relau.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah letak bas kilang di kawasan perumahan di Relau adalah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan notis kesalahan.
  - (ii) Mengeluarkan kompaun.
  - (iii) Tindakan menunda kenderaan berat.
  - (iv) Melaporkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk mengambil tindakan sewajarnya di bawah bidang kuasa masing-masing.
  - (v) Menjalankan tindakan bersepadu secara berkala terutamanya semasa waktu cuti sekolah serta kelepasan am bersama agensi penguatkuasaan yang lain seperti SPAD, JPJ dan PDRM.
  - (vi) Membatalkan permit membawa kenderaan berat bagi kesalahan meletakkan kenderaan berat terutamanya di dalam kawasan perumahan atas faktor keselamatan pengguna.
  - (vii) Melarang kenderaan berat daripada memasuki kawasan pusat Bandar pada waktu puncak iaitu pada waktu tengahari bermula jam 12 tengahari sehingga 2 petang dan pada waktu petang bermula jam 4 sehingga jam 7 petang.
  - (viii) Menyediakan lokasi tempat perletakkan kenderaan berat yang mencukupi.

Untuk makluman, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak akan menyokong permohonan permit bas kilang yang tidak menyediakan kawasan khas untuk tempat letak bas kilang. Pemohon dikehendaki mengemukakan kawasan khas untuk tempat letak bas kilang dan MBPP akan menjalankan siasatan terhadap kesesuaian tapak sebelum menyokong permohonan tersebut.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Sila nyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk menaiktarafkan Jalan Paya Terubong dan juga Lebuhraya Thean Teik.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menaiktaraf Jalan Paya Terubong sepanjang 11 km adalah sebanyak RM200,000.00 pada tahun 2016 dan RM400,000.00 bagi tahun 2017. Manakala untuk kerja-kerja menaiktaraf Lebuhraya Thean Teik sepanjang 3 km pula, hanya sebanyak RM200,000.00 telah diterima pada tahun 2016 dan tiada peruntukan diterima pada tahun ini.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Sila nyatakan status terkini mengenai cadangan pembinaan marina di Tingkat Laut Tanjung Bungah. Adakah Taman Rakyat telah digugurkan atau akan dilancarkan di *sore thumb* Tingkat Laut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Isu pengguguran Taman Rakyat di dalam projek ini tidak berbangkit.  
Namun begitu, bagi memastikan akses orang awam ke kawasan pantai sedia ada, ianya secara jelas telah dinyatakan bahawa kawasan pantai yang menjadi tumpuan orang awam mestilah disediakan laluan awam.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan atau langkah-langkah untuk menjadikan Pulau Pinang disenaraikan sebagai 10 bandaraya yang paling sesuai dihuni di Dunia?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang paling sesuai dihuni di dunia. Ia selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya huni (*livable country*).

Antara cadangan dan langkah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya yang paling sesuai dihuni di dunia adalah seperti berikut:

**(a) Pertumbuhan ekonomi yang tinggi untuk menjana pembangunan:**

- (i) Melaksanakan projek-projek pembangunan dan kemudahan infrastruktur berkualiti yang bertaraf antarabangsa seperti kemudahan sukan, rekreasi, pelancongan, infrastruktur dan sebagainya agar penganjuran acara bertaraf antarabangsa dapat dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Meningkatkan aktiviti perindustrian dengan penambahan keluasan kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan perindustrian serta penyediaan prasarana yang lengkap untuk kemudahan para pelabur, sekaligus meningkatkan peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan kadar kemiskinan;
- (iii) Menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi mengikut permintaan penduduk, penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi, selesa serta persekitaran yang selamat;
- (iv) Menyelenggara dan menaik taraf penyediaan laluan pejalan kaki, pembaikan dewan, pembersihan longkang dan menyapu sampah di laluan dan jalan awam;
- (v) Mengamalkan prinsip pembangunan bandar yang lebih cekap dan efektif dengan mengambil kira faktor kepadatan, kepelbagaian penggunaan, kegunaan bercampur bagi tanah, bangunan dan ruang awam;
- (vi) Meningkatkan kemudahan infrastruktur dan pengangkutan efisien dengan mengguna pakai sistem pengangkutan yang inovatif dan berteknologi hijau dalam perancangan pembangunan seperti konsep 'Transit Oriented Development',

'Compact City', 'Intelligent Urbanism' 'Smart Growth' dan 'Eco City' serta menggunakan sistem 'Intelligent Transport System (ITS)', 'Intelligent Traffic Control', 'Alternative Fuel Vehicle' dan 'Non-Fuel Transport';

- (vii) Membangunkan infrastruktur rel bagi melengkapkan rangkaian perhubungan negeri dalam kawasan pembangunan utama dengan menggunakan sistem rel berteknologi hijau dan kos efektif;
- (viii) Menyediakan kemudahan terminal / stesen pengangkutan awam bersepadu dengan secukupnya berdasarkan kepada Pelan Induk Pengangkutan; dan
- (ix) Penerapan teknologi baru selari dengan perkembangan semasa dalam membentuk Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa dengan penyediaan infrastruktur, penetapan tadbir urus dan pengurusan data.

**(b) Pembangunan modal insan yang berintegriti:**

- (i) Mewujudkan kerajaan yang berkesan dan bebas rasuah dengan menerapkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).
- (ii) Membudayakan gaya hidup sihat dengan pewujudan taman rekreasi seperti Taman Bandaraya dan Taman Metropolitan juga dijadikan sebagai lokasi untuk melaksanakan aktiviti riadah dan kekeluargaan.
- (iii) Mewujudkan persekitaran yang selamat dan harmoni dengan kerjasama Rukun Tetangga, JKKK, Rakan COP, Polis dan agensi lain yang berkaitan serta mengambil tindakan penguatkuasaan bagi aktiviti yang bercanggah dengan penggunaan sesuatu bangunan untuk mengelakkan kacau ganggu dan menjaga kesejahteraan komuniti.

**(c) Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar:**

- (i) Membudayakan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dengan melaksanakan inisiatif hijau dan persekitaran bersih seperti penanaman semula pokok, penggunaan lampu jalan LED, mengitar semula sampah, pengasingan sampah dan sebagainya.
- (ii) Melestarikan khazanah warisan dan budaya sebagai Bandar *Heritage* yang diiktiraf UNESCO serta penduduk yang berbilang kaum dan bangsa.
- (iii) Mengurangkan '*carbon footprint*' dengan menggalakkan orang ramai memilih mod utama perjalanan untuk berjalan kaki atau berbasikal daripada menggunakan kereta sendiri. Dengan itu pembangunan transit yang dirancang hendaklah mudah sampai dalam lingkungan jarak berjalan kaki yang selesa bagi menyokong mod pilihan utama perjalanan tersebut.